

PERUTUSAN

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berjaya menyempurnakan penerbitan Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (PPWIP) untuk dijadikan bahan rujukan utama pada masa yang akan datang.

Penerbitan PPWIP merupakan sebahagian daripada usaha gigih dan berterusan daripada pihak JAWHAR dalam memperkemaskan pengurusan wakaf institusi pendidikan di Malaysia.

Objektif PPWIP ialah:

- a. Mewujud dan menerbitkan garis panduan pengurusan wakaf institusi pendidikan yang akan menjadi panduan dan sumber rujukan utama kepada semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang merupakan pemegang amanah tunggal wakaf di Malaysia;
- b. Menyelaras dan menyeragamkan tatacara dan prosedur pengurusan wakaf institusi pendidikan di MAIN;
- c. Panduan dan sumber rujukan Agensi-agensi yang berkepentingan seperti universiti awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), sekolah menengah, sekolah rendah, pra-sekolah, pengajian pondok dan Agensi/Jabatan yang berkaitan;
- d. Membentuk satu sistem tadbir urus yang terbaik dan tersusun dalam pengurusan wakaf institusi pendidikan di Malaysia; dan
- e. Meningkatkan hubungan dan jalinan kerjasama antara JAWHAR, MAIN, universiti awam, IPTS dan Agensi/Jabatan kerajaan dalam memperkasakan pengurusan wakaf institusi pendidikan.

Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada JAWHAR di atas tindakan proaktif menerbitkan PPWIP yang amat bermakna ini.

Sekian, terima kasih.

**YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

SEKAPUR SIREH

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW juga ahli keluarga, para sahabat dan seluruh mukmin yang memperjuangkan syariat Islam. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana JAWHAR telah berjaya menerbitkan PPWIP sebagai rujukan utama.

Terlebih dahulu saya mengucapkan sekalung tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama erat dalam menyiapkan PPWIP. Usaha sama sebegini diharap akan berterusan untuk mengukuhkan pengurusan wakaf institusi pendidikan di Malaysia.

Usaha penerbitan PPWIP ini bertujuan mewujudkan satu panduan yang jelas dan teratur mengenai pengurusan wakaf institusi pendidikan di samping membantu memperkemaskan pengurusan wakaf institusi pendidikan negara.

Namun begitu, usaha secara berterusan untuk mengadakan penambahbaikan amatlah wajar dilakukan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa. Semoga usaha murni JAWHAR menerbit dan mengesyorkan penggunaan PPWIP ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada seluruh MAIN. Sesungguhnya komitmen semua pihak amat perlu untuk memartabatkan pengurusan wakaf institusi pendidikan di Malaysia.

Akhir kata, sebarang pandangan yang membina daripada semua pihak amatlah dialu-alukan untuk penambahbaikan PPWIP.

Sekian, terima kasih.

HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN
KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

PRAKATA

Alhamdulillah, dengan izin serta inayah Allah SWT, kerjasama penerbitan Buku PPWIP antara Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah berjaya direalisasikan.

Sebenarnya, penerbitan buku WAZAN-JAWHAR ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Pertama, buku yang ditulis dalam sebelas bab ini membahaskan topik-topik yang menyeluruh, meliputi perkara asas wakaf termasuk definisi, pensyariatan, rukun sehingga kepada perkara yang melibatkan pembangunan seperti kaedah tadbir urus, pemasaran, perakaunan dan pengauditan wakaf.

Kedua, topik-topik tersebut telah ditulis oleh pakar-pakar pengurusan dan kewangan Islam daripada pelbagai universiti awam, IPTS dan institusi pelaksana wakaf.

Ketiga, penyediaan buku ini juga melibatkan pelbagai sembilan pra-bengkel dan bengkel mulai 21 April 2017 sehingga 12 Disember 2017. Bengkel-bengkel di atas pula tidak termasuk tujuh perbincangan dan perbahasan yang dibuat di WAZAN, UPM.

Keempat, penerbitan buku ini juga merupakan yang pertama kali dilakukan antara dua organisasi di atas yang berkongsi pengalaman, kepakaran dan kos penyediaan.

Kelima, buku yang dihasilkan ini adalah merupakan buku yang pertama di Malaysia membincangkan kaedah pengurusan wakaf untuk diguna pakai di semua institusi pendidikan dalam pelbagai peringkat termasuk sekolah, sekolah pondok, kolej, maktab, politeknik dan universiti.

Berdasarkan sebab inilah, maka pihak WAZAN ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Ketua Pengarah JAWHAR, Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman dan semua pegawai JAWHAR yang telah membantu dan memberi sokongan sehingga dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih juga kepada semua pakar kewangan Islam dan pengurusan wakaf daripada pelbagai universiti awam, IPTS dan institusi pelaksana wakaf yang telah terlibat secara langsung dalam menyediakan topik berkenaan.

Akhir sekali, setinggi-tinggi kesyukuran hanyalah kepada Allah SWT yang telah mendorong dan memberi hidayah kepada semua yang terlibat dalam menerbitkan buku ini. Didoakan agar semoga usaha mereka ini diberikan ganjaran dengan sebaik-baik ganjaran oleh Allah SWT.

DR. HAJI RAZALI BIN OTHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen

Universiti Putra Malaysia

Merangkap Ketua Penulis Projek Penerbitan Buku WAZAN-JAWHAR

GLOSARI

'Aqar	:	Harta tak alih
al-Dharurat Tubih	:	Darurah mengharuskan perkara yang dilarang
al-Mahzurat	:	
Amwal al-Badal	:	Kumpulan wang amanah wakaf daripada jualan atau lainnya yang diharuskan oleh hukum syarak
Bayt al-Hikmah	:	Pusat Penterjemahan Karya Yunani dan Parsi ke bahasa Arab
Benefisiari	:	Pihak penerima
Dimasyqiyyah	:	Mata wang pertama bercirikan Islam
Ghayr Manqul	:	Tak alih
Ghayr Mu'ayyan	:	Tidak ditentukan dengan jelas
Habs	:	Berhenti atau menahan
Imarah	:	Memajukan <i>mawquf</i> dengan tambahan atau pindaan ke atas <i>mawquf</i> bagi manfaat yang lebih
Ijab	:	Tawaran
Iltizam	:	Mengikat
Ilzam	:	Tidak boleh pindah milik
Istibdal	:	Membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai <i>mawquf</i> bagi mengantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi sama ada menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun yang lebih baik nilai dan manfaatnya
Istihsan bil al-Urfi	:	Pengecualian atas dasar adat kebiasaan yang diterima pakai
Istiqamah	:	Berpegang teguh kepada prinsip
Istismar	:	Melaburkan hasil wakaf bagi maksud mendapatkan faedah yang lebih baik
Ittifaq	:	Persetujuan secara muafakat
Khatib	:	Penceramah

Khilaf al-Asl	: Bertentangan dengan hukum asal
Khiyar	: Pilihan
Kinayah	: Sindiran
Muaqqat	: Bertempoh
Manqul	: Mudah alih
Mawquf	: Harta yang diwakafkan
Mawquf 'Alaih	: Orang atau badan yang menerima manfaat atau hasil harta wakaf
Mu'ayyan	: Tertentu/khusus
Muhasabah	: Sentiasa laksana semakan, penilaian dan penambahbaikan
Muraqabah	: Meyakini diri sentiasa diperhatikan Allah SWT
Mutawalli	: Pengurus/pentadbir harta wakaf
Nazir	: Pengurus/pentadbir harta wakaf
Qabul	: Setuju terima
Qayyim	: Pengurus/pentadbir harta wakaf
Sighah	: Hasrat/ikrar/hujah/pernyataan tujuan
Soreh	: Jelas
Ta'abbud	: Pengabdian
Ta'bid	: Selama-lamanya
Ta'yin	: Harta yang berbentuk dan ditentukan
Tabarru'	: Derma atau sumbangan bagi tujuan kebajikan tanpa sebarang kepentingan
Taqarrub	: Mendekatkan diri kepada Allah SWT
Tasharruf	: Hak untuk bertindak
'Urf	: Adat/kebiasaan yang diterima pakai
Waqif	: Pewakaf
Wasi	: Orang yang dilantik oleh pihak pewasiat bagi mengelolakan wakaf yang dibuat melalui wasiat

SENARAI AKRONIM

AAOIFI	: The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution
ABT	: Agensi Berkaitan Tanah
ABW	: Agensi Berkaitan Wakaf
ACP 1967	: Akta Cukai Pendapatan 1967
AUKU	: Akta Universiti dan Kolej Universiti
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
IKS	: Industri Kecil dan Sederhana
INSTUN	: Institut Tanah dan Ukur Negara
INTAN	: Institut Tadbir Awam Negara
INTIM	: INTAN Wilayah Timur
IPT	: Institusi Pengajian Tinggi
IPTS	: Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JANM	: Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JKPTG	: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JPIP	: Jawatankuasa Pengurusan Institusi Pendidikan
JPM	: Jabatan Perdana Menteri
JPPH	: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
KOMTAR	: Kompleks Tun Abdul Razak
KPB	: Komunikasi Pemasaran Bersepadu
KPT	: Kementerian Pendidikan Tinggi
KPTG	: Ketua Pengarah Tanah dan Galian
KTN 1965	: Kanun Tanah Negara 1965
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
LPAY	: Lembaga Pemegang Amanah Yayasan
LPIP	: Lembaga Pengarah Institusi Pendidikan
MAIDAM	: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

MAIJ	: Majlis Agama Islam Johor
MAIK	: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIK	: Majlis Agama Islam Kedah
MAIM	: Majlis Agama Islam Melaka
MAIN	: Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	: Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAIPk	: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
MAINS	: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MAIWP	: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MASB	: Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MPSAS	: Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
OBP	: Organisasi Bukan Perniagaan
PBN	: Pihak Berkuasa Negeri
PPWIP	: Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan
PT	: Pentadbir Tanah
PTD	: Pentadbir Tanah Daerah
PTG	: Pejabat Tanah Galian
PTP	: Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PWS	: Perbadanan Wakaf Selangor
SPB	: Sistem Perakaunan Bersepadu
SPP	: Segitiga Pemasaran Perkhidmatan
SPPI	: Segitiga Pemasaran Perkhidmatan Islam
SPTB	: Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	: Universiti Putra Malaysia
USIM	: Universiti Sains Islam Malaysia
USM	: Universiti Sains Malaysia
UTM	: Universiti Teknologi Malaysia
WAZAN	: Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen
YWM	: Yayasan Wakaf Malaysia

KANDUNGAN

PERUTUSAN	i
SEKAPUR SIREH	ii
PRAKATA	iii
GLOSARI	v
SENARAI AKRONIM	vii
KANDUNGAN	ix
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Tujuan	1
1.3 Skop.....	2
1.4 Kaedah Penyediaan.....	2
1.5 MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf	3
1.5.1 Wakaf Dalam Perlembagaan Persekutuan.....	4
1.5.2 Wakaf Menurut Perundangan Negeri.....	4
1.5.3 Bidang Kuasa MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal.....	5
1.6 Pelantikan Pentadbir Wakaf.....	8
1.7 Kesimpulan	9
BAB 2 : WAKAF DAN HURAIANNYA	11
2.1 Pengenalan.....	11
2.2 Definisi Wakaf	11
2.2.1 Wakaf Menurut Bahasa	12
2.2.2 Wakaf Menurut Syarak	12
2.2.3 Wakaf Menurut Perundangan	15
2.3 Pensyariatan Wakaf.....	16
2.3.1 Wakaf Menurut Perspektif al-Quran	17
2.3.2 Wakaf Menurut Perspektif Hadith	18
2.3.3 Wakaf Menurut Perspektif Athar dan <i>Ijma'</i>	20
2.3.4 Prinsip Umum Wakaf	20
2.3.5 Wakaf dan <i>Maqashid</i> Syariah	22

2.4	Rukun dan Syarat Wakaf	26
2.4.1	<i>Waqif</i>	26
2.4.2	<i>Mawquf</i>	27
2.4.3	<i>Mawquf 'Alaih</i>	28
2.4.4	<i>Sighah</i>	28
2.5	Klasifikasi Wakaf.....	29
2.5.1	Klasifikasi Berdasarkan <i>Mawquf</i>	29
2.5.2	Klasifikasi Berdasarkan <i>Mawquf 'Alaih</i>	30
2.5.3	Klasifikasi Berdasarkan Kaedah Pewakafan	31
2.6	Kesimpulan	35
BAB 3 : WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN.....		36
3.1	Pengenalan.....	36
3.2	Latar Belakang Wakaf Institusi Pendidikan.....	36
3.2.1	Wakaf di Institusi Pendidikan Luar Negara.....	37
3.2.2	Konsep Wakaf di Institusi Pendidikan Barat.....	38
3.2.3	Wakaf di Institusi Pendidikan Dalam Negara.....	40
3.3	Penubuhan Wakaf Institusi Pendidikan.....	42
3.3.1	Langkah Sebelum Penubuhan Wakaf.....	43
3.3.2	Langkah Selepas Penubuhan Wakaf	47
3.3.3	Isu Berkaitan Pelepasan Cukai Pendapatan	49
3.4	Kelestarian Wakaf Institusi Pendidikan	51
3.4.1	Hala Tuju Wakaf Institusi Pendidikan	51
3.4.2	Faktor Kejayaan Wakaf Insititusi Pendidikan.....	55
3.4.3	Cabarani Pelaksanaan Wakaf Institusi Pendidikan	57
3.5	Kesimpulan	60
BAB 4 : TADBIR URUS WAKAF.....		61
4.1	Pengenalan.....	61
4.2	Pentadbir Wakaf	61
4.2.1	Syarat Pentadbir Wakaf	63
4.2.2	Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir Wakaf	64
4.2.3	Etika Pentadbir Wakaf	66
4.2.4	Etika Umum	69
4.2.5	Etika Khusus.....	70
4.2.6	Ganjaran Pentadbir Wakaf	76

4.2.7	Pelucutan Kuasa Pentadbir Wakaf	77
4.3	Badan Pentadbir Wakaf Institusi Pendidikan	79
4.4	Model Tadbir Urus Wakaf Institusi Pendidikan.....	80
4.5	Jawatankuasa Kerja Wakaf Institusi Pendidikan.....	82
4.6	Kesimpulan	86
BAB 5 : PEMASARAN WAKAF		87
5.1	Pengenalan.....	87
5.2	Pemasaran.....	87
5.2.1	Definisi dan Tujuan Pemasaran	88
5.2.2	Pemasaran Menurut Perspektif Islam	88
5.2.3	Kepentingan Pemasaran	89
5.2.4	Pemasaran Organisasi Bukan Perniagaan.....	90
5.3	Pemasaran Perkhidmatan	91
5.3.1	Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan.....	92
5.3.2	Jenis Pemasaran	93
5.3.3	Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan Islam	97
5.4	Komunikasi Pemasaran	98
5.4.1	Media Promosi.....	99
5.4.2	Campuran Promosi Pemasaran.....	99
5.4.3	Pengukuhan Ekuiti Jenama.....	105
5.4.4	Strategi Komunikasi Pemasaran Bersepada	106
5.5	Penilaian dan Pengukuran	107
5.6	Kesimpulan	108
BAB 6 : WAKAF HARTA ALIH		110
6.1	Pengenalan.....	110
6.2	Harta dan Huraianya	110
6.3	Wakaf Harta Alih Wang Tunai.....	112
6.3.1	Mata Wang	113
6.3.2	Wakaf Tunai Menurut Syarak.....	119
6.3.3	Wakaf Tunai Menurut Perundangan.....	120
6.3.4	Pelaksanaan Wakaf Tunai.....	123
6.3.5	Kaedah Kutipan Wakaf Tunai.....	126
6.4	Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai.....	129
6.4.1	Klasifikasi Harta Alih Bukan Wang Tunai.....	129

6.4.2	Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai Menurut Syarak.....	131
6.4.3	Pelaksanaan Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai.....	132
6.5	Kesimpulan	134
BAB 7 : WAKAF HARTA TAK ALIH.....		135
7.1	Pengenalan.....	135
7.2	Rujukan Wakaf Harta Tak Alih dan <i>Istibdal</i>	136
7.3	Harta Tanah dan Huraianya.....	136
7.3.1	Aspek Harta Tanah.....	137
7.3.2	Kegunaan Harta Tanah	137
7.4	Pewakafan Harta Tanah	139
7.4.1	Wakaf Dalam Kanun Tanah Negara.....	139
7.4.2	Prosedur Pewakafan Harta Tanah	141
7.4.3	Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf.....	142
7.4.4	Amalan Peletakhakan Harta Tanah Wakaf.....	142
7.5	<i>Istibdal</i> dan Huraianya	144
7.5.1	Objektif <i>Istibdal</i>	144
7.5.2	Hikmah <i>Istibdal</i>	145
7.5.3	Keperluan <i>Istibdal</i>	145
7.5.4	Syarat-Syarat <i>Istibdal</i>	146
7.5.5	Pandangan Fuqaha Mengenai <i>Istibdal</i>	147
7.5.6	Perundangan <i>Istibdal</i>	150
7.5.7	Pelaksanaan <i>Istibdal</i> di Malaysia.....	157
7.6	Kesimpulan	160
BAB 8 : PEMBANGUNAN MAWQUF DAN PENGURUSAN MANFAAT.....		162
8.1	Pengenalan.....	162
8.2	Pengurusan Harta Wakaf.....	162
8.2.1	Pengurusan Wakaf Tunai	163
8.2.2	Pengurusan Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai	164
8.2.3	Pengurusan Wakaf Harta Tanah	166
8.3	Pembangunan <i>Mawquf</i>	167
8.3.1	Prinsip Pembangunan <i>Mawquf</i>	167
8.3.2	Kategori Pembangunan <i>Mawquf</i>	169
8.3.3	Kaedah Pembangunan <i>Mawquf</i>	169
8.4	Pengurusan Manfaat.....	171

8.4.1	Klasifikasi Manfaat Wakaf.....	171
8.4.2	Peruntukan Manfaat Wakaf Ketara.....	172
8.4.3	Amalan Agihan Manfaat Wakaf Ketara	174
8.5	Prosedur Pengagihan Manfaat Wakaf	175
8.5.1	Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf.....	175
8.5.2	Bentuk Agihan	176
8.5.3	Tatacara Agihan	177
8.5.4	Perkara Yang Perlu Dilakukan	177
8.6	Prosedur Perolehan Harta dan Perbelanjaan Manfaat Wakaf ..	178
8.7	Kesimpulan	182
BAB 9 : PERAKAUNAN DAN PELAPORAN WAKAF.....		184
9.1	Pengenalan.....	184
9.2	Perakaunan Dalam Islam.....	184
9.2.1	Sejarah Perakaunan Dalam Islam	185
9.2.2	Prinsip Umum Perakaunan Dalam Islam	185
9.3	Perakaunan Wakaf	187
9.3.1	Punca Kuasa Perakaunan Wakaf.....	188
9.3.2	Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN	190
9.4	Dasar Perakaunan Wakaf.....	191
9.4.1	Tahun Kewangan.....	192
9.4.2	Kumpulan Wang Wakaf	192
9.4.3	Prinsip Akruan	192
9.4.4	Tindakan Berhemat	192
9.4.5	Keutamaan Nilai Berbanding Bentuk.....	192
9.4.6	Materialiti	193
9.4.7	Nilai Mata Wang	193
9.5	Prinsip Perakaunan Wakaf	193
9.5.1	Prinsip Perakaunan Hasil dan Belanja Wakaf.....	193
9.5.2	Prinsip Perakaunan Harta Wakaf.....	194
9.5.3	Prinsip Perakaunan Liabiliti	199
9.5.4	Prinsip Catatan Beregu.....	200
9.5.5	Prinsip Penyahiktirafan Aset Wakaf	200
9.5.6	Prinsip Perakaunan <i>Istibdal</i>	200
9.6	Kaedah Perakaunan Wakaf	200

9.6.1	Terimaan Aset Bukan Semasa	201
9.6.2	Penerimaan Hasil Daripada Harta Wakaf	202
9.6.3	Perbelanjaan Operasi Harta Wakaf.....	202
9.6.4	Perolehan Harta Daripada Manfaat Wakaf.....	203
9.6.5	Terimaan Kutipan Saham Wakaf Tunai	203
9.6.6	Pendahuluan Tunai Bagi Membayar Projek Wakaf.....	205
9.7	Kaedah Perakaunan <i>Istibdal</i> Wakaf.....	206
9.7.1	Penyahiktirafan Harta Wakaf Menerusi <i>Istibdal</i>	206
9.7.2	Penggantian Aset <i>Istibdal</i>	207
9.8	Kaedah Penilaian Semula Harta Wakaf.....	208
9.9	Penyata Kewangan Wakaf.....	208
9.10	Kesimpulan	212
BAB 10 : PENGAUDITAN WAKAF	214	
10.1	Pengenalan.....	214
10.2	Pengauditan Wakaf.....	214
10.2.1	Rujukan Kuasa Pengauditan Wakaf.....	215
10.2.2	Objektif Pengauditan Wakaf.....	216
10.2.3	Skop Pengauditan Wakaf	217
10.3	Prosedur Pengauditan Wakaf	217
10.3.1	Proses Kerja Pengauditan Wakaf.....	218
10.3.2	Senarai Semak Siasatan	220
10.3.3	Jawatankuasa Audit Wakaf	221
10.3.4	Etika Pengauditan Wakaf	222
10.4	Laporan Pengauditan Wakaf.....	224
10.4.1	Butiran Pengauditan Wakaf.....	225
10.4.2	Bentuk Laporan Pengauditan Wakaf.....	225
10.4.3	Kriteria Laporan Pengauditan Wakaf.....	228
10.5	Pengurusan Penyahiktirafan Harta Wakaf	229
10.5.1	Faktor Keperluan Penyahiktirafan	230
10.5.2	Tatacara Membalik Pulih Harta Wakaf.....	231
10.5.3	Tatacara Penyahiktirafan Harta Wakaf	232
10.5.4	Proses Akhir Penyahiktirafan Harta Wakaf.....	234
10.5.5	Butiran Laporan Penyahiktirafan Harta Wakaf	235
10.6	Kesimpulan	235

BAB 11 : PENUTUP	237
PENGHARGAAN	240
AHLI BENGKEL.....	241
SUMBANGAN/PENULISAN	243
RUJUKAN KEPAKARAN	244
BIBLIOGRAFI	246

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab Pendahuluan ini menyentuh berkenaan tujuan, skop dan kaedah penyediaan buku PPWIP ini. Selain daripada itu, bab ini juga turut menghuraikan berkaitan kedudukan wakaf dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perundangan Negeri serta bidang kuasa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal.

Seterusnya, bab ini juga turut membincangkan mengenai fungsi dan peranan pentadbir wakaf yang merangkumi kupasan tentang *nazir*, *mutawalli* dan *qayyim* serta huraian berkenaan bidang kuasa untuk melantik pentadbir wakaf atau untuk mengiktiraf pelantikan pentadbir wakaf.

1.2 Tujuan

Selain sebagai panduan dan rujukan institusi pendidikan dalam melaksanakan wakaf masing-masing, tujuan utama PPWIP ini diterbitkan juga adalah untuk:

- a. Menyelaras dan menyeragamkan tatacara pelaksanaan wakaf institusi pendidikan yang sedia ada atau yang akan ditubuhkan;
- b. Memperkemas dan menambah baik sistem pengurusan wakaf institusi pendidikan;
- c. Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dana wakaf institusi pendidikan; dan
- d. Membentuk satu sistem tadbir urus terbaik dalam pengurusan wakaf di institusi pendidikan agar lebih efisyen, produktif dan telus.

1.3 Skop

PPWIP ini menyentuh tentang pengertian wakaf dan huraianya, langkah-langkah penting penubuhan wakaf di institusi pendidikan serta kepentingan tadbir urus, pemasaran wakaf dan menjelaskan tentang pelaksanaan wakaf serta pengurusan pembangunan harta wakaf. Di samping itu, PPWIP ini juga menghuraikan tentang pengurusan manfaat wakaf serta perakaunan dan pengauditan wakaf.

PPWIP ini merupakan usaha secara strategik untuk memantapkan pengurusan wakaf di institusi pendidikan secara keseluruhannya dan amat sesuai digunakan sebagai rujukan asas yang bersifat umum oleh mana-mana institusi pendidikan di setiap peringkat.

1.4 Kaedah Penyediaan

Penyediaan PPWIP ini di urusetia dan diselaras oleh WAZAN, UPM dengan kerjasama Bahagian Wakaf, JAWHAR, JPM. Sumber rujukan utama PPWIP ini adalah daripada koleksi Manual Pengurusan Wakaf terbitan JAWHAR, *University Transformation Programme, Purple Book: "Enhancing University Income Generation Endowment and Waqf"*, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia dan pelbagai sumber lain yang berwibawa.

Selain daripada itu, kandungan PPWIP ini juga diambil daripada pandangan, saranan serta kepakaran ahli-ahli panel dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan pelbagai agensi kerajaan menerusi beberapa siri perbincangan dan bengkel. Di antara diskusi dan bengkel yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- a. 21 April 2017, Diskusi Pelaksanaan Bengkel PPWIP di WAZAN UPM;
- b. 15 Jun 2017, Diskusi Pra-Bengkel Penyediaan PPWIP di JAWHAR, Putrajaya;

- c. 4 - 7 Julai 2017, Bengkel Penyediaan PPWIP di Institut Tadbir Awam Negara INTAN Wilayah Timur (INTIM), Kemaman, Terengganu;
- d. 4 Ogos 2017, Diskusi Pasca-Bengkel Penyediaan PPWIP di JAWHAR;
- e. 15 Ogos 2017, Diskusi Pra-Bengkel Pemurnian PPWIP di JAWHAR;
- f. 23 - 25 Ogos 2017, Bengkel Pemurnian PPWIP di Traders Hotel, Muar, Johor;
- g. 28 September 2017, Diskusi Pasca-Bengkel Pemurnian PPWIP di JAWHAR;
- h. 6 - 9 November 2017, Bengkel Semakan PPWIP di The Regency Hotel Seri Warisan, Taiping, Perak; dan
- i. 12 Disember 2017, Bengkel Pemurnian II PPWIP di Canselori Putra, UPM.

Pada siri diskusi dan bengkel tersebut telah dapat dikumpulkan kepakaran serta pengalaman mereka yang terlibat dalam menyediakan PPWIP ini.

1.5 MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf

MAIN adalah pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sebagaimana yang termaktub dalam Akta, Ordinan atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri-negeri. Sebagai pemegang amanah tunggal, MAIN bertanggungjawab dalam mentadbir semua harta wakaf sama ada yang membabitkan harta alih atau harta tak alih yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
- b. Semua nazar am; dan
- c. Segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.

1.5.1 Wakaf Dalam Perlembagaan Persekutuan

Dasar perundangan wakaf telah dikanunkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan di mana wakaf telah disenaraikan bersama perkara mengenai hukum syarak dan undang-undang diri bagi orang-orang yang beragama Islam, sebagaimana berikut:

“Hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtaraan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi amanah dan institusi khairat”.

1.5.2 Wakaf Menurut Perundangan Negeri

Apabila perkara wakaf diletakkan di bawah Senarai Negeri, maka hanya negeri yang mempunyai bidang kuasa untuk mengadakan undang-undang mengenainya sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Artikel 74, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan fakta perundangan di atas, undang-undang bagi mentadbir wakaf telah diperkenalkan di seluruh negeri di Malaysia di bawah Enakmen-enakmen Negeri serta Akta bagi Wilayah-wilayah Persekutuan dan Ordinan bagi Sarawak.

Undang-undang spesifik perlu bagi menyediakan peruntukan secara nyata tentang prinsip-prinsip utama wakaf yang dapat memberi penyelesaian secara perundangan bagi sebarang perkara berbangkit dalam menguruskan suatu harta wakaf.

Setakat ini hanya terdapat lima (5) buah negeri sahaja yang telah memperkenalkan undang-undang wakaf yang khusus, iaitu:

- a. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15);
- b. Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5);

- c. Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Enakmen 2);
- d. Enakmen Wakaf (Perak) 2015; dan
- e. Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enakmen 1).

Bagi negeri-negeri lain yang masih belum mengadakannya, rujukan dibuat kepada statut-statut pentadbiran agama Islam dan perundangan Islam masing-masing. Adalah diharapkan agar negeri-negeri yang belum mempunyai undang-undang khusus wakaf dapat mengadakannya di mana undang-undang yang sudah diperkenalkan tadi boleh dijadikan rujukan. Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf yang telah diterbitkan oleh JAWHAR juga boleh dilihat sama sebagai panduan.

Selain daripada undang-undang utama di atas, terdapat juga negeri-negeri yang telah mengadakan undang-undang subsidiari bagi wakaf di mana peruntukan-peruntukan yang dikanunkan adalah terpakai dalam pentadbiran wakaf di negeri-negeri tersebut sebagai tambahan kepada undang-undang ibu (utama) yang dibuat dalam bentuk peraturan ataupun kaedah. Contoh undang-undang ini adalah seperti Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983 (J.P.U. 51/85), Kaedah-kaedah Pentadbiran Wakaf (Borang-borang Wakaf) 2001, Selangor (Sel.P.U.5/2001) Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982 (M.P.U 5/82).

1.5.3 Bidang Kuasa MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal

Berasaskan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia, MAIN adalah pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas, dan sama ada yang membabitkan harta alih dan harta tak alih.

Seksyen 32 (Majlis sebagai pemegang amanah tunggal), Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 misalnya memperuntukkan:

"Walau apa pun juga peruntukan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh

sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, yang terletak di dalam dan di luar Negeri Melaka”.

Peruntukan yang sama turut terdapat di dalam semua undang-undang berkaitan wakaf di semua negeri di Malaysia. Sehubungan dengan peruntukan di atas maka pelantikan mana-mana pemegang amanah persendirian adalah tidak sah dan terbatal kerana bertentangan dengan undang-undang sedia ada di negeri-negeri.

Seksyen 58 (pelantikan pemegang amanah selain Majlis terbatal), Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 telah memperuntukkan perkara ini bahawa:

“Jika berkenaan dengan suatu wakaf yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, mana-mana orang selain Majlis telah dilantik sebagai pemegang amanah, pelantikan orang itu adalah terbatal dalam masa enam bulan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini atau apabila mawquf itu didaftarkan, mengikut mana-mana yang terlebih dahulu”.

Begini juga segala urusan dan pengendalian wakaf seperti kutipan dana wakaf, pembangunan dan lainnya hendaklah dibuat oleh MAIN di negeri berkenaan. Pengurusannya oleh pihak lain hanya dibenarkan dengan kebenaran bertulis daripada MAIN berkenaan. Dalam konteks di atas, satu peruntukan telah dikanunkan di bawah Seksyen 45 (mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran Majlis atau Perbadanan), Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 yang memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis atau Perbadanan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.

“Perbadanan” dalam peruntukan di atas adalah merujuk kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang diberi kuasa mengurus dan membangunkan harta wakaf di Negeri Selangor. Ia ditubuhkan melalui Perintah Penubuhan

Perbadanan Wakaf Selangor 2011 (Sel.P.U.8/ 2011) dan Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pindaan 2008.

Menerusi peruntukan undang-undang tadi dapat difahami bahawa undang-undang sedia ada tidak menghalang mana-mana badan dan institusi selain MAIN untuk turut mengendalikan pengurusan wakaf dengan syarat ianya dibuat menerusi kebenaran bertulis daripada Majlis berkenaan. Kegagalan mematuhi merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang yang jika sabit boleh dikenakan hukuman. Dalam perkembangan terkini, terdapat satu peruntukan yang menarik apabila Seksyen 4(1) (Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf) dapat dilihat sebagaimana berikut:

“Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri Selangor dan hendaklah mempunyai kuasa untuk:

- a. *Mewujudkan Perbadanan;*
- b. *Melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa mawqif bagi pihaknya; dan*
- c. *Mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan yang mana waqif telah pun melantik pentadbir atau pengurusnya sendiri tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis”.*

Peruntukan Seksyen 4(1)(c) di atas adalah selaras dengan hukum syarak di bawah prinsip *Syart al-Waqif ka al-Nass al-Syari* iaitu “syarat yang ditetapkan oleh seseorang pewakaf adalah seperti apa yang dinaskan oleh syarak” di mana sebarang syarat yang diletakkan oleh seseorang pewakaf termasuklah berkaitan dengan pelantikan pentadbir atau pengurus yang mengendalikan urusan wakafnya hendaklah diikuti, kecuali jika jelas bertentangan dengan hukum syarak dan ada halangan melaksanakannya. Umumnya, MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf berperanan sebagai pentadbir wakaf yang bertanggungjawab memelihara, membangun dan menguruskan hartaharta wakaf yang ada dalam negeri masing-masing secara optimum dan profesional. Ini termasuklah mengusahakan harta tanah wakaf, mempertahankan dan mengambil tindakan mahkamah, mengumpul dan mengutip hasil, menuntut sewa bagi harta tanah wakaf yang diduduki dan

menguruskan pembahagian atau penyerahan hasil dan manfaat wakaf itu kepada pewaris yang dikhaskan oleh pewakaf ataupun untuk pelbagai tujuan kebajikan.


Ringkasnya, segala urusan berkaitan penubuhan dan pengurusan wakaf perlulah mendapatkan kelulusan MAIN terlebih dahulu dan setiap harta wakaf mestilah didaftarkan di bawah MAIN selaras dengan fungsi MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf dalam negeri tersebut sebagaimana yang termaktub dalam Akta atau Enakmen Perundangan Islam di negeri-negeri. Hal ini penting bagi memastikan hasrat dan amanah pewakaf dapat dikekalkan selain dapat mengelakkan daripada pelbagai masalah yang mungkin timbul di kemudian hari.

1.6 Pelantikan Pentadbir Wakaf

Pentadbir wakaf adalah pihak yang menguruskan dan menyelenggarakan sesuatu harta wakaf (*mawquf*) tanpa mempunyai hak ke atas harta tersebut kerana setiap harta wakaf telah diserahkan oleh pewakaf secara mutlak ke jalan Allah SWT. Pihak pentadbir wakaf boleh terdiri daripada perseorangan atau badan yang dilantik di bawah surat ikatan wakaf atau *waqf deed* untuk mengurus dan mentadbir perkara-perkara yang berkaitan dengan sesuatu harta wakaf sebagai *nazir*, *mutawalli* atau *qayyim*, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Pentadbir wakaf boleh dilantik sama ada oleh pewakaf atau pun oleh pihak berkuasa. Seseorang pewakaf boleh juga menamakan pihak yang akan menggantikannya selepas kematiannya.

Rajah 1 : Hierarki Pengurus dan Pentadbir Wakaf Berdasarkan Prinsip Syariah



Sumber: Siti Mashitoh binti Mahamood, Norazzah binti Kamri, Suhaili bin Sarif, Asmak binti Ab Rahman, Azizi bin Che Seman, Model Konsep Hierarki Pengurusan Wakaf, Hakcipta Universiti Malaya, No. LY2017005400, 2017.

Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, MAIN mempunyai kuasa untuk melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk mengurus dan mentadbir apa-apa harta wakaf bagi pihaknya sama ada selaku *nazir*, *mutawalli* atau *qayyim*. Di samping itu, MAIN juga mempunyai kuasa untuk mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir wakaf dalam keadaan di mana pewakaf telah pun melantiknya sendiri. Begitu juga untuk menamatkan pelantikan mana-mana pihak yang telah dilantik atau diiktiraf pelantikannya oleh MAIN daripada mengurus dan mentadbir apa-apa harta wakaf bagi pihaknya.

1.7 Kesimpulan

Mana-mana institusi pendidikan yang ingin melaksanakan wakaf perlulah mendapatkan kelulusan daripada pihak MAIN terlebih dahulu serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan selaras dengan fungsi MAIN sebagai

pemegang amanah tunggal yang bertanggungjawab dalam mentadbir harta wakaf mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri masing-masing. Pihak pengurusan wakaf institusi pendidikan juga perlu mendapatkan pengiktirafan daripada pihak MAIN untuk mentadbir dan mengurus harta wakaf menerusi proses pelantikan secara rasmi, sama ada sebagai *nazir*, *mutawalli* bersama, wakil, *qayyim* atau sebagainya yang difikirkan sesuai oleh MAIN masing-masing. Oleh yang demikian, penyediaan PPWIP diharap dapat dijadikan rujukan dan panduan umum oleh mana-mana institusi pendidikan di semua peringkat bermula daripada pendidikan pra-sekolah sehingga pendidikan tinggi, termasuk institusi pondok dan tahfiz, madrasah atau sekolah agama dan sebagainya dalam melaksanakan wakaf institusi pendidikan.

BAB 2 : WAKAF DAN HURAIANNYA

2.1 Pengenalan

Wakaf merupakan sebahagian daripada ibadah sedekah yang amat dituntut oleh Islam dan telah memainkan peranannya sebagai sumber pembiayaan utama dalam pembangunan sosioekonomi umat dan perkembangan ketamadunan Islam. Bab ini akan membincangkan secara ringkas tentang takrifan wakaf dan perbezaan pandangan ulama *fiqh* menurut empat mazhab utama bagi membolehkan kita memperoleh kefahaman asas berkenaan wakaf secara keseluruhannya. Seterusnya, huraian berkenaan pensyariatan wakaf menurut perspektif al-Quran, hadith, *athar* dan *ijma'* serta perbincangan mengenai-prinsip *maqasid* syariah dalam pelaksanaan wakaf serta peranannya dalam penetapan hukum-hakam berkaitan wakaf juga turut dijelaskan.

Selain daripada itu, bab ini juga turut menghuraikan hikmah pensyariatan wakaf serta perbincangan mengenai rukun dan syarat wakaf serta klasifikasi wakaf berdasarkan *mawquf*, *mawquf 'alaih* dan kaedah pewakafan.

2.2 Definisi Wakaf

Perkataan wakaf secara umumnya membawa maksud sesuatu yang didermakan untuk kegunaan orang ramai atau bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Dilihat daripada aspek budaya pula, wakaf lebih dikenali sebagai binaan kecil yang dijadikan tempat berehat, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Pantai Timur. A Concise Encyclopedia of Islam (2002) pula mentakrifkan wakaf sebagai dana keagamaan yang manfaatnya dibuat secara berkekalan dan harta asal wakaf tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan selain yang telah ditetapkan oleh pewakaf.

2.2.1 Wakaf Menurut Bahasa

Perkataan wakaf berasal daripada terma *waqf* atau *awqaf* (kata jamak) dalam bahasa Arab yang memberi erti “menahan”, “tegah” atau “berhenti”. Perkataan lain yang sama erti dengan perkataan wakaf ialah *habs* yang juga bermaksud “berhenti” atau “menahan”. Ulama *fiqh* bersepakat mentakrifkan *al-waqf* daripada sudut bahasa dengan perkataan *al-habs*, kerana perkataan ini lebih hampir kepada pengertian syarak. Dalam kalangan pengikut Mazhab Maliki di Maghribi, Algeria dan Tunisia, wakaf disebut *hubus* (sebutan jamak daripada perkataan *habs*). Orang Perancis juga telah menerima *hobous* sebagai istilah sah dalam bahasa rasmi mereka (Har et al., 1975).

Muhammad al-Syarbani (t.th) dalam kitabnya *al-Iqna* menyebut apabila seseorang berkata “saya wakafkan sesuatu” bermaksud “saya menahannya”. Dengan kata lain, terma wakaf membawa maksud “pembekuan” hak milik bagi faedah tertentu. “Berhenti” pula bermaksud pemilikannya terhenti dengan menyerahkannya secara keseluruhan kepada Allah SWT.

2.2.2 Wakaf Menurut Syarak

Istilah wakaf tidak disebut secara langsung di dalam al-Quran dan hadith. Istilah ini adalah hasil daripada tafsiran oleh ahli-ahli *fiqh* berdasarkan kepada ibadah *sadaqah jariah* yang juga disebut sebagai *al-sadaqah al-muharramah*. Tujuan pelaksanaannya adalah untuk manfaat ahli waris atau untuk kebajikan umum. Terdapat perbezaan pandangan ulama *fiqh* dalam mengemukakan takrifan mengenai wakaf. Ini kerana dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith yang membincangkan tentang wakaf begitu terbatas dan bersifat umum. Justeru, tidak hairanlah jika wujud perbezaan pandangan dalam kalangan ahli *fiqh* ketika membahaskannya, di atas faktor pengalaman masing-masing dan pengaruh masyarakat setempat.

a) Wakaf Menurut Mazhab Maliki

Pada pandangan ulama Mazhab Maliki, wakaf bererti penahanan daripada urusan pemilikan manfaat, manakala harta tersebut masih kekal menjadi milik pewakaf dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan kebaikan. Seseorang yang mewakafkan sebidang tanah atau beberapa pohon tamar atau sebuah rumah kepada orang miskin, masih mempunyai hak untuk menguruskan harta wakaf tersebut sama ada untuk disewakan atau membahagikannya kepada orang miskin sehinggalah dia meninggal dunia. Sekiranya pewakaf telah membahagikan harta wakaf tersebut kepada ahli warisnya, maka ia menjadi harta pusaka dan tidak lagi dianggap sebagai harta wakaf. Ini kerana Mazhab Maliki tidak mensyaratkan berkekalan atau *ta'bid* sebagai syarat penerimaan wakaf walaupun wakaf masjid.

b) Wakaf Menurut Mazhab Hanafi

Menurut Abu Hanifah pewakafan harta membawa maksud penahanan harta ('ayn) yang dimiliki kepada pihak lain untuk mendapatkan faedah daripada harta tersebut dengan cara kebaikan, sama ada untuk masa kini ataupun pada masa akan datang. Berdasarkan kepada takrifan ini, kedudukan harta wakaf masih kekal di bawah penguasaan pewakaf. Pewakafan harta tidak sesekali menggugurkan hak milik pewakaf kerana ianya adalah transaksi yang tidak mengikat (*ghayr lazim*) dan kedudukannya adalah sama dengan konsep peminjaman ('ariyah) yang juga bersifat *ghayr lazim*. Pewakafan hanya berlaku ke atas manfaat itu sahaja dan tidak melibatkan 'ayn atau aset harta. Abu Hanifah mensyaratkan pemilikannya akan lopus apabila hakim menghukumkan wakaf ataupun setelah pewakaf meninggal dunia.

Pandangan ini berbeza dengan Abu Yusuf yang berpendapat bahawa sesuatu yang diwakafkan boleh terlaksana dengan perkataan sahaja. Menurut Muhammad pula, pelupusan hak milik berlaku setelah berlakunya penyerahan kepada pihak yang menguruskannya.

c) Wakaf Menurut Mazhab Syafi'i

Menurut Mazhab Syafi'i pewakafan harta ialah penahanan harta yang berkekalan dan dapat dimanfaatkan harta tersebut, manakala pemilik harta itu akan terputus hak pemilikannya. Penggunaan harta tersebut adalah berbentuk kebijakan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Imam al-Syarbini mentakrifkan wakaf sebagai menahan harta yang kekal bentuknya dan boleh dimanfaatkan, di mana penghasilan daripada harta tersebut dapat digunakan bagi tujuan yang diharuskan (*mubah*) untuk diserahkan kepada pihak yang telah ditentukan oleh pewakaf mengikut syarak, tanpa menghabiskan harta asalnya.

Mazhab Syafi'i menghukumkan haram untuk seseorang pewakaf kekal memiliki harta yang telah diwakafkan. Namun begitu, pewakaf boleh dilantik sebagai pengurus harta wakafnya, maka dia berhak untuk membahagi dan menyalurkan hasil wakaf tersebut. Pewakaf juga tidak boleh mengambil manfaat daripada hasil harta wakafnya kerana telah terputus haknya dengan menyerahkannya secara mutlak kepada Allah SWT melainkan jika pewakaf meletakkan syarat bahawa harta tersebut boleh digunakan dan dimanfaatkan olehnya, atau oleh ahli warisnya yang lain.

d) Wakaf Menurut Mazhab Hanbali

Menurut Ibn Qudamah, wakaf ialah menahan harta asal dan mengagihkan hasilnya pada jalan Allah SWT. Al-Bahuti pula memberi takrifan bahawa wakaf merupakan penahanan milik oleh pewakaf atau wakilnya terhadap sesuatu harta yang bermanfaat dengan mengekalkan harta tersebut dan tidak lagi menjadi miliknya. Ini kerana wakaf bukanlah '*aqd* yang berbentuk pertukaran tetapi ia adalah '*aqd* yang menggugurkan hak milik untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Pewakaf tidak dibolehkan mengambil manfaat daripada apa yang diwakafkan kecuali dalam keadaan di mana pewakaf meletakkan syarat bahawa dia juga boleh mengambil manfaat wakaf tersebut berdasarkan bahagian yang

diperuntukkan kepadanya atau dalam keadaan harta yang diwakafkan itu berbentuk kegunaan umum seperti wakaf masjid, tanah perkuburan dan lain-lain.

2.2.3 Wakaf Menurut Perundangan

Perkataan “wakaf” telah ditafsirkan dalam semua undang-undang wakaf sama ada di bawah statut khusus wakaf ataupun statut-statut pentadbiran agama Islam atau perundangan Islam negeri-negeri. Namun demikian, kebanyakan definisi atau pentakrifan wakaf tersebut hanya menyentuh tentang harta wakaf am dan khas yang melibatkan semua jenis harta wakaf termasuk tanah yang dikategorikan sebagai harta tak alih dan tidak dihuraikan secara terperinci di kebanyakan negeri di Malaysia kecuali di beberapa negeri yang lain iaitu Melaka, Selangor, Terengganu, Perak, Johor dan Negeri Sembilan.

Di Negeri Johor misalnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, mentakrifkan wakaf sebagai:

“pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuan punya harta itu kerana maksud agama mengikut hukum syarak”.

Di Negeri Melaka, Seksyen 2(1) Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 telah memperuntukkan wakaf sebagai:

“menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208]”.

Maksud “harta” di atas telah diperincikan di bawah tafsiran harta dalam Seksyen yang sama, iaitu:

“harta” termasuklah harta alih atau tak alih dan apa-apa faedah dalam apa-apa harta alih atau tak alih, hak, kepentingan, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau selainnya yang mempunyai nilai menurut hukum syarak”.

Tafsiran yang lebih kurang sama turut terdapat di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, mendefinisikan wakaf sebagai;

“menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya”.

Tafsiran yang sama turut terdapat di dalam statut wakaf di negeri-negeri lain di Malaysia. Bagi Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 pula, didapati tafsiran harta yang dibuat di bawahnya lebih luas iaitu meliputi sumbangan kepakaran dan perkhidmatan sebagaimana berikut:

“wakaf” ertinya:

- a. *Menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;*
- b. *Menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau*
- c. *Menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya.*

Sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut hukum syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208);”

Selaras dengan tafsiran wakaf di atas, definisi harta yang dibuat juga lebih mendalam sebagaimana berikut:

“harta” termasuklah:

- a. *Harta alih, harta tak alih atau harta intelek;*
- b. *Apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek;*
- c. *Apa-apa hak, kepentingan, hak milik atau selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek; dan*
- d. *Kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut hukum syarak”.*

2.3 Pensyariatan Wakaf

Wakaf merupakan salah satu instrumen sedekah berasaskan *tabarru’* yang berkekalan pahalanya. Wakaf mempunyai hikmah dan kelebihan yang tersendiri jika dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT. Di antara tujuan dan hikmah pensyariatan wakaf ialah:

- a. Mendekatkan diri kepada Allah SWT (*taqarrub ilallah*);
- b. Menzahirkan pengabdian diri (*ta'abbud*) kepada Allah SWT;
- c. Mendapat pahala kebajikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas meninggal dunia;
- d. Berkongsi manfaat harta wakaf dalam kalangan masyarakat Islam seperti membina masjid dan sekolah untuk menghidupkan syiar Islam dan aktiviti keilmuan;
- e. Mengukuhkan perpaduan ummah; dan
- f. Memastikan pengekalan pemilikan dan perkongsian aset umat Islam.

Pensyariatan wakaf perlu dilihat menurut perspektif al-Quran dan hadith sebagai dasar dan rujukan utama. Dalil-dalil mengenai wakaf daripada sumber al-Quran dan hadith menunjukkan bahawa ianya merupakan suatu amalan yang sangat mulia dan amat digalakkan oleh Islam.

2.3.1 Wakaf Menurut Perspektif al-Quran

Al-Quran telah menyediakan asas kukuh dalam mendorong amalan berwakaf menerusi ayat-ayat mengenai konsep bersedekah yang dikaitkan dengan maksud mendekatkan diri kepada Allah SWT (*taqarrub*) dan melakukan amal kebajikan dengan matlamat akhir untuk mendapatkan ganjaran yang dijanjikan Allah SWT pada Hari Akhirat kelak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Ingatlah Allah jualah yang menyempit dan meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan” (Surah al-Baqarah 2: 245).

Allah SWT juga melipat gandakan ganjaran kepada sesiapa yang menginfakkan hartanya di jalan Allah SWT. Firman Allah SWT yang maksudnya:

“Bandingan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah melipatgandakan

(ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui” (Surah al-Baqarah 2: 261).

Mereka yang menafkahkan harta terbaik yang dimilikinya pada jalan Allah SWT merupakan amalan mulia dan sangat dituntut oleh Islam. Firman Allah SWT yang maksudnya:

“Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sehingga kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya” (Surah Ali ‘Imran 3: 92).

Amalan berwakaf sangat digalakkan di dalam Islam dan kebajikan yang telah mereka lakukan tidak sekali-kali akan dinafikan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apa sahaja kebajikan yang mereka lakukan, maka mereka tidak sekali-kali akan dinafikan (sia-sia atau disekat daripada mendapat pahala). Dan (ingatlah) Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa” (Surah Ali ‘Imran 3: 115).

2.3.2 Wakaf Menurut Perspektif Hadith

Terdapat banyak hadith yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW bukan sahaja menggalakkan amalan berwakaf, malahan Baginda SAW sendiri mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh sehingga menjadi ikutan dan contoh dalam kalangan para sahabat dan kaum muslimin. Antara hadith yang paling popular ialah daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya:

“Apabila mati anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkannya atau anak soleh yang mendoakannya” (Riwayat Muslim).

Menurut pandangan ulama’ maksud sedekah jariah dalam hadith di atas ialah amalan berwakaf yang sangat digalakkan oleh Islam di mana ianya dapat memberi pahala secara kekal dan berpanjangan kepada pewakaf selagi mana harta yang diwakafkan itu dapat dimanfaatkan secara kekal oleh penerimanya

(*mawquf 'alaih*) sama ada melibatkan wakaf am atau wakaf khas. Konsep asas pelaksanaan ibadah wakaf di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat dapat dilihat dengan jelas berasaskan hadith daripada Ibn 'Umar yang diriwayatkan Muslim. Menurut Ibn 'Umar, ayah beliau 'Umar al-Khatthab telah memperoleh sebidang tanah di *Khaybar* lalu segera menemui Rasulullah SAW untuk memohon nasihat Baginda SAW untuk beliau lakukan yang terbaik terhadap tanah tersebut. Rasulullah SAW bersabda:

"Jika kamu suka, sebaik-baiknya kamu kekalkanlah harta itu dan sedekahkanlah hasilnya". Menurut Ibn 'Umar lagi: *"Tanah itu tidak dijual, tidak dijadikan harta pusaka (tidak diwarisi) dan tidak dipindah milik kepada orang lain (hibah). Semua hasil tanah itu diagih-agihkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, hamba abdi, fisabilillah, ibnu sabil dan pembiayaan kepada para tetamu. Tidak menjadi kesalahan bagi pemegang amanah tanah wakaf tersebut untuk mengambil hasil tanah wakaf secara berpatutan bagi menampung sara hidup atau untuk meraikan para tetamu, asalkan tidak dijadikan milik persendirian mereka"* (Riwayat Muslim).

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Anas ibn Malik, beliau menceritakan bahawa Abu Thalhah merupakan seorang Ansar yang memiliki banyak harta di Madinah. Sebaik turunnya wahyu dari Allah SWT yang bermaksud:

"Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sehingga kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya", Abu Thalhah segera mengisyiharkan kepada Rasulullah SAW dengan berkata: *"Sesungguhnya harta yang paling aku sayangi adalah Bayruha' dan aku serahkan Bayruha' itu sebagai sedekah kerana Allah SWT. Aku harapkan kebaikannya dan simpanannya di sisi Allah SWT. Tentukanlah sedekah itu sebagaimana yang engkau suka, wahai Rasulullah"*. Lalu Rasulullah SAW bersabda: *"Itulah harta yang menguntungkan. Sungguh, itulah harta yang menguntungkan. Aku telah mendengar apa yang engkau katakan mengenai Bayruha' itu. Sesungguhnya aku berpendapat agar engkau sumbangkannya sebagai sedekah untuk kaum kerabat"*.

2.3.3 Wakaf Menurut Perspektif *Athar* dan *Ijma'*

Rentetan daripada peristiwa pewakafan yang dibuat oleh Saidina Umar, Imam Syafie' menceritakan bahawa terdapat 80 orang sahabat Rasulullah SAW daripada kaum Ansar telah turut berwakaf termasuklah Saidina Ali yang telah mewakafkan rumah dan tanahnya di Mesir. Perbuatan Saidina Umar ini telah menjadi ikutan dan asas kepada kewujudan wakaf am. Bahkan amalan wakaf ini telah menjadi amalan rebutan dalam kalangan para sahabat Nabi SAW dan kaum muslimin sebagaimana kata Jabir RA:

"Tiada seorang pun daripada sahabat Nabi SAW yang berkemampuan melainkan memberikan wakaf. Hal ini telah menjadi ijmak, maka sesungguhnya orang yang mampu mewakafkan harta daripada kalangan mereka telah pun melakukannya, dan masyhurlah yang demikian itu kerana tiada seorang pun yang membantahnya, maka jadilah yang demikian itu ijmak".

Majoriti ulama sepakat akan keharusan wakaf adalah diterima secara ijmak. Hal ini dapat dilihat menerusi hadith yang banyak dirakamkan oleh para sahabat.

2.3.4 Prinsip Umum Wakaf

Pelaksanaan dan pengurusan harta wakaf perlu memenuhi prinsip-prinsip umum yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu tidak boleh dijual, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diwarisi. Majoriti ulama *fiqh* berpandangan bahawa prinsip utama dalam konsep wakaf adalah muktamad, keberkekalan dan tidak boleh dipindah milik.

a) Muktamad

Prinsip muktamad (*al-mu'tamad* atau *irrevocability*) bermaksud proses pewakafan berkuat kuasa sebaik sahaja deklarasi dibuat oleh pewakaf. Pemilikan pewakaf telah terlucut sebaik harta tersebut diwakafkan dan serta merta berpindah kepada kepentingan *mawquf 'alaih* dengan penyerahan mutlak kepada Allah SWT. Pewakafan tersebut juga tidak boleh dibatalkan atau

ditarik balik. Namun demikian, Imam Abu Yusuf mengiktiraf pewakafan secara bertempoh (*muaqqat*) dan tidak menerima prinsip muktamad kecuali dengan izin atau perintah mahkamah. Pendapat ini sama seperti pandangan dalam Mazhab Maliki, iaitu harta yang telah diwakafkan boleh menjadi hak pewakaf atau keturunannya apabila tempoh wakaf yang ditetapkan tersebut telah tamat.

b) Keberkekalan

Keberkekalan (*al-ta'bid* atau *perpetuality*) bermaksud harta yang ingin diwakafkan hendaklah bersifat kekal dan tahan lama seperti tanah dan rumah. Atas prinsip ini, harta yang tidak boleh bertahan lama atau mudah rosak tidak boleh diwakafkan, seperti makanan, minuman dan sebagainya.

Prinsip keberkekalan merupakan hukum wakaf yang perlu dipatuhi sepenuhnya kecuali dalam beberapa keadaan seperti kerosakan yang disebabkan oleh bencana atau kemalangan yang di luar kemampuan manusia atau disebabkan wakaf yang dilakukan secara bertempoh (*muaqqat*) atau disebabkan keperluan pelaksanaan proses *istibdal*.

c) Tidak Boleh Dipindah Milik

Prinsip tidak boleh pindah milik (*al-ilzam* atau *inalienability*) ini adalah hampir sama dengan prinsip keberkekalan yang telah dibincangkan di atas. Harta yang telah diwakafkan tidak boleh dipindah milik dalam apa bentuk sekalipun sama ada dijual, digadai, diwariskan atau dijadikan hibah oleh pewakaf, *mutawalli* mahupun penerimanya. Prinsip ini diambil daripada dalil hadith mengenai kisah wakaf sebidang tanah di *Khaybar* oleh Saidina ‘Umar RA. Berdasarkan prinsip ini, para ulama melarang pemegang amanah daripada menggadaikan atau menyandarkan harta-harta wakaf sebagai jaminan kepada pinjaman. Walaupun begitu, terdapat pengecualian hukum dalam prinsip ini jika harta wakaf tersebut ditukarkan atau digantikan dengan harta lain yang bersesuaian, tertakluk kepada keperluan semasa dan peruntukan perundangan untuk pelaburan semula.

Ringkasnya, proses pewakafan harta hanya akan sempurna apabila syarat-syarat pewakafan dipatuhi sebagaimana yang berikut:

- i. Wakaf hendaklah dibuat secara kekal;
- ii. Bagi wakaf khas, tujuan dan maksud wakaf hendaklah dinyatakan dengan jelas; dan
- iii. Harta yang telah diwakafkan hendaklah berkuat kuasa serta merta, tidak boleh ditarik balik, tidak boleh diubah-ubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat-syarat lain yang sebaliknya.

2.3.5 Wakaf dan *Maqasid Syariah*

Maqasid merupakan kata jamak *maqsad* yang berasal daripada perkataan Arab bermaksud objektif utama atau kemuncak matlamat. *Maqasid* pensyariatan hukum Islam ke atas umat manusia merangkumi pemeliharaan terhadap agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Malahan lebih daripada itu, pensyariatan Islam ke atas manusia adalah sebagai kebaikan di dunia dan di akhirat. Mengikut kupasan para ulama *fiqh*, kepentingan manusia dijamin oleh syariah Islam menerusi empat intipati utama, seperti berikut:

- a. *Jalb al-Masalih* iaitu memastikan kemaslahatan;
- b. *Dar' al-Mafasid* iaitu menghindarkan kerosakan;
- c. *Sadd al-Dharar* iaitu menghalang kemudaratan; dan
- d. *Taghayyur al-Zaman* iaitu pertimbangan terhadap faktor peredaran zaman.

Terdapat tiga peringkat keperluan dan kemaslahatan manusia di dunia ini yang merangkumi *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.

- a. *Dharuriyyat* merupakan *maslahah* utama yang melibatkan keperluan asas setiap manusia seperti air, udara dan sebagainya;
- b. *Hajiyyat* pula merupakan *maslahah* yang bukan asas tetapi tetap diperlukan bagi menjamin kemudahan dan kesenangan dalam menjalani kehidupan seperti tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya; dan

- c. *Tahsiniyyat* ialah *maslahah* yang diperlukan sebagai kesempurnaan dan kepuasan seperti rumah yang besar dan selesa atau kenderaan yang berkuasa tinggi.

Perbincangan tentang wakaf boleh dikategorikan dalam konsep *hifzul mal* iaitu pemeliharaan harta sebagai sebahagian daripada *dharuriyyat* yang secara kolektifnya membawa maksud keperluan menunaikan amanah kifayah sejajar dengan matlamat dan kehendak syariah.

a) Hubungan Wakaf Dengan Maqasid Syariah

Untuk menghayati *maqasid* wakaf kita perlu terlebih dahulu memahami konsep wakaf yang dirumuskan oleh para ulama *fiqh* sebagai “memegang modal dan mengembangkannya untuk memanfaatkan keuntungannya”. Ini kerana aset wakaf adalah berbentuk kekal dan boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk untuk faedah yang berterusan. Dalil-dalil syarak yang menyebut tentang *infaq fisabilillah, al-birr, al-ihsan, sadaqah jariah* atau sebagainya, jelas membuktikan berkenaan pensyariatan wakaf serta menjelaskan kepada kita bahawa wakaf adalah pemberian harta secara sukarela untuk kemaslahatan umum khususnya yang berkaitan dengan keperluan agama. Hal ini amat penting dalam memenuhi keperluan anggota masyarakat yang daif dan memerlukan bantuan dalam menempuh kehidupan di dunia ini serta memenuhi keperluan ganjaran amalan insan dalam menghadapi perhitungan di Akhirat nanti.

Kedudukan wakaf dalam sektor ijtimai’i adalah amat penting sebagaimana juga ibadah zakat dan sedekah yang lain iaitu memindahkan sebahagiankekayaan daripada satu golongan masyarakat untuk kepentingan golongan masyarakat lain yang memerlukan. Meskipun pelaksanaan wakaf dikategorikan sebagai sebahagian daripada elemen kesempurnaan (*mukmilat*) namun ia tetap menyumbang kepada keutuhan *dharuriyyat*. Ini kerana, walaupun hukum wakaf secara prinsipnya adalah sunat, tetapi secara umumnya ia boleh menjadi hukum wajib. Dengan erti kata lain, sekiranya amalan wakaf diabaikan oleh seluruh umat Islam, maka ia menjadi satu kewajipan kepada setiap umat Islam

sehingga terdapat satu golongan yang telah melaksanakannya, seperti mana yang dijelaskan oleh para ulama *usul fiqh*.

Berdasarkan kenyataan di atas, ruang lingkup wakaf adalah luas selagi mana ia membawa kebaikan kepada seluruh alam sama ada untuk manusia, kebajikan haiwan, kelestarian alam sekitar dan sebagainya.

b) Ciri-Ciri Wakaf dan *Maqasid* di Sebaliknya

Keunikan atau keistimewaan utama ibadah wakaf adalah terletak kepada konsep pemisahan di antara hak pemilikan dengan hak penggunaan, konsep sedekah yang berpanjangan (*jariah*) dan konsep tujuannya yang hanya untuk kebajikan.

i. Pemisahan Hak Pemilikan Dengan Hak Penggunaan

Bagi kebanyakan ulama, amalan wakaf akan menyebabkan kuasa pemilikan harta dari tuannya akan terhapus. Pewakaf tidak boleh lagi memiliki harta yang telah diwakafkannya itu dengan apa jua cara sekalipun, kecuali sebagai pentadbir harta wakaf tersebut, di mana secara *majaznya* harta wakaf tersebut telah dikembalikan secara mutlak kepada Allah SWT. Wakaf mesti dilaksanakan tanpa sebarang syarat atau pilihan (*khiyar*) sama ada untuk meneruskan atau membatalkan. Oleh sebab itu, selepas wakaf diisyiharkan, ianya tidak boleh ditarik balik. Ia perlu dilaksanakan dengan segera tanpa bertangguh. Oleh sebab itu juga, pemilik asal tidak mempunyai hak untuk bertindak (*tasarruf*) ke atas harta yang diwakafkannya, tidak boleh menjual atau memberikannya kepada orang lain.

ii. Pemberian Yang Berkekalan

Wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak pengurusan harta yang berkekalan. Ini bukan sahaja membolehkan pewakaf mendapat ganjaran yang berterusan, tetapi pihak yang menerima wakaf juga turut mendapat faedah yang berterusan. Pihak yang bergantung kepada harta wakaf, terutamanya

institusi-institusi yang kritikal, boleh mengatur perancangan kewangan institusinya dengan berkesan untuk jangka panjang.

iii. Bertujuan Kebajikan

Penggunaan harta wakaf mestilah digunakan untuk perkara-perkara yang diharuskan syara' bagi tujuan kebajikan. Namun tidak semestinya suatu wakaf itu perlu menetapkan tujuan atau golongan yang akan mendapat manfaat daripada wakaf. Memadai hanya menyebut misalnya: "Saya wakafkan harta ini kerana Allah SWT". Syeikh Muhammad Abu Zahrah di dalam *Muhadarat fi al-Waqf* pernah menyatakan amalan wakaf tidak terhad kepada pembinaan masjid, bahkan merangkumi semua bentuk amalan yang berlaku pada sedekah seperti amalan mewakafkan tanah, pembinaan hospital, rumah-rumah anak yatim dan fakir miskin. Ini boleh membantu ke arah pembangunan sosioekonomi ummah.

c) Peranan Maqasid Dalam Penetapan Hukum Wakaf

Umumnya, hampir semua perbahasan hukum berkenaan wakaf adalah berasaskan ijihad. Sejarah pelaksanaan wakaf telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai jenis harta yang diwakafkan oleh umat Islam. Tujuan harta yang diwakafkan juga berbeza-beza mengikut kehendak masing-masing selaku pewakaf. Muncul berbagai kategori baru berkaitan wakaf, sama ada dari segi jenis harta yang diwakafkan ataupun tujuan sesuatu harta diwakafkan. Pelbagai istilah dan metod baharu berkenaan pelaksanaan wakaf juga turut diperkenalkan dari semasa ke semasa di sepanjang zaman

Begitu juga dalam konteks pelaksanaan wakaf masa kini yang semakin berkembang dan berintegrasi dengan ekosistem kewangan semasa, lalu muncul pula istilah-istilah baharu dalam pelaksanaan wakaf sama ada daripada sudut material wakaf atau daripada sudut instrumen wakaf, seperti wakaf korporat, wakaf sukuk, wakaf royalti, wakaf harta intelek, wakaf takaful dan sebagainya. Sehubungan itu, peranan *maqashid* adalah amat besar dalam menentukan keputusan hukum berkenaan wakaf.

2.4 Rukun dan Syarat Wakaf

Dalam membicarakan tentang rukun-rukun yang berkaitan dengan ibadah wakaf, para *fuqaha* membahagikannya kepada empat iaitu pewakaf (*waqif*); harta yang diwakafkan (*mawquf*); penerima manfaat harta wakaf (*mawquf 'alaih*); dan pernyataan hasrat wakaf (*sighah*) atau disebut juga sebagai *hujjah* wakaf. Amalan wakaf menjadi tidak sah sekiranya semua atau salah satu daripada empat perkara dalam rukun tersebut tidak dipatuhi (Wahbah al-Zuhaili, 2011).

2.4.1 Waqif

Waqif atau pewakaf ialah orang yang memberikan atau menyerahkan harta miliknya untuk dijadikan harta wakaf. Bagi membolehkan harta yang diwakafkan itu sah menurut syarak, pewakaf hendaklah:

- a. Seorang yang berakal dan cukup umur (*baligh*);
- b. Seorang yang merdeka dan pemilik sebenar harta yang hendak diwakafkan;
- c. Seorang yang cerdik dan bukan di bawah sekatan undang-undang (*mahjur 'alaih*) dengan sebab muflis atau sebagainya; dan
- d. Seorang yang berkemampuan untuk menguruskan hartanya.

Pewakaf yang dalam keadaan hampir meninggal dunia (*maradul maut*) hanya dibenarkan mewakafkan tidak lebih daripada satu pertiga hartanya sahaja bagi memelihara kepentingan dirinya untuk menerima ganjaran pahala selepas kematiannya. Menurut Imtiaz Ahmad Khan (1988), pewakaf boleh terdiri daripada individu, organisasi atau kerajaan yang melakukannya bagi tujuan kebajikan menurut syarak. Golongan bukan Islam juga termasuk dalam golongan yang layak bersedekah dan wakaf mereka adalah sah walaupun harta tersebut disumbangkan untuk dijadikan masjid (Mustofa al-Khin et.al., 2005). Dalam keadaan ini, kesahihan sedekah tidak bergantung kepada niat kerana syarat niat adalah Islam. Bagi orang bukan Islam, mereka memperolehi

ganjaran di dunia sahaja, sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadith yang bermaksud:

“Allah tidak akan mengabaikan kebaikan orang mukmin dan akan diberikan ganjaran ketika di dunia dan di akhirat. Orang kafir pula akan menerima ganjaran kebaikan yang mereka lakukan ketika di dunia kerana di akhirat kelak tiada lagi ganjaran yang akan diberikan kepada mereka” (Riwayat Muslim).

2.4.2 Mawquf

Mawquf atau harta yang diwakafkan secara prinsipnya mestilah harta yang dimiliki oleh *waqif* secara sah, daripada sumber yang halal, bersifat kekal atau tahan lama dan tidak mudah rosak serta memiliki nilai atau manfaat yang diharuskan oleh syarak. Selain daripada itu, *mawquf* tersebut mestilah:

- a. Harta yang berbentuk objek dan ditentukan (*ta'yin*) dengan jelas;
- b. Milik sempurna pewakaf, boleh dipindah milik, tiada pertindihan pemilikan orang lain dan bukan harta amanah pihak lain seperti harta orang muflis atau harta anak yatim, harta pajakan atau gadaian, harta pinjaman atau sewaan dan sebagainya;
- c. Harta yang boleh digunakan selama-lamanya atau boleh diambil manfaat dalam jangka masa yang panjang; dan
- d. Harta yang kegunaannya diharuskan di sisi hukum syarak. Mewakafkan harta yang hanya boleh berfungsi untuk perkara yang diharamkan seperti peralatan hiburan yang melalaikan adalah tidak sah.

Ulama Mazhab Syafie berpendapat bahawa pemerintah Islam boleh mewakafkan tanah hak milik negara atau hak milik Baitulmal secara *irsod* yang membawa kebaikan kepada umat Islam. Pewakafan secara *irsod* ini dikecualikan daripada syarat pemilikan oleh pewakaf. Sebahagian ulama *fiqh* pula berpandangan bahawa selain daripada keharusan mewakafkan harta tak alih ('*aqar*) seperti tanah, rumah dan kebun; harta alih seperti al-Quran, kitab atau buku, perkakas rumah, peralatan, senjata dan binatang juga boleh diwakafkan selagi mana harta alih tersebut boleh mendatangkan faedah atau manfaat.

2.4.3 *Mawquf 'Alaih*

Mawquf 'alaih atau penerima wakaf adalah individu atau organisasi yang menerima manfaat harta wakaf sama ada penerimanya telah ditentukan secara khusus (*mu'ayyan*), contoh: kepada zuriat keturunan pewakaf sahaja; atau tidak ditentukan dengan jelas (*ghayr mu'ayyan*), contoh: mewakafkannya kepada mana-mana fakir miskin, anak yatim, masjid, sekolah dan sebagainya. Syarat utama *mawquf 'alaih* atau penerima wakaf dan manfaatnya ialah:

- a. Penerimaan tersebut mestilah dengan tujuan yang diharuskan syarak dalam mencari keredhaan Allah SWT dan mendekatkan diri kepada-Nya;
- b. Wujud dan dapat ditentukan dengan jelas;
- c. Boleh dan layak menerima pemilikan manfaat;
- d. Bukan diwakafkan semata-mata untuk kepentingan manfaat diri pewakaf sahaja; dan
- e. Bukan ahli maksiat, kafir harbi atau murtad.

Selain itu, harta wakaf juga boleh diberikan kepada orang bukan Islam dengan syarat bukan golongan kafir harbi, bukan golongan murtad dan bukan untuk tujuan maksiat.

2.4.4 *Sighah*

Sighah wakaf yang juga disebut sebagai *hujjah* wakaf atau hasrat wakaf hendaklah mengandungi elemen tawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*). *Ijab* merupakan ikrar atau lafaz yang diucapkan oleh *waqif* sama ada dalam bentuk jelas (*sorih*) dan kiasan atau sindiran (*kinayah*).

Para ulama telah menetapkan bahawa setiap *mawquf* atau harta yang hendak diwakafkan mestilah disertakan dengan lafaz *ijab* bagi menentukan kesahihan ibadah wakaf tersebut. Walau bagaimanapun akad wakaf adalah tetap sah meski pun tanpa lafaz penerimaan atau *qabul* oleh pihak *mawquf 'alaih*. Syarat-syarat *sighah* ialah:

- a. Hendaklah menyatakan dan menentukan harta wakaf (*mawquf*) dengan jelas dan mengandungi elemen keberkekalan (*ta'bid*) iaitu untuk selama-lamanya;
- b. Pelaksanaan *sighah* wakaf hendaklah dibuat secara muktamad iaitu berkuat kuasa serta merta, tidak boleh ditarik balik, tidak boleh diubah-ubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat-syarat lain yang boleh membatalkan wakaf; dan
- c. Menyatakan penerima wakaf (*mawquf 'alaih*) dengan jelas.

Contoh *sighah* wakaf yang jelas (*shorih*) ialah penggunaan perkataan wakaf dengan jelas dan secara langsung seperti “*Saya fulan bin fulan dengan ini mewakafkan tanah saya seluas satu ekar berpegang kepada hak milik ... di Lot. 1111, Mukim/Pekan/Bandar ... dalam Daerah ... Negeri ... kepada pihak MAIN ... mulai ... bagi tujuan kebajikan umum*”. Sementara contoh *sighah* wakaf yang berbentuk kiasan atau sindiran (*kinayah*) pula ialah apabila tiada penggunaan perkataan wakaf dengan jelas dan secara langsung tetapi terdapat elemen yang membawa maksud wakaf seperti “*Hartaku ini menjadi sedekah kekal kepada fakir miskin*” atau “*Aku serahkan hartaku ini kepada fakir miskin selama-lamanya*”.

2.5 Klasifikasi Wakaf

Huraian mengenai klasifikasi wakaf boleh dibahagikan kepada tiga (3) aspek utama iaitu daripada sudut *mawquf*, *mawquf 'alaih* dan kaedah pewakafannya.

2.5.1 Klasifikasi Berdasarkan *Mawquf*

Terdapat dua kategori utama klasifikasi wakaf daripada sudut *mawquf* iaitu harta wakaf alih dan harta wakaf tak alih.

a) Harta Wakaf Alih

Harta wakaf alih atau *manqul* iaitu harta dan aset wakaf yang mudah dibawa, dipindahkan atau yang boleh diubah dari tempat asalnya dan dapat dimanfaatkan secara langsung seperti wang tunai, saham dan sukuk, buku dan kitab, pakaian dan peralatan, ternakan dan kenderaan, harta intelek dan sebagainya. Perbahasan mengenai harta alih dihuraikan lebih lanjut dalam Bab 6 : Wakaf Harta Alih.

b) Harta Wakaf Tak Alih

Harta wakaf tak alih atau *ghair manqul* adalah harta dan aset wakaf yang tidak boleh berpindah atau dipindah atau diubah dari tempat asalnya seperti tanah, bangunan dan sebagainya. Perbahasan mengenai wakaf tak alih dihuraikan lebih lanjut dalam Bab 7 : Wakaf Harta Tak Alih.

2.5.2 Klasifikasi Berdasarkan *Mawquf ‘Alaih*

Umumnya, klasifikasi wakaf daripada sudut *mawquf ‘alaih* terbahagi kepada dua (2) jenis sahaja sama ada wakaf *ahli* atau wakaf *khayri*.

a) Wakaf *Ahli*

Wakaf *ahli* yang juga disebut sebagai wakaf *zurri* ini dikhkususkan manfaatnya untuk kebajikan dan kepentingan ahli keluarga atau keturunan pewakaf sahaja sebagaimana yang ditentukan oleh pewakaf sendiri.

b) Wakaf *Khairi*

Wakaf ini dilakukan semata-mata bagi tujuan kebajikan dan kepentingan maslahat awam. Klasifikasi wakaf *khairi* ini pula terbahagi kepada dua kategori iaitu wakaf am dan wakaf khas.

i. Wakaf Am

Wakaf am atau wakaf umum dertiakan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat umum yang diharuskan oleh syarak, seperti untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam atau sebagainya. Dalam konteks ini, pemegang amanah wakaf tersebut boleh membangunkannya dengan sebarang aktiviti patuh syarak yang mendatangkan hasil atau manfaat dengan sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu, manakala manfaatnya pula boleh diagihkan kepada apa juga bentuk kebajikan yang mana pahalanya dapat berterusan kepada pewakaf.

ii. Wakaf Khas

Bagi wakaf *khas* atau wakaf khusus pula dertiakan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu yang diharuskan oleh syarak, seperti untuk madrasah atau rumah anak yatim atau sebagainya. Dalam konteks ini, pemegang amanah wakaf tersebut perlu membangunkannya sebagaimana menurut *sighah* pewakaf sahaja. Manakala manfaatnya juga perlu diagihkan sebagaimana yang dihasratkan oleh pewakaf tersebut.

2.5.3 Klasifikasi Berdasarkan Kaedah Pewakafan

Kaedah pewakafan boleh dilakukan menerusi pelbagai pendekatan patuh syarak yang terus berkembang mengikut ijтиhad dari masa ke masa. Terdapat pelbagai klasifikasi wakaf daripada sudut kaedah pewakafannya seperti wakaf *irsod*, wakaf *muaqqat*, wakaf *musyarak*, wakaf *musya'*, wakaf saham, wakaf korporat, wakaf sukuk dan sebagainya.

a) Wakaf *Irsod*

Wakaf *irsod* bermaksud penyerahan mana-mana harta sebagai wakaf oleh mana-mana pihak Berkuasa Negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana

perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum *syarak*. Wakaf jenis ini merupakan pewakafan yang diserahkan kepada pentadbiran kerajaan untuk kepentingan awam seperti sekolah dan hospital. Hukumnya adalah dibolehkan walaupun terdapat perselisihan pandangan ulama yang menyatakan ianya bukan dipanggil wakaf *irsod* sebaliknya hanya disebut sebagai *al-Irsod* sahaja.

b) Wakaf *Muaqqat*

Wakaf *muaqqat* adalah pewakafan untuk suatu tempoh tertentu sahaja dan bukan untuk berkekalan selama-lamanya. Terdapat perbezaan pandangan ulama dalam membincangkan keharusan pelaksanaan wakaf *muaqqat* ini. Imam Abu Yusuf mengiktiraf konsep pewakafan secara bertempoh dan tidak menerima prinsip *al-Muktamad* terhadap wakaf melainkan dengan keputusan mahkamah. Pendapat ini sama seperti pandangan dalam Mazhab Maliki, iaitu harta yang diwakafkan akan menjadi hak pewakaf atau keturunannya apabila tempoh wakaf yang ditetapkan tersebut tamat.

c) Wakaf *Musytarak*

Wakaf *musytarak* bermaksud gabungan beberapa jenis wakaf menjadi satu seperti wakaf yang diwujudkan menerusi gabungan saham wakaf dengan *istibdal*, atau gabungan antara wakaf *ahli* atau *zurri* dengan wakaf *khayri* atau sebagainya.

d) Wakaf *Musya'*

Wakaf *musya'* bermaksud mewakafkan apa-apa hak ke atas sebahagian mana-mana harta yang dimiliki secara bersama dengan pihak lain yang tidak boleh dipecah bahagikan. Contohnya seperti dua pihak yang mempunyai hak ke atas sebuah rumah atau ke atas sebuah kereta. Jika salah seorang pemilik mewakafkan bahagiannya, maka wakaf ini adalah sah menurut Mazhab Syafie dan Hanbali.

e) Wakaf *Haq Irtifaq*

Haq al-Irtifaq adalah segala jenis harta benda yang berbentuk ‘*aqar* yang berfungsi sebagai kemudahan menuju ‘*aqar* yang lain, maka terhalanglah kemudahan ‘*aqar* yang lain. Menurut pandangan ulama Mazhab Syafie dan Hanbali bahawa wakaf ini dibolehkan adalah kerana harta tersebut bernilai dan boleh dijual beli. Contohnya seseorang yang mewakafkan satu tingkat sahaja daripada bangunan yang terdiri daripada beberapa tingkat atau contoh tanah yang dipakai untuk membuat jalan ke masjid atau contoh atap yang digunakan untuk berteduh dan sebagainya.

f) Wakaf *al-Iqtqa’at*

Wakaf ini merupakan tanah yang dikuasai oleh pihak kerajaan yang diserahkan kepada penduduk yang sudah mendapat izin bagi diguna pakai untuk keperluan awam, namun hak milik tanah tersebut masih tertakluk di bawah pihak kerajaan. Jumhur ulama menyatakan bahawa wakaf jenis ini tidak sah kerana ia bukan hak milik sebenar.

g) Wakaf *al-Ain al-Muajjir*

Wakaf *al-Ain al-Muajjir* adalah berkonsepkan pewakafan harta yang sedang disewakan. Ulama Mazhab Syafie dan Hanbali mengatakan wakaf jenis ini tidak sah kerana harta yang diwakafkan mestilah bersifat kekal, manakala Mazhab Maliki pula membolehkan pewakafan manfaat dan tidak mensyaratkan sifat kekal pada harta yang diwakafkan.

h) Wakaf Saham

Wakaf saham bermaksud mewakafkan saham-saham dalam syarikat yang dimilikinya atau mewakafkannya menerusi pembelian saham-saham baharu daripada sesebuah syarikat.

i) Saham Wakaf

Saham wakaf bermaksud unit-unit saham yang ditawarkan oleh mana-mana institusi seperti MAIN untuk menggalakkan umat Islam berwakaf melalui wang tunai dengan cara membeli dan mewakafkan sijil-sijil saham wakaf tersebut untuk selama-lamanya kerana Allah SWT demi manfaat dan kebajikan umat Islam. Umumnya, saham-saham wakaf akan ditawarkan kepada orang ramai bagi mendapatkan kutipan sumbangan segera sebagai dana khas bagi membiayai mana-mana projek wakaf yang sedang diusahakan.

j) Wakaf Korporat

Wakaf korporat merupakan inovasi baharu hasil adaptasi daripada wakaf saham yang dilakukan dalam bentuk wakaf *musytarak* dengan konsep gabungan antara wakaf *ahli* dengan wakaf *khayri* dan antara wakaf khas dengan wakaf am. Konsep pelaksanaannya adalah apabila sesebuah syarikat korporat (*waqif*) mewakafkan sebahagian saham-saham yang dimiliki (*mawquf*) kepada anak syarikat yang ditubuhkan di bawahnya (*mawquf 'alaih*) dengan tujuan tertentu tertakluk kepada *sighah* yang digunakan, di mana sebahagian manfaatnya dikhususkan untuk ahli-ahli anak syarikat dan sebahagian manfaat yang lain pula adalah untuk agihan kebajikan umum.

Dalam konteks ini, anak syarikat tersebut bertindak sebagai pengurus dan pentadbir wakaf (sama ada sebagai *mutawalli*, *nazir*, *qayyim* atau sebagainya) dan dalam masa yang sama juga sebagai penerima manfaat (*mawquf 'alaih*) hasil saham-saham wakaf tersebut.

k) Wakaf Sukuk

Pengertian sukuk menurut *The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution* (AAOIFI) ialah sijil yang mempunyai nilai yang sepadan. Ianya mewakili nilai saham secara keseluruhan dalam pemilikan aset yang nyata, serta perkhidmatan bagi sesebuah projek atau ekuiti untuk kegiatan pelaburan. Sukuk juga mewakili hak pemilikan terhadap sesebuah pelaburan

atau projek tertentu yang disokong oleh aset sandaran (*back up by underlying assets*). Terdapat tiga kategori pembahagian sukuk secara umum iaitu sukuk kerajaan, sukuk korporat dan yang terakhir sekali sukuk quasi kerajaan.

Wakaf sukuk merupakan kaedah pewakafan menerusi ikatan perjanjian bertulis antara penerbit sukuk dengan pemegang sukuk, yang menyatakan perihal pembayaran modal secara bertangguh sebagai pelaburan, dengan pulangan sejumlah wang keuntungan yang berkadar tertentu sehingga tamat tempoh waktu matang. Pembayaran keseluruhan modal yang dilaburkan oleh pelabur hendaklah dijelaskan oleh penerbit sukuk apabila tempoh matang sukuk tersebut tamat.

2.6 Kesimpulan

Ibadah wakaf merupakan amalan sedekah jariah yang berasaskan konsep *tabarru'*. Wakaf yang dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT memiliki hikmah dan kelebihan yang amat besar serta jaminan ganjaran yang berkekalan sehingga Hari Kiamat. Berdasarkan kupasan di atas, jelas kepada kita bahawa ibadah wakaf merupakan amalan yang amat penting untuk difahami dan dihayati oleh setiap umat Islam. Amalan wakaf juga mempunyai peranan yang amat besar dalam pembangunan sosioekonomi umat manusia dan kemaslahatan alam. Huraian, konsep dan prinsip wakaf serta jenis-jenis dan kaedah berwakaf yang dijelaskan di dalam bab ini adalah bersifat ringkas bagi membantu kefahaman asas yang sewajarnya sebagai persediaan awal sebelum mendalamai hal ehwal pengurusan wakaf yang selanjutnya.

BAB 3 : WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN

3.1 Pengenalan

Pendidikan adalah hak asasi setiap manusia. Ia juga merupakan tanggungjawab semua kerajaan. Pendidikan adalah penentu kepada masa depan sesebuah negara yang amat bergantung kepada intelektualiti. Oleh itu, ia tidak boleh dijadikan medan untuk mengaut keuntungan material semata-mata. Wakaf telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan dan kemajuan institusi pendidikan di seluruh dunia Islam. Dalam konteks Malaysia, wakaf di institusi pendidikan bermula dengan kewujudan kelas pengajian di masjid atau surau sehingga ke peringkat madrasah, institusi pondok, Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan sebagainya.

Bab ini menerangkan tentang latar belakang wakaf di institusi pendidikan dalam dan luar negara serta peranan dan sumbangannya terhadap perkembangan dakwah dan keilmuan Islam. Di samping itu, bab ini juga menjelaskan berkenaan langkah-langkah yang perlu dalam penubuhan dan pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan. Selain daripada itu, aspek kelestarian wakaf institusi pendidikan yang merangkumi hala tuju, faktor kejayaan serta cabaran juga turut dijelaskan dalam bab ini.

3.2 Latar Belakang Wakaf Institusi Pendidikan

Wakaf institusi pendidikan bermaksud pusat-pusat pengajian yang ditubuhkan, dibina dan diurus menggunakan harta yang diwakafkan oleh umat Islam. Ianya telah diasaskan sendiri oleh Rasulullah SAW sewaktu di Madinah menerusi pembinaan Masjid Quba' sebagai pusat aktiviti umat Islam yang diikuti dengan pembinaan Masjid Nabawi. Konsep dan pelaksanaan wakaf yang bermula di institusi masjid ini telah berkembang menerusi penubuhan institusi-institusi

pendidikan yang melahirkan ribuan ulama terkenal dan tersohor di seluruh dunia.

Kejayaan pelaksanaan wakaf institusi pendidikan semakin maju dengan wujudnya organisasi yang tersusun serta penglibatan peranan badan dan agensi kerajaan dalam mengurus dan mentadbir sistem wakaf sama ada di institusi-institusi pendidikan dalam negara maupun di luar negara.

3.2.1 Wakaf di Institusi Pendidikan Luar Negara

Sejak zaman awal penyebaran agama Islam, institusi masjid telah menjalankan pelbagai fungsi bagi kepentingan dan kemaslahatan umat termasuklah sebagai pusat penyebaran ilmu dan dakwah. Implikasi daripada perkembangan pendidikan yang begitu pesat, di mana masjid-masjid yang ada tidak dapat menampung jumlah penuntut yang kian bertambah, sebuah binaan yang dikenal sebagai *al-Suffah* telah dijadikan pusat pendidikan.

Di zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, institusi pendidikan wakaf pra-sekolah yang dikenali sebagai *Kuttab* telah diperkenalkan sebagai pusat pendidikan awal untuk belajar membaca dan menulis, baik di masjid atau lainnya di mana anak-anak golongan miskin yang disebut *Kuttab Sabil* mendapat pendidikan secara percuma. Ketika zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyah (750M-1258M), Kota Baghdad telah menjadi pusat kegiatan intelektual dengan penubuhan *Bayt al-Hikmah* oleh Khalifah Harun al-Rasyid sebagai Pusat Penterjemahan Karya Yunani dan Parsi ke dalam bahasa Arab. Selain sebagai institusi pendidikan tinggi dan pusat penulisan karya ilmiah, Pusat Bayt al-Hikmah juga telah melahirkan tokoh-tokoh sarjana Islam tersohor seperti Jabir bin Hayyan, Muhammad al-Khawarizmi, Abu Yusuf al-Kindi dan ramai lagi.

Pada zaman pemerintahan Islam di Andalusia, Universiti Cordova telah menjadi pusat pendidikan terbesar di dunia dengan penawaran pelbagai kursus dan terbuka untuk pelajar muslim dan non-muslim yang dibiayai secara percuma.

Kos pembinaannya telah dibiayai oleh Khalifah Abdul Rahman III di samping bantuan dana awam menerusi sumbangan wakaf. Selain itu, terdapat Madrasah al-Nasriyyah atau Universiti Granada yang menawarkan kursus dalam bidang undang-undang, perubatan, kimia, falsafah dan astronomi. Begitu juga dalam konteks di Nusantara di mana wakaf institusi pendidikan di Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thailand dan Selatan Filipina tidak kurang hebatnya. Di antara model pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan terkenal luar negara termasuklah Universiti al-Qarawiyyin, Maghribi (859M); Universiti al-Azhar, Mesir (969M); Universiti Cordova, Andalus (971M); Bayt al-Hikmah, Baghdad (975M); Madrasah Nizamiyyah, Baghdad (1065M); Universiti Fatih Sultan Mehmet, Turki (1470M); Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia (1912M); Madrasah al-Junied, Singapura (1927); dan banyak lagi.

3.2.2 Konsep Wakaf di Institusi Pendidikan Barat

Kehebatan wakaf sebagai penggerak dan penjana kemajuan institusi pendidikan Islam jelas diakui oleh dunia barat sehingga ianya diciplak dengan bertopengkan penjenamaan dalam bentuk baharu seperti *endowment*, *trust fund*, *foundation* dan sebagainya. Di barat, dikatakan Universiti Harvard merupakan universiti pertama yang memperkenalkan sistem pengurusan endowmen di Amerika Syarikat. Di antara universiti-universiti terkemuka lain yang diasaskan menerusi konsep wakaf dalam versi endowmen adalah Yale, Oxford, Princeton, Cambridge dan banyak lagi. Endowmen yang digunakan oleh masyarakat barat adalah merujuk kepada sumbangan yang diberikan untuk kepentingan dan tujuan pihak lain.

Ahli akademik barat, *Hansmann* memberi definisi *endowment* sebagai “*financial reserves of universities*” merujuk kepada dana kewangan yang bergantung sepenuhnya kepada sumbangan derma di mana institusi yang menerima dana ini menggunakan bagi tujuan perbelanjaan operasi dan aktiviti institusi. Pembahagian dana ini tidak tertakluk kepada peraturan dan syarat penderma. Universiti boleh menggunakan pengaruh dan autonominya untuk menentukan

aktiviti perbelanjaan. Dalam erti kata lain, universiti berhak menentukan hala tuju dana sumbangan ini.

Para penyelidik telah membuktikan bahawa konsep endowmen sebenarnya telah dipinjam daripada konsep wakaf dari Jerusalem semasa Perang Salib sekitar tahun 1211M. Dalam masa yang sama, peranan dan kehebatan wakaf terus dilumpuhkan dengan pelbagai strategi serta tipu daya menerusi penjajahan barat dan penguasaannya ke atas negara-negara Islam.

Oleh itu, tidak hairanlah apabila wakaf dan endowmen mempunyai banyak persamaan terutama daripada aspek pengekalan harta asal yang disumbangkan. Namun begitu, kedua-duanya mempunyai perbezaan yang ketara seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perbezaan Wakaf dan Endowmen

Aspek	Wakaf	Endowmen
Tujuan	Mematuhi kehendak syarak	Apa sahaja tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang
Asas Penubuhan	Memenuhi 4 rukun wakaf	Mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyumbang
Sumber Sumbangan	Aset hendaklah dari sumber halal dan pemilikan yang diiktiraf undang-undang	Apa sahaja sumber aset hak milik yang diiktiraf oleh undang-undang sivil walaupun tidak halal di sisi syarak
Pemilik Aset	Dikembalikan kepada Allah SWT (diuruskan oleh mutawalli)	Pemegang amanah atau penyumbang (tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui)

Keputusan Polisi	<i>Pewakaf (al-waqif)</i> • Jika terdapat perselisihan dalam pelaksanaan, keputusan muktamad terletak pada Mahkamah Syariah	<i>Pemegang Amanah (trustees) atau penyumbang</i> • Jika terdapat perselisihan dalam pelaksanaan, keputusan muktamad terletak pada Mahkamah Sivil
Kelayakan dan Hak Mengurus	<i>Mutawalli atau nazir sebagai pentadbir dan pelaksana</i>	<i>Pemegang Amanah (trustees) atau penyumbang</i>
Pematuhan Rukun dan Dasar	<i>Muktamad (irrevocable), keberkekalan (perpetual) dan tidak boleh dipindah milik (inalienable / nontransferable)</i>	<i>Ditetapkan oleh Pemegang Amanah (trustees) atau penyumbang (tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui)</i>

Sumber: *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf: University Transformation Programme, Purple Book (2016: 54)*

3.2.3 Wakaf di Institusi Pendidikan Dalam Negara

Di Malaysia, wakaf institusi pendidikan mula ditubuhkan dan berkembang semenjak kemasukan Islam ke Tanah Melayu. Sejarah mencatatkan institusi pendidikan Islam yang terawal adalah bermula dengan pengajian agama di masjid dan surau yang menjadi pusat tumpuan bagi pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Bermula dengan *halaqah*, syarah dan kelas pengajian agama di masjid-masjid sehingga kepada penubuhan madrasah, maahad dan *jamiah* dalam mengembangkan pendidikan Islam dan memperluaskan syiar agama. Sumbangan wakaf dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu pula bermula seawal penubuhan institusi pendidikan secara tradisional di pondok dan madrasah. Institusi pendidikan tersebut pada waktu itu menggunakan sistem pengajian aliran Arab di mana kebanyakan para pengasasnya telah menamatkan pengajian daripada Timur Tengah.

Pelbagai bentuk dan kaedah pelaksanaan wakaf telah diperkenalkan di institusi pendidikan tradisional sejak dahulu lagi seperti wakaf tanah, wakaf telaga, wakaf kitab, wakaf pondok dan sebagainya. Wakaf di institusi pendidikan tradisional ini terus berkembang seiring dengan peredaran zaman. Insitusi pendidikan tradisional ini merupakan khazanah yang amat bernilai bagi seluruh umat Islam, khususnya di Malaysia dalam mempertahankan akidah umat Islam sejak zaman penjajahan. Institusi ini juga terus membekalkan tokoh-tokoh agama yang disegani dan diiktiraf sumbangan mereka oleh masyarakat dan agama. Seterusnya, institusi pendidikan yang lebih moden seperti SAR dan SAN mula diperkenalkan dengan pengurusan serta pentadbiran yang lebih berstruktur dan sistematik. Walaupun begitu, sumber pembiayaan wakaf masih kekal memainkan peranan penting dalam menggerakkan pembangunan dan kemajuan sekolah-sekolah agama tersebut.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan institusi wakaf dan mengambil alih pengurusan sebahagian besar sekolah-sekolah agama tersebut selaras dengan arus pendidikan perdana. Dalam masa yang sama, terdapat banyak institusi pendidikan tradisional seperti pondok dan madrasah yang kekal berterusan sehingga kini di mana sebahagiannya masih dengan corak pengurusan lama, manakala sebahagian yang lain lebih dikenali sebagai pondok moden, maahad, institut pengajian dan sebagainya.

Di antara contoh institusi pendidikan terkenal yang diasaskan menerusi pelaksanaan wakaf di Malaysia adalah Madrasah al-Attas di Pekan, Pahang (1860); Madrasah Hasan al-Fatani di Besut, Terengganu (1872); Madrasah al-Masriyah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang (1906); Madrasah al-Attas di Ulu Tiram, Johor (1913); Madrasah al-Masyhoor di Georgetown, Pulau Pinang (1916); Madrasah Rahmaniah di Pasir Mas, Kelantan (1932); Madrasah al-Ihya al-Syarif di Gunung Semanggol, Perak (1934); Maktab Mahmud di Pokok Sena, Kedah (1936); Madrasah Arabiah di Kluang, Johor (1946) dan Kolej Islam Malaya di Klang, Selangor (1950). Kini, pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan semakin mendapat perhatian di mana isu dan skop wakaf institusi pendidikan tidak lagi semata-mata berkisarkan kepada insitusi pendidikan

tradisional sahaja, malahan turut melibatkan universiti awam dan universiti swasta.

Penubuhan wakaf IPT ini secara umumnya bertujuan untuk menerima wang tunai, harta tanah, aset-aset kewangan dan sebagainya dari dalam dan luar negara yang akan digunakan bagi kepentingan aktiviti keilmuan serta pengembangan dana di institusi pendidikan. Wakaf di IPT juga kini mula mendapat kerjasama pihak MAIN serta perhatian pihak kementerian. Dengan penubuhan Lembaga Wakaf atau Jawatankuasa Wakaf yang diwakili oleh ahli-ahli daripada kedua-dua pihak MAIN dan IPT, model tadbir urus wakaf IPT dilihat lebih kemas dan tersusun berbanding pengurusan wakaf di institusi pendidikan tradisional. Walau bagaimanapun, penubuhan wakaf di IPT di Malaysia masih terlalu baharu dan sedang melalui fasa penyesuaian pelaksanaannya.

Antara universiti awam yang menjadi perintis kepada usahasama dan kelulusan pihak MAIN dalam pelaksanaan wakaf masing-masing ialah Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2009, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010, UPM pada 2011 dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 2013. Sehingga kini, terdapat empat belas (14) buah universiti awam dan enam (6) buah universiti swasta yang telah menubuhkan wakaf menerusi kerjasama dengan MAIN masing-masing. Angka tersebut belum mengambil kira jumlah keseluruhan institusi pendidikan pondok dan institusi pendidikan tahfiz, sekolah-sekolah agama dan maahad serta lain-lain institusi pendidikan yang telah melaksanakan wakaf institusi pendidikan masing-masing, sama ada dengan kelulusan atau tanpa kelulusan pihak MAIN.

3.3 Penubuhan Wakaf Institusi Pendidikan

MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bertanggungjawab dalam mentadbir harta wakaf sama ada yang membabitkan harta alih atau harta tak alih mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri masing-masing yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
- b. Semua nazar am; dan
- c. Segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.

Sebagai pemegang amanah tunggal, MAIN juga mempunyai kuasa untuk:

- a. Melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk mengurus dan mentadbir apa-apa *mauquf* bagi pihaknya;
- b. Mengiktiraf pelantikan mana-mana pengurus atau pentadbir dalam keadaan di mana *waqif* telah pun melantiknya sendiri selain MAIN; dan
- c. Menamatkan pelantikan di para (a) dan (b).

Oleh yang demikian, mana-mana pihak sama ada perseorangan maupun organisasi yang telah melaksanakan wakaf institusi pendidikan hendaklah mendaftarkannya segera kepada pihak MAIN masing-masing di mana lokasi institusi tersebut berada. Begitu juga mana-mana pihak yang sedang merancang untuk menubuhkan wakaf di institusi pendidikan mereka mestilah memohon kelulusan pihak MAIN terlebih dahulu sebelum pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan tersebut dapat dijalankan. Langkah ini penting bagi memastikan undang-undang berkaitan wakaf dipatuhi sepenuhnya, selain memastikan kebertanggungjawaban pihak pengurusan wakaf institusi pendidikan terhadap *sighah* wakaf atau amanah hasrat para pewakaf dalam mempertahankan kelestarian wakaf institusi pendidikan sehingga ke akhir zaman.

3.3.1 Langkah-Langkah Sebelum Penubuhan Wakaf

Langkah-langkah yang perlu diambil sebelum penubuhan wakaf di institusi pendidikan masing-masing mungkin sedikit berbeza di antara satu sama lain. Namun demikian, secara umumnya cadangan penubuhan tersebut perlulah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Institusi Pendidikan terlebih dahulu. Pihak pengurusan institusi perlu memahami

konsep pelaksanaan wakaf dan menilai keperluannya daripada semua aspek termasuk mengenal pasti projek wakaf yang berpotensi, jenis-jenis projek wakaf yang diperlukan, menentukan mekanisme urus tadbir wakaf yang bersesuaian dengan keperluan institusi pendidikan berkenaan sebelum mempertimbangkan hasrat penubuhan wakaf di institusi pendidikan tersebut.

Bagi tujuan tersebut, satu Jawatankuasa Khas Wakaf perlu dibentuk dan ditubuhkan oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Institusi Pendidikan yang berkaitan. Biasanya, jumlah keanggotaan Jawatankuasa Khas tersebut adalah kecil tetapi dipilih dan dilantik daripada kalangan individu penting yang berpengaruh bagi mewakili pemegang taruh. Pada peringkat ini, Jawatankuasa Khas Wakaf yang dilantik akan berfungsi sebagai wakil (*representative*) kepada pihak institusi pendidikan dalam merintis persefahaman dan hubungan baik dengan pihak MAIN.

Permohonan kerjasama pihak MAIN hendaklah dimajukan secara rasmi oleh institusi pendidikan bagi tujuan dokumentasi dan tindakan selanjutnya. Jawatankuasa Khas tersebut perlu memainkan banyak fungsi utama yang lain termasuklah mengaturkan perbincangan dan gerak kerja secara berkala, membangunkan kertas cadangan penubuhan wakaf institusi yang lengkap dan terperinci, menyediakan deraf dokumen perjanjian dan bermacam-macam lagi tugas penting yang lain. Persefahaman dan kemauafakatan kedua-dua pihak institusi pendidikan dan pihak MAIN dalam semua aspek pastinya akan melicinkan lagi proses penubuhan wakaf institusi pendidikan. Seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Khas tersebut perlu memajukan cadangan penubuhan wakaf kepada pihak pengurusan tertinggi institusi pendidikan berkenaan. Kertas cadangan penubuhan wakaf tersebut perlulah jelas, terperinci dan lengkap bersama deraf perjanjian dan model tadbir urus yang bersesuaian bagi memudahkan pertimbangan dibuat oleh pihak pengurusan tertinggi institusi pendidikan.


Secara umumnya, kertas cadangan tersebut akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Institusi Pendidikan terlebih dahulu

untuk mendapatkan kelulusan dan perakuan sebelum dibentangkan ke dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Institusi Pendidikan.

Sebaik cadangan penubuhan wakaf telah mendapat kelulusan pihak pengurusan tertinggi institusi pendidikan, kertas cadangan tersebut hendaklah dimajukan kepada pihak MAIN untuk pertimbangan selanjutnya. Proses permohonan dan kaedah pertimbangan oleh pihak MAIN mungkin sedikit berbeza di antara setiap MAIN. Tertakluk kepada prosedur yang diguna pakai oleh pihak MAIN di negeri masing-masing. Kebiasaananya pihak MAIN akan meminta wakil institusi pendidikan untuk membentangkan cadangan penubuhan wakaf institusi berkenaan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Negeri yang berkaitan. Ada di antara MAIN meminta supaya dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Umumnya, sebaik pertimbangan dan keputusan telah dibuat oleh jawatankuasa yang berkaitan di peringkat MAIN, satu surat rasmi pemakluman keputusan permohonan akan diberikan kepada pihak institusi pendidikan. Selain daripada itu, sekiranya permohonan tersebut mendapat kelulusan, sesetengah MAIN akan turut memajukan Surat Tawaran Usaha Sama dan Surat Persetujuan Terimaan Tawaran Usah Sama untuk ditandatangani oleh pihak institusi pendidikan.

Dalam pada itu, deraf perjanjian antara kedua-dua pihak akan dimuktamadkan oleh pihak penasihat undang-undang kedua-dua pihak di mana kemuncaknya adalah proses menandatangani dokumen persefahaman atau perjanjian oleh kedua-dua pihak menerusi pelantikan institusi pendidikan tersebut oleh pihak MAIN sama ada dengan status sebagai *mutawalli, nazir khas, wakil, qayyim* atau sebagainya. Pihak MAIN berhak mengenakan syarat sama ada menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman atau Memorandum Perjanjian atau Terma yang mengikat kedua-dua belah pihak. Rajah 2 di sebelah menunjukkan langkah-langkah asas sebelum penubuhan wakaf di institusi pendidikan.

Rajah 2 : Langkah Sebelum Penubuhan Wakaf Institusi Pendidikan*Sumber: Bengkel Penyediaan PPWIP*

3.3.2 Langkah-Langkah Selepas Penubuhan Wakaf

Tanggungjawab dan amanah yang besar digalas oleh pihak pengurusan institusi pendidikan sebaik cadangan penubuhan wakaf institusi pendidikan tersebut mendapat kelulusan dan pelantikan daripada pihak MAIN menerusi pelantikan sebagai *mutawalli*, *nazir khas*, *wakil*, *qayyim* atau sebagainya. Umumnya, institusi pendidikan tersebut akan diberi kebenaran untuk mengutip serta menerima sumbangan wakaf, menguruskan harta wakaf dan mengagihkan hasil manfaat wakaf. Seterusnya, pihak institusi pendidikan perlu mewujudkan akaun bank yang khusus dan patuh syariah bagi tujuan kutipan dan pengurusan dana wakaf. Pihak pengurusan wakaf institusi pendidikan juga perlu menyediakan peraturan kewangan yang menepati piawaian yang dikuatkuasakan, merangkumi prosedur, tatacara dan garis panduan pengurusan wakaf dengan mematuhinya sebaik mungkin. Satu Jabatan khusus hendaklah diwujudkan sama ada sebagai satu Unit, Seksyen, Bahagian, Pusat atau sebagainya bergantung kepada kesesuaian saiz dan kapasiti institusi pendidikan tersebut. Jabatan yang baharu ini sebaiknya diletakkan di bawah portfolio hierarki Pejabat Pengurusan Tertinggi di institusi pendidikan seperti Pejabat Naib Canselor, Rektor, Presiden, Ketua Pengarah atau sebagainya. Jabatan baharu tersebut mestilah mempunyai fungsi dan bidang kuasa yang jelas, selain skop tugas yang terperinci dan pelan sasaran pencapaian yang signifikan.

Fungsi dan peranan Jawatankuasa Khas yang diwujudkan sebelum proses penubuhan wakaf institusi pendidikan tersebut kini boleh dibubarkan. Pada peringkat ini, satu Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan yang dianggotai oleh wakil kedua-dua pihak MAIN dan institusi pendidikan akan memulakan peranan dan fungsi utama masing-masing. Badan Pentadbir tersebut yang dinamakan sebagai Lembaga Wakaf atau Jawatankuasa Wakaf adalah tertakluk kepada model tadbir urus yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak (sila rujuk Bab 4 : Tadbir Urus Wakaf). Badan Pentadbir tersebut merupakan pemegang amanah bersama di antara pihak MAIN dengan pihak institusi pendidikan bagi memastikan pentadbiran wakaf institusi pendidikan

mematuhi hukum-hukum syarak serta perundangan yang dikuat kuasakan. Keanggotaan atau keahlian Badan Pentadbir wakaf tersebut hendaklah melalui proses pelantikan secara rasmi oleh pihak MAIN. Di antara peranan dan fungsi utama Badan Pentadbir tersebut adalah sebagaimana berikut:

- a. Bertanggungjawab mengurus dan mentadbir segala hal ehwal berkaitan wakaf;
- b. Mempunyai kuasa sebagai pembuat polisi dan dasar berhubung pengurusan wakaf;
- c. Mempunyai kuasa untuk membuat ketetapan dan keputusan berhubung kutipan, penggunaan kutipan dan pengagihan wakaf;
- d. Mempunyai kuasa untuk mengawal perjalanan projek usaha sama wakaf agar selaras dengan hukum syarak;
- e. Bertanggungjawab untuk menerima arahan MAIN dalam melaksanakan projek usaha sama wakaf;
- f. Bertanggungjawab untuk melaporkan pelaksanaan projek wakaf kepada pihak MAIN;
- g. Melaksanakan perintah atau fatwa berkaitan wakaf yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan
- h. Mewujudkan tatacara sendiri tetapi hendaklah tidak berlawanan dengan Akta, Enakmen atau Ordinan yang berkaitan.

Selain daripada itu, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan juga perlu menubuhkan beberapa jawatankuasa kerja di bawahnya bagi membantu melicinkan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran wakaf di institusi pendidikan, bergantung kepada kesesuaian dan keperluan dari semasa ke semasa seperti Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Perancangan dan Pelaburan, Jawatankuasa Agihan, Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan sebagainya.

3.3.3 Isu Berkaitan Pelepasan Cukai Pendapatan

Bagi menggalakkan lebih ramai umat Islam menyumbang melalui kaedah wakaf, kebanyakan institusi akan memohon kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau Kementerian Kewangan. Secara prinsipnya, Bahagian Kelulusan dan Penguatkuasaan, Jabatan Dasar Percukaian LHDN tidak pernah meluluskan sebarang permohonan pelepasan cukai untuk sumbangan wakaf tunai di bawah mana-mana Seksyen menurut Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Kelulusan permohonan pengecualian cukai yang diberikan menurut ACP 1967, sama ada di bawah Subseksyen 44(6) atau Subseksyen 44(6B) atau Subseksyen 44(7) adalah terhad kepada skop aktiviti sumbangan derma dan hadiah sahaja, di mana skop aktiviti sumbangan wakaf tidak termasuk di bawah definisi derma dan hadiah menurut LHDN. Di antara faktor utama mengapa pihak LHDN tidak mengiktiraf sumbangan wakaf sebagai derma dan hadiah menurut definisi LHDN adalah kerana:

- a. Prinsip wakaf yang bersifat kekal dan mutlak;
- b. Konsep wakaf boleh dilakukan dalam bentuk harta alih bukan tunai seperti saham, barang kemas, peralatan dan juga dalam bentuk harta tak alih seperti harta tanah dan sebagainya;
- c. Nilai sumbangan wakaf yang tiada had dan boleh menjangkau kepada jumlah dana yang terlalu besar;
- d. Kutipan sumbangan wakaf juga digunakan untuk pemilikan aset kekal yang seterusnya disewakan atau diniagakan bagi menjana hasil pendapatan; dan
- e. Manfaat wakaf yang berkekalan dan berterusan.

Faktor-faktor di atas merupakan perbezaan ketara di antara sumbangan wakaf dengan sumbangan derma dan hadiah di mana konsep pengurusan sumbangan wakaf tidak selari dengan Subseksyen 44(6). Pihak LHDN sentiasa menjalankan audit pemantauan dari semasa ke semasa ke atas institusi yang diberikan kelulusan pelepasan cukai di bawah aktiviti sumbangan derma dan

hadiah bagi memastikan pematuhan setiap syarat kelulusan yang diberikan dan tiada ketirisan cukai. Terdapat banyak kes di mana institusi yang telah diberikan kelulusan pelepasan cukai di bawah ACP 1967 bagi aktiviti sumbangan derma dan hadiah telah menyalahgunakannya bagi tujuan kutipan sumbangan wakaf. Perbuatan tersebut merupakan ketidakpatuhan atau pelanggaran syarat dan pihak LHDN boleh menarik balik kelulusan yang telah diberikan. Di antara kesalahan yang sering dilakukan adalah seperti berikut:

- a. Mengemukakan laporan palsu;
- b. Penyalahgunaan resit dan dana sumbangan;
- c. Tiada rekod terimaan tunai;
- d. Pengeluaran resit selepas tamat tempoh kelulusan;
- e. Tidak menyimpan rekod harta dan stok barang;
- f. Gagal mengemukakan penyata akaun beraudit;
- g. Gagal mengemukakan senarai penderma yang melebihi nilai RM5,000.00; dan
- h. Tidak mematuhi syarat 50% perbelanjaan dana; dan pelbagai lagi kesalahan lain.

Sebagai langkah kawalan dan pemantauan, pihak LHDN telah memperketatkan syarat permohonan kelulusan pelepasan cukai pendapatan dan memperkenalkan beberapa syarat tambahan baharu. Antara beberapa langkah kawalan yang telah dikuatkuasakan oleh pihak LHDN adalah seperti berikut:

- a. Mengikut Pekeliling (rujuk surat pekeliling LHDN), mulai Jun 2016, kelulusan di peringkat LHDN hanya untuk tempoh maksima lima (5) tahun sahaja dan tiada lagi kelulusan tanpa had tempoh yang diberikan;
- b. Setiap institusi atau organisasi perlu memajukan permohonan untuk lanjutan kelulusan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh tamat; dan
- c. Tempoh kelulusan baharu hanya akan dilanjutkan dengan pematuhan semua syarat kelulusan dan membuktikan telah menjalankan objektif dengan cemerlang dari semua aspek.

Sebagai kesimpulan, sumbangan wakaf tidak boleh mendapat kelulusan pelepasan cukai di bawah mana-mana Subseksyen ACP 1967. Kelulusan pelepasan cukai yang diberikan oleh pihak LHDN hanya terpakai untuk sumbangan derma dan hadiah sahaja berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Adalah menjadi satu kesalahan apabila kelulusan pelepasan cukai untuk aktiviti sumbangan derma dan hadiah digunakan bagi tujuan aktiviti kutipan sumbangan wakaf dan ianya boleh dikenakan tindakan oleh pihak LHDN. Pihak JAWHAR pada masa ini sedang mengusahakan perbincangan bersama pihak MAIN dan Kementerian Kewangan Malaysia agar isu pelepasan cukai bagi aktiviti kutipan sumbangan wakaf dapat diselesaikan dengan segera demi kepentingan *waqif* dan institusi pengurusan wakaf.

3.4 Kelestarian Wakaf Institusi Pendidikan

Kelestarian bermaksud keaslian atau tetap atau keadaan yang tidak berubah atau keadaan yang terpelihara seperti asal. Konsep wakaf dan sedekah jariah sememangnya memiliki prinsip atau ciri-ciri sumbangan yang bersifat kekal dan lestari. Dalam konteks wakaf institusi pendidikan, keberkekalan atau kelestarian merupakan sebahagian daripada isu utama yang perlu diberikan perhatian. Dalam memastikan kelestarian wakaf institusi pendidikan, pihak pengurusan haruslah memiliki matlamat dan hala tuju yang jelas, di samping mengenal pasti serta mengaplikasikan semua faktor yang boleh memastikan kejayaan wakaf dalam konteks institusi pendidikan tersebut. Pihak pengurusan juga perlu bersedia dengan langkah-langkah strategik dalam menghadapi cabaran pengurusan wakaf yang bersifat pelbagai dan tidak menentu.

3.4.1 Hala Tuju Wakaf Institusi Pendidikan

Bagi memastikan kelestarian wakaf institusi pendidikan, hala tuju yang signifikan dan relevan perlu digariskan secara terperinci. Ini penting bagi memastikan destinasi dan arah yang jelas dalam memandu pengurusan wakaf di institusi pendidikan. Matlamat strategik dan pelan tindakan yang spesifik mengikut fasa-fasa utama juga perlu dirangka dengan tersusun dan berkesan.

Selain itu, setiap projek pembangunan harta wakaf juga perlu menetapkan indeks pencapaian utama (*key performance index*) yang realistik bersesuaian dengan kemampuan dan kapasiti institusi pendidikan masing-masing dari semasa ke semasa.

Dengan adanya hala tuju yang jelas, kejayaan matlamat strategik pengurusan wakaf institusi pendidikan akan lebih mudah dicapai. Di antara fasa-fasa penting yang dilalui oleh setiap pengurusan wakaf institusi pendidikan adalah fasa penubuhan; fasa pertumbuhan; fasa pengembangan; fasa pengukuhan atau pemantapan; dan fasa kecemerlangan. Tempoh yang perlu diambil oleh setiap institusi pendidikan dalam melalui setiap fasa tersebut pastinya berbeza bergantung kepada kekuatan dan kesungguhan institusi pendidikan masing-masing.

a) Fasa Penubuhan

Fasa penubuhan seringkali dikaitkan dengan cabaran utama pelaksanaan wakaf. Ianya merupakan fasa awal yang turut melibatkan pihak berkuasa dan pemegang taruh. Bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja, penyediaan pelbagai keperluan dokumentasi yang berkaitan dan proses permohonan kelulusan MAIN. Pihak pengurusan juga perlu menubuhkan satu Jabatan dan pejabat yang khusus, lengkap dengan sumber manusia yang kompeten, sumber kewangan yang mencukupi serta kemudahan prasarana yang lengkap.

Pada peringkat ini, hala tuju, matlamat strategik, sasaran pencapaian dan pelan tindakan juga perlu digariskan dengan terperinci. Proses pemasaran juga perlu dilaksanakan secara berkesan dengan menonjolkan penjenamaan yang menarik serta kaedah kutipan sumbangan yang mudah, cepat dan mesra pelanggan. Pangkalan data pengurusan yang lengkap serta mudah dicapai adalah sangat penting bagi memastikan maklumat pelanggan, data sumbangan dan laporan pencapaian mudah diselenggarakan. Beberapa siri lawatan ke institusi wakaf yang lain boleh dilakukan sebagai penanda aras dalam

meningkatkan kualiti dan kecekapan pengurusan wakaf institusi pendidikan berkenaan.

b) Fasa Pertumbuhan

Pada fasa ini, kebanyakan organisasi pengurusan wakaf telah mula mencatatkan pertumbuhan. Dalam fasa pertumbuhan ini, pencapaian prestasi kutipan wakaf perlu dinilai dan diukur secara berkala. Banyak ruang penambahbaikan yang boleh diisi dengan memperkenalkan langkah-langkah baharu yang bersesuaian dengan konteks institusi pendidikan berkenaan. Kaedah pelaksanaan dakwah dan pemasaran juga perlu sentiasa dipertingkatkan agar lebih berkesan. Begitu juga dengan proses perakaunan, pelaporan dan pengauditan yang dilaksanakan dengan penuh integriti dan telus. Semua permasalahan dan kekangan pada fasa penubuhan seharusnya telah diselesaikan secara tuntas tanpa sebarang isu baharu yang bersifat kritikal.

Pada fasa pertumbuhan ini, pihak pengurusan seharusnya mengetengahkan perancangan yang lebih mampan bagi meneruskan pencapaian yang disasarkan seperti aktiviti silang kolaborasi bersama dengan pihak dalam dan luar institusi pendidikan secara lebih agresif, hubungan pintar bersama agensi-agensi yang berpotensi, kerjasama strategi lautan biru dan sebagainya menerusi projek-projek wakaf yang berimpak tinggi.

c) Fasa Pengembangan

Fasa pengembangan merupakan lanjutan kepada fasa-fasa yang dilalui sebelum ini di mana iaanya menjadi pemangkin utama kepada fasa seterusnya. Hasil kutipan dan sumbangan wakaf sama ada dalam bentuk aset tunai atau aset harta tanah seharusnya telah mula dikembangkan sebagai asas untuk menjana pulangan dan pendapatan kepada pihak institusi pendidikan. Aktiviti pembangunan harta wakaf juga mula dirancakkan dengan pelbagai projek fizikal dan penglibatan dalam pasaran modal kewangan Islam.

Pada peringkat ini, Jawatankuasa Perancangan dan Pelaburan perlu memainkan fungsi dan peranan yang lebih proaktif dan teliti dalam memastikan hasil yang maksima tanpa melibatkan risiko yang tinggi. Aset wakaf tunai perlu ditukarkan ke dalam bentuk aset kekal yang strategik, manakala aset harta tanah pula mestilah dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan hasil atau manfaat. Pada fasa ini, hasil pulangan dan keuntungan aset wakaf seharusnya telah mula menjana pendapatan yang boleh diagihkan sebagai manfaat kepada *mawquf ‘alaih*, sama ada dalam bentuk manfaat ketara mahu pun manfaat tidak ketara.

d) Fasa Pengukuhan

Pada peringkat ini, pelaksanaan wakaf institusi pendidikan selayaknya telah memiliki asas yang kuat serta kematangan yang cukup untuk mula melakar kecemerlangan. Umumnya, wakaf institusi pendidikan pada fasa ini telah memiliki saiz aset yang berjumlah besar dengan tahap kemampuan pengagihan manfaat yang memberangsangkan. Selain daripada pengagihan hasil manfaat tersebut secara langsung kepada pihak *mawquf ‘alaih*, pihak pengurusan juga perlu memastikan agar sebahagian daripada hasil manfaat wakaf tersebut turut diperuntukkan kepada beberapa keperluan penting yang lain, seperti peruntukan biaya operasi dan pengurusan, peruntukan dana lindung nilai dan lain-lain peruntukan yang difikirkan perlu oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan. Langkah ini penting bagi memastikan pengurusan wakaf institusi pendidikan dapat mempertahankan serta memperkuuhkan lagi pertumbuhan yang dinikmati.

Fasa pengukuhan juga merupakan satu tempoh terbaik untuk menilai semula setiap fasa yang telah dilalui sebelumnya. Matlamat strategik serta pelan tindakan yang pernah digariskan berkemungkinan perlu disemak semula dan diperkasakan sesuai dengan keperluan situasi semasa bagi memastikan wakaf institusi pendidikan terus kekal subur. Institusi pendidikan juga perlu lebih berani menceburi bidang yang lebih mencabar yang boleh mendatangkan hasil pulangan yang lebih tinggi. Penubuhan entiti atau organisasi yang lebih fokus dan berteraskan keuntungan mungkin sesuai dilaksanakan pada peringkat ini

seperti penubuhan syarikat atau koperasi atau sebagainya. Keputusan penting yang lebih besar juga boleh dilaksanakan pada peringkat ini seperti penerokaan dalam sektor pajak gadai, skim pembiayaan makro, institusi perbankan, skim perlindungan takaful, penawaran sukuk dan sebagainya. Kaedah pemilikan atau pengambilalihan pegangan saham-saham juga boleh dilaksanakan baik di dalam atau luar negara, sama ada dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS), syarikat-syarikat berkepentingan awam, sektor industri berat atau syarikat konglomerat gergasi, portfolio pelaburan asing dan sebagainya.

e) Fasa Kecemerlangan

Fasa kecemerlangan adalah kemuncak kepada kejayaan sesuatu proses pelaksanaan. Namun demikian, kecemerlangan pelaksanaan wakaf institusi pendidikan merupakan suatu fasa yang perlu dititikberatkan. Kecemerlangan dalam konteks pelaksanaan wakaf institusi pendidikan merangkumi kejayaan yang bersifat duniawi dan ukhrawi. Oleh yang demikian, kecemerlangan wakaf institusi pendidikan perlu sentiasa dipertahankan dan dipertingkatkan secara berterusan. Antara asas yang paling utama dan perlu dihayati dalam mengekalkan kecemerlangan adalah dengan kekal berpegang teguh kepada prinsip (*istiqamah*), ketelitian dalam proses pemantauan (*muraqabah*) dan sentiasa melaksanakan proses semakan, penilaian dan penambahbaikan (*muhasabah*).

3.4.2 Faktor Kejayaan Wakaf Insititusi Pendidikan

Pada asasnya, terdapat empat faktor penentu kejayaan pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan iaitu tadbir urus yang cekap dan profesional, kesedaran masyarakat yang tinggi, keadaan demografi iaitu populasi penduduk Islam yang ramai dan kedudukan ekonomi yang mantap yang dimiliki oleh umat Islam. Kajian oleh Murat Çizakça terhadap pelaksanaan wakaf di Bandar Bursa, Turki antara tahun 1555 - 1823 menunjukkan hanya sekitar dua puluh (20) peratus sahaja yang dapat bertahan melebihi seratus (100) tahun. Sungguhpun demikian kajian Murat Çizakça menyimpulkan antara faktor kejayaan

pelaksanaan wakaf di Turki yang mampu bertahan lebih daripada seratus (100) tahun ialah keupayaan untuk menarik dana-dana baru ke dalam tabung wakaf, polisi pelaburan semula yang menguntungkan dan fleksibiliti dalam pengambilan keuntungan daripada pinjaman atau pelaburan. *Buku Ungu Pelan Transformasi Pendidikan Negara 2017* menggariskan lapan (8) faktor kejayaan utama dalam memastikan kelestarian wakaf khususnya di institusi pendidikan tinggi negara, seperti berikut:

a) Lembaga Wakaf Yang Efektif

Ahli-ahli Lembaga Wakaf mestilah bertanggungjawab dalam memastikan hasrat pewakaf dipenuhi dan dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin.

b) Pengurus Yang Kompeten

Pengurus yang berpengetahuan, mahir dan inovatif adalah diperlukan untuk melaksanakan prosedur, tatacara dan garis panduan yang disediakan oleh Lembaga Wakaf.

c) Perundangan dan Tadbir Urus Yang Baik

Semua pihak yang terlibat harus sedar bahawa mereka bertanggungjawab sepenuhnya kepada Allah SWT. Setiap keputusan hendaklah dibuat secara *musyawarah*, telus, mematuhi undang-undang semasa dan sebarang permasalahan yang timbul hendaklah ditangani dengan jalan penyelesaian yang terbaik.

d) Sokongan Kewangan dan Pembiayaan Wakaf

Institusi pendidikan mesti menyediakan sokongan kewangan sebagai langkah awal untuk pengurusan wakaf. Penggunaan wang wakaf juga boleh diperuntukkan untuk menampung perbelanjaan pentadbiran termasuk gaji, kos operasi, pembangunan fizikal dan program kecemerlangan akademik, tertakluk kepada persetujuan atau perjanjian dengan pihak pewakaf.

e) Pemasaran Strategik

Kajian pemasaran pintar adalah amat penting dalam usaha mempromosikan produk wakaf secara efektif bagi memupuk dan menyuburkan budaya kedermawanan secara berterusan.

f) Perlindungan Aset Wakaf

Lembaga Wakaf dan pengurus wakaf mestilah berpengetahuan dan bertanggungjawab memastikan prinsip dan rukun wakaf dipatuhi sepenuhnya.

g) Kelestarian Pelaburan

Jawatankuasa Pengurusan Wakaf mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam sebarang pelaburan berasaskan syariah demi kelestarian pelaksanaan wakaf institusi pendidikan.

h) Pemantauan dan Pelaporan

Dokumentasi semua aktiviti wakaf mestilah dilaporkan secara berkala dan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf mestilah mempamerkan ketelusan dan akauntabiliti. Kedua-dua skop audit dalaman dan luaran juga mestilah dilaksanakan dengan teratur.

3.4.3 Cabaran Pelaksanaan Wakaf Institusi Pendidikan

Dalam melaksanakan wakaf institusi pendidikan pastinya pelbagai kekangan dan cabaran perlu dihadapi oleh pihak pengurusan wakaf institusi pendidikan. Cabaran paling utama yang perlu ditempuhi ialah isu-isu pentadbiran dan

pengurusan wakaf, sumber kewangan, tahap kefahaman masyarakat dan usaha-usaha pemasaran wakaf yang dijalankan.

Selain daripada itu, isu-isu seperti ketidakseragaman undang-undang wakaf, lokasi harta tanah wakaf yang tidak strategik, pencerobohan terhadap harta tanah wakaf, pewakafan harta tanah yang tidak didaftarkan, tiada aktiviti komersial yang dibangunkan di atas harta tanah wakaf dan banyak lagi. Di samping itu, ketiadaan kepakaran yang mencukupi, kekurangan kakitangan yang kompeten, ketiadaan pengkhususan kerja dalam kalangan kakitangan serta dalam mengurus wakaf turut menyelubungi institusi wakaf di negara ini. Terdapat enam cabaran utama dalam melestarikan wakaf institusi pendidikan yang telah digariskan dalam *Buku Ungu Pelan Transformasi Pendidikan Negara 2017*, sebagaimana berikut:

a) Kesedaran

Tahap kesedaran terhadap wakaf perlu diberikan perhatian khusus kerana ianya adalah cabaran utama dalam pelaksanaan wakaf. Tahap pendedahan dan pemahaman masyarakat terhadap amalan wakaf secara umumnya masih di tahap yang rendah. Wakaf kurang mendapat sambutan kerana usaha pemasaran yang dijalankan masih lemah dan kurang memberangsangkan. Hal ini sedemikian kerana kekurangan maklumat atau pengetahuan mengenai wakaf telah mengakibatkan salah faham terhadap konsep wakaf dengan membayangkan pembinaan masjid, tanah perkuburan dan pengurusan tanah terbiar sahaja atau dianggap serupa sahaja dengan derma dan sumbangan umum. Ringkasnya, apabila semakin tinggi kesedaran terhadap wakaf, maka akan semakin tinggila juga jumlah kutipan dan sumbangan wakaf.

b) Kekurangan Pentadbiran Yang Berwibawa

Isu-isu seperti kekurangan sokongan pengurusan atasan, Ahli Lembaga Wakaf yang kurang berperanan, kerjasama yang lemah antara agensi berkaitan wakaf dengan pihak pengurusan institusi pendidikan dan sebagainya.

c) Keperluan Bakat

Kekurangan pengurus yang profesional dan mahir dalam pengurusan teknikal wakaf serta kakitangan yang berpengalaman dan memiliki pengetahuan yang cukup.

d) Kekangan Undang-Undang

Penggunaan istilah wakaf yang memerlukan kelulusan MAIN dianggap sebagai kekangan, sedangkan ianya adalah peraturan yang diperlukan dalam mengawal selia. Institusi pendidikan perlu sedar tentang kewujudan akta dan perundangan wakaf yang dikuatkuasakan di setiap negeri masing-masing. Pengharmonian undang-undang berkaitan wakaf perlu disegerakan dan sentiasa ditambah baik, contohnya dalam isu tanah wakaf bagi institusi pendidikan yang dimiliki kerajaan pusat kerana hal ehwal tanah adalah di bawah urusan kerajaan negeri. Terdapat beberapa perundangan seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Peraturan Tanah Negeri dan sebagainya yang perlu disemak dan dipinda.

e) Keunikan Prinsip Wakaf

Sifat dan prinsip harta wakaf yang tidak boleh dipindah milik, mestи dikekalkan selamanya dan tidak boleh digunakan sebagai cagaran disalahertikan sebagai penghalang kepada pengembangan harta wakaf.

f) Penjanaan Dana

Pengurusan dana wakaf merupakan tulang belakang kepada kejayaan sesebuah institusi pendidikan wakaf. Kekurangan kreativiti dalam aktiviti pengumpulan dana untuk menjana sumber pendapatan alternatif wakaf pastinya akan merencatkan pelaksanaan wakaf.

3.5 Kesimpulan

Wakaf merupakan salah satu instrumen terbaik yang memiliki nilai, potensi dan impak tinggi dalam membiayai bidang pendidikan. Pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan telah melakar sejarah penting yang panjang dan sangat gemilang di seluruh dunia Islam termasuk di Tanah Melayu. Bermula dengan kelas-kelas pengajian di masjid dan surau sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi dengan pelbagai kegemilangan ketamadunan Islam dalam pelbagai aspek kemajuan. Pelaksanaan wakaf juga telah dicemburui dan ditiru oleh pihak barat menerusi konsep endowmen, badan amanah, yayasan dan sebagainya yang juga terbukti berjaya membiayai aktiviti keilmuan dan pembangunan pendidikan mereka. Dalam pada itu, pelaksanaan wakaf di negara-negara Islam terus asak daripada pelbagai sudut menerusi penjajahan dan serangan propaganda ideologi barat. Kini, tiba saat dan masanya seluruh institusi pendidikan Islam khususnya di Malaysia perlu menjalankan usahasama serta meningkatkan kerjasama dengan pihak MAIN, pihak kementerian dan sektor swasta dengan sebaik mungkin dalam memperkasakan semula peranan dan pelaksanaan wakaf institusi pendidikan.

Di samping itu, setiap institusi pendidikan yang menjalankan aktiviti kutipan sumbangan wakaf juga perlu memahami ACP 1967 bagi menangani isu-isu berkenaan pelepasan cukai yang berkaitan dengan keperluan pihak *waqif* dan juga pihak LHDN. Bagi memastikan kelestarian wakaf institusi pendidikan, pihak pengurusan juga haruslah memiliki hala tuju yang jelas, serta mengenal pasti dan mengaplikasikan elemen atau faktor yang boleh mengekalkan dan melonjakkan kejayaan, selain bersedia dengan langkah-langkah yang diperlukan dalam menghadapi pelbagai cabaran pengurusan wakaf yang dinamik dan kompleks.

BAB 4 : TADBIR URUS WAKAF

4.1 Pengenalan

Tadbir Urus merujuk kepada suatu sistem di mana sesebuah organisasi diurus dan dikawal selia. Pelaksanaan wakaf institusi pendidikan mesti memiliki struktur dan panduan tadbir urus yang jelas bagi memastikan *maqasid* syariah wakaf dapat dipenuhi dengan sebaiknya. Oleh itu, bab ini akan menyentuh berkenaan kriteria dan syarat-syarat pentadbir wakaf, selain tugas, tanggungjawab dan etika dalam mentadbir harta wakaf serta kaedah pemecatan pentadbir wakaf. Keperluan penubuhan badan induk pentadbir wakaf institusi pendidikan serta fungsi dan peranan badan tersebut juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Di samping itu, bab ini juga turut membincangkan secara terperinci berkenaan model tadbir urus dalam konteks pelaksanaan wakaf institusi pendidikan di Malaysia dan penubuhan Jawatankuasa Kerja Wakaf yang bersesuaian bagi melicinkan hal ehwal pentadbiran wakaf.

4.2 Pentadbir Wakaf

Pentadbir wakaf adalah orang atau badan yang diserah kuasa atau kewajipan untuk mengurus dan memelihara harta wakaf, sama ada dalam konteks sebagai *nazir*, *mutawalli* atau *qayyim*. Setiap pentadbir wakaf adalah bertanggungjawab memelihara dan mengurus harta wakaf dengan sebaik-baiknya sesuai dengan tujuan harta wakaf tersebut. Istilah *nazir*, *mutawalli* dan *qayyim* adalah sinonim dengan maksud pengurus dan pentadbir *mawquf*. *Nazir* secara etimologi bermaksud menjaga, memelihara, mengelola dan mengawasi. Secara umumnya *nazir* bermaksud pihak yang memeriksa suatu objek atau sesuatu hal yang berkaitan dengan objek yang ada dalam pemeriksaannya itu. Istilah *mutawalli* juga adalah sinonim dengan istilah *nazir* yang mempunyai

maksud serupa iaitu orang atau badan yang diberi kuasa dan kewajipan untuk mengurus *mawquf*.

Dalam erti kata lain, *mutawalli* ialah pihak yang mendapat kebenaran untuk menguruskan harta wakaf yang juga di bawah kategori pengurus dan pentadbir wakaf. Selain itu, pihak agen atau wakil juga boleh dilantik bagi melaksanakan sesuatu tugas wakaf yang dikenali sebagai *qayyim*. MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, perlu memantau setiap pentadbir wakaf yang dilantik agar sentiasa mengambil sikap cermat, teliti dan berhati-hati supaya setiap harta wakaf dapat dimajukan dengan cara yang terbaik bagi memastikan harta itu terus berkekalan serta berupaya meningkatkan sosioekonomi umat Islam. Ini bersesuaian dengan kaedah *fiqh* “*Tasarruf al-Imam Manuuthun bi al-Maslalah*” yang bermaksud pengurusan setiap pemimpin mestilah berteraskan kepada suatu kepentingan (*maslahah*).

Namun demikian, kaedah yang jelas dan mudah perlu diwujudkan oleh MAIN dan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa, bagi memberi kemudahan kepada pentadbir wakaf dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Dalam konsep tadbir urus ini, fokus diberikan kepada soal-soal berkenaan tanggungjawab, akauntabiliti, ketelusan, kesepakatan dan kepimpinan. Hal ini penting bagi memastikan setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan tadbir urus wakaf dapat menjalankan tugas masing-masing dengan teratur dan tidak menyalahgunakan kuasa yang ada demi kepentingan peribadi.

Secara prinsipnya, tadbir urus wakaf mestilah digerakkan oleh kakitangan yang cekap, imej yang bersih, pelan strategi yang lestari, prosedur, tatacara dan garis panduan yang lengkap, dan penyampaian yang berkesan sebagaimana berikut:

a) Kakitangan Yang Cekap

Pentadbiran wakaf institusi pendidikan perlu diurus oleh kakitangan yang cekap. Cekap bermaksud kemampuan dan kemahiran seseorang itu dalam melaksanakan sesuatu urusan.

b) Imej Yang Bersih

Pegawai pengurusan wakaf mestilah memiliki imej yang bersih dan tidak dicemari oleh sebarang isu penyelewengan atau salah laku dalam setiap tadbir urus.

c) Pelan Strategi Yang Lestari

Pelan pembangunan wakaf yang strategik dan lestari perlu dibangunkan dalam memastikan pemasaran dan pengurusan wakaf dapat dilaksanakan dengan optimum.

d) Prosedur, Tatacara dan Garis Panduan Yang Lengkap

Segala bentuk dokumen panduan perlu dibangunkan dengan lengkap dan jelas untuk menggerakkan segala sumber, bakat dan aset ke arah tadbir urus yang cemerlang.

e) Penyampaian Yang Berkesan

Penyampaian yang berkesan adalah amat penting kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat agar mesej wakaf dapat difahami dengan jelas dan dihayati sebaik mungkin, khususnya dalam kalangan pemegang taruh institusi pendidikan, merangkumi pengurusan tertinggi, kakitangan, pelajar, pesara dan alumni serta masyarakat umum.

4.2.1 Syarat Pentadbir Wakaf

Pentadbir wakaf mestilah mempunyai kewibawaan dan syarat-syarat yang sesuai dengan tugasnya yang mulia. Setiap pentadbir wakaf perlu bersifat amanah, jujur dan berdedikasi. Tanpa adanya sifat-sifat penting di atas, sudah tentu akan menjelaskan hak penerima wakaf dan akan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi wakaf serta mengundang natijah

yang buruk. Rasulullah SAW telah memberi amaran keras terhadap pentadbir yang tidak amanah dengan sabda Baginda yang bermaksud:

“Apabila amanah disia-siakan, maka tunggulah Kiamat (kehancuran), lalu seseorang bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimanakah ia disia-siakan? Baginda menjawab: Apabila urusan itu dikendalikan oleh orang yang bukan ahlinya” (Riwayat Bukhari).

Menurut Muhammad Zain Haji Othman (1982), seseorang yang hendak dilantik sebagai *mutawalli* bagi mentadbir dan menguruskan harta wakaf perlulah memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan, iaitu beragama Islam, berakal, *baligh*, adil, boleh dipercayai dan mampu menyelenggarakan urusan-urusan wakaf. Secara lebih khusus, beliau hendaklah terdiri daripada seseorang yang memiliki ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan wakaf, memiliki sifat bertanggungjawab dan sihat secara fizikal dan mental. Sekiranya terdapat kekurangan daripada syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas, pihak berkuasa boleh menarik balik tugasnya dan berhak menggantikannya dengan orang yang difikirkan lebih layak daripadanya.

Jika terdapat syarat-syarat di atas yang gagal dipenuhi oleh pentadbir wakaf tersebut maka pihak berkuasa berhak menarik balik pelantikannya, sama ada dengan segera bertindak mengambil alih urusan pentadbiran harta wakaf tersebut atau dengan menggantikannya menerusi proses pelantikan pentadbir wakaf yang baharu yang didapati lebih sesuai dan layak menggalasnya. Sekiranya kegagalan pentadbir wakaf tersebut telah berjaya diatasi maka pelantikan boleh dikembalikan semula dan diserahkan kembali tanggungjawab tersebut kepadanya. Ini juga terpakai jika beliau disebut sendiri oleh pewakaf sebagai pentadbirnya.

4.2.2 Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir Wakaf

Kaedah dan corak pentadbiran atau pengurusan harta wakaf serta kaedah penggunaan hasil wakaf adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh pewakaf. Sejauh mana hasrat pewakaf dapat direalisasikan adalah amat bergantung kepada kecekapan dan kebijaksanaan pihak pentadbir wakaf. Pihak

MAIN bertanggungjawab menentukan setiap harta yang diwakafkan oleh *waqif* diurus dengan sebaik mungkin bagi memastikan penerima (*mawquf 'alaih*) seperti yang ditentukan oleh *waqif* dapat memperoleh manfaatnya.

Imtiaz Ahmad Khan (1988) telah memperincikan tugas-tugas pentadbir wakaf kepada dua puluh (20) tanggungjawab yang perlu dilaksanakan terutamanya mengurus harta wakaf dengan jujur dan berkesan serta mengekalkan, meningkatkan dan membangunkan harta wakaf tersebut dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan pendapatan yang maksimum. Dalam menjalankan tugasnya, pentadbir wakaf juga mempunyai kuasa dan hak ke atas harta wakaf yang ditadbirkannya. Pentadbir wakaf mempunyai hak dan kuasa penuh untuk:

- a. Mengurus dan memantau harta wakaf di bawah kawalannya, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh *waqif*, di mana sifat asal harta wakaf tidak boleh ditukar kecuali kepada perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak;
- b. Menggunakan pendapatan harta wakaf yang baharu untuk menambah harta wakaf yang sedia ada; dan
- c. Melantik kakitangan yang bersesuaian untuk melaksanakan pembangunan harta wakaf.

Pentadbir wakaf mempunyai tugas-tugas tersendiri yang secara ringkasnya adalah seperti senarai di bawah:

- a. Menguruskan hal ehwal berkaitan harta wakaf termasuk pembangunan, penyewaan, mengutip hasil dan membahagikan hasilnya kepada mereka yang berhak, menyimpan sumber dan hasil sebagai simpanan;
- b. Jika pewakaf mensyaratkan dua (2) orang pentadbir, maka mereka berdua tidak boleh menguruskannya secara berasingan selagi tidak disebutkan sebaliknya; dan
- c. Menyediakan laporan secara berkala atau tahunan ke atas semua hasil wakaf, program dan aktiviti yang telah dijalankan.

Dalam menjalankan tugas sebagai pemegang amanah, *mutawalli* yang dilantik untuk menguruskan sesuatu harta wakaf hendaklah melaksanakan empat tanggungjawab asas iaitu:

- a. Memelihara dan menjaga harta wakaf;
- b. Melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada pembangunan harta wakaf;
- c. Menerima hasil pembangunan dan pelaburan harta wakaf; dan
- d. Mengagihkan hasil harta wakaf kepada pihak yang berhak menerimanya.

Pada prinsipnya, seseorang pentadbir wakaf mempunyai tanggungjawab yang meliputi seluruh kegiatan dan aktiviti yang berhubung dengan keselamatan harta wakaf, pengembangan dan pembangunan harta wakaf serta pengagihan hasil harta wakaf. Pentadbir wakaf hendaklah menjalankan amanah dan melangsungkan syarat-syarat atau niat dikenakan oleh pewakaf selagi mana syarat tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak. Antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pentadbir wakaf ialah:

- a. Menjalankan tugas-tugas sebagai pentadbir wakaf dengan penuh amanah dan berintegriti;
- b. Menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan untuk mengembang, menambah dan memajukan lagi harta dan hasil-hasil wakaf. Pentadbir wakaf perlu mengadakan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang agar perancangan dan tindakan yang diambil kelak benar-benar mendatangkan faedah; dan
- c. Sentiasa bersifat sabar, berwaspada dan teliti ketika menjalankan tugas, lebih-lebih lagi ketika berdepan dengan pelbagai cabaran dan masalah.

Setiap tindakan pentadbir wakaf hendaklah berasaskan kepada *syura*, kepakaran dan kebijaksanaan agar tiada kebarangkalian kerugian, di samping dapat memastikan hasil pulangan yang maksima.

4.2.3 Etika Pentadbir Wakaf

Asal perkataan etika adalah membawa maksud adat, kebiasaan, budaya, tingkah laku dan watak. Dari perspektif Islam, etika merujuk kepada norma-norma berkaitan dengan baik atau buruk dalam melakukan sesuatu urusan. Piawaian nilai baik dan buruk tersebut mestilah berasaskan syariat dan

berlandaskan akidah, syariah dan akhlak. Etika yang menepati kehendak syarak merupakan keperluan utama kepada setiap pentadbir wakaf sama ada individu maupun organisasi bagi memastikannya terhindar daripada sebarang elemen negatif. Pentadbiran wakaf merupakan salah satu daripada bidang pengurusan amanah harta yang amat luas dan bersifat kompleks. Setiap pentadbir wakaf mestilah memiliki etika kerja yang dapat mengawal dan memimpin ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan.

Akidah merupakan konsep yang paling penting dan tertinggi dalam Islam. Konsep tauhid terdiri daripada dua hubungan secara menegak dan mendatar. Hubungan menegak (*vertical dimension*) menunjukkan hubungan manusia dengan penciptanya iaitu Allah SWT. Hubungan mendatar (*horizontal dimension*) pula menggambarkan hubungan antara manusia dengan makhluk yang lain. Prinsip tauhid juga membawa maksud manusia wajib beriman bahawa hanya Allah SWT sahaja pencipta alam dan manusia hanyalah hamba dan khalifah yang diberikan amanah oleh Allah SWT untuk menguruskan sumber-sumber yang ada di alam ini. Konsep ini perlu difahami dan dihayati oleh setiap pentadbir wakaf demi kebahagiaan kehidupan di dunia ini dan di akhirat nanti. Paradigma tauhid bertindak sebagai satu semangat untuk memenuhi kriteria. Elemen-elemen yang akan mengisi kriteria itu pula akan menjana tenaga kepada semangat tauhid yang akan digunakan dalam konteks pentadbiran wakaf.

Terdapat empat kriteria yang membentuk tauhid dalam pentadbiran wakaf iaitu kerohanian, etika, realistik dan kemanusiaan. Keempat-empat kriteria tersebut perlu dipatuhi oleh mana-mana pentadbir wakaf dalam setiap hal ehwal pentadbiran dan pengurusan wakaf.

a) Kerohanian

Kerohanian bermaksud semua keputusan, tindakan dan aktiviti perlu bersandarkan kepada sumber al-Quran dan hadith. Imam al-Ghazali melihat asas pembentukan kebaikan setiap insan adalah terletak kepada kebersihan rohaninya dan rasa akrabnya kepada Allah SWT. Al-Ghazali turut memberikan

beberapa kaedah latihan bagaimana untuk bertaqarrub kepada Allah SWT yang secara langsung dapat mempengaruhi kerohanian, di antaranya yang terpenting ialah *al-muraqabah* iaitu meyakini bahawa diri ini sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT dan *al-muhasabah* iaitu sifat sentiasa mengaudit dan memperbetulkan diri.

b) Etika

Etika pula merupakan peraturan yang perlu dipegang oleh setiap umat Islam berlandaskan ajaran al-Quran dan hadith. Setiap pentadbir wakaf mestilah sentiasa mensucikan fikiran, hati dan perasaan serta membersihkan tindakan dan perbuatan dalam setiap hal ehwal pentadbiran dan pengurusan wakaf sama ada sebelum memulakannya, semasa melakukannya, mahupun selepas menyempurnakannya.

c) Realistik

Realistik pula bermaksud setiap pentadbir wakaf perlu rasional, seimbang dan munasabah dalam menjalankan pentadbiran wakaf dengan mempertimbang kemampuan sebenar, situasi semasa serta persekitaran yang sesuai selagi tidak bertentangan dengan hukum al-Quran dan hadith.

d) Kemanusiaan

Kemanusiaan pula merujuk kepada sifat-sifat baik yang harus dipegang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti bersifat ikhlas, jujur, amanah, adil, cekap, bertimbang rasa, sukarela dan sebagainya. Pentadbir wakaf juga merupakan sebahagian daripada duta pengurusan kewangan Islam. Oleh yang demikian, adalah sangat penting bagi setiap pentadbir wakaf untuk kekal mengamalkan nilai-nilai murni yang merangkumi etika umum dan khusus.

4.2.4 Etika Umum

Dalam konteks etika umum, setiap pentadbir wakaf mestilah memiliki empat (4) sifat utama yang dimiliki oleh Rasulullah SAW iaitu benar, amanah, menyampaikan dan bijaksana.

a) Benar

Seseorang pentadbir wakaf haruslah sentiasa bersifat *siddiq* iaitu benar pada tutur kata, pemikiran dan tindakan. Sifat benar adalah manifestasi kepada tahap keimanan yang dizahirkan menerusi sikap dan tindakan sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan menepati prinsip syariah dan akhlak.

b) Amanah

Amanah bermaksud bertanggungjawab dan boleh dipercayai. Pentadbir wakaf mestilah memiliki ciri-ciri sifat amanah yang diperlukan seperti jujur, menepati masa, menunaikan janji, adil, memiliki komitmen serta disiplin yang tinggi, mematuhi peraturan dan sebagainya.

c) Menyampaikan

Pentadbir wakaf hendaklah bersifat *tabligh* iaitu menyampaikan dakwah wakaf seluas-luasnya dan melaporkan maklumat yang berkaitan kepada semua pihak yang berkepentingan, selain turut memperlihatkan integriti dan ketelusan. Sifat *tabligh* merupakan asas yang paling penting dalam pemasaran Islam. Penyampaian yang penuh hikmah menerusi pelbagai pendekatan yang profesional pastinya akan dapat menyuburkan kefahaman, kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam berwakaf selain meningkatkan keyakinan, penglibatan dan kesetiaan mereka untuk melazimi ibadah wakaf.

d) Bijaksana

Pentadbir wakaf juga mesti memiliki kecerdasan akal dan daya kepintaran atau kebijaksanaan (*fatanah*) yang tinggi dalam menguruskan harta wakaf. Daya kreativiti dan inovasi dalam pembangunan harta wakaf dan pengagihan manfaat wakaf juga amat penting sebagai sebahagian daripada elemen kebijaksanaan pentadbir wakaf. Ianya boleh dibangunkan menerusi latihan dan kursus yang berkaitan, bagi mendapatkan kemampuan dan kemahiran yang diperlukan.

Selain daripada itu, pentadbir wakaf juga perlu bijak dalam menangani pelbagai cabaran pengurusan isu dan risiko, di samping memiliki kecekapan yang diperlukan dalam menguruskan setiap peluang.

4.2.5 Etika Khusus

Selain daripada empat elemen etika umum pentadbir wakaf yang dihuraikan di atas, terdapat banyak lagi etika khusus yang perlu diaplikasikan sebagai pelengkap kepada ciri-ciri pentadbir wakaf yang berprestasi tinggi dan dihormati.

a) Takwa

Takwa adalah kalimah bahasa Arab daripada kata terbitan “*waqa-yaqi-wiqayah*” yang membawa maksud memelihara dan melindungi. Di dalam al-Quran terdapat lebih dari dua ratus (200) kalimah yang merujuk kepada takwa antaranya adalah firman Allah SWT yang mafhumnya:

“Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah dilakukan sebagai pembalasan hari esok (Akhirat). Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui setiap apa yang kamu lakukan” (Surah al-Hasyr 59: 18).

Di antara ciri-ciri orang yang bertakwa ialah rasa takut kepada kemurkaan Allah SWT, bersungguh-sungguh mengharapkan keredhaan-Nya, kekal dalam bersyukur, sentiasa berwaspada atau berhati-hati di dalam setiap tindakan dan memiliki sikap peduli terhadap semua makhluk Allah SWT.

b) Ikhlas

Ikhlas menurut bahasa bermaksud bersih, murni dan khusus. Ikhlas merupakan salah satu daripada amalan hati yang paling utama kerana hanya amalan yang ikhlas sahaja yang akan diterima Allah SWT. Ikhlas dalam konteks kerohanian membawa erti niat yang suci dalam sesuatu amalan, dengan membersihkannya dari segala kepentingan peribadi mahupun keuntungan duniawi, semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT. Pentadbir wakaf yang ikhlas seharusnya mementingkan apa yang ada di sisi Allah SWT berbanding apa yang ada di sisi manusia dengan menyucikan niat, perkataan dan tindakannya, menjadikan solat, ibadah, hidup dan matinya demi hanya kerana Allah SWT, Tuhan semesta alam.

c) Zuhud

Masyarakat umum hari ini memiliki tanggapan salah terhadap maksud zuhud dengan menyempitkan definisinya kepada sikap anti dalam hal ehwal keduniaan, mengekalkan keadaan dalam serba kekurangan atau kedaifan, berlepas tangan daripada urusan kebendaan dan memfokuskan kehidupan hanya untuk urusan akhirat. Hakikatnya, zuhud adalah sifat hati yang bersih daripada taklukan tipu daya duniawi. Orang yang bersifat zuhud tidak terpesona dengan kesenangan dan kemewahan, tidak terlalu bergembira atau bangga dengan apa yang dicapai dan tidak gelisah, kecewa atau meratapi kehilangan kesenangan duniaiwinya.

Oleh yang demikian, sifat zuhud boleh dimiliki oleh sesiapa sahaja sama ada miskin atau kaya, tua atau muda, lelaki atau perempuan. Pentadbir wakaf seharusnya memiliki hati yang zuhud, tidak dikuasai oleh kecintaan kepada

kemewahan atau keduniaan, kerana apabila hati telah ditakluki oleh tipu daya duniaawi, maka mereka akan mudah terdorong untuk pelbagai salah laku.

d) Adil

Pengertian adil menurut bahasa adalah apabila sesuatu urusan itu diletakkan sesuai dengan tempatnya. Dengan demikian, adil bukanlah semestinya bermaksud penyamarataan semata-mata, namun lebih kepada maksud memutuskan sesuatu ketetapan sesuai dengan hak dan hukum, mengikut masa, tempat, keadaan dan situasi. Keadilan merupakan aspek fundamental dalam berinteraksi kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, konsep keadilan diperlukan dalam setiap proses pertimbangan, keputusan dan tindakan, sama ada dalam urusan untuk diri sendiri atau apa sahaja urusan yang lain. Pentadbir wakaf yang adil tidak akan dapat dipengaruhi oleh faktor keluarga, rakan karib, jiran, sahabat lama dan sebagainya. Pentadbir wakaf juga tidak boleh menurutkan perasaan sedih, kasihan, terhutang budi, gembira dan sebagainya.

e) Menepati Waktu

Umumnya, menepati waktu merupakan perlakuan yang mencirikan seseorang individu sentiasa melakukan sesuatu tanggungjawab ataupun tugas mengikut waktu yang telah telah ditetapkan, sama ada dipersetujui secara lisan mahupun secara bertulis. Kegagalan menepatinya adalah sebahagian ciri-ciri kemunafikan dan dianggap sebagai suatu bentuk kelemahan dan kegagalan. Malah lebih daripada itu, pengabaian kepada menepati waktu juga merupakan sebahagian daripada manifestasi sikap cuai dan lalai yang boleh mengakibatkan pembaziran masa, tenaga dan harta.

Kebiasaananya, indikator paling asas yang digunakan bagi menilai personaliti individu adalah dengan melihat sikapnya dalam menepati waktu. Islam amat menekankan kepentingan masa dan ketepatan waktu. Ianya boleh dirujuk daripada sumber al-Quran dan hadith yang amat banyak menyentuh mengenainya dan dapat difahami dengan sangat jelas dan mudah. Ringkasnya, sikap tidak menepati waktu merupakan perbuatan yang hina dan amat

memalukan. Oleh yang demikian, setiap pentadbir wakaf mestilah mengamalkan sikap menepati waktu dan sentiasa merancang dengan bijak agar tidak terlewat daripada waktu yang ditetapkan.

f) Rela Berkorban

Sikap rela berkorban adalah tindakan yang mencerminkan adanya kesediaan untuk menyumbangkan kepentingannya demi kesejahteraan pihak lain, sekalipun tindakannya itu bakal menimbulkan kesukaran buat dirinya sendiri. Dalam pengertian yang lebih sederhana, pentadbir wakaf yang rela berkorban seharusnya memiliki sikap dan perilaku yang tidak mengharapkan sebarang balasan dalam mendahuluikan kepentingan orang lain lebih daripada kepentingan sendiri.

g) Cermat

Cermat secara umumnya membawa maksud berhati-hati, berwaspada, bersikap teliti atau membuat pengamatan dengan penuh minat serta tekun. Dalam hal perbelanjaan, cermat membawa maksud tidak boros dan pandai berjimat. Sikap cermat amat penting untuk dimiliki oleh setiap pentadbir wakaf kerana ianya juga merupakan sebahagian daripada ciri-ciri takwa dengan sentiasa berwaspada agar tidak terjebak kepada perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Ubay bin Ka'ab RA ketika ditanya oleh 'Umar al-Khattab RA berkenaan maksud takwa, menggambarkan semula persoalan tersebut dengan persoalan: "*Wahai Amirul Mukminin, bagaimanakah sikapmu apabila melalui jalan yang penuh dengan duri?*" 'Umar RA menjawab:

"Aku pasti akan amat berhati-hati dan penuh waspada. Aku akan melihat tempat untuk kedua kakiku berpijak. Aku akan majukan sebelah kaki dan fikirkan untuk sebelah kaki lagi kerana bimbang terkena duri". Ubay menyatakan: "*Itulah takwa!*".

h) Cekap

Cekap bermaksud kemampuan dan kemahiran dalam sesuatu urusan. Dalam skop yang lebih luas, kecekapan adalah kebolehan, kebijaksanaan dan kepentasan dalam melaksanakan sesuatu tindakan penting dengan sempurna, efisyen dan efektif. Selain daripada ciri-ciri kemampuan dan kemahiran tersebut, pentadbir wakaf yang cekap juga perlu memiliki daya penguasaan dalam pengurusan risiko. Pengabaian terhadap elemen pengurusan risiko akan menyebabkan pentadbiran wakaf terdedah kepada ketidakpastian yang boleh merencatkan perkembangan dan pembangunan wakaf institusi pendidikan.

i) Sabar

Sifat sabar merupakan sifat para rasul dan nabi AS. Terlalu banyak ayat al-Quran yang membicarakan berkenaan sabar yang di antaranya adalah Ali Imran 3: 200; al-Baqarah 2: 153 - 155; al-An'am 6: 34; al-Kahf 18: 28; Taha 20: 132; al-Syu'ara 26: 43; al-Zumar 39: 10; Muhammad 47: 31; al-Insan 76: 23-24; dan banyak lagi. Kesabaran secara umumnya membawa maksud ketabahan. Menurut istilah syarak, sabar adalah kekal bertahan dan bersungguh-sungguh dalam menghadapi tiga (3) keadaan iaitu ketika berusaha untuk melaksanakan titah perintah Allah SWT, untuk meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT dan untuk bertahan dalam menghadapi musibah menyakitkan yang merupakan ujian daripada-Nya. Pentadbir wakaf perlu memiliki kesabaran yang tinggi serta sentiasa beristiqamah dalam setiap aspek pengurusan wakaf, selain bersabar dalam menangani pelbagai cabaran dan rintangan untuk membangunkan wakaf.

j) Kreatif dan Inovatif

Kreatif bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea yang asli, manakala inovatif adalah perihal membangunkan pelbagai idea yang baik dengan gabungan nilai tambah baharu yang hebat. Pentadbir wakaf perlu sentiasa meneroka ruang dan mencipta peluang, di mana daya kreativiti dan inovasi merupakan nilai yang amat penting

untuk diaplikasikan. Sifat kreatif dan inovatif amat digalakkan oleh Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Baqarah 2: 29. Walau bagaimanapun, prinsip serta kehendak syarak haruslah menjadi landasan utama dalam mengembangkan potensi kreativiti dan daya inovasi setiap pentadbir wakaf institusi pendidikan.

k) Berani

Pentadbir wakaf perlu bersifat berani dalam menyatakan kebenaran dan mempertahankan prinsip-prinsip Islam. Pentadbir wakaf juga perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dalam pentadbiran yang dijalankan. Walau bagaimanapun, keberanian bukanlah bermaksud tindakan yang melulu atau membawa tuli. Keberanian haruslah disertai dengan strategi dan perancangan yang baik.

I) Nilai-Nilai Kepimpinan

Pemimpin adalah tauladan kepada golongan yang dipimpin. Pemimpin yang hebat akan menyediakan acuan terbaik buat ikutan kakitangan bawahannya. Pentadbir wakaf perlu memiliki dan mengamalkan nilai-nilai kepimpinan yang murni dan bereputasi tinggi. Setiap pemimpin harus memiliki matlamat perjuangan dan kecemerlangan yang jelas untuk agama, organisasi dan ummah. Pemimpin juga perlu sentiasa berdaya saing dan kreatif, berkemahiran tinggi dan sentiasa bermotivasi, selain mampu berfikir di luar kotak. Pemimpin yang hebat juga perlu sentiasa berkeupayaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik daripada segi kepimpinan, kerja berpasukan, kerohanian dan nilai kendiri, selain memiliki daya ketahanan dan ketabahan di saat mendepani pelbagai risiko atau cabaran demi untuk menempa kejayaan.

Di antara nilai kepimpinan yang juga perlu sentiasa diamalkan adalah penghayatan disiplin yang tinggi, pembudayaan konsep syura, ketegasan dalam mempertahankan hak, sentiasa menepati janji, kemesraan yang bersesuaian dan berbudi bahasa dalam setiap tindakan, sama ada dalam tingkah laku, ucapan atau perbuatan. Di samping itu, pemimpin yang hebat

perlu memiliki sikap keprihatinan terhadap kebijakan staf bawahan, bijak dalam menyelesaikan permasalahan mereka, selain berupaya menghargai peranan dan sumbangan mereka terhadap organisasi. Potensi laluan kerjaya untuk mereka juga perlu dibangunkan menerusi pelbagai program dan latihan yang bersesuaian bagi membentuk personaliti kakitangan yang berkemahiran, memiliki keutuhan jati diri, kemantapan rohani dan daya tahan yang tinggi. Langkah-langkah tersebut amat penting dalam memastikan perubahan sikap dan tingkah laku mereka ke arah yang lebih baik bagi membolehkan mereka menjadi sumber tenaga penggerak yang maju, dinamik dan progresif dalam semua aspek selaras dengan keperluan pembangunan ummah dan negara.

4.2.6 Ganjaran Pentadbir Wakaf

Individu atau organisasi yang dilantik untuk mengurus dan mentadbir harta wakaf adalah berhak mendapat ganjaran daripada hasil wakaf tersebut, sama ada di atas kapasiti sebagai *nazir* atau *mutawalli* atau *qayyim*. Menurut Wahbah al-Zuhaili, apabila seseorang pentadbir harta wakaf itu bekerja untuk memajukan harta wakaf, maka pentadbir tersebut hendaklah mengambil ganjaran yang berpatutan. Dengan kata lain, ganjaran yang diterima oleh pentadbir wakaf hendaklah sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan.

Hal ini berdasarkan kepada peristiwa pewakafan tanah ‘Umar RA di Khaibar, di mana beliau menyebut bahawa;

“Tidaklah salah bagi pengurus sesuatu harta wakaf untuk mengambil sebahagian daripada hasilnya dengan cara yang makruf (sebagai upah) daripada usahanya” (Bukhari dan Muslim).

Imam al-Qurthubi pula menyebut bahawa pentadbir wakaf mendapat ganjaran daripada hasil wakaf walaupun sekiranya pihak *waqif* telah meletakkan syarat bahawa pentadbir wakaf tidak boleh memakan hasilnya. Begitu juga dalam perbelanjaan menguruskan harta wakaf, sekiranya tiada ketentuan daripada pewakaf semasa melakukan ibadah wakaf berkenaan, maka belanja bagi

menguruskan harta wakaf itu perlu diambil daripada hasil pendapatan atau hasil harta wakaf itu sendiri. Sebaliknya, jika harta wakaf itu tidak memberikan hasil atau pulangan, maka pihak yang diwakafkan atau pihak berkuasa perlu menanggung perbelanjaan tersebut.

Pentadbir wakaf juga boleh menerima ganjaran yang tinggi jika dibayar sendiri oleh *waqif* dan keistimewaan seperti ini tidak terdapat pada pentadbir wakaf yang dilantik oleh kerajaan. Ini kerana bayaran yang tinggi daripada *waqif* ialah di atas ihsannya, sementara bayaran yang diperoleh daripada kerajaan pula merupakan hasil daripada harta wakaf itu sendiri. Jika *waqif* tidak menentukan jumlah ganjaran untuk pentadbir wakaf, maka pihak kerajaan boleh menentukan jumlah ganjarannya sesuai dengan kerja, tanggungjawab, tugas serta keadaan semasa, suasana dan tempat tersebut.

4.2.7 Pelucutan Kuasa Pentadbir Wakaf

Hampir semua pandangan fuqaha adalah serupa dalam isu pelucutan kuasa pentadbir wakaf. Pelucutan kuasa pentadbir wakaf boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu sama ada:

- a. Pentadbir tersebut meletakkan jawatannya sebagaimana yang ditetapkan dalam hal *wakalah*; atau
- b. Pentadbir tersebut dipecat oleh pihak berkuasa atas sebab-sebab tertentu.

Sebab utama yang membolehkan pentadbir wakaf dipecat ialah kerana sifat tidak amanah semasa menjalankan tugas termasuklah penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah, membuat tuntutan palsu, mentadbir dengan pendekatan yang merugikan, melanggar syarat-syarat *waqif*, mengabaikan hak *mawquf 'alaiah* dan sebagainya. Pihak berkuasa adalah berhak memecat atau menggugurkan mana-mana pentadbir wakaf seandainya terdapat bukti dan sabitan bahawa pentadbir tersebut tidak layak untuk terus menggalas tanggungjawabnya.

Pelucutan kuasa pentadbir wakaf juga boleh ditentukan oleh pihak hakim mahkamah yang bertanggungjawab atau oleh pihak *mawquf ‘alaih* yang diberikan tanggungjawab kerana kedua-duanya memiliki kuasa yang melayakkan untuk berbuat demikian. Selain itu, pentadbir wakaf juga boleh terlucut jawatannya dengan sendiri sekiranya didapati perkara-perkara berikut:

- a. Muflis;
- b. Ditimpa musibah kecederaan parah atau penyakit yang tiada harapan untuk sembuh;
- c. Hilang akal; atau
- d. Disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh pihak mahkamah atau oleh pihak Lembaga Tatatertib Institusi Pendidikan.

Apabila pentadbir wakaf telah dipecat atau meletakkan jawatannya, maka pihak berkuasa hendaklah melantik sesiapa yang dikehendakinya bagi mentadbir dan mengurus harta wakaf tersebut. Selain daripada isu-isu yang dibincangkan di atas, pentadbir wakaf juga perlu mengelakkan apa-apa perbuatan atau kecuaian yang boleh mendedahkan mereka kepada tohaman. Pentadbir wakaf bukan sahaja perlu bersikap bersih, malah lebih daripada itu mereka juga perlu sentiasa dilihat bersih. Kegagalan sedemikian juga boleh mengakibatkan pentadbir wakaf dipertikaikan dan diberikan amaran. Sebahagian daripada contoh kecuaian atau tindakan yang boleh mengakibatkan pentadbir wakaf dilihat tidak bersih adalah seperti berikut:

- a. Gagal menyimpan rekod wakaf dengan baik dan sempurna;
- b. Mengubah mana-mana terma dalam rekod wakaf;
- c. Menyewakan atau memajakkan harta wakaf kepada dirinya sendiri atau atau ahli keluarganya atau individu yang mewakili kepentingannya, melainkan jika dinaikkan daripada harga pasaran semasa;
- d. Menggadaikan harta wakaf ke dalam risiko keadaan yang boleh menjelaskan hak kepentingan *mawquf ‘alaih*;
- e. Mengubah syarat atau status tanah daripada tanah pertanian kepada tanah perusahaan atau sebaliknya tanpa melalui proses yang sepatutnya;

- f. Memberikan hasil harta wakaf kepada pihak yang selain daripada yang telah ditetapkan oleh pewakaf; dan
- g. Apa-apa tindakan atau perbuatan yang mencurigakan dan boleh mendarangkan tohmahan atau persepsi negatif terhadap pentadbir wakaf.

4.3 Badan Pentadbir Wakaf Institusi Pendidikan

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab 3 sebelum ini, institusi pendidikan yang telah mendapatkan kelulusan MAIN untuk melaksanakan wakaf hendaklah mewujudkan satu Badan Pentadbir yang dianggotai oleh wakil kedua-dua pihak MAIN dan institusi pendidikan. Badan Pentadbir tersebut hendaklah berperanan sebagai pemegang amanah bersama harta wakaf institusi pendidikan bagi memastikan pentadbiran wakaf institusi pendidikan mematuhi hukum-hukum syarak serta perundangan yang dikuatkuasakan.

Di antara peranan dan fungsi utama Badan Pentadbir tersebut adalah bertanggungjawab mentadbir dan mengurus segala hal ehwal berkaitan wakaf, selain mempunyai kuasa sebagai pembuat polisi dan dasar serta ketetapan dan keputusan berhubung pengurusan wakaf; dan penggunaan kutipan dana wakaf dan pengagihan manfaat hasil wakaf. Badan Pentadbir tersebut juga bertanggungjawab untuk mengawal perjalanan projek usahasama wakaf agar selaras dengan hukum syarak, melaksanakan perintah atau fatwa berkaitan wakaf yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dan mematuhi arahan MAIN dalam melaksanakan projek usaha sama wakaf.


Di samping itu, Badan Pentadbir tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pelaksanaan projek wakaf kepada pihak MAIN, selain boleh mewujudkan tatacara sendiri tetapi hendaklah tidak berlawanan dengan undang-undang yang berkuat kuasa. Keahlian Badan Pentadbir tersebut perlu dilantik dalam kalangan wakil MAIN, wakil Lembaga Pengarah Institusi Pendidikan (LPIP) dan/atau wakil Jawatankuasa Pengurusan Institusi Pendidikan (JPIP). Selain daripada itu, keanggotaan daripada ahli-ahli yang

lain juga boleh dilantik mengikut keperluan, kepentingan dan kepakaran yang bersesuaian seperti Pendaftar, Bendahari, Pengarah Jabatan Wakaf, Pengetua, Ketua Pelajar, Penasihat Undang-Undang, Presiden Persatuan dan sebagainya. Badan Pentadbir tersebut juga berperanan melantik beberapa jawatankuasa di bawahnya bagi membantu dan menasihati sebarang pertimbangan dan keputusan yang berkaitan.

4.4 Model Tadbir Urus Wakaf Institusi Pendidikan


Terdapat tiga model utama struktur tadbir urus dalam konteks pelaksanaan wakaf institusi pendidikan yang disarankan untuk diguna pakai, tertakluk kepada perbezaan dan kesesuaian organisasi masing-masing.

Model A: Struktur Tadbir Urus 1




Sumber: *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf: University Transformation Programme, Purple Book (2016: 67)*

Model B: Struktur Tadbir Urus 2



Sumber: *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf: University Transformation Programme, Purple Book (2016: 67)*

Model C: Struktur Tadbir Urus 3



Sumber: *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf: University Transformation Programme, Purple Book (2016: 68)*

Model A menunjukkan persefahaman pelaksanaan wakaf institusi pendidikan dimeterai di antara MAIN dengan JPIP, **Model B** pula menunjukkan persefahaman pelaksanaan wakaf institusi pendidikan dimeterai di antara MAIN dengan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan (LPAY), manakala **Model C** menunjukkan persefahaman pelaksanaan wakaf institusi pendidikan dimeterai di antara MAIN dengan LPIP.

4.5 Jawatankuasa Kerja Wakaf Institusi Pendidikan

Bagi membantu melicinkan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran wakaf di institusi pendidikan, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan boleh menubuhkan beberapa jawatankuasa kerja bagi menasihati sebarang pertimbangan dan keputusan yang berkaitan, bergantung kepada kesesuaian dan keperluan institusi pendidikan dari semasa ke semasa. Antaranya seperti Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Perancangan dan Pelaburan, Jawatankuasa Agihan, Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan sebagainya.

a) Jawatankuasa Pengurusan Wakaf

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Mematuhi semua ketetapan yang diputuskan oleh Badan Pentadbir;
- ii. Mencadangkan polisi atau dasar mengenai pentadbiran dan pengurusan wakaf;
- iii. Membangunkan pelan strategi, prosedur, tatacara dan garis panduan yang berkaitan dengan pengurusan wakaf;
- iv. Merancang, melaksanakan, mengawal selia dan memantau segala urusan pentadbiran wakaf; dan

- v. Menasihati Badan Pentadbir berkenaan keperluan sumber, prasarana, infrastruktur serta perkhidmatan dan kebajikan kakitangan pengurusan wakaf.

b) Jawatankuasa Syariah Wakaf

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Menasihati Badan Pentadbir berhubung hal ehwal syariah dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf;
- ii. Meneliti serta memberi pandangan dari sudut hukum syarak terhadap sebarang cadangan yang dikemukakan; dan
- iii. Memajukan cadangan penambahbaikan ke atas sebarang pelaksanaan keputusan terdahulu yang didapati kurang menepati kehendak syarak.

c) Jawatankuasa Perancangan dan Pelaburan Wakaf

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Menasihati Badan Pentadbir mengenai langkah perbelanjaan berhemah, pengurusan penjanaan dana dan dasar pelaburan kewangan;
- ii. Meneliti, merancang dan menilai kedudukan kewangan wakaf institusi pendidikan; dan
- iii. Memberi pandangan berhubung sebarang perancangan dan aktiviti pelaburan wakaf.

d) Jawatankuasa Agihan Wakaf

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Mematuhi semua ketetapan berkaitan agihan wakaf yang diputuskan oleh Badan Pentadbir;

- ii. Memajukan cadangan berkaitan agihan wakaf serta prosedur, tatacara dan garis panduan mengenai pengurusan agihan wakaf untuk pertimbangan Badan Pentadbir; dan
- iii. Merancang, melaksanakan, mengawal selia dan memantau segala urusan berkaitan agihan wakaf.

e) Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Mematuhi semua ketetapan yang diputuskan oleh Badan Pentadbir;
- ii. Mencadangkan polisi atau dasar mengenai penyelidikan dan pembangunan wakaf;
- iii. Membangunkan pelan strategi, prosedur, tatacara dan garis panduan yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan wakaf; dan
- iv. Merancang dan melaksanakan penganjuran bengkel, seminar, persidangan atau sebagainya yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan wakaf.

f) Jawatankuasa Audit

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Memerhatikan semua hal ehwal berhubung proses pengauditan sama ada dalaman dan luaran;
- ii. Menyemak dan mengkaji pengurusan kewangan serta pentadbiran wakaf institusi pendidikan, yang mencakupi format pelaporan kewangan, kesempurnaan sistem kawalan dalaman serta keutuhan piawaian pengauditan;
- iii. Mengkaji dan meluluskan perancangan audit tahunan dengan cadangan skop dan tumpuan pengauditan yang diperlukan;
- iv. Menilai Laporan Unit Audit Dalam, Unit Audit MAIN dan Jabatan Audit Negara bagi memastikan semua dapatan diambil tindakan sewajarnya

- dan memperakukan tindakan susulan serta mengesyorkan tindakan penambahbaikkan;
- v. Memastikan tiada sekatan atau batasan tidak wajar yang boleh menjelaskan keberkesanan proses pengauditan;
 - vi. Memastikan proses pengauditan dilaksanakan oleh staf yang kompeten dengan sumber yang mencukupi dan diberikan akses yang sesuai dalam melaksanakan tugasnya agar membolehkan ia berfungsi dengan berkesan; dan
 - vii. Menimbangkan syor dan cadangan sebarang kajian semula dalam tentang keberkesanan fungsi Audit Dalam sebagai usaha meningkatkan lagi prestasi dan jaminan kualiti.

g) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Di antara fungsi dan tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Menasihati Badan Pentadbir dalam pengurusan risiko mana-mana aktiviti atau projek yang berprofil tinggi sama ada cadangan pembangunan projek adalah cukup komprehensif untuk menangani risiko strategik dan operasi yang berkaitan kewangan atau perniagaan;
- ii. Membangunkan dan mengesyorkan kerangka kerja pengurusan risiko yang komprehensif serta terkini yang menentukan polisi, dasar-dasar dan garis panduan utama untuk diluluskan oleh Badan Pentadbir;
- iii. Memastikan penilaian risiko dilaksanakan secara terperinci dan kualitatif, merangkumi aspek ancaman, kelemahan, impak dan kemungkinan serta menyelia pengurusan risiko secara berkala;
- iv. Mengkaji sama ada pendekatan yang mantap dan berkesan telah diikuti dalam membangunkan pelan perancangan strategik pengurusan risiko bagi projek-projek utama dan menilai impak kerangka kerja pengurusan risiko terhadap kawalan persekitarannya;
- v. Menyediakan maklumat mengenai perkembangan pengurusan risiko wakaf dan apa-apa perubahan penting yang perlu untuk dimajukan kepada Badan Pentadbir;

- vi. Menyemak semula profil risiko dan daftar risiko bagi memastikan risiko diuruskan dengan baik serta mencadangkan strategi dan tindakan susulan bagi mengurangkan risiko berdasarkan hasil penemuan penilaian risiko yang dijalankan termasuk risiko terhadap aset dan kesihatan pekerjaan; dan
- vii. Melaksanakan sebarang tugas-tugas tambahan untuk penambahbaikan berterusan pengurusan risiko wakaf institusi pendidikan.

4.6 Kesimpulan

Tadbir urus wakaf yang cekap dan berkualiti merupakan penggerak utama kepada kejayaan pelaksanaan wakaf institusi pendidikan, manakala maqasid syariah dalam tadbir urus wakaf pula adalah nadi kepada roh pelaksanaan wakaf yang perlu dijiwai dan dihayati sepenuhnya. Sementara itu, prinsip tauhid akan membawa pentadbir wakaf kekal mempertingkatkan keimanan mereka bahawa setiap manusia adalah hamba Allah SWT dan khalifah yang diberikan tanggungjawab untuk menguruskan segala sumber dengan penuh amanah. Prinsip syariah dan akhlak pula bertindak sebagai panduan utama dalam memastikan keseluruhan amalan dan pelaksanaan wakaf institusi pendidikan adalah mengikut landasan syariat yang telah ditetapkan oleh Islam. Pemilihan struktur tadbir urus yang tepat serta pematuhan kepada pelan strategi serta tatacara pentadbiran yang dibangunkan akan menjadi asas penting dalam menentukan potensi pencapaian dan tahap kejayaan yang bakal diraih. Segala yang dihasratkan tidak mungkin akan dapat dicapai sekiranya pentadbir wakaf yang bertanggungjawab gagal menjalankan fungsi dan peranannya dengan berkesan dalam pelaksanaan wakaf institusi pendidikan.

BAB 5 : PEMASARAN WAKAF

5.1 Pengenalan

Pelaksanaan pemasaran merupakan asas paling penting untuk diaplikasikan dalam mana-mana pentadbiran dan pengurusan wakaf. Penggunaan teknik dan aplikasi pemasaran yang betul dan berkesan dapat membantu sesebuah Organisasi Bukan Perniagaan (OBP) untuk mencapai objektif dan matlamat penubuhannya. Pemasaran merupakan fungsi pengurusan yang menghubungkan secara nyata antara organisasi dengan persekitaran luaran. Hubungan fungsi pengurusan pemasaran tidak terhad kepada pelanggan sedia ada dan potensi pelanggan baharu sahaja, sebaliknya turut melibatkan sumber pembiayaan dan konstituensi yang lain.

Sehubungan itu, bab ini akan membincangkan definisi, tujuan dan kepentingan pemasaran, khususnya dalam konteks OBP yang menguruskan wakaf seperti institusi pendidikan termasuk universiti, kolej dan sekolah. Peranan pemasaran, model segitiga pemasaran, jenis pemasaran, Komunikasi Pemasaran Bersepadu (KPB) dalam usaha menimbulkan kesedaran, menarik minat dan seterusnya menggalakkan pelanggan untuk terlibat secara langsung dalam berwakaf juga turut dibincangkan dalam bab ini. Selain daripada itu, Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan Islam (SPPI) serta kaedah penilaian dan pengukuran juga turut dibincangkan pada akhir bab ini.

5.2 Pemasaran

Secara umumnya pemasaran merupakan proses *common sense* yang mudah untuk difahami oleh sesiapa sahaja. Namun begitu, masyarakat umum dan mereka yang terlibat dalam aktiviti pemasaran sering keliru dan menyamakan pemasaran dengan aktiviti pengiklanan dan jualan atau hanya melihatnya sebagai satu Jabatan dalam sesebuah organisasi perniagaan.

5.2.1 Definisi dan Tujuan Pemasaran

Pemasaran merupakan aktiviti dan proses mengenal pasti peluang pasaran, membangunkan produk atau perkhidmatan, menarik minat dan memenuhi permintaan pelanggan serta mengekalkan kesetiaan mereka. Kotler (2009) pula mendefinisikan pemasaran sebagai satu seni dan sains untuk meneroka, mewujudkan dan menyampaikan nilai dengan matlamat untuk memenuhi kehendak pelanggan pada tahap yang menguntungkan.

Tujuan pemasaran pula, menurut Drucker (1973) ialah untuk mengenal pasti dan memahami pelanggan dengan baik supaya barang atau perkhidmatan yang tawarkan di pasaran dapat memenuhi keperluan mereka dan terpasar dengan sendirinya. Aspek jualan, pengiklanan dan Jabatan Pemasaran dalam sebuah organisasi sebenarnya hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan konsep pemasaran. Nilai yang diberikan kepada pelanggan, rakan niaga dan masyarakat secara keseluruhannya merupakan inti pati kepada objektif dan matlamat pemasaran yang berkisar kepada keperluan untuk memuaskan kehendak pelanggan dengan memberi fokus kepada posisi nilai. Hanya organisasi yang menekankan kepentingan proses penyampaian nilai sahaja akan dapat memenangi hati pelanggan mereka. Bagaimana sebuah universiti dapat menarik warganya untuk berwakaf? Semakin banyak posisi nilai dapat dipamerkan, maka semakin ramai warganya yang akan menyumbang.

5.2.2 Pemasaran Menurut Perspektif Islam

Pemasaran berdasarkan konsep Islam dapat didefinisikan sebagai suatu proses untuk menyampaikan tawaran bernilai yang bersandarkan kepada akidah, syariah dan akhlak kepada objek sasaran. Pemasaran juga merupakan usaha dakwah yang murni iaitu menyebarkan mesej kebaikan (*hasanah*) dengan kaedah penyampaian yang benar, amanah, bijaksana dan berhikmah menerusi saluran komunikasi yang berkesan demi semata-mata mengharapkan keredhaan Allah SWT. Terdapat dua kaedah dakwah yang utama iaitu yang

pertama dakwah yang dilakukan menerusi akhlak, tingkah laku atau perbuatan (*lisan al-hal*) yang juga disebut sebagai dakwah melalui tauladan dan yang kedua ialah dakwah yang dilakukan menerusi perkataan atau mesej yang dirakamkan (*lisan al-maqal*), sama ada dalam bentuk ucapan, tulisan, gambaran atau sebagainya.

Dalam konteks dakwah wakaf, ianya merupakan suatu bentuk komunikasi yang penting dan juga usaha penyebaran yang mulia dalam menyampaikan nilai-nilai kebaikan bagi memelihara hubungan *taqarrub* manusia dengan Allah SWT (*hablun minAllah*) dan hubungan *qurba* sesama manusia (*hablun minannas*). Dalam melaksanakan usaha dakwah tersebut, agen dakwah (*da'e*) perlu mengenal pasti siapakah sasaran dakwah (*mad'uw*) mereka dan haruslah menggunakan kaedah yang berhikmah sesuai dengan konteks dan corak penerimaan golongan sasaran mereka. Persoalannya, bagaimana teknik pemasaran dalam organisasi perniagaan dan organisasi bukan perniagaan boleh digunakan sebagai teknik pemasaran dalam dakwah wakaf?

5.2.3 Kepentingan Pemasaran

Paradigma organisasi hari ini telah beralih daripada perniagaan yang berorientasikan produk kepada yang berorientasikan posisi nilai serta pengguna (Perreault dan McCarthy, 1996; Norman, 2000). Kegagalan sesebuah organisasi bukanlah kerana sesebuah pasaran telah menjadi tepu, sebaliknya perkara ini berlaku ekoran pihak pengurusan melihat potensi perniagaan tersebut daripada perspektif yang sempit atau *own myopia*.

Malah, menurut Shapiro (1973), OBP juga perlu mengaplikasikan program pemasaran dalam aktiviti mereka. Penggunaan teknik dan aplikasi pemasaran yang berkesan dapat membantu OBP mencapai objektif dan matlamat penubuhannya sama seperti yang dilakukan oleh organisasi perniagaan (Kotler, 1975; Topor, 1987). OBP, khususnya organisasi yang berteraskan keagamaan, secara tradisinya sangat perlahan dan sukar untuk menerima adaptasi asas dan teknik pemasaran yang diperkenalkan. Dalam konteks wakaf umpamanya,

kegagalan masyarakat menerima bukan kerana tiada orang yang mahu berwakaf, tetapi lebih kerana organisasi melihatnya sebagai produk yang tidak mempunyai nilai ekonomik yang hanya berkisar kepada perkara-perkara seperti tanah-tanah perkuburan, tanah-tanah terbiar dan perkara-perkara ibadah bersifat khusus. Justeru, pemasaran merupakan asas yang sepatutnya diaplikasikan dalam semua organisasi, khususnya OBP.

5.2.4 Pemasaran Organisasi Bukan Perniagaan

Sehingga pertengahan 1970-an, isu dan cabaran bagi menangani OBP langsung tidak diberikan perhatian oleh ahli pemasaran. Kesukaran mengadaptasikan aktiviti pemasaran ini kerana ia melibatkan tiga pasaran sasaran yang memberikan respon yang berbeza dalam campuran promosi. Namun begitu, idea untuk mengembangkan amalan dan pengurusan pemasaran dalam OBP mula dibincangkan secara serius khususnya selepas penerbitan siri-siri artikel mengenainya dalam sektor pendidikan, kesihatan, kerajaan dan program-program sosial.

Secara prinsipnya, pendekatan teknik pemasaran yang berkesan dan meluas oleh organisasi perniagaan telah pun menyediakan asas rangka kerja yang berguna dalam pengurusan OBP. Dalam hal yang sama, Druker (1989) dan Andreasen (2001) mendapati pengurus-pengurus OBP memperakui bahawa aplikasi pengurusan dan pemasaran lebih penting bagi OBP berbanding organisasi yang berteraskan keuntungan. Hal ini sangat jelas, kerana pemahaman berkaitan ilmu pemasaran akan menanamkan sifat keyakinan, memberikan fokus kepada sumber dengan lebih berkesan, mampu menghasilkan output yang baik dan dapat mengurangkan tekanan, bagi membolehkan OBP diurus dengan cekap dan berkesan serta menjadi asas kepada minat untuk mengaplikasikan prinsip pemasaran yang formal. Malah, Kanter (1999) pula mendakwa OBP akan menjadi *beta site* dalam inovasi baru sistem pengurusan abad ke-21.

5.3 Pemasaran Perkhidmatan


Secara umumnya, OBP tergolong dalam sektor perkhidmatan. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, pengurus-pengurus OBP perlu menjadi agen pemasaran yang berkesan dan memiliki strategi pemasaran yang tepat. Walau bagaimanapun, menurut McCort (1994), kadar penggunaan aplikasi pemasaran dalam OBP khususnya melalui institusi sukarela, keagamaan dan kebajikan agak perlahan. Tambahan pula manfaat atau keuntungan yang diperolehi OBP adalah tidak bersifat kewangan. Keadaan ini menyukarkan OBP untuk berkomunikasi dalam tiga pasaran sasaran seperti yang dinyatakan sebelum ini. Cabaran ini memerlukan OBP membangunkan strategi pemasaran secara radikal dengan mensasarkan tiga pasaran yang berbeza.

Selain itu, menurut Cowell (1984), aplikasi pemasaran perkhidmatan agak berbeza kerana ianya melibatkan tiga kriteria utama, iaitu tidak boleh dilihat (*intangibility*), tidak tahan lama (*perishability*) dan tidak boleh asingkan (*inseparability*). Tidak seperti produk fizikal, produk perkhidmatan ini tidak boleh dilihat, dirasa, dibau, disentuh atau didengar sebelum produk tersebut dibeli oleh pelanggan. Dalam konteks ini, wakaf juga tergolong dalam produk perkhidmatan. Wakaf lebih menjuruskan kepada produk yang bersifat “konsep” yang sukar untuk dilihat dan dinilai dari kaca mata kasar. Tambahan pula, wakaf turut tergolong dalam kategori produk “keagamaan” yang tidak dicari (*unsought product*). Sifat-sifat ini menyebabkan pelanggan tidak dapat menjangkakan apakah sebenarnya perkhidmatan berkenaan sehingga mereka menggunakan perkhidmatan tersebut. Hal ini menjadikan perkhidmatan tersebut dianggap mendatangkan risiko kepada pelanggan. Harvey (1990) dalam kajiannya membuktikan bahawa kejayaan OBP berasaskan kepada tiga dimensi iaitu pengurusan organisasi, perkhidmatan yang disediakan dan aktiviti sokongan yang berkaitan. Ketiga-tiga dimensi ini menurutnya memainkan peranan yang sangat penting bagi mempertingkatkan keberkesanannya pengurusan OBP.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, aplikasi pemasaran perkhidmatan yang melibatkan hubungan jangka panjang dengan pelanggan merupakan strategi yang paling sesuai bagi organisasi OBP, khususnya yang melibatkan aspek sukarela, keagamaan dan kebajikan termasuk wakaf. Pembangunan dan pengekalan hubungan jangka panjang dengan pelanggan atau penyumbang merupakan inti pati kepada kelangsungan organisasi berkenaan. Maksudnya, motivasi, galakan dan kepercayaan peserta dalam interaksi tersebut hanya dapat dilakukan dengan membina nilai ketiga-tiga sasaran pasaran tersebut. Hubungan jangka panjang ini dapat diwujudkan dengan menggunakan pendekatan Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan (SPP) yang disasarkan kepada tiga pasaran yang berbeza iaitu organisasi, pekerja dan pelanggan. Seterusnya model yang mengandungi tiga jenis pemasaran iaitu pemasaran dalaman, pemasaran luaran dan pemasaran interaktif akan dipandu untuk membentuk strategi pemasaran dalam menyediakan satu kerangka dasar bagi tujuan pelaksanaan pengurusan pemasaran. Melalui aplikasi SPP ini, iaanya akan dapat meningkatkan kefahaman, keyakinan dan kepercayaan pelanggan dalam sektor perkhidmatan termasuk wakaf.

5.3.1 Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan

Model SPP ialah model yang menunjukkan tiga fungsi pemasaran yang penting dalam sektor perkhidmatan dan bagaimana fungsi berkenaan diasingkan mengikut tiga penyertaan yang berbeza seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3 di sebelah.

Rajah 3: Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan

Sumber: Diadaptasikan daripada Jo Bitner (1995: 246-51) dan Kotler (1994: 470)

Rajah 3 menunjukkan tiga komponen yang saling berhubung antara satu dengan yang lain bagi membangunkan, mempromosikan dan memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah organisasi dapat dipenuhi. Mengikut model ini, terdapat tiga peserta atau pemain (*actors*) utama, iaitu organisasi, pelanggan dan pekerja.

5.3.2 Jenis Pemasaran

Seterusnya, tiga jenis pemasaran iaitu pemasaran dalaman, pemasaran luaran dan pemasaran interaktif juga terdapat antara tiga peserta tersebut. Ketiga-tiga pemasaran berkenaan bukan sahaja berperanan untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan seperti wakaf dapat dicapai, tetapi dalam masa yang sama bermatlamat untuk membina dan mengekalkan hubungan jangka panjang antara organisasi dan pelanggan. Secara keseluruhannya, semua aktiviti yang berlaku dalam model ini berlegar di sekitar isu membuat janji dan memenuhi janji kepada pelanggan.

a) Pemasaran Dalaman

Konsep pemasaran dalaman memberi penekanan kepada kualiti dalam sektor perkhidmatan melalui pemeriksaan dan kawalan mekanisme penyampaian perkhidmatan, iaitu pekerja. Konsep ini melibatkan usaha-usaha pihak pengurusan dalam menyediakan semua pekerja untuk memahami, menerima dan memenuhi tanggungjawab mereka dalam melaksanakan strategi pemasaran. Seseorang pekerja yang menguruskan institusi wakaf harus diberikan latihan dan pendedahan berhubung pengurusan wakaf. Apa yang dimaksudkan dengan wakaf? Apakah perbezaan antara wakaf dengan sumber ketiga yang lain, khususnya endowmen dan “*trust*”? Apakah harta-harta yang dibolehkan berwakaf? dan Bagaimana menjelaskan keunikan wakaf antara membuat baik dan mendapat pahala berpanjangan? Bagaimana pula memasarkan wakaf dengan menggunakan teknologi maklumat terkini?

Malah, Gronoos (1981) dalam artikelnya telah menyimpulkan bahawa idea teras pemasaran dalaman, ialah penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan memerlukan pekerja yang bermotivasi dan berorientasikan pelanggan di mana setiap pekerja dalam organisasi mempunyai pelanggan untuk diberikan perkhidmatan. Kualiti pemasaran dalaman merupakan kunci kepada pengaruh dan penyumbang luaran. Tambahan pula, pemasaran dalaman sendiri berlandaskan kepada andaian bahawa kepuasan pekerja tidak boleh dipisahkan dengan kepuasan pelanggan. Malah, setiap pekerja perlu berorientasikan pelanggan bagi membolehkan organisasi memberikan perkhidmatan yang berkualiti secara berterusan. Bagi mencapai hasrat ini, organisasi perlu menyediakan dan memberikan latihan, mewujudkan sistem dalaman dan ganjaran yang menarik serta memberi motivasi kepada semua pekerjanya untuk bekerja sebagai satu kumpulan bagi memenuhi kepuasan pelanggan. Kepuasan dalaman pelanggan yang baik akan dapat membantu organisasi menarik, memilih dan mengekalkan pekerja berdedikasi yang menghargai peranan mereka dalam penyampaian perkhidmatan terbaik kepada luaran pelanggan. Dalam hal ini, pemasaran dalaman penting untuk mendahului pemasaran luaran.

b) Pemasaran Luaran

Komponen pemasaran kedua dalam Model SPP ialah pemasaran luaran iaitu interaksi antara organisasi perkhidmatan dengan sasaran pasaran. Komponen ini melibatkan semua bentuk kempen pemasaran yang dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan bagi memberitahu, memujuk, mendidik, melatih dan mempengaruhi pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan sama ada melalui pengiklanan, promosi jualan, perhubungan awam, pemasaran langsung atau sebagainya. Menurut Zeithaml et. al. (1996), sebarang bentuk komunikasi dengan pelanggan sebelum sesuatu perkhidmatan disampaikan juga merupakan sebahagian daripada fungsi pemasaran luaran. Sejauh mana janji yang dibuat dalam kempen-kempen sumbangan wakaf dipenuhi? UPM, misalnya menjanjikan bahawa sumbangan wakaf yang diterima akan diagihkan kepada pelajar-pelajar yang tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup. Jadi, setiap janji yang dibuat oleh UPM menerusi kempen-kempen tadi akan dinilai oleh penyumbang. Semakin cepat janji tadi dipenuhi, maka semakin ramai orang yang akan menyumbang menerusi wakaf kepada UPM.

Dalam hal ini, pemasaran luaran sangat penting dan mempunyai pengaruh yang besar jangkaan pelanggan terhadap perkhidmatan dan bagaimana perkhidmatan ini disampaikan kepada pelanggan. Penglibatan, penyertaan dan perubahan minda pelanggan terhadap perkhidmatan bergantung kepada sejauh mana pelanggan diberitahu, dilatih dan dididik melalui pemasaran luaran. Pelanggan tidak dapat menilai sesuatu perkhidmatan dengan baik walaupun selepas menggunakan sekiranya komunikasi pemasaran tidak berfungsi dengan sempurna. Oleh itu, organisasi berpeluang untuk memberitahu dan meyakinkan pelanggan tentang masalah yang mungkin berlaku. Dalam masa yang sama, organisasi juga akan dapat meningkatkan tahap toleransi pelanggan dan imej mereka.

c) Pemasaran Interaktif

Pemasaran interaktif merupakan komponen ketiga dalam Model SPP yang berlaku apabila pelanggan berinteraksi secara langsung dengan pekerja

(*moment of truth*) di mana perkhidmatan ditawarkan dan dilaksanakan dalam waktu yang sama. Interaksi yang berlaku antara pelanggan dan pekerja ini akan menjadi penentu kepada kualiti sesuatu perkhidmatan.

Pelanggan pula akan menilai kualiti sesuatu perkhidmatan bukan sahaja dari aspek kualiti teknikal, tetapi juga dari aspek kualiti fungsi perkhidmatan yang diberikan. Kualiti teknikal merujuk kepada kemahiran teknikal seseorang, manakala kualiti fungsi perkhidmatan pula merujuk kepada kemahiran seseorang pekerja dalam menjalankan tugas tersebut. Sehubungan dengan itu, penyedia perkhidmatan tidak boleh mengandaikan bahawa kepuasan pelanggan hanya boleh dicapai dengan hanya menguasai aspek teknikal sahaja. Kepuasan pelanggan hanya akan dapat dicapai apabila kedua-dua kemahiran, iaitu kemahiran pemasaran interaktif dan fungsi perkhidmatan dikuasai. Apa yang menarik ialah janji yang dikotakan atau tidak, dan kebolehpercayaan sesuatu perkhidmatan itu sebenarnya diuji setiap kali pelanggan berinteraksi dengan organisasi. Maka, kemahiran dalam menguasai pemasaran interaktif merupakan komponen yang sangat kritikal dengan matlamat untuk membina rangkaian hubungan dan mewujudkan kerjasama antara organisasi dan pelanggan pada masa hadapan. Seseorang yang berhasrat untuk berwakaf umpamanya bukan sahaja akan menilai layanan yang diterima di kaunter, tetapi juga sejauh mana maklumat yang diminta dapat dijawab dengan baik dan berkesan.


Secara keseluruhan, Model SPP di atas memberi penekanan kepada keperluan integrasi antara organisasi, pekerja dan pelanggan bagi memastikan ketiga-tiga elemen janji iaitu membuat janji (pemasaran luaran), membolehkan janji dipenuhi (pemasaran dalaman) dan memenuhi janji yang dibuat (pemasaran interaktif) dapat dicapai. Hal ini kerana keberkesanannya pemasaran dalaman merupakan kunci kepada perkhidmatan terbaik dan implikasinya pula akan membawa kejayaan dalam pemasaran luaran dan pemasaran interaktif.

5.3.3 Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan Islam

Perbincangan sebelum ini jelas membuktikan bahawa aplikasi pemasaran melalui Model SPP dapat membantu dalam mewujudkan hubungan jangka panjang antara organisasi dan pelanggan khususnya dalam OBP yang lebih berteraskan perkhidmatan. Persoalannya, adakah Model SPP yang bertunjangkan epistemologi ilmu pembangunan lazim ini sesuai untuk digunakan dalam institusi wakaf yang cukup jelas bersumberkan epistemologi ilmu Islam? Bagi menjawab persoalan di atas, Model SPP tersebut dinilai semula dari perspektif tasawwur Islam.

Pemasaran yang berteraskan *tasawwur* Islam akan menentukan kesesuaian aplikasi SPP dalam dakwah wakaf. Dua elemen yang membentuk SPP itu sendiri akan turut dinilai semula dari perspektif Islam, sebagaimana digambarkan dalam Rajah 4 berikut:

Rajah 4: Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan Islam (SPPI)



Sumber: Razali Othman (2013)

Elemen pertama ialah insan (pengurus organisasi, pekerja dan pelanggan) dan elemen kedua pula ialah alat komunikasi pemasaran (pemasaran luaran, pemasaran dalam dan pemasaran interaktif) yang menentukan keseluruhan aktiviti dalam model SPP. Model SPPI ini dicadangkan sebagai satu strategi untuk membangunkan mekanisme pemasaran wakaf. Inti kepada model SPPI ini, ialah falsafah pemasaran itu sendiri yang semestinya bertunjangkan kepada tauhid. Selain itu elemen syariah dan akhlak akan bertindak sebagai garis panduan kepada pemain (insan) dan alat pemasaran (campuran promosi) dalam memastikan keseluruhan aktivitinya adalah berlandaskan syariat yang ditetapkan. Matlamat akhir pemasaran dalam model SPPI ini pula, ialah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

Penyertaan masyarakat untuk berwakaf akan dapat ditingkatkan dengan memberikan penekanan bukan sahaja dalam interaksi (*moment of truth*) antara organisasi, pekerja dan pelanggan (pemasaran interaktif), tetapi juga hubungan antara organisasi dengan pekerja (pemasaran dalam) dan hubungan antara organisasi dengan pelanggan (pemasaran luaran). Ini selari dengan hasil kajian Dorner et. al. (2011), yang telah mengutarkan lima sebab kegagalan institusi perkhidmatan, iaitu ketidakcekapan pengurusan, kegagalan memahami organisasi, proses inovasi perkhidmatan tidak diurus secara sistematik, pelanggan tidak mempunyai peluang bersuara dan corak pengurusan dengan idea lama yang ketinggalan dan tidak memberi manfaat kepada organisasi.

5.4 Komunikasi Pemasaran

Selain daripada kepentingan pemasaran perkhidmatan seperti yang dijelaskan menerusi Model SPPI di atas, komunikasi pemasaran juga perlu diaplikasikan dalam menguruskan institusi wakaf. Komunikasi pemasaran merupakan proses memberitahu, memujuk dan mengingatkan pelanggan berkenaan sesuatu barang atau perkhidmatan. Komunikasi pemasaran yang digunakan secara berkesan akan dapat mewujudkan bahan perbualan berkaitan wakaf serta membina hubungan jangka panjang antara organisasi dengan pelanggan,

khususnya dalam membangunkan kesedaran dan menanam kefahaman wakaf ke dalam minda pelanggan.

Persoalannya, bukan sekadar berkomunikasi dengan pelanggan, tetapi lebih menjurus kepada apa yang perlu dikomunikasikan?, bagaimana melaksanakan komunikasi tersebut? dan kepada siapa serta berapa kerap komunikasi tersebut perlu dilakukan? Bagaimana pula komunikasi berkaitan wakaf ini dapat disampaikan kepada pengguna? Antara lainnya ialah dengan menggunakan sebaik mungkin pelbagai media promosi seperti yang dibincangkan di bawah.

5.4.1 Media Promosi

Media promosi adalah segala bentuk dan saluran yang digunakan bagi menyampaikan mesej dan informasi mengenai sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada umum untuk mendapatkan respon pelanggan. Pemasaran boleh dilakukan menerusi pelbagai media promosi. Terdapat enam jenis atau enam campuran media promosi. Pemilihan media promosi yang bersesuaian adalah amat penting bagi memastikan pemasaran dapat dilakukan dengan berkesan kepada sasaran pasaran dalam jangkauan liputan pelanggan.

5.4.2 Campuran Promosi Pemasaran

Terdapat enam campuran promosi dalam komunikasi pemasaran seperti yang dijelaskan sebelum ini yang boleh digunakan dalam dakwah wakaf iaitu pengiklanan, promosi jualan, acara dan pengalaman, perhubungan awam dan publisiti, pemasaran langsung dan jualan langsung, sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Enam Campuran Promosi Pemasaran

Campuran Promosi	Contoh Aktiviti
Pengiklanan	Iklan cetakan dan penyiaran, gambar bergerak, brosur, poster dan edaran, cetakan semula, papan iklan, tanda paparan
Promosi Jualan	Pertandingan, permainan, cabutan bertuah, hadiah, pameran, sampel, <i>tie-ins</i>
Acara dan Pengalaman	Sukan, perayaan, seni, hiburan, lawatan ke luar, aktiviti jalanan
Perhubungan Awam dan Publisiti	<i>Press kits</i> , ucapan, seminar, laporan tahunan, penajaan, lobi, identiti media
Pemasaran Langsung	Katalog, surat, telepemasaran, fax, emel, <i>facebook</i> , <i>instagram</i>
Jualan Langsung	Persembahan jualan, mesyuarat jualan, program insentif, sampel, pameran

Sumber: Razali Othman (2017)

a) Pengiklanan

Iklan ialah apa sahaja bentuk pesanan atau persembahan yang tidak bersifat peribadi, berkenaan sesuatu idea, barang atau perkhidmatan kepada pelanggan menerusi sebarang medium yang mengandungi kos berbayar seperti media cetak, media elektronik, media sosial dan sebagainya, sebagaimana di Jadual 3. Selain membolehkan mesej dibuat secara berulang-ulang, kebaikan iklan juga adalah penyediaan ruang untuk plot emosi (*dramatizing*) menerusi seni pilihan warna, suara dan percetakan. Dengan cara ini, pengiklanan dapat membina imej jangka panjang, meningkatkan kefahaman dan sebaran yang luas meliputi pelbagai golongan masyarakat.

Setiap media pengiklanan di Jadual 3 tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri yang perlu dimanfaatkan mengikut keperluan serta kesesuaian objektif pengiklanan berkenaan.

Jadual 3: Kebaikan dan Kelemahan Iklan Dalam Pelbagai Media

Media	Kebaikan	Kelemahan
Surat Khabar	Luwes, ketepatan masa, liputan pasaran tempatan yang baik, penerimaan yang luas, kadar kepercayaan yang tinggi.	Masa yang singkat, kualiti pengeluaran semula yang buruk.
Majalah	Liputan pasaran secara geografi dan demografi yang tinggi, kredibiliti dan berprestij, kualiti cetakan semula yang tinggi, jangka panjang.	Pembelian iklan yang panjang, sirkulasi yang merugikan.
Brosur	Luwes, kawalan penuh, mesej boleh di “dramatize”kan.	Pengeluaran berlebihan boleh meningkatkan kos.
Television	Integrasi suara, pandangan dan pergerakan, mudah diterima, perjatian yang tinggi, liputan yang luas.	Kos yang tinggi, gangguan yang tinggi, pendedahan yang singkat, kurang selektif penonton.
Radio	Ramai pelanggan, liputan selektiviti, geografi, demografi yang luas.	Persembahan bunyi sahaja, kurang perhatian berbanding televisyen, pendedahan yang singkat, struktur tarif yang tidak seragam.
Iklan Luar	Luwes, pendedahan perulangan yang tinggi, kos rendah, kurang saingen.	Selektiviti pelanggan yang rendah, kurang kreatif.

Telefon	Ramai pelanggan, peluang mendapat sentuhan peribadi.	Kos tinggi.
Internet	Selektiviti tinggi, keberangkalian hubungan interaktif, kos rendah.	Setengah negara kurang menggunakannya.

Sumber: Razali Othman (2017)

b) Promosi Jualan

Promosi jualan ialah komunikasi yang melibatkan aktiviti-aktiviti pemasaran yang memberi nilai atau insentif jangka pendek kepada sesebuah organisasi untuk mendapatkan perhatian pelanggan bagi menggalakkan penyertaan mereka.

Antara contoh promosi jualan yang boleh digunakan termasuk penggunaan sampel, hadiah percuma atau cabutan bertuah yang dapat menarik orang ramai untuk mencuba dan seterusnya melibatkan diri sebagai pelanggan atau pengguna.

c) Acara dan Pengalaman

Maksud acara dan pengalaman ialah komunikasi pemasaran berbentuk aktiviti promosi yang ditaja oleh sesebuah organisasi perniagaan atau perkhidmatan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dan merasai pengalaman penglibatan yang menyeronokkan. Sebagai contoh, acara kayuhan amal iaitu berbasikal beramai-ramai sambil mengedarkan maklumat berkaitan wakaf bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan wakaf, malah akan turut menarik orang ramai untuk berwakaf.

d) Perhubungan Awam dan Publisiti

Komunikasi pemasaran menerusi perhubungan awam dan publisiti pula merupakan program atau aktiviti yang dijalankan dengan tujuan untuk

mendapatkan kepercayaan, penerimaan pemahaman daripada orang ramai, serta membina imej sesebuah organisasi. Maklumat terkini yang dipaparkan menerusi kaedah perhubungan awam dan publisiti menjadikannya lebih tulen dan diterima daripada kaca mata pelanggan, sebagaimana dijelaskan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Lima Fungsi Perhubungan Awam

Fungsi	Keterangan
Hubungan Akhbar	Mempersembahkan berita atau maklumat berkaitan wakaf dalam cara yang positif.
Publisiti Produk	Tajaan oleh sesebuah organisasi bagi memperkenalkan produk wakaf.
Komunikasi Korporat	Mempromosi pemahaman tentang produk wakaf menerusi komunikasi dalaman dan luaran.
Lobi	Berurusan dengan pihak penggubal undang-undang atau pegawai kerajaan dalam mempromosikan produk.
Kaunseling	Memberi nasihat kepada pihak pengurusan berkaitan isu awam, kedudukan dan imej semasa.

Sumber: Razali Othman (2017)

Perhubungan awam dan publisiti juga sesuai bagi mendekati mereka yang tidak gemar kepada kaedah pengiklanan dan jualan langsung. Terdapat lima fungsi dan tujuh media perhubungan awam yang boleh digunakan bagi memanfaatkan promosi wakaf dalam kalangan orang ramai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di sebelah. Penggunaan dan pemilihan alat perhubungan awam dan publisiti dapat memberi nilai tambah kepada organisasi yang menguruskan wakaf. Perhubungan Awam dan publisiti menerusi tajaan dalam program-program tertentu, misalnya akan dapat lebih mendekatkan produk wakaf dengan masyarakat.

Jadual 5: Tujuh Alat Perhubungan Awam dan Publisiti

Alat Perhubungan Awam	Keterangan
Penerbitan	Bergantung kepada maklumat penerbitan seperti laporan tahunan, brosur dan artikel untuk sampai serta mempengaruhi pasaran sasaran
Acara	Menarik perhatian pelanggan dengan mengadakan acara seperti larian amal, berbasikal dan seminar
Tajaan	Menaja sesuatu acara untuk memperkenalkan produk
Berita	Mewujudkan berita yang baik berkaitan wakaf
Ucapan	Menyampaikan ucapan berkaitan wakaf di seminar produk Islam atau sebagainya
Perkhidmatan Aktiviti Masyarakat	Menyumbang wang atau masa bagi membina nama baik organisasi
Identiti Media	Organisasi mempunyai logo, bangunan dan etika pakaian bagi membolehkan masyarakat mengenali organisasi

Sumber: Razali Othman (2017)

e) Pemasaran Langsung

Pemasaran langsung merupakan alat perhubungan bukan peribadi yang digunakan oleh sesebuah organisasi untuk menarik pelanggan dengan berkomunikasi secara langsung bersama pelanggan sasaran. Tujuan pemasaran langsung ialah untuk mewujudkan respon serta menggalakkan jualan, maklumat dan lawatan ke kedai. Sebagai contoh kempen berwakaf melalui TV, pesanan wakaf melalui katalog, surat terus kepada pewakaf dan bakal pewakaf. Mesej wakaf yang terkini, mudah disesuaikan dan komunikasi yang bersifat interaktif akan lebih cenderung untuk diterima oleh pewakaf dan bakal pewakaf.


f) Jualan Langsung

Jualan langsung adalah satu kaedah komunikasi pemasaran yang membolehkan komunikasi dua hala tentang idea, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Komunikasi berlaku di antara penjual dengan pelanggan yang tidak melibatkan perantaraan media televisyen, radio, majalah atau akhbar. Program penerangan dari “pintu ke pintu” umpamanya mempunyai kekuatan dalam menarik ramai orang untuk berwakaf. Mesej yang boleh dipelbagaikan, dikemas kini dengan segera dan disesuaikan mengikut pelanggan menjadikan kaedah ini sangat berkesan dalam menarik minat bakal pewakaf.

5.4.3 Pembinaan Ekuiti Jenama

Enam campuran promosi pemasaran iaitu pengiklanan, promosi jualan, acara dan pengalaman, perhubungan awam dan publisiti, jualan langsung dan pemasaran langsung yang dijelaskan di atas mampu menyumbang kepada pembinaan ekuiti jenama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5 di sebelah. Malah, menurut Rao (2009), pembinaan imej merupakan matlamat utama dalam pemasaran luaran yang bertindak sebagai pelindung terhadap kesilapan yang mungkin dilakukan oleh organisasi. Komunikasi atau janji hendaklah dilakukan secara konsisten dan realistik berdasarkan sumber-sumber yang dimiliki oleh organisasi bagi mewujudkan hubungan jangka panjang dengan pelanggan. Janji yang dibuat secara berlebihan juga akan memberikan kesan negatif terhadap kepercayaan pelanggan terhadap organisasi. Ini bermaksud, pemasaran luaran merupakan komunikasi pemasaran terancang yang bermatlamat untuk mewujudkan hubungan jangka panjang dan membina imej organisasi dalam kalangan pelanggan.

Promosi yang dirancang dengan baik dan efektif bukan sahaja dapat meningkatkan imej baik sebuah organisasi, tetapi juga dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan

Rajah 5: Komunikasi Pemasaran Dalam Membina Ekuiti Jenama

Sumber: Razali Othman (2017)


5.4.4 Strategi Komunikasi Pemasaran Bersepadu

Tujuan KPB adalah untuk mengintegrasikan enam campuran promosi pemasaran bagi membolehkan mesej dihantar secara berfokus, konsisten dan memastikan semua bentuk komunikasi dihubungkan secara bersepadu.

Mesej yang konsisten dan kerja berkumpulan merupakan dua elemen yang penting dalam memastikan KPB dapat dilakukan dengan berkesan. Mesej yang disampaikan perlulah jelas dan konsisten dalam pelbagai campuran promosi bagi memahat kukuh setiap mesej produk dan perkhidmatan ke dalam minda pelanggan sasaran. Sebagai contoh, pelanggan diberitahu mengapa pentingnya wakaf sebagai sumber pembiayaan yang mampan; mengapa wakaf perlu diperkasakan semula; di mana, bila dan bagaimana wakaf boleh diperolehi; pewakaf atau bakal pewakaf boleh mempelajari dan memahami wakaf; dan mereka juga boleh diberikan insentif atau ganjaran yang diperolehi di dunia dan di akhirat atas sumbangan wakaf mereka.

Kempen komunikasi gandaan alat dan gandaan peringkat yang menggunakan pelbagai campuran promosi dengan mesej yang jelas serta konsisten ditunjukkan seperti dalam Rajah 6. Dalam kempen pendidikan wakaf misalnya, sesebuah organisasi disarankan menggunakan pelbagai campuran promosi seperti pengiklanan, pemasaran langsung, telepemasaran dan jualan bersemuka bagi membolehkan mesej berkaitan wakaf yang konsisten dan jelas sampai kepada pewakaf atau bakal pewakaf.

Rajah 6: Kempen Komunikasi Gandaan Alat dan Gandaan Peringkat



Sumber: Razali Othman (2017)

5.5 Penilaian dan Pengukuran

Perancangan dan kempen KPB yang telah dilaksanakan perlu diukur dan dinilai. Ini dilakukan bagi melihat kesan dan impak pencapaian mengikut matlamat sasaran pelanggan yang ditetapkan. Sasaran pelanggan perlu ditanya semula sama ada mereka “masih ingat” dan menilai semula mesej yang telah dipaparkan seperti berikut:

- Berapa kali mereka melihat mesej wakaf tersebut?
- Apa yang paling mereka ingati daripada mesej wakaf tersebut?
- Apa yang mereka rasa bila melihat mesej wakaf berkenaan?
- Apa pandangan mereka tentang wakaf sebelum dan selepas melihat mesej tersebut?
- Apa pandangan mereka tentang organisasi wakaf tersebut?

Dalam waktu yang sama, respon pengguna perlu dikutip dan direkodkan seperti berapa ramai yang telah berwakaf?, Berapa ramai yang sukaan produk wakaf? dan berapa ramai pula yang telah membantu mewar-warkannya kepada pihak lain? Perubahan dan penambahbaikan komunikasi pemasaran khususnya pemilihan enam campuran promosi pemasaran perlu dilakukan mengikut pengukuran dan penilaian yang dibuat seperti di atas.

5.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pemasaran Islam yang bertunjangkan tauhid serta dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syariah dan akhlak perlu digunakan sebagai strategi utama bagi membangunkan semula institusi berteraskan Islam termasuk institusi wakaf. Umumnya, pelaksanaan wakaf pada masa ini masih lagi dianggap oleh masyarakat awam sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman, tidak mempunyai nilai ekonomi dan hanya dikaitkan dengan masjid, sekolah agama, tanah perkuburan dan tanah terbiar. Semua anggapan tersebut adalah salah dan perlu diperbetulkan segera. Persepsi, penerimaan dan penglibatan masyarakat untuk berwakaf hanya dapat dipertingkatkan apabila usaha pemasaran secara profesional dapat dilakukan dengan berkesan. Model SPPI boleh digunakan sebagai salah satu strategi oleh Badan Pentadbir untuk mewujudkan hubungan jangka panjang dengan pewakaf dan bakal pewakaf. Pelbagai permasalahan pemasaran seperti isu kewangan dan pengurusan pemasaran, isu kekurangan kepakaran dan kemahiran pemasaran, isu kemudahan infrastruktur dan prasarana pemasaran akan dapat dilihat dengan lebih jelas melalui model ini.

Di sinilah peranan pemasaran yang perlu dilaksanakan menerusi enam campuran promosi pemasaran secara bersepada bagi memastikan mesej wakaf kepada pelanggan adalah konsisten dan jelas. Pemasaran menerusi KPB yang dijalankan dengan berkesan bukan sahaja berupaya menjelaskan isu-isu berkaitan wakaf, malah mampu menarik ramai pelanggan untuk berwakaf, selain dapat mewujudkan hubungan jangka panjang yang sangat penting dalam memastikan *survival* sesuatu organisasi. Kemajuan teknologi

komunikasi dan media sosial juga perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin sebagai medium pemasaran yang berimpak tinggi khususnya bagi menarik perhatian masyarakat moden dalam kalangan generasi muda masa kini. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa pelaksanaan wakaf di Malaysia khususnya di institusi pendidikan bakal memasuki era kebangkitan semula dalam masa yang terdekat ini sekiranya usaha pemasaran wakaf yang bersungguh-sungguh dapat digerakkan oleh semua pihak demi mengembalikan peranannya dalam pembangunan sosioekonomi ummah.

BAB 6 : WAKAF HARTA ALIH

6.1 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh berkenaan definisi dan klasifikasi harta sertauraian mengenai wang tunai secara umum. Memandangkan topik wakaf tunai adalah lebih dominan dalam konteks wakaf harta alih, bab ini akan memfokuskan kepadauraian berkenaan wakaf tunai berbanding wakaf bukan wang tunai yang merangkumi perbahasan wakaf tunai menurut syarak dan perundangan, di samping membincangkan proses pelaksanaan wakaf tunai dan kaedah kutipan wakaf tunai.

Selain daripada itu, bab ini juga turut menghuraikan berkenaan harta alih bukan wang tunai dan klasifikasinya seperti saham dan sukuk, makanan dan barang keperluan, kelengkapan dan peralatan, perhiasan dan kenderaan, tumbuh-tumbuhan dan haiwan ternakan, hak cipta atau harta intelek dan banyak lagi. Perbahasan mengenai wakaf harta alih bukan wang tunai dan kaedah pelaksanaannya menurut hukum syarak juga turut dibincangkan dalam bab ini.

6.2 Harta dan Huraianya

Umumnya, harta adalah segala sesuatu yang dapat dimanfaatkan dan boleh dimiliki secara sah menurut perundangan dan hukum syarak sama ada menerusi transaksi jual beli, pinjaman, penggunaan, pemberian dan sebagainya. Secara estimologi harta atau *al-mal* dalam bahasa Arab membawa maksud condong, cenderung atau berpaling dari arah tengah ke arah yang lain. Hal ini demikian kerana sifat hati dan tumpuan manusia yang amat cenderung kepada harta. Terdapat perbezaan pandangan para ulama dalam mendefinisikan harta di mana *jumhur* ulama berpandangan bahawa harta adalah segala sesuatu yang mempunyai nilai dan diwajibkan ganti rugi ke atas orang yang merosakkan atau melenyapkannya.

Menurut pandangan *jumhur* ulama, harta bukanlah hanya terhad dalam sifat objek material atau fizikal sahaja, sebaliknya turut merangkumi manfaat sesuatu perkara. Para ulama *Hanafiyyah* pula berpendapat bahawa harta merupakan sesuatu yang dapat disimpan atau dipelihara, dihimpun dan dapat dimanfaatkan menurut kebiasaan ‘urf. Ibnu Abidin yang merupakan salah seorang ulama *Hanafiyyah* juga berpandangan bahawa harta adalah sesuatu yang dicenderungi oleh manusia dan dapat dihadirkan dengan nyata dan dimanfaatkan pada saat diperlukan. Menurut beliau lagi, harta hanyalah sesuatu yang memiliki sifat material dan fizikal. Oleh kerana itu, manfaat termasuk dalam kategori hak milik dan bukan dalam kategori harta kerana hak milik adalah berbeza dengan harta menurut *Hanafiyyah*.

Berdasarkan definisi *Hanafiyyah* tersebut, ilmu pengetahuan, kesihatan, kepintaran dan kemuliaan tidak termasuk dalam kategori harta, tetapi ianya termasuk dalam kategori hak milik. Begitu juga makanan yang rosak atau beracun dan tidak lagi boleh dimanfaatkan adalah tidak termasuk dalam kategori harta. Dalam perbahasan yang khusus, harta diklasifikasikan kepada beberapa kategori yang terperinci dan kompleks, sebagaimana berikut:

- a. *Mal mutaqawwam* dan *ghayr mutaqawwam*;
- b. *Mal mitsli* dan *mal qimi*;
- c. *Mal istihlak* dan *mal isti'mal*;
- d. *Mal manqul* dan *mal ghayr manqul*;
- e. *Mal 'ain* dan *mal dayn*;
- f. *Mal al-'ain* dan *mal al-nafi'*;
- g. *Mal mamluk*, *mal mubah* dan *mal mahjur*;
- h. *Mal al-namiy* dan *mal ghayr al-namiy*;
- i. *Mal khas* dan *mal 'am*; dan banyak lagi.

Secara umumnya, harta boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu harta alih dan harta tak alih, sebagaimana berikut:

a) Harta Alih

Harta alih atau harta *manqul* merupakan harta dan aset yang boleh bergerak atau yang mudah dipindahkan atau yang boleh diubah dari tempat asalnya dan dapat dimanfaatkan secara langsung, sama ada ianya bersifat tahan lama atau mudah mengalami kerosakan dan perubahan; dan sama ada bentuk serta keadaannya kekal semasa dipindahkan atau berubah bentuknya. Harta alih menurut definisi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) ialah harta yang selain daripada harta tak alih seperti wang tunai, saham, akaun simpanan bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans, kenderaan, senjata api, barang kemas dan sebagainya. Contoh lain bagi harta wakaf alih adalah seperti perhiasan, buku dan kitab, pakaian dan peralatan, ternakan dan kenderaan, harta intelek dan sebagainya.

b) Harta Tak Alih

Harta tak alih yang juga disebut sebagai harta *ghayr manqul* adalah harta dan aset yang tidak boleh berpindah atau dipindah atau diubah dari tempat asalnya seperti tanah, bangunan dan sebagainya. Harta tak alih menurut JKPTG ialah tanah atau kepentingan di atasnya di mana bangunan kekal adalah turut meliputi takrif harta tak alih. Perbahasan mengenai harta tak alih dihuraikan lebih lanjut dalam bab yang berikutnya.

6.3 Wakaf Harta Alih Wang Tunai

Topik wakaf harta alih wang tunai ini merujuk kepada pelaksanaan wakaf tunai (*cash waqf*) iaitu wakaf yang diwujudkan dengan menggunakan wang tunai yang akan dibincangkan daripada aspek takrifan dan perspektif hukum syarak serta perundangan di Malaysia, di samping huraihan berkenaan proses pelaksanaan wakaf tunai dan kaedah kutipannya.

6.3.1 Mata Wang

Wang atau duit menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah kertas yang dicap dengan nilainya; atau kepingan syiling logam yang dicap dengan nilainya; yang diterima umum untuk transaksi ketika menjual atau membeli sesuatu. Umumnya, wang atau duit merupakan perantaraan atau instrumen yang mempunyai nilai dan diterima masyarakat umum serta diiktiraf sah oleh undang-undang sebagai medium pertukaran dalam urusan jual beli dan urus niaga yang lain. Dengan wang, seseorang hanya perlu menyerahkannya kepada penjual untuk mendapatkan sesuatu barang atau perkhidmatan.

Mata wang juga merupakan alat ukuran untuk penilaian serta tanda aras penyimpanan nilai bagi sesuatu barang atau perkhidmatan. Dalam bahasa mudah, mata wang bukan barang dan perkhidmatan tetapi ia diperlukan untuk mendapatkan kedua-duanya. Syiling emas kini bukanlah selalunya 99.9% kerana sering dibuat dengan tambahan 10% tembaga untuk meningkatkan ketahanannya seperti *kruggerrand*. Emas bukanlah aset cairan memandangkan ia berkembang lebih kurang 4% untuk jual dan beli. Tambahan pula, emas kini adalah relatif kepada pasaran kecil dan harga emas boleh berubah sangat tinggi jika beberapa bilion wang fiat cuba digunakan untuk membeli emas.

Kini mata wang yang digunakan di negara bukan lagi berasaskan emas atau perak tetapi bersandarkan kepercayaan masyarakat kepada mata wang yang dikeluarkan oleh sesebuah negara (*legal tender*). Itulah sifat mata wang yang terbina atas kepercayaan (*trust*) sesebuah masyarakat atau kelompok masyarakat di dunia ini.

a) Sejarah Wang

Dalam pelbagai bahasa, perkataan untuk wang adalah hampir serupa dengan perkataan untuk emas atau perak. Perkataan bahasa Inggeris "money" berasal daripada istilah bahasa Latin *moneta*, yang bermaksud *mint* atau pengkoinan iaitu penghasilan syiling. Dalam bahasa Perancis, perkataan untuk wang adalah

“argent” yang bermaksud perak. Dalam bahasa Ibrani pula, perkataan ‘kesepph’ mempunyai dua makna iaitu perak dan wang. Mata wang utama Sepanyol sewaktu zaman penjajah adalah bernilai sekeping duit bernilai lapan *reales* yang disebut *riyals* atau lebih dikenali sebagai *pieces of eight* yang kemudiannya ia dipanggil *peso*. Perkembangan wang bermula daripada emas, perak, tembaga, loyang, besi, batu, atau kulit kerang kepada wang kertas, atau catatan elektronik yang dikendali oleh Sistem Perbankan Kompleks Antarabangsa.

Berdasarkan sejarah, penggunaan mata wang telah berlaku sejak sebelum zaman Rasulullah SAW. Mata wang tersebut pada masa itu masih lagi dipengaruhi oleh mata wang asing. Hanya pada tahun 15 Hijrah, mata wang pertama negara Islam mula dikeluarkan oleh Khalid bin Walid di *Thabariyyah* yang merupakan salah sebuah daerah di Syria. Seterusnya, pada tahun 38 Hijrah bersamaan 658 Masihi mata wang kedua telah dihasilkan dengan ciri-ciri mata wang Islam oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan dari Umayyah yang memerintah pada 65H-86H bersamaan 685M-705M. Khalifah meneruskan pembuatan mata wang Islam dengan menghasilkan mata wang yang mempunyai kalimah tauhid, nama Rasulullah SAW serta tempat dan tahun dicetak.

Mata wang pertama yang bercirikan Islam dinamakan sebagai *Dimasyqiyyah* yang bersesuaian dengan tempat pencetakan mata wang tersebut di bandar Damsyik. Khalifah mengirimkan mata wang ini ke seluruh negeri dan mengarahkan supaya mata wang Rom dan Parsi akan dibekukan serta digantikan dengan mata wang Islam yang baru. Peranan mata wang ini terus berjalan sebagai alat penilai dalam pertukaran yang ditentukan oleh mata wang tersebut.

Terdapat pelbagai teori mengenai tempat pertama dan bila Islam sampai ke dunia Melayu, namun yang pasti ianya telah membawa kesan dalam kehidupan masyarakat Islam di wilayah ini yang rata-ratanya dihuni oleh orang Melayu. Salah satu perubahan besar yang boleh dilihat adalah pengeluaran duit oleh kerajaan Islam tempatan. Kerajaan yang dipelopori oleh Kesultanan Melayu

Islam sama ada di Sumatera, Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu juga mengambil langkah yang sama dengan menempa duit kerajaan sendiri seperti yang dilakukan oleh kerajaan Islam di kawasan lain. Mata wang penting kerana kedudukan dunia Melayu yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa bagi pedagang asing terutamanya dari Timur Tengah, Gujarat dan China. Logam yang menjadi bahan utama dalam pembuatan duit seperti emas, perak dan timah adalah merupakan sumber asli yang banyak terdapat di dunia Melayu pada waktu itu.

Rekaan mata wang yang dihasilkan oleh pemerintah Islam di dunia Melayu mempunyai ciri-ciri yang berlainan dengan mata wang yang dihasilkan di Timur Tengah tetapi mempunyai sedikit persamaan dengan kerajaan Islam yang paling hampir dengan Asia Tenggara iaitu kerajaan Islam di India. Daripada segi reka bentuk mata wang pula, dunia Melayu mempunyai bentuk mata wang yang pelbagai dan menarik. Antara bentuk yang sering digunakan adalah bulat dan segi enam. Mata wang di Semenanjung Tanah Melayu terus mengalami perubahan dari satu abad ke abad yang seterusnya. Ketika di bawah pengaruh British, mata wang Semenanjung Tanah Melayu mula menggunakan angka rumi dan tulisan Jawi. Tulisan Jawi masih lagi kelihatan di atas wang kertas yang digunakan pada hari ini tetapi bahasa Arab telah terhenti penggunaannya sejak awal abad ke-20 Masihi kerana mata wang dunia Melayu telah mula dikeluarkan secara seragam selari dengan pembentukan negara Malaysia.

b) Fungsi Wang

Ibn Khaldun dalam karyanya *al-Muqaddimah* mengakui dua fungsi wang yang utama iaitu alat perantaraan dalam pertukaran dan penyimpan nilai yang tidak jauh dengan idea yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali. Ibn Khaldun juga berpendapat emas dan perak merupakan medium terbaik untuk menukar nilai semua modal terkumpul dan sebagai penyimpan nilai berbanding barang.

Sesuatu barang boleh dianggap sebagai wang jika ianya memenuhi empat kriteria utama iaitu diterima sebagai bahan pertukaran, memiliki nilai unit akaun, diterima sebagai penyimpan nilai dan memenuhi bentuk kecairan pasaran.

i. Bahan Pertukaran

Bahan pertukaran merupakan satu perantara yang digunakan dalam perdagangan bagi mengelakkan kesulitan dalam sistem tukar barang murni. Ia haruslah mudah dibawa atau diangkut dan juga haruslah bersifat tahan lama.

ii. Unit Akaun

Satu unit akaun adalah satu unit ukuran nombor piawai bagi nilai pasaran bagi barang, perkhidmatan dan urusan lain. Ia juga perlu bagi persetujuan perdagangan yang melibatkan hutang. Ia haruslah mempunyai berat atau saiz atau ukuran tertentu untuk memudahkan pengiraan. Ia haruslah boleh dibahagikan kepada unit kecil tanpa memusnahkan nilainya. Ia haruslah bersamaan dengan yang lain: iaitu satu unit atau benda itu haruslah serupa dengan yang lain yang kerana itulah berlian, hasil seni dan harta tanah tidak sesuai sebagai wang.

iii. Penyimpan Nilai

Untuk menjadi sebagai satu penyimpan nilai, sesuatu komoditi dalam bentuk wang atau modal kewangan mestilah boleh disimpan dengan selamat dan boleh didapatkan kembali serta boleh dijangkakan sebagai berguna apabila ia didapatkan kembali. Ia haruslah mempunyai nilai yang stabil; dan sukar untuk dipalsukan di mana yang tulen adalah mudah dikenali. Ia juga haruslah tahan lama, tahan lasak, tidak mudah musnah atau reput.

iv. Kecairan Pasaran

Wang merupakan bentuk kecairan pasaran. Kecairan menentukan betapa mudahnya sesuatu benda didagangkan untuk benda yang lain. Wang memberikan kemudahan untuk memiliki benda lain tanpa perlu

menggunakan sistem barter. Kerana itulah, emas dan perak sering dipilih sebagai mata wang dalam sejarah wang kebanyakan masyarakat dan budaya.

c) Jenis Wang

Ringkasnya, terdapat tiga jenis wang yang diguna pakai dan dikenalpasti iaitu wang komoditi, wang fiat dan wang kredit. Setiap jenis wang tersebut mempunyai kekuatan dan liabiliti ekonomi yang berbeza.

i. Wang Komoditi

Wang komoditi ialah wang yang boleh digunakan sebagai medium pertukaran dan sebagai komoditi yang boleh didagangkan pada masa yang sama. Mata wang berasaskan komoditi sering dilihat lebih stabil, namun nilainya masih boleh berubah. Contoh wang komoditi ialah emas, perak dan logam berharga yang lain.

Wang komoditi seperti emas dan perak merupakan antara bentuk terawal wang. Di bawah sistem wang komoditi, objek seperti duit syiling emas mempunyai nilai intrinsik iaitu nilainya yang tetap kekal walaupun inflasi, berbanding nilai wang kertas yang bergantung kepada nilai yang dicap semata-mata. Wang komoditi biasanya digunakan untuk memudahkan urus niaga dalam ekonomi barter. Dengan demikian, ia lebih berfungsi sebagai perantara pertukaran, dan kemudiannya mula berfungsi sebagai simpanan nilai. Tiada wang yang sempurna walaupun emas adalah yang paling hampir. Walaupun emas itu sendiri tidak mereput, syiling emas mudah calar atau rosak ataupun dicairkan, dan ini akan mengurangkan nilainya dan mengurangkan juga kemampuan untuk keberkesanan penukaran syiling emas.

Satu lagi ciri wang komoditi ialah nilai dagangan komoditi tersebut boleh jadi lebih tinggi dari nilai perantara pertukaran. Apabila ini terjadi, orang akan meleburkan syiling untuk dijual semula. Namun kelebihan emas

dan perak ialah bekalannya tidak dapat ditambah sewenang-wenang oleh bank pusat.

ii. Wang Fiat

Wang fiat adalah wang zaman moden yang direka oleh pihak berkuasa kerajaan dan tidak mempunyai atau tidak mementingkan nilai intrinsik. Wang fiat adalah wang yang nilainya ditentukan oleh undang-undang. Wang fiat, contohnya wang kertas atau duit syiling, merupakan simbol komoditi atau janji kerajaan. Walaupun dipanggil dan dianggap wang, ianya bukanlah wang yang sebenar kerana berasaskan janji untuk membayar wang sekiranya dituntut.

Pengiktirafan meluas terhadap wang fiat berlaku kerana kerajaan pusat bertindak sebagai penjamin nilai wang yang sah sebagai tender di sisi undang-undang sebagai bayaran untuk cukai dan lain-lain. Wang fiat menyelesaikan beberapa masalah wang komoditi. Wang kertas lebih mudah disimpan dan diangkut berbanding ketulan emas dan perak. Buku cek dan urus niaga elektronik memudahkan lagi pertukaran.

Wang kertas sering kehilangan nilainya melalui inflasi, kerana wang kertas sentiasa diisukan atau dikeluarkan. Wang fiat, terutamanya dalam bentuk kertas dan syiling adalah mudah rosak atau hilang. Namun kelebihannya terhadap wang komoditi ialah undang-undang yang mencipta wang fiat menyatakan bahawa wang yang rosak atau binasa boleh diganti semula. Satu lagi kelemahan wang kertas adalah ia bergantung kepada sistem undang-undang kerajaan yang mengeluarkannya. Sekiranya kerajaan tersebut tidak stabil atau dijatuhkan, mata wang yang bergantung kepadanya juga akan terdedah kepada kejatuhan yang luar biasa.

iii. Wang Kredit

Wang kredit merupakan tuntutan terhadap seseorang, sama ada dari segi fizikal atau undang-undang, yang boleh digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan. Perbezaan besar wang kredit berbanding wang komoditi dan fiat ialah ianya tidak dapat dibayar dengan segera apabila dituntut dan terdapat sedikit unsur risiko nilai bayaran akan tidak sama dengan nilai yang dipersetujui semasa belian. Risiko ini perlu ditanggung kedua-dua pembeli dan penjual. Pembeli mungkin gagal atau enggan membayar.

Sekiranya berleluasa, pembekal dan pemberi khidmat tidak lagi dapat terus menghasilkan barang atau menawarkan perkhidmatan. Ini akan mengurangkan bekalan dan meningkatkan harga, dan mungkin mencetuskan stagflasi. Dalam kes ekstrem, ia boleh menyebabkan kemelesetan ekonomi. Risiko kedua ialah masa. Wang kredit merupakan janji untuk pembayaran akan datang. Jika kadar faedah tidak dapat mengimbangi kadar inflasi atau deflasi dan nilai masa wang, penjual akan menerima nilai wang yang kurang berbanding yang sepatutnya. Begitu juga sebaliknya.

6.3.2 Wakaf Tunai Menurut Syarak

Wang tunai merupakan wang *fiat* yang nilainya ditentukan oleh undang-undang. Wang tunai menurut Piawaian Perakaunan Kerajaan adalah terdiri daripada wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan. Wang tunai berfungsi sebagai penyimpan nilai, unit akaun dan piawaian langsian hutang. Wang tunai tidak mempunyai nilai benar tetapi digunakan sebagai pengukur nilai yang menjadi alternatif mudah kepada sistem barter. Tanpa wang tunai, sistem ekonomi menjadi tidak cekap kerana sistem barter memerlukan keperluan serentak antara mereka yang mahu menukar barang, dan persetujuan bahawa pertukaran barang ini mestilah sama nilai sebelum pertukaran barter berlaku. Wakaf tunai (*cash waqf*) pula merupakan satu

produk baharu dalam perbahasan *fiqh* semasa. Wakaf ini berasaskan kepada konsep manfaat untuk awam yang mengharuskan terimaan apa sahaja bentuk harta untuk dijadikan harta wakaf termasuklah wakaf tunai.

Ringkasnya, wakaf tunai ialah wakaf yang diwujudkan dengan menggunakan wang tunai dengan maksud mengamanahkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf untuk dikumpul ke dalam satu tabung amanah wakaf dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal (*mawquf*) bagi mendapatkan manfaat yang dinyatakan dalam *sighah* wakaf. Manfaat daripada hasil wakaf tunai tersebut digunakan untuk kepentingan *mawquf ‘alaih* sebagaimana yang dinyatakan dalam *sighah* oleh pewakaf sebagai amal jariah bagi mendekatkan diri kepada Allah. Sumbangan wakaf dalam bentuk tunai memberikan kebebasan dan ruang yang besar untuk masyarakat berwakaf. Pelaksanaan wakaf ini merupakan satu agenda untuk menggalakkan masyarakat mendampingkan diri kepada Allah SWT.

6.3.3 Wakaf Tunai Menurut Perundangan

Wakaf merupakan salah satu perkara kehartaan yang dikanunkan dalam perundangan Malaysia. Tafsiran wakaf di sini adalah meliputi semua kategori wakaf yang dibenarkan dalam Islam seperti wakaf am, wakaf khas, wakaf keluarga atau *zurri* dan lainnya. Wakaf yang diguna pakai dari sudut perundangan negara turut menerima pakai pelbagai bentuk harta yang diwakafkan termasuk harta alih dan harta tak alih. Dalam konteks wakaf tunai, ia merujuk kepada bentuk wakaf harta alih yang dibenarkan oleh syarak. Legaliti Dasar Wakaf Tunai dalam perundangan negara adalah merujuk kepada Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bidang kuasa mengenainya yang terletak di peringkat negeri. Perkara mengenai wakaf tunai ini turut dibincang dan seterusnya diputuskan di peringkat kebangsaan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

a) Perlembagaan Persekutuan

Di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, perkara wakaf telah disenaraikan bersama perkara mengenai hukum syarak dan undang - undang diri bagi orang-orang yang beragama Islam sebagaimana berikut:

“...hukum syarak dan undang - undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat.....”.

Perlembagaan Persekutuan telah memberi bidang kuasa kepada negeri untuk mengadakan undang-undang mengenai wakaf berdasarkan Artikel 74. Atas dasar inilah statut-statut bagi mentadbir harta ini telah diperkenalkan di semua negeri di Malaysia melalui Enakmen-enakmen Negeri serta Akta bagi Wilayah-wilayah Persekutuan. Undang-undang ini meliputi statut spesifik yang memperuntukkan mengenai wakaf termasuklah statut pentadbiran agama Islam yang terpakai di negeri-negeri.

b) Statut Negeri

Kebenaran menjalankan wakaf tunai diperakui oleh statut negeri menerusi enakmen yang telah diperuntukkan. Antara enakmen-enakmen tersebut adalah Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 dan disusuli dengan Enakmen 15, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 Seksyen 21, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 Seksyen 11, dan juga Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 Seksyen 17. Tafsiran wakaf tunai yang berbentuk wakaf harta alih boleh dirujuk dalam tafsiran wakaf, wakaf am dan wakaf khas. Ianya perlu dibaca bersama dengan tafsiran harta yang ada di bawah statut negeri. Misalnya, Enakmen

Wakaf (Negeri Selangor) 2015 telah memperuntukkan sebagaimana berikut. Wakaf ertinya:

“menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebaikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949”.

Menerusi Enakmen ini, wakaf am pula ditafsirkan sebagai:

“sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebaikan umum menurut hukum syarak”, manakala tafsiran wakaf khas adalah “sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebaikan yang khusus menurut hukum syarak”.

Tafsiran-tafsiran di atas khususnya bagi maksud *“apa-apa harta”* perlu dibaca bersama dengan tafsiran harta kerana wakaf wang tunai merupakan salah satu kategori harta alih. Tafsiran harta mengikut Enakmen Wakaf Negeri Selangor adalah *“harta”* termasuklah harta alih atau harta tak alih dan apa-apa faedah dalam apa-apa harta alih atau harta tak alih, apa-apa hak, kepentingan, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau selainnya yang mempunyai nilai menurut hukum syarak. Peruntukan di atas jelas membolehkan pelaksanaan wakaf wang tunai, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas termasuk juga wakaf gabungan kedua-duanya iaitu Wakaf *Musytarak*. Sehubungan dengan itu, beberapa buah negeri telah mengadakan peruntukan wakaf tunai dalam statut wakaf termasuk di bawah undang-undang subsidiarinya. Dalam hal ini, beberapa buah negeri juga telah memperuntukkan enakmen berkaitan wakaf tunai seperti Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No. 5 Tahun 2005), yang memperuntukkan wakaf tunai adalah termasuk di dalam skim wakaf sebagaimana peruntukan Seksyen 11(1)(a).

c) Fatwa Wakaf Tunai di Malaysia

Kebenaran berhubung Wakaf Tunai di Malaysia bermula dengan kelulusan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pada **tahun 1959** melalui

Lembaga Amanah Masjid Negeri Perak. Berdasarkan Peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 memperuntukkan bahawa:

“Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri bolehlah menerima wang tunai daripada sesiapa yang berhajat hendak mewakafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan bagi-nya”.

Peruntukan berkenaan wang tunai sebagai instrumen wakaf dan keharusan pelaksanaan wakaf tunai yang dikenali sebagai Skim Saham Wakaf Selangor kemudiannya diperolehi menerusi Keputusan Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada **5 September 2006** menyatakan:

“Hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal”.

Seterusnya fatwa berkenaan pelaksanaan wakaf tunai diikuti dengan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada **31 Januari 2007**. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-77 yang bersidang di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu pada **10-22 April 2007** juga menyatakan keputusan:

“Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam”.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada **31 Mac 2009** dan Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang bersidang pada **9 Jun 2013** juga turut menetapkan keharusan pelaksanaan wakaf tunai. Dengan adanya fatwa ini, maka negeri-negeri yang lain juga boleh menjadikannya sebagai sandaran rujukan hukum syarak.

6.3.4 Pelaksanaan Wakaf Tunai

Topik ini membincarakan tentang tatacara penganjuran wakaf tunai yang perlu dipatuhi bagi menjamin pelaksanaan dan pengurusan wakaf tunai yang teratur, berkesan dan sah menurut perundangan. Setiap institusi pendidikan mestilah

mematuhi tatacara atau langkah-langkah yang perlu sebelum menganjurkan dan mewujudkan skim wakaf tunai yang merangkumi proses permohonan kelulusan pelaksanaan, proses penubuhan akaun wakaf dan tabung kumpulan wang wakaf, penentuan *sighah* wakaf yang jelas dan keperluan dokumentasi secara rasmi bagi pelaksanaan wakaf tunai tersebut, sebagaimana berikut:

a) Kelulusan Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai

Sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini, pihak institusi perlulah mendapatkan kebenaran atau kelulusan pelaksanaan daripada pihak MAIN masing-masing terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti kutipan wakaf tunai boleh dilaksanakan. Ini penting bagi tujuan penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawai, kakitangan atau pihak-pihak lain yang ditugaskan untuk menerima wang tunai daripada pewakaf. Ianya juga amat penting sebagai kawalan dalaman bagi mengelakkan sebarang salah laku atau penyelewengan.

b) Akaun Wakaf Tunai dan Tabung Kumpulan Wang Wakaf

Seterusnya, pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan perlu mewujudkan satu akaun dengan mana-mana institusi perbankan Islam bagi memudahkan urusan kutipan dan simpanan dana wakaf tunai yang dikumpulkan secara teratur. Akaun tersebut hendaklah ditadbir dan dikendalikan oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan atau oleh pihak-pihak yang dipersetujui oleh Badan Pentadbir tersebut. Laporan kewangan wakaf hendaklah dikemukakan kepada pihak MAIN dari semasa ke semasa dengan kekerapan mengikut jadual yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Tertakluk kepada polisi dan dasar pengurusan wakaf oleh pihak MAIN masing-masing, pihak institusi pendidikan juga haruslah memohon kepada pihak MAIN supaya diwujudkan satu daftar wakaf atau tabung amanah wakaf yang tersendiri dan berasingan dalam Kumpulan Wang Wakaf MAIN bagi memudahkan sebarang pemindahan wang wakaf antara pihak institusi pendidikan dengan pihak MAIN. Sebagai contoh, berdasarkan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, Seksyen 36(4), akaun wang asas wakaf dan akaun

wang manfaat wakaf hendaklah diwujudkan secara berasingan. Namun begitu pemisahan akaun ini tidak dinyatakan secara jelas dalam enakmen wakaf negeri-negeri lain. Dalam hal ini, Badan Pentadbir wakaf institusi perlulah mendapatkan persetujuan bersama bagi bentuk akaun kumpulan wang wakaf yang akan dilaksanakan.

c) *Sighah* Wakaf Tunai

Sighah wakaf tunai adalah amat penting dalam menentukan tujuan wakaf dan penerima manfaat wakaf atau *mauquf ‘alaih*. Dalam konteks ini, ianya bermaksud pernyataan wakaf yang dibuat oleh pewakaf bagi apa-apa tujuan wakaf umum atau wakaf khas, sama ada secara lisan, tulisan atau pun isyarat. Contoh *sighah* wakaf tunai bagi wakaf umum adalah seperti berikut:

“Saya wakafkan wang tunai sebanyak RM1,000.00 ini untuk kegunaan dan kepentingan institusi pendidikan xxx kerana Allah SWT buat selama-lamanya”.

Manakala contoh *sighah* wakaf tunai bagi wakaf khas pula adalah seperti berikut:

“Saya wakafkan wang tunai sebanyak RM1,000.00 ini untuk tujuan projek pembinaan asrama pelajar institusi pendidikan xxx kerana Allah SWT buat selama-lamanya”.

Bagi mempermudahkan urusan pewakafan, pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan disarankan supaya menyediakan *sighah* yang jelas sebagai pilihan dan panduan para pewakaf.

d) Dokumen Wakaf Tunai

Setiap urusan kutipan wakaf tunai hendaklah disertakan dengan bukti transaksi atau dokumentasi bergantung kepada tatacara yang ditetapkan oleh pihak MAIN masing-masing. Antara dokumen wakaf tunai yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

- i. Borang Wakaf;
- ii. Resit Rasmi;
- iii. Sijil Wakaf Tunai;
- iv. Penyata Sumbangan Wakaf Tunai; dan
- v. Borang Kebenaran Potongan Gaji Bulanan.

6.3.5 Kaedah Kutipan Wakaf Tunai

Terdapat pelbagai kaedah kutipan wakaf tunai yang boleh ditawarkan sebagai kemudahan untuk orang ramai berwakaf di antaranya adalah seperti berikut:

a) Kaunter Kutipan

Kaunter kutipan boleh berfungsi sebagai kemudahan utama untuk masyarakat umum berwakaf secara tunai, cek, kad debit dan kad kredit.

b) Peti Sumbangan

Penyediaan tabung atau peti sumbangan wakaf tunai boleh diwujudkan dan ditempatkan di mana-mana lokasi yang sesuai bagi memudahkan orang ramai memberi sumbangan. Peti sumbangan yang disediakan hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- i. Menyatakan nama peti dan nombor siri peti sumbangan;
- ii. Menyatakan tujuan kutipan wakaf;
- iii. Memohon kebenaran dari pihak-pihak berkaitan;
- iv. Melantik individu yang bertanggungjawab terhadap pengurusan tabung;
- v. Menyediakan akaun dan penyimpanan rekod; dan
- vi. Menyediakan penyata kewangan.

c) Kemudahan Perbankan Islam

Bagi memudahkan masyarakat untuk berwakaf, pengurusan wakaf institusi pendidikan digalakkan mengadakan kerjasama pintar bersama institusi perbankan Islam pilihan. Bidang kerjasama yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan perbankan internet atau perbankan dalam talian;
- ii. Kemudahan arahan tetap (*standing instruction*);
- iii. Mesin juruwang automatik (*auto teller machine*) dan mesin deposit tunai (*cash deposit machine*);
- iv. Caj pengurusan kad;
- v. Promosi berkala kepada pemegang akaun; dan sebagainya.

d) Aplikasi Mudah Alih

Aplikasi mudah alih atau *Mobile App* adalah perisian aplikasi yang direka untuk kegunaan pantas di telefon pintar, komputer tablet dan peranti mudah alih yang lain. Ianya adalah satu istilah yang digunakan untuk menggambarkan aplikasi internet yang dioperasikan pada telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. *Apps* mula muncul pada tahun 2008 dan biasanya dikendalikan oleh pemilik sistem operasi mudah alih, seperti *AppStore* dan *GooglePlay*. Sesetengah aplikasi adalah percuma, manakala sesetengah yang lain pula adalah berbayar.

Aplikasi mudah alih wakaf tunai boleh dibangunkan bagi membantu pengguna untuk berwakaf dengan menyambungkannya kepada perkhidmatan internet yang biasanya diakses di desktop atau notebook komputer, selain menjadikannya tersimpan dengan mudah pada telefon mereka untuk rujukan dan penggunaan berulang pada bila-bila masa tanpa perlu membuat carian *url* menerusi laman sesawang.

e) Potongan Gaji

Bagi memudahkan warga institusi pendidikan berwakaf secara tetap dan konsisten, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan boleh memajukan permohonan kepada pihak pengurusan institusi pendidikan untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaan skim potongan gaji dan nombor kod potongan gaji di institusi pendidikan tersebut.

Borang Kebenaran Potongan Gaji perlu disediakan untuk dilengkapkan oleh warga institusi pendidikan yang berminat menyertai skim wakaf menerusi potongan gaji, sama ada menggunakan borang manual atau borang atas talian. Kemudahan berwakaf menerusi skim potongan gaji secara tidak langsung akan dapat mengurangkan aktiviti pelanggan di kaunter.

Selain daripada itu, terdapat banyak lagi kaedah lain yang boleh ditawarkan sebagai kemudahan untuk berwakaf kepada institusi pendidikan khususnya oleh warga institusi pendidikan itu sendiri seperti kemudahan kaedah wakaf menerusi hasil tuntutan staf, menerusi hasil komisen atau royalti, menerusi kaedah hibah, wasiat, takaful dan sebagainya.

Walau apa pun kaedah atau medium kutipan wakaf tunai yang digunakan, semua bentuk kutipan wakaf tunai hendaklah dilaksanakan dengan prosedur serta tatacara yang jelas dan teratur diantaranya adalah dicadangkan seperti berikut:

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pihak;
- ii. Penyertaan hendaklah menggunakan borang khas yang disediakan;
- iii. Penyertaan dengan nilai minimum boleh ditetapkan tanpa menetapkan kadar maksimum;
- iv. Setiap pewakaf mestilah diberikan resit penerimaan dengan serta-merta sekiranya sumbangan wakaf tersebut dilaksanakan di kaunter;
- v. Bagi sumbangan wakaf secara pos, melalui bank dan lain-lain, resit akan dihantar kepada pewakaf dalam tempoh yang difikirkan sesuai selepas tarikh penerimaan bayaran; dan

- vi. Salinan resit dan slip pembayaran sama ada melalui tunai, cek, bank draf, wang pos, deposit tunai, perbankan dalam talian hendaklah direkodkan dengan baik.

6.4 Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai

Selain daripada harta alih wang tunai, terdapat beberapa jenis harta alih lain bukan wang tunai yang amat berpotensi untuk diwakafkan seperti bahan bacaan, kenderaan, ternakan, peralatan dan perkakasan, harta intelek, perlesenan dan permit, barang antik dan artifak, buku, saham, sukuk dan sebagainya. Wakaf harta alih bukan wang tunai dalam konteks buku ini adalah bermaksud wakaf yang diwujudkan dengan menggunakan harta yang bukan wang tunai dan bukan juga harta tanah dengan maksud mengamanahkannya kepada mana-mana pemegang amanah wakaf untuk dimanfaatkan sebagaimana yang dinyatakan dalam *sighah* pewakaf.

6.4.1 Klasifikasi Harta Alih Bukan Wang Tunai

Harta alih bukan wang tunai merupakan kategori yang paling luas perbahasan dan perinciannya. Ringkasnya, ia merangkumi semua bentuk harta yang bukan wang tunai dan bukan harta tanah di antaranya adalah seperti berikut:

a) Saham dan Sukuk

Instrumen kewangan seperti saham, sukuk, unit amanah dan sebagainya yang mempunyai nilai pasaran.

b) Bahan Bacaan

Termasuklah al-Quran, kitab-kitab, tesis, disertasi, jurnal, monograf, nota, gambar, buku-buku ilmiah, novel, majalah dan sebagainya, sama ada dalam bentuk bercetak maupun dalam bentuk digital.

c) Kenderaan

Kenderaan yang bermanfaat bagi kegunaan di darat, air dan udara seperti kereta, bot, kapal terbang dan sebagainya.

d) Kelengkapan, Peralatan dan Perkakasan

Kemudahan kelengkapan dan peralatan yang tahan lama dan boleh dimanfaatkan seperti kipas, karpet, komputer, peralatan makmal, jentera dan sebagainya.

e) Harta Intelek

Termasuklah royalti, honorarium, hak cipta dan paten, reka bentuk industri, cap dagangan dan sebagainya.

f) Barang Kemas

Barang-barang kemas seperti perhiasan daripada emas atau perak, intan dan berlian yang mempunyai nilai tukaran di pasaran.

g) Barang Antik dan Artifak

Barangan antik dan artifak yang mempunyai nilai pasaran.

h) Ternakan

Ternakan yang bermanfaat seperti lembu dan kambing, baka atau induk ikan dan sebagainya.

i) Pohon dan Tumbuhan

Pohon dan tumbuhan yang tahan lama, bermanfaat dan memiliki nilai pasaran.

j) Pelesenan dan Permit

Termasuklah lesen dan permit yang boleh menghasilkan manfaat seperti permit batu-batuhan, permit galian, permit pembalakan dan sebagainya.

k) Wang Digital

Dewasa ini, timbul perbincangan intensif tentang mata wang baharu yang sudah diterima pakai oleh sebahagian penduduk dunia ini. Ia bersandarkan kepada satu kod kriptografi yang boleh dikenal pasti dan diselia melalui jaringan Internet. Ia dikenali sebagai mata wang digital atau mata wang kripto kerana teknologi utama yang digunakan di sebalik mata wang ini berlandaskan kepada bidang ilmu yang dipanggil kriptografi. Gandingan bidang kriptografi, pangkalan data dan Internet menghasilkan teknologi yang dipanggil rantaian blok (*blockchain*).

Ia adalah revolusi baharu mata wang yang bakal memberi impak kepada cara amalan kewangan dan transaksi perniagaan semasa. Wang digital belum mempunyai sejarah yang panjang tetapi berpotensi mengubah corak urus niaga masa depan. Para sarjana dan agensi syariah di seluruh dunia dan Malaysia masih lagi melakukan kajian terhadap kedudukan mata wang digital dalam kerangka pemikiran serta minda syariah.

6.4.2 Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai Menurut Syarak

Menurut pendapat jumhur ulama, wakaf boleh dibuat sama ada terhadap harta tak alih seperti tanah, bangunan dan sebagainya atau harta alih seperti wang, kenderaan, pakaian, peralatan, bahan bacaan dan lain-lain lagi harta alih, sebagaimana berikut:

- a. Jumhur *fuqaha* mengharuskan wakaf harta alih selama mana ia adalah benda yang bersifat kekal. Keharusannya dilihat akan mengembangkan lagi institusi wakaf dan memperbanyakkan lagi cabang-cabangnya. Selain itu, ia juga sesuai dengan *urf* semasa dan luwes *fiqh* wakaf yang bersifat *ijtihadi*;
- b. Jumhur Mazhab Maliki dan sebahagian kecil ulama Mazhab Shafie mengharuskan wakaf harta alih tanpa disyaratkan kekal fizikalnya kerana tujuan asal berwakaf itu adalah untuk mendapat manfaat daripada harta tersebut; dan

- c. Imam al-Zuhri mengharuskan berwakaf dengan menggunakan harta alih di mana harta tersebut hendaklah dijadikan modal usaha yang kemudiannya dapat menyalurkan keuntungannya sebagai manfaat wakaf.

Abu Hanifah berpandangan, harta yang hendak diwakafkan itu hendaklah bersifat kekal dan tak alih. Bagaimanapun beliau membolehkan perbuatan berwakaf terhadap harta alih sebagai pengecualian hukum yang bertentangan dengan hukum asal (*khilaf al-as*), sebagaimana berikut:

- a. Harta alih itu hendaklah merupakan sebahagian daripada harta tak alih iaitu sama ada ia sentiasa bersambung teguh dan tetap dengan harta tak alih seperti bangunan dan pokok-pokok, atau harta alih itu khusus digunakan untuk mengusahakan harta tak alih seperti peralatan membajak dan sebagainya;
- b. Apabila terdapat hadith yang membolehkan perbuatan berwakaf terhadap harta-harta alih seperti senjata perang, haiwan atau kenderaan untuk peperangan dan sebagainya; dan
- c. Apabila berlaku hukum adat (*'urf*) yang memberangkan harta alih itu diwakafkan.

6.4.3 Pelaksanaan Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai

Antara isu penting dalam pelaksanaan wakaf harta alih bukan wang tunai adalah faktor *'urf* amalan dalam budaya masyarakat setempat dan faktor *ta'bid* atau keberkekalan harta alih tersebut, sebagaimana berikut:

a) Faktor '*Urf* Amalan Masyarakat

Realitinya, budaya masyarakat Melayu dalam *'urf* amalan pewakafan harta alih yang bernilai rendah adalah lebih kepada maksud wakaf daripada sudut bahasa dan bukanlah wakaf daripada sudut istilah syarak. Sebagai contoh, pelaksanaan wakaf selipar, wakaf telekung, wakaf sejadah, wakaf buku dan sebagainya adalah membawa maksud

derma atau sedekah umum dan tidak membawa maksud amalan sedekah *jariah* yang difahami sebagai wakaf dalam konteks perundangan atau syarak. Dalam konteks ini, harta alih tersebut tidak perlu diuruskan secara wakaf menurut syarak kerana tidak menepati rukun dan prinsip wakaf sebagaimana yang dibahaskan dalam *fiqh* wakaf.

b) Faktor *Ta'bid* dan Keberkekalan

Meskipun prinsip keberkekalan atau *ta'bid* dalam pengurusan harta wakaf merupakan perkara yang tidak disepakati oleh para ulama *fiqh*, namun demikian ianya perlu menjadi perhatian dan keutamaan para pengurus wakaf. Ini penting bagi merealisasikan prinsip *jariah* yang menjadi asas kepada setiap harta wakaf.

Para penyumbang perlu diberikan penerangan serta kefahaman yang jelas berkaitan perkara ini agar tiada implikasi pertanggungjawaban amanah wakaf dan persepsi negatif terhadap pemegang amanah dan pengurus wakaf harta alih tersebut. Berdasarkan kepada perbezaan pandangan ulama *fiqh* yang telah dihuraikan di atas, pelaksanaan wakaf harta alih bukan wang tunai perlu dilihat daripada beberapa sudut yang lain bagi memastikan pengurusannya adalah menepati prinsip dan maqashid syariah wakaf. Perbahasan mengenai pengurusan wakaf harta alih bukan wang tunai akan dihuraikan lebih lanjut dalam Bab 8 yang berikutnya.

6.5 Kesimpulan

Berdasarkan kupasan di atas, wakaf harta alih khususnya wakaf tunai mempunyai peluang serta peranan yang besar dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam selain dapat memberi peluang kepada semua pihak untuk berwakaf. Ianya juga sah mengikut pandangan ulama serta ‘urf semasa dan boleh diterima pakai dari sudut perundangan negara. Institusi pendidikan wajar menjadikan produk wakaf tunai ini sebagai salah satu cara untuk masyarakat dapat berwakaf memandangkan ianya mudah dan menepati takat

kemampuan kewangan mereka. Para pewakaf juga wajar diperuntukkan insentif seperti potongan cukai pendapatan berdasarkan Seksyen 44(6), ACP 1967 (Akta 53).

Selain wakaf tunai, terdapat harta alih bukan tunai yang juga boleh dijadikan wakaf dengan syarat-syarat tertentu. Antaranya adalah wakaf buku, wakaf peralatan dan wakaf harta intelek yang amat sinonim dengan institusi pendidikan. Ringkasnya, masih terdapat banyak ruang dan peluang serta pelbagai bentuk potensi *mawquf* yang belum diterokai sepenuhnya dan amat wajar untuk dibangunkan dalam membangunkan institusi wakaf pendidikan di negara kita.

BAB 7 : WAKAF HARTA TAK ALIH

7.1 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh berkenaan definisi dan klasifikasi harta tak alih sertauraian mengenainya secara umum. Memandangkan harta tanah merupakan subjek yang paling dominan dalam topik harta tak alih, bab ini akan memfokuskan kepada harta tanah yang akan membincangkan prosedur pewakafan harta tanah dan amalan peletakhakan harta tanah wakaf.

Wakaf harta tak alih khususnya dalam konteks wakaf harta tanah merupakan perbincangan yang sangat penting dan perlu diberikan perhatian kerana terdapat banyak isu yang rumit dalam pengurusannya. Antara isu yang sering berbangkit dalam usaha untuk mengurus dan memajukan harta tanah wakaf ialah:

- a. Perundangan dan sumber kuasa wakaf yang diperturunkan ke negeri-negeri melalui Perlembagaan Persekutuan dengan prosedur yang tidak seragam dalam pentadbiran tanah wakaf di antara negeri-negeri;
- b. Tatacara tidak jelas dalam pengurusan tanah;
- c. Pemilikan tanah wakaf yang pelbagai kategori seperti pegangan kekal, pajak, pajak kecil dan sewaan yang didaftar;
- d. Kekurangan atau ketiadaan data dan maklumat tanah wakaf yang tepat;
- e. Saiz yang tidak ekonomik, kedudukan berselerak dan lokasi kurang strategik; dan
- f. Kelemahan-kelemahan dalam mengurus pewakafan harta tanah termasuklah:
 - i. Pewakafan harta tanah tidak dilakukan secara sah;
 - ii. Tanah wakaf dituntut semula waris disebabkan pelbagai alasan; dan
 - iii. Tanah wakaf diceroboh.

Selain daripada itu, bab ini juga turut menghuraikan berkenaan *istibdal* termasuklah berkaitan keperluan *istibdal* dan syarat-syarat *istibdal*. Perbahasan mengenai pandangan *fuqaha*, perundangan serta pelaksanaan *istibdal* di Malaysia juga turut dibincangkan dalam bab ini.

7.2 Rujukan Wakaf Harta Tak Alih dan *Istibdal*

Rujukan yang digunakan di bahagian ini diambil daripada sumber-sumber berikut:

- a. Kanun Tanah Negara (KTN) 1965;
- b. Statut Pentadbiran Agama Islam Negeri;
- c. Statut Wakaf Negeri;
- d. Fatwa *istibdal* yang diputuskan;
- e. Siti Mashitoh Mahamood (2002), Pelaksanaan *Istibdal* dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; dan
- f. Manual Pengurusan *Istibdal* Wakaf JAWHAR, 2010.

7.3 Harta Tanah dan Huraiannya

Tanah menurut Seksyen 5, KTN 1965 adalah permukaan bumi, apa yang ada di atas dan di bawah seperti tumbuhan dan bahan galian termasuk juga hak air. Tanah juga merangkumi ruang udara (*spatium*), ruang atas muka bumi (*strata*) seperti bangunan, dan tanah bawah tanah (*stratum*). Definisi ini turut merangkumi hak yang bersangkutan seperti hak udara, hak penyewaan dan hak penggunaan tanah di bawah tanah. Terdapat pelbagai jenis harta tanah yang boleh diwakafkan mengikut kategori aspek dan kegunaan.

7.3.1 Aspek Harta Tanah

Dalam pengurusan harta tanah terdapat beberapa aspek penting yang perlu diambil kira apabila harta tanah hendak diwakafkan, antaranya termasuklah:

a) Aspek Fizikal

Aspek fizikal merujuk kepada sifat-sifat harta tanah yang nyata seperti lokasi, topografi, bentuk, saiz dan jenis tanah dan bangunan.

b) Aspek Ekonomi

Aspek ekonomi merujuk kepada perancangan, guna tanah, nilai pasaran, nilai pajak, nilai sewa dan sebagainya.

c) Aspek Perundangan

Aspek perundangan adalah seperti ciri-ciri pemilikan, jenis pegangan, sekatan kepentingan, kaveat dan lain-lain aspek perundangan yang boleh mempengaruhi nilai pasaran, nilai sewa dan sebagainya.

Terdapat harta tanah yang mempunyai salah satu aspek di atas dan terdapat juga harta tanah yang mempunyai ketiga-tiga aspek tersebut.

7.3.2 Kegunaan Harta Tanah

Kategori tanah boleh dibuat melalui jenis guna tanah atau kepemilikannya. Umumnya, harta tanah dikategorikan mengikut jenis guna tanah seperti berikut:

a) Kategori Kediaman

Merujuk kepada perumahan atau kediaman yang terbahagi kepada kediaman bertanah dan kediaman tanpa tanah. Bagi kediaman bertanah adalah seperti rumah teres dan seumpamanya. Manakala kediaman tanpa tanah termasuklah kondominium.

b) Kategori Pertanian

Kategori tanah pertanian dan peladangan adalah seperti tanah untuk tanaman kelapa sawit, getah, padi dan sebagainya. Termasuklah juga tanah kosong yang berpotensi untuk dimajukan seperti tanah pertanian terbiar dan tanah bekas lombong.

c) Kategori Perindustrian

Termasuk di dalam kategori ini tanah bagi kegunaan perdagangan atau komersil termasuklah pasar, pasar raya, gerai, warung, ruang parkir dan sebagainya. Selain itu, tanah yang diperuntukkan untuk perindustrian ringan, sederhana dan berat. Termasuk juga di dalam kategori ini tanah bagi perlombongan seperti cari gali minyak dan gas.

d) Kategori Rekreasi dan Hospitaliti

Termasuk di dalam kategori ini hotel, chalet, inap desa dan inap bersarapan dan sebagainya.

e) Kategori Harta Institusi

Sama ada dalam bentuk bangunan strata dan stratum seperti sekolah, madrasah, pusat tahliz, hospital dan sebagainya; dan

f) Kategori Harta Tanah Khas

Seperti perkuburan, lapangan terbang, pelabuhan dan sebagainya.

7.4 Pewakafan Harta Tanah

Untuk maksud proses pewakafan bagi harta tanah boleh dikategorikan seperti berikut:

- a. Tanah pemilikan institusi pendidikan.
Pewakafan harta tanah boleh dijalankan mengikut prosedur sedia ada melalui MAIN dan Pentadbir Tanah dan Galian atau Pendaftar Hak Milik Tanah yang berkaitan;
- b. Tanah pemilikan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).
Mestilah dengan kelulusan PTP dan pewakaf boleh mendapat kelulusan untuk urusan menjalankan pembangunan atau sebagainya; dan
- c. Bagi proses tanah selain kedua-duanya (misalnya, tanah belum dipecah bahagi dan mempunyai pemilikan pelbagai) pewakaf perlu menyelesaikan terlebih dahulu urusan pemilikan dengan pihak Pejabat Tanah Galian (PTG) yang berkaitan.

7.4.1 Wakaf Dalam Kanun Tanah Negara

Dalam KTN (Akta No. 56 Tahun 1965), urusan wakaf boleh dirujuk di dalam Seksyen-seksyen yang berikut:

- a. Seksyen 4(2) – Kecualian:

“Kecualian setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa juga dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan-(e) mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa mengenai wakaf atau baitulmal”.

b. Seksyen 5 – Tafsiran:

“Melainkan kandungan menghendaki sebaliknya “amanah” tidak termasuk wakaf yang diwujudkan selaras dengan prinsip-prinsip hukum syarak”.

c. Seksyen 76 (aa)(ii) dan (iii) – Pengertian pemberimilikan:

“Pemberimilikan tanah Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah terdiri daripada pelupusannya oleh Pihak Berkuasa Negeri-

(aa) buat selama-lamanya –

- (i)*
- (ii) Jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah itu akan digunakan untuk tujuan awam: atau*
- (iii) Jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan ia berbuat demikian”.*

d. Seksyen 416C – Peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak dalam keseluruhan atau sebahagian tanah beri milik yang terletak hak pada penerima pindahan.

“(1) Jika sekiranya keseluruhan atau sebahagian mana-mana tanah beri milik yang dipegang oleh penerima pindahan di bawah apa-apa hak atau kelayakan (entitlement) yang diperolehi dengan cara derma (donation), hadiah (gift), warisan (bequest), kebenaran (permission), persetujuan (consent), atau apa-apa cara yang lain, dari pemindah atau mana-mana pendahuluan dalam hak milik pemindahan untuk apa-apa maksud statutori berkuat kuasa, hak penerima pindahan kepada pendudukan, penggunaan, kawalan atau pengurusan tersebut hendaklah, atas permohonan secara bertulis olehnya kepada Pendaftar, diendorskan atas dokumen hak milik daftar kepada tanah, jika Pendaftar berpuas hati bahawa peletakhakan statutori tentang hak atau kelayakan tersebut pada penerima pindahan telah dikuatkuasakan.

(2) Hak yang diendorskan di atas dokumen hak milik daftaran di bawah Subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh bilamana peletakhakan statutori itu berkuat kuasa dan akan kekal pada seluruh tempoh hak milik itu dan hendaklah mengikat setiap tuan punya tanah yang kemudian.”

MAIN selaku pihak yang diletak hak segala tanah wakaf berdasarkan peruntukan Undang-undang Wakaf Negeri, boleh memohon supaya peletakhakan berkanun di bawah Seksyen 416C KTN digunakan bagi mendaftar semua tanah wakaf sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil.8/1999.

7.4.2 Prosedur Pewakafan Harta Tanah

Harta tanah yang diwakafkan hendaklah didaftarkan atas status tanah wakaf dengan pihak PTG atau Pejabat Pendaftar Hakmilik (mengikut jenis dan tempat tanah berkenaan berada). Terdapat tanah-tanah wakaf yang sukar didaftarkan disebabkan beberapa masalah seperti pewakaf telah meninggal dunia, geran atas nama penghulu dan sebagainya. Oleh yang demikian, proses pendaftaran secara peletakhakan berkanun diperuntukkan di bawah Seksyen 416C, Kanun Tanah Negara. Peruntukan ini memudahkan pihak MAIN dan pentadbir tanah melicinkan proses mendaftar harta tanah wakaf.

Bergantung pada jenis dan *mauquf* dengan kepemilikan yang jelas yang akan diwakafkan, proses pewakafan hendaklah mengikut prosedur yang sedia ada mengikut Kanun Tanah Negara 1965 dan sebagainya. Misalnya, bagi tanah universiti yang pemilikannya adalah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, prosedur dan kelulusan yang berkenaan perlu dipatuhi. Prosedur untuk mewakafkan harta tanah adalah seperti berikut:

- a. Permohonan mendaftar tanah wakaf boleh dilakukan oleh pewakaf atau wakilnya dengan menggunakan borang-borang yang disediakan oleh MAIN;
- b. Pegawai MAIN yang bertanggungjawab tentang wakaf akan menyemak dan membuat siasatan ke atas kesahihan permohonan wakaf;
- c. Pemohon akan menerima surat akuan terima permohonan wakaf daripada pegawai yang berkaitan; dan
- d. Pemohon dengan nasihat daripada Agensi Berkaitan Wakaf (ABW) jika boleh perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada ahli-ahli

profesional yang berkelayakan di bawah panel sekretariat yang dilantik secara khusus dan sah oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan.

7.4.3 Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf

Prosedur pendaftaran tanah yang diwakafkan oleh individu (orang perseorangan), perbadanan/syarikat dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) supaya menepati kaedah syarak dan selari dengan peruntukan KTN. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan oleh MAIN, antaranya:

- a. Proses permohonan mendaftaran tanah wakaf individu/orang perseorangan;
- b. Proses permohonan tanah kerajaan oleh MAIN untuk diwakafkan (*ihsod*);
- c. Proses permohonan tanah yang diserahkan kepada kerajaan bagi diwakafkan sebagai tanah kubur dan masjid;
- d. Proses permohonan peletakhakan tanah secara statutori berdasarkan dokumen kepada MAIN;
- e. Proses peletakhakan tanah secara statutori atas penggunaan tanah kepada MAIN;
- f. Proses pelepasan kaveat (pembatalan) setelah berlaku pewakafan; dan
- g. Proses peletakhakan tanah dalam kawasan penempatan berkelompok sebagai tanah wakaf.

Untuk panduan terperinci mengenai prosedur pendaftaran tanah wakaf, sila rujuk Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf (JAWHAR) 2010.

7.4.4 Amalan Peletakhakan Harta Tanah Wakaf

Di Semenanjung Malaysia, praktis memindah hak tanah bagi tujuan wakaf daripada pewakaf kepada MAIN adalah kebiasaannya dilakukan melalui salah satu daripada empat kaedah berikut:

a) Pindah Milik

Pewakaf perlu mengisi Borang 14A, KTN bagi tanah yang hendak diwakafkan itu dan menyerahkan kepada MAIN beserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti dokumen hak milik tanah asal dan resit bayaran cukai tanah. Seterusnya, MAIN akan mengemukakan permohonan Borang 14A tersebut kepada Pendaftar Hak Milik atau Pentadbir Tanah yang berkenaan untuk didaftarkan.

b) Penyerahan Balik

Pewakaf perlu membuat permohonan menyerah balik tanah (*surrender*) kepada PBN di bawah Seksyen 197, KTN dengan menggunakan Borang 12A iaitu jika wakaf yang melibatkan penyerahan keseluruhan bahagian tanah; atau Borang 12B di bawah Seksyen 200, KTN iaitu jika wakaf tersebut melibatkan penyerahan sebahagian tanah.

Selepas penyerahan balik diterima dan diluluskan oleh PBN, MAIN hendaklah memohon bahagian tanah tersebut sebagaimana dihasratkan oleh pewakaf. PBN boleh memberi milik bahagian tanah berkenaan kepada MAIN atau merizabkan tanah tersebut dengan meletakkan MAIN sebagai pegawai pengawal.

c) Peletakhakan Berkanun di Bawah Seksyen, 415(1)(a), KTN

MAIN dikehendaki mengisi Borang 30A, KTN dan menyerahkannya (beserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti dokumen hak milik tanah asal) kepada Pendaftar Hak milik atau Pentadbir Tanah. Seterusnya Pendaftar Hak Milik atau Pentadbir Tanah akan mendaftarkan peletakhakan tersebut atas nama MAIN.

d) Peletakhakan Berkanun di Bawah Seksyen 416C, KTN

Pewakaf dikehendaki mengisi surat cara/hujah wakaf dan menyerahkannya bersama-sama dokumen hak milik tanah asal kepada MAIN. Seterusnya, MAIN memohon peletakhakan berkanun kepada Pendaftar Hak Milik atau Pentadbiran Tanah di bawah Seksyen 416C, KTN. Terdapat borang khas yang telah disediakan bagi memenuhi keperluan ini.

7.5 *Istibdal* dan Huraianya

Istibdal bermaksud menggantikan harta wakaf dengan harta lain yang lebih baik sama ada dengan tukaran, belian atau jualan menurut hukum syarak dengan tujuan mengekalkan dan mengalirkan manfaat harta wakaf. Terdapat dua istilah yang perlu difahami dalam proses *istibdal mawquf* iaitu istilah *ibdal* dan *istibdal*.

Istilah *ibdal* bermaksud mengeluar atau menukar sesuatu *mawquf* (daripada konsep asalnya yang tidak boleh dijual, dihibah atau diwarisi) dengan menjual harta itu. Istilah *istibdal* bermaksud membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai *mawquf* bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Harta ini dikenali sebagai harta *badal* atau *amwal al-badal*. *Istibdal* juga bermaksud menjual apa yang kurang atau telah hilang hasil atau pendapatan daripada *mawquf* dan membeli apa yang lebih baik daripadanya serta menjadikannya sebagai ganti.

7.5.1 Objektif *Istibdal*

Istibdal mawquf mempunyai matlamat dan objektif tertentu, antaranya ialah:

- a. Mengekalkan *mawquf* umat Islam supaya manfaat dan kegunaannya dapat dinikmati secara berterusan;

- b. Menjamin pembangunan *mawquf* mengikut arus pembangunan dan perkembangan ekonomi semasa negara;
- c. Menjaga dan memelihara tujuan dan niat pewakaf bagi mendapat ganjaran secara berkekalan sebagai sedekah jariah;
- d. Mengelak pembekuan *mawquf* yang tidak ekonomik dan menjadi terbiar; dan
- e. Meningkatkan hasil dan pendapatan dana wakaf negeri-negeri untuk pembangunan ummah.

7.5.2 Hikmah *Istibdal*

Di antara hikmah *istibdal* wakaf adalah untuk:

- a. Dapat memanfaatkan *mawquf* kepada umat Islam secara yang lebih menyeluruh;
- b. Dapat menjamin ganjaran pahala kepada pewakaf semasa hidup dan selepas kematian secara berterusan;
- c. Memperkembangkan *mawquf* umat Islam selaras dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara;
- d. Memperbanyak hasil *mawquf* umat Islam dan mengelakkan *mawquf* menjadi terbiar dan tidak ada manfaatnya; dan
- e. Menyuburkan *mawquf* supaya lebih produktif dan dapat menjana pendapatan yang tinggi selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa.

7.5.3 Keperluan *Istibdal*

Istibdal mawquf adalah menjadi satu keperluan bagi MAIN terutamanya untuk membangunkan *mawquf* orang-orang Islam di mana MAIN sebagai pemegang amanah tunggalnya. Keperluan *istibdal mawquf* akan berlaku dalam beberapa keadaan berikut:

- a. Keluasan *mawquf* yang sempit dan sukar untuk dibangunkan;
- b. *Mawquf* yang terbiar dan tidak dapat dibangunkan untuk kepentingan umat Islam;

- c. Kedudukan dan lokasi *mawquf* yang berjauhan, bertaburan dan tidak bersesuaian untuk dibangunkan;
- d. Hasil dan manfaat yang tidak boleh menepati matlamat dan tujuan pewakaf;
- e. Kegunaan *mawquf* tidak lagi mendatangkan manfaat;
- f. *Mawquf* yang terlibat dengan pengambilan balik tanah oleh mana-mana pihak berkuasa awam melalui Akta Pengambilan Tanah 1960; dan
- g. *Mawquf* yang terlibat dengan penyerahan kepada PBN bertujuan pertukaran hak atau syarat nyata atau status penggunaan tanah seperti jalan atau kawasan lapang.

7.5.4 Syarat-Syarat *Istibdal*

Terdapat beberapa syarat yang wajib dipatuhi dalam melaksanakan *istibdal* terhadap *mawquf* sama ada berkaitan dengan *mawquf* asal yang akan di*istibdalkan* atau harta yang akan dijadikan gantiannya.

Bagi harta kategori pertama (*mawquf* asal), ianya hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Harta itu tidak ada lagi manfaatnya;
- b. Harta itu mengalami kerosakan dan kemusnahan akibat bencana alam dan tidak boleh digunakan lagi;
- c. Harta itu tidak lagi menepati matlamat dan tujuan sesuatu wakaf itu dibuat;
- d. Kewujudan *mawquf* itu boleh membebankan penerima wakaf dan pemegang amanah wakaf;
- e. Harta itu tidak dapat memenuhi tujuan asal pewakaf seperti keluasannya terhad dan terbatas;
- f. Terdapat maslahah untuk di*istibdalkan* atau dapat memenuhi kepentingan awam; dan
- g. Harta itu dikhuatiri akan mengalami kerosakan dan kemusnahan yang akan menyebabkan hilang manfaat *mawquf* itu.

Bagi kategori kedua, iaitu harta yang akan dijadikan gantian sebagai *mawquf (amwal al-badal)*, ia tertakluk kepada beberapa syarat berikut:

- a. Harta gantian sebagai *mawquf* itu adalah lebih baik daripada *mawquf* yang asal;
- b. Harta gantian itu hendaklah terdiri daripada jenis harta yang sama atau lebih baik sama ada harta alih atau harta tak alih;
- c. Harta gantian itu ditukarkan dengan aset kekal bukannya dalam bentuk wang tunai kerana dikhawatirkan akan berlaku penyelewengan; dan
- d. Harta gantian boleh mendatangkan manfaat bagi satu tempoh yang panjang.

7.5.5 Pandangan *Fuqaha* Mengenai *Istibdal*

Fuqaha mempunyai pandangan yang berbeza mengenai *istibdal mawquf* sama ada ia melibatkan wakaf masjid, wakaf tanah atau harta alih dan sebagainya. Ada pendapat yang mengharuskan *istibdal* dan ada pendapat yang mengharamkan *istibdal* kecuali pada masa darurat berdasarkan kepada kaedah *al-Darurat Tubih al-Mahzurat*, maka mereka mengharuskan *istibdal mawquf* untuk kepentingan umum.

a) Mazhab Hanafi

Konsep *istibdal* diterima dalam Mazhab Hanafi dan mereka memberi ruang yang luas untuk melaksanakan *istibdal* terhadap sesuatu *mawquf*, di samping memelihara kelangsungan wakaf dan tujuan (niat) wakaf itu dibuat oleh pewakaf. Namun demikian, ruang untuk *istibdal* itu hanya melibatkan *mawquf* yang selain daripada masjid. Bagi Mazhab Hanafi, pelaksanaan *istibdal* terhadap wakaf masjid yang mengalami kerosakan atau tidak lagi digunakan adalah tidak diharuskan dalam apa jua keadaan sama ada dijual atau diganti dengan harta tanah yang lain. Menurut Abu Yusof, masjid tidak boleh dilibatkan dengan *istibdal* sekiranya berlaku kerosakan dan ianya kekal sebagai *mawquf*. Pandangan ini juga merupakan pendapat Imam Abu Hanifah. Semua peralatan

masjid tidak boleh dijual melainkan setelah mendapat arahan daripada Qadi dan hasilnya digunakan untuk masjid lain.

b) Mazhab Shafi'e

Bagi ulama Mazhab Shafi'e, pelaksanaan *istibdal* ke atas *mawquf* adalah terbatas, terutamanya larangan terhadap *istibdal* wakaf masjid. Pendapat Mazhab Shafi'e hampir sama dengan pandangan Mazhab Maliki yang melarang penjualan wakaf masjid sekiranya berlaku kerosakan atau keruntuhan. Namun begitu, ada pandangan yang mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap wakaf masjid jika ia dikhuatiri akan roboh tetapi ianya hendaklah mendapat kebenaran daripada Qadi. Kebenaran Qadi membolehkan *istibdal* dilakukan dan hendaklah dibina sebuah masjid lain sebagai ganti. Pembinaan masjid itu hendaklah dibuat berdekatan dengan kawasan masjid yang telah dirobohkan. Bagi *mawquf* yang terdiri daripada harta tak alih, sebahagian ulama Shafi'e telah melarang pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tersebut. Manakala sebahagian ulama lain mengharuskan *istibdal* dilakukan apabila *mawquf* itu tidak lagi mendatangkan hasil atau manfaat. Bagi *mawquf* yang terdiri daripada harta alih yang tidak mendatangkan manfaat, sebahagian ulama Mazhab Shafi'e tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap harta itu dan pandangan sebahagian yang lain mengharuskan *istibdal* sama ada menjual atau menggantikan harta tersebut.

c) Mazhab Hanbali

Pandangan ulama Mazhab Hanbali terhadap pelaksanaan sesuatu *istibdal* merupakan pandangan yang agak terbuka berbanding dengan mazhab-mazhab lain. Dalam *istibdal* yang melibatkan sebuah masjid, ia adalah diharuskan jika tidak menepati tujuan wakaf sesebuah masjid didirikan seperti keluasan sebuah masjid tidak dapat menampung jumlah jemaah yang ramai dan keluasannya tidak boleh ditambah atau masjid tersebut tidak digunakan lagi oleh penduduk atau disebabkan oleh keruntuhan dan kerosakan. Apabila sebuah wakaf masjid itu dijual maka harga/nilainya hendaklah digunakan kepada masjid lain yang memerlukan. Amalan ini didasarkan kepada amalan *istibdal* yang dibuat oleh

'Umar al-Khattab terhadap sebuah masjid di Kufah padahal masjid tersebut masih digunakan oleh penduduk Kufah dan masjid itu dijadikan sebagai sebuah pasar bagi penduduk setempat. Pengharusan *istibdal* dalam Mazhab Hanbali boleh dibahagikan kepada dua keadaan yang dinyatakan oleh Ibn Taimiyah, sebagaimana berikut:

- a. *Istibdal* dilakukan kerana sesuatu keperluan (*hajat*); dan
- b. *Istibdal* dilakukan kerana tuntutan maslahah yang jelas (*rajihah*).

Apabila *istibdal* boleh dilaksanakan terhadap sesuatu *mawqif* maka harga jualannya akan digunakan untuk membeli harta lain bagi menggantikan harta pertama yang diwakafkan. Bagi Mazhab Hanbali, harta yang diganti tidak disyaratkan daripada jenis harta yang sama. Ini kerana penggantian harta yang dibuat diambil kira dari sudut pendapatan dan hasil tetapi bukan pada jenis harta.

d) Mazhab Maliki

Kebanyakan ulama dalam Mazhab Maliki, tidak mengharuskan *istibdal* terhadap *mawqif* yang terdiri daripada harta tak alih sekalipun ia tidak mendatangkan manfaat. Terdapat sebahagian daripada ulama Maliki yang mengharuskan *istibdal* harta tak alih tersebut yang tidak memberi manfaat kepada penerima atau pemegang amanah wakaf dan disyaratkan harta tersebut hendaklah ditukar dengan jenis harta yang sama.

Bagi Imam Malik pula, pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tak alih tidak diharuskan sama sekali melainkan sekiranya terdapat maslahah yang memerlukan *istibdal* dilakukan atau ianya untuk kepentingan awam seperti meluaskan masjid, kawasan perkuburan, jalan awam dan sebagainya, atau *mawqif* tersebut diambil secara paksa oleh pihak berkuasa awam ataupun nazir. Dalam perkara melibatkan *mawqif* terdiri daripada harta alih, *istibdal* diharuskan dalam Mazhab Maliki secara *ittifaq*. Manakala dalam hal yang melibatkan wakaf masjid, ulama Mazhab Maliki berpendapat bahawa *istibdal* tidak harus dilaksanakan sekalipun berlaku kerosakan atau kemusnahan.

7.5.6 Perundangan *Istibdal*

Istibdal merupakan antara perkara wakaf yang ada diperuntukkan di bawah undang-undang di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa kepentingannya adalah sebahagian daripada keperluan semasa dalam pengurusan harta wakaf selaras dengan kesahannya mengikut hukum syarak. Pemakaian *istibdal* dalam peruntukan-peruntukan statutori yang dibuat bukan sahaja melibatkan masjid sebagai *mawquf*, malah termasuk juga harta-harta lain sama ada harta alih ataupun harta tak alih.

Dalam memutuskan keperluan *istibdal* untuk mengurus dan membangunkan harta wakaf, undang-undang memperuntukkan bahawa rujukan perlu dibuat kepada pihak berautoriti yang ditetapkan melibatkan Jawatankuasa Fatwa serta MAIN. Pelaksanaannya pula adalah di bawah bidang kuasa MAIN selaku pemegang amanah tunggal semua *mawquf* dalam negeri masing-masing.

Legaliti dasar *istibdal* dalam perundangan negara adalah dirujuk kepada Perlembagaan Persekutuan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan yang menjelaskan bahawa perkara wakaf yang terletak di bawah bidang kuasa negeri. Perkara mengenai *istibdal* ini turut dibincang dan seterusnya diputuskan di peringkat kebangsaan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Sesetengah negeri turut mempunyai fatwa-fatwa berkaitan *istibdal* dalam menyelesaikan isu berbangkit mengenai pembangunan *mawquf*.

a) Perlembagaan Persekutuan

Di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, perkara wakaf telah disenaraikan bersama perkara mengenai hukum syarak dan undang-undang diri lainnya bagi orang-orang yang beragama Islam sebagaimana berikut:

“...Hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan

mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat.....”

Pernyataan “wakaf” di atas adalah meliputi ke semua perkara berkaitan wakaf termasuk *istibdal* yang dibincangkan ini. Perlembagaan Persekutuan telah memberi bidang kuasa kepada negeri untuk mengadakan undang-undang mengenai wakaf berdasarkan Artikel 74. Ini termasuk perkara menyentuh tentang pelaksanaan *istibdal*. Namun, bukan semua negeri mengadakan peruntukan khusus mengenainya di mana dalam situasi ini rujukan dibuat kepada peruntukan umum lain yang boleh dibaca bagi merujuk kepada *istibdal* ini.

b) Statut Negeri

Setakat ini, hanya terdapat lima (5) negeri sahaja yang telah mengadakan peruntukan khusus mengenai *istibdal* dalam enakmen negeri masing-masing iaitu Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15), Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Enakmen 2) dan Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5), Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen 9) dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enakmen 1).

Negeri-negeri lain masih belum mengadakannya di mana rujukan boleh dibuat kepada statut-statut Pentadbiran Agama Islam masing-masing untuk kuasa melaksanakannya. Selain daripada itu, terdapat juga peruntukan *istibdal* yang dibuat di bawah undang-undang subsidiari negeri-negeri seperti Johor di bawah Kaedah-kaedah Wakaf 1983 (J.P.U. 51/85).

Seksyen 2(1) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 telah memperuntukkan tafsiran *istibdal* sebagaimana berikut:

“...menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum syarak”.

Tafsiran yang hampir sama terdapat juga di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.

Sementara itu, di bawah Kaedah 2, Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983 pula *istibdal* telah ditafsirkan sebagai:

“...menggantikan harta wakaf dengan harta lain yang lebih baik dengan tukaran atau belian atau jualan atau sebagainya menurut Hukum Syarak”.

Perolehan daripada *istibdal* ini sama ada terdiri daripada wang atau nilainya adalah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf selain wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa manfaat, faedah atau keuntungan yang diperolehi daripada sesuatu *mawquf* (Lihat misalnya Seksyen 26, Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan Seksyen 39, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.

Suatu wakaf *istibdal* juga boleh diwujudkan menerusi “wakaf *musytarak*” menerusi penyatuan beberapa wakaf *istibdal* lainnya (lihat misalnya Seksyen 9, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Kaedah 2, Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983). Peruntukan-peruntukan mengenai *istibdal* di dalam statut negeri ini banyak menyentuh tentang kuasa MAIN dalam melaksanakannya mengikut keperluan semasa yang diperlukan.

c) Bidang Kuasa MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal

Sebagai pemegang amanah tunggal semua *mawquf* dalam negeri, MAIN telah diberi kuasa oleh undang-undang bagi melaksanakan *istibdal*. Seksyen 19, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 misalnya membenarkan *istibdal* dibuat oleh MAIN berkenaan dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. *Mawquf* telah diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis;

- ii. Kegunaan *mawquf* tidak lagi mendatangkan manfaat atau faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*, atau
- iii. Kegunaan *mawquf* tidak menepati tujuan wakaf.

Seksyen 12(1), Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 juga mempunyai peruntukan sebagaimana di atas, namun tambahan telah dibuat dengan memasukkan dua keadaan lainnya dalam Seksyen 12(1)(a)(e) sebagaimana berikut:

- a. Jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- b. Jika *mawquf* telah diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis;
- c. Jika kegunaan *mawquf* tidak lagi mendatangkan manfaat atau faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*,
- d. Jika kegunaan *mawquf* tidak menepati tujuan wakaf; atau
- e. Jika disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan, mana-mana syarat yang ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan.

Peruntukan yang memerlukan rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri telah selanjutnya dibuat di bawah Seksyen 12(2) bahawa:

“Majlis hendaklah mendapatkan pendapat Jawatankuasa Fatwa jika Majlis hendak istibdal –

- a) *Masjid atau tapak masjid yang diwakafkan; atau*
- b) *Dalam hal keadaan selain hal keadaan yang dinyatakan dalam Subseksyen (1).*

Bagi pelaksanaan syarat yang dibuat oleh pihak pewakaf pula, Seksyen 12(3) enakmen yang sama menetapkan bahawa:

- a) *Pelaksanaan syarat itu adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis; dan*
- b) *Jika Majlis tidak boleh melaksanakan mana-mana syarat yang ditetapkan oleh waqif, Majlis hendaklah menentukan apa-apa cara lain untuk melaksanakan wakaf itu supaya mawquf itu digunakan*

dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh waqifnya.

Peruntukan seterusnya dalam Seksyen 12(4) menyatakan bahawa:

“Nilai mawquf yang diperolehi melalui istibdal hendaklah tidak kurang daripada nilai semasa mawquf asal”.

Selain daripada MAIN, Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang diwujudkan di sesetengah negeri juga diberi kuasa untuk mengistibdalkan apa-apa *mawquf* di samping memaju atau melaburkan *mawquf* dengan persetujuan Majlis dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan (Seksyen 25, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999). Di Johor menurut Kaedah 9, Kaedah-kaedah Wakaf 1983, selain daripada kebenaran mengimarah, mengistibdal, mengistismar dan melabur *mawquf* mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh hukum syarak, Jawatankuasa Wakafnya juga dibenarkan membeli harta alih atau harta tak alih dengan menggunakan Wang Kumpulan Wakaf daripada *amwal al-badal*.

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai *istibdal*, maka mana-mana peruntukan yang relevan boleh dipakai untuk melaksanakan *istibdal*. Peruntukan bahawa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal semua *mawquf* yang ada dalam ke semua statut berkaitan wakaf adalah sangat signifikan untuk dirujuk. Umpamanya Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan;

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisyntiharanyang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr ‘am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak, setakat mana-mana harta yang tersentuh olehnya dan terletak di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan dan, jika pemberi harta itu atau orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazr ‘am itu telah

berdomisil di Wilayah-wilayah Persekutuan, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana-mana jua harta itu terletak”.

Sebagai pemegang amanah tunggal, adalah menjadi tanggungjawab MAIN memastikan *mawquf* berada dalam keadaan yang baik, mendatangkan hasil serta terhindar daripada kerugian dan kerosakan demi manfaat penerima atau tujuan wakaf yang dibuat. Antara cara merealisasikan tanggungjawab tersebut adalah menerusi *istibdal*. Justeru ini menunjukkan bahawa MAIN dibenarkan oleh undang-undang untuk melaksanakan *istibdal* dalam keadaan-keadaan tertentu. Begitu juga peruntukan yang menyentuh tentang bidang kuasa MAIN untuk kemajuan sosioekonomi orang-orang Islam juga boleh dirujuk di mana MAIN antara lain boleh:

“untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikehendaki atau suai manfaat”.

(misalnya: Seksyen 7, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993; Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (No. 4 Tahun 2004); Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M (No. 2 Tahun 2001) dan lain-lain lagi).

d) Keputusan Fatwa Peringkat Kebangsaan

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam muzakarahnya yang ke-4 pada 13 hingga 14 April 1982 di Dewan Syarahan, Masjid Negara Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa;

“Wakaf gantian (wakaf ibdal) dengan maksud menukar harta-harta wakaf dengan harta-harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah juga diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah”.

Berdasarkan huraiyan yang dibuat didapati bahawa pelaksanaan *istibdal* adalah dibenarkan dan selaras dengan undang-undang negara dan fatwa yang diputuskan. Kuasa telah diberikan kepada MAIN untuk merealisasikannya

tertakluk kepada keperluan dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Rujukan kepada pihak berautoriti adalah diperlukan bagi memastikan *istibdal* yang dibuat menjadi sah dan boleh berkuat kuasa. Apa yang penting adalah setiap *istibdal* perlu mendapatkan harta gantian selaras dengan hukum syarak di mana ia akan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang ke-41 yang bersidang pada 3 hingga 4 November 1996 telah membuat keputusan bahawa wakaf *istibdal* merupakan perkara yang amat baik dan perlu diamalkan memandangkan pembangunan sedang berjalan dengan pesat sedangkan tanah wakaf, tapak masjid lama terbiar dengan begitu sahaja dan menyulitkan pihak berkuasa.

e) Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak

Di Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dalam mesyuarat kali ke-35 yang berlangsung pada 19 November 1993 telah bersetuju mengharuskan wakaf *istibdal* iaitu memindahkan tanah wakaf dari satu tempat ke tempat yang lain yang lebih bermanfaat tetapi perlu mencari nilai tanah yang sama atau lebih.

f) Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka

Di Melaka, Mufti Negeri Melaka bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka telah mengeluarkan fatwa yang berikut;

“Jika tanah wakaf diambil balik oleh PBN kerana apa jua sebab maka pampasan wajiblah dibayar baginya dan wang pampasan itu hendaklah terletak hak dan dibayar kepada Majlis Agama Islam, supaya diganti tanah lain sebagai mengekalkan wakaf dan menunaikan kehendak yang berwakaf”.

g) Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan

Di Kelantan, Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan yang telah diadakan pada 5 Ogos 1995 telah mengemukakan fatwa berkenaan dengan *istibdal*. Jemaah Ulama telah memutuskan bahawa penggantian atau penjualan *mawquf* boleh dilaksanakan ke atas tanah-tanah wakaf dalam situasi yang diperlukan dan untuk kepentingan awam termasuklah *mawquf* yang tidak mempunyai hasil yang cukup bagi menampung kos penyelenggaraan dan membaik pulih.

Keputusan tersebut merujuk kepada pandangan Ibn Taimiyyah dan ianya juga turut merujuk kitab karangan Dr. Abd Salam Madkur (*Usrah fi al-Islam*) yang menyatakan bahawa keharusan penjualan dan penggantian *mawquf* adalah bertepatan dengan pandangan *fiqh* yang memberi kuasa penuh kepada Qadi mahkamah. Selain itu, jika ia melibatkan wakaf khas, keizinan penerima wakaf perlu diperolehi terlebih dahulu.

Berdasarkan kepada pandangan para *fuqaha* dan fatwa yang telah dikeluarkan, ini menunjukkan bahawa *istibdal* boleh dilaksanakan berasaskan keperluan semasa yang berkaitan dengan tanah-tanah wakaf di Malaysia. Bagaimanapun sebelum sesuatu *istibdal* dilaksanakan, perkara ini hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing. Untuk mendapatkan lebih banyak maklumat yang berkaitan, sila rujuk pelbagai panduan seperti Pelan Induk Transformasi Harta Tanah Wakaf 2016, Manual-manual JAWHAR berkaitan *istibdal*, peletakhakkan dan sebagainya.

7.5.7 Pelaksanaan *Istibdal* di Malaysia

Terdapat beberapa negeri di Malaysia yang melaksanakan *istibdal* seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Perak, Terengganu dan Kelantan. Bagi sesetengah negeri yang belum melaksanakannya, ada yang mengatakan ia disebabkan belum timbul lagi masalah berbangkit yang memerlukan kepada pelaksanaan *istibdal*.

a) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Terdapat tiga (3) *istibdal* telah dijalankan di MAIWP yang membabitkan lokasi-lokasi wakaf seperti di Lot. 168 dan Lot. 169, Jalan Perak dan di Lot. 107, Jalan Raja Muda. Pelaksanaan *istibdal* di atas dibuat berdasarkan kelulusan yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-wilayah Persekutuan yang ke-35 yang telah diadakan pada 9 November 1993.

Keputusan mesyuarat ini adalah berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan bertarikh 5 Februari 1994 bahawa pelaksanaan *istibdal* boleh dibuat dalam kes-kes yang diperlukan termasuk yang membabitkan maslahat awam dengan syarat ia dibuat dengan nilai tanah yang sama dengan yang pertama ataupun yang dapat memberikan pelaburan yang lebih baik kepada wakaf yang dibuat.

b) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

Di MAINPP, sebahagian lokasi tapak Bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) adalah merupakan tanah wakaf di mana terdapat Sekolah Agama al-Mashoor al-Islami di atasnya. Hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan lokasi berkenaan sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan utama negeri telah menyebabkan sekolah berkenaan dipindahkan ke Daerah Balik Pulau, Pulau Pinang.

Ini kerana, lokasi asal sekolah agama ini yang terletak di tengah-tengah pusat bandar Georgetown sememangnya sesuai untuk memenuhi hasrat Kerajaan Negeri pada waktu itu. Persetujuan telah dicapai di antara MAINPP dengan Kerajaan Negeri untuk tujuan pengambilan balik tanah tersebut di mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan pampasan berjumlah RM6 juta serta 30 ekar tanah di Daerah Balik Pulau, Pulau Pinang kepada MAINPP sebagai *istibdal* tanah ganti (*Manual Pengurusan Istibdal Wakaf JAWHAR: 2010*).

c) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

Di MAIM pula, *istibdal* dibuat melibatkan antara lain tanah dan tiga tingkat rumah kedai yang terletak di Lot. 233, Kawasan Bandar 20, Jalan Bendahara, Off Jalan Temenggung. *Istibdal* dibuat kerana faktor-faktor ekonomi. Keadaan bangunan yang sedia ada di atas tanah wakaf tersebut memerlukan kos baik pulih yang tinggi serta lokasi tanah yang tidak strategik menimbulkan masalah kepada MAIM.

MAIM telah bersetuju untuk menjual keseluruhan tanah ini kepada penyewanya dan hasil jualan itu diaplikasikan untuk membeli tanah dan bangunan di Lot. 8166 dan Lot. 8167 di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka. Selain daripada itu, *istibdal* telah dibuat ke atas tapak Masjid Tanah Merah, Pantai Kundur, Melaka setelah pengambilan balik tanah dibuat oleh PBN. Masjid itu dirobohkan dan digantikan dengan Masjid Pantai Kundur di tapak tanah yang lain.

d) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

Dalam situasi yang sama di Perak, *istibdal* telah dilaksanakan ke atas Lot. 3758 dan Lot. 3659, Kampung Kacu, Tapah kerana diambil oleh PBN untuk kepentingan umum. PBN Perak telah memperuntukkan sejumlah pampasan yang digunakan oleh MAIPk untuk membeli lot tanah lain yang akan menggantikan tanah yang diambil balik itu. *Istibdal* tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah yang dipengerusikan oleh Mufti Perak pada ketika itu.

e) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

Mufti Negeri Terengganu telah meluluskan *istibdal* bagi tanah-tanah wakaf yang diambil balik oleh PBN. Cuma tanah-tanah gantian yang baru itu hendaklah kemudiannya dilafazkan dengan *sighah* wakaf.

f) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Mesyuarat Jemaah Ulama' 1995 telah memutuskan bahawa *istibdal* boleh dilaksanakan ke atas tanah-tanah wakaf dalam situasi yang diperlukan dan untuk kepentingan awam. Ini termasuk aset wakaf yang tidak mempunyai hasil yang cukup bagi menampung kos penyelenggaraan dan membaik pulihnya.

g) Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)

Di MAIK pula, *istibdal* telah dibuat melibatkan pelaksanaan projek landasan berkembar elektrik dari Ipoh ke Padang Besar Peringkat Negeri Kedah yang melibatkan pemindahan perkuburan Islam, struktur binaan dalam kawasan masjid yang perlu diroboh dan diganti (*Manual Pengurusan Istibdal Wakaf JAWHAR*, 2010).

7.6 Kesimpulan

Terdapat berbagai-bagai bentuk harta yang boleh diwakafkan. Untuk mewakafkan harta tanah, proses dan prosedur yang ada di Agensi Berkaitan Tanah (ABT) perlu difahami dan dipatuhi. Sekiranya tidak dipatuhi, pendaftaran tanah adalah tidak sah. Akibatnya, pewakafan harta tanah juga terbatal di sisi undang-undang tanah. Begitu juga apabila pendaftaran tanah wakaf sukar dilakukan disebabkan beberapa halangan. Oleh yang demikian, prosedur peletakhakan berkanun yang ada di bawah KTN 1965 perlu diikuti. Jadi, bagi mengelak sebarang masalah yang mungkin timbul pada masa hadapan, pewakafan mesti dilakukan pegawai wakaf dan tanah yang profesional dan sah kelayakannya. Pelaksanaan *istibdal* dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia merupakan persoalan yang sering mendapat perhatian dari pihak-pihak tertentu terutama di peringkat MAIN selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf, benefisiari, ahli-ahli waris serta pihak-pihak yang terlibat dalam bidang perundangan.

Berdasarkan kepada empat mazhab berhubung *istibdal* ini, ianya merupakan salah satu penyelesaian terhadap masalah wakaf di mana ia hendaklah dilakukan untuk menyelamatkan kelangsungan wakaf yang dibuat. Pelaksanaan *istibdal* ini boleh dilaksanakan melalui salah satu cara berikut iaitu penjualan atau pembelian; penukaran satu lokasi wakaf dengan lokasi lain; penukaran aset wakaf dengan aset yang lain dan pengubahsuaian mana-mana premis atau bangunan wakaf. Proses *istibdal* di dalam bab ini mengambil contoh yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang dan Kedah memandangkan MAIN di negeri berkenaan pernah menguruskan pelaksanaan *istibdal* wakaf di negeri masing-masing.

BAB 8 : PEMBANGUNAN *MAWQUF* DAN PENGURUSAN MANFAAT

8.1 Pengenalan

Pengurusan dan pembangunan *mawquf* yang cekap dan produktif merupakan salah satu aspek dan faktor utama dalam memastikan kelestarian sesebuah institusi wakaf. Sehubungan itu, bab ini akan membincangkan mengenai topik pengurusan harta wakaf yang merangkumi pengurusan wakaf tunai, pengurusan wakaf harta alih bukan wang tunai dan pengurusan wakaf harta tak alih seperti tanah dan bangunan.

Selain daripada itu, bab ini juga turut menghuraikan berkaitan topik pembangunan harta wakaf meliputi perbincangan mengenai kriteria asas yang perlu dimiliki oleh pengurus pembangunan harta wakaf, isu-isu prinsip dan kategori pembangunan harta wakaf dan kaedah-kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf. Seterusnya, bab ini juga turut membincangkan mengenai pengurusan manfaat wakaf termasuk jenis-jenis klasifikasi manfaat wakaf, pembahagian peruntukan dana manfaat wakaf dan beberapa contoh amalan pengagihan peruntukan dana manfaat wakaf.

Pada akhir bab ini pula akan dihuraikan berkenaan prosedur pengagihan manfaat wakaf yang di antaranya adalah penubuhan Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf, jenis dan bentuk agihan, had dan tatacara agihan, perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa proses pengagihan, selain turut menerangkan mengenai prosedur perolehan harta dan perbelanjaan manfaat wakaf.

8.2 Pengurusan Harta Wakaf

Topik ini akan membincangkan berkenaan tatacara pengurusan *mawquf* yang merangkumi isu-isu wakaf harta alih sama ada wakaf tunai atau bukan wakaf tunai dan isu-isu wakaf harta tak alih seperti tanah dan bangunan.

8.2.1 Pengurusan Wakaf Tunai

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-77 yang bersidang pada 10 hingga 12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu. Manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 5 September 2006 pula menetapkan bahawa hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal. Manakala wang manfaat Wakaf Selangor boleh dibelanjakan untuk memberi bantuan dan perbelanjaan lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Oleh yang demikian, hasil kutipan wakaf tunai yang telah dikumpulkan sebaiknya hendaklah ditukarkan (*badal*) menjadi harta kekal yang mana manfaatnya digunakan untuk aktiviti-aktiviti kebajikan dan amal jariah. Sekiranya kutipan wakaf tunai tersebut berbentuk wakaf khas, wang tersebut hendaklah dibadalkan berdasarkan tujuan dan objektif kutipan wakaf tersebut dijalankan. Bagi dana wakaf tunai am, wang asas wakaf boleh digunakan bagi maksud pembelian apa-apa harta sebagai *mawquf* atau bagi maksud pembiayaan pembangunan apa-apa *mawquf* tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan masing-masing.

Berdasarkan Seksyen 38, Enakmen 9, Wakaf Negeri Perak 2015, semua wang wakaf boleh dilaburkan atas deposit yang mematuhi hukum syarak dalam mana-mana bank, dalam sekuriti yang mematuhi hukum syarak yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan oleh kerajaan negeri atau persekutuan atau atas mana-mana pelaburan yang mematuhi hukum syarak yang diluluskan oleh Majlis. Pelaburan tersebut beserta dengan mana-mana keuntungan yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada kumpulan wang wakaf.

Justeru itu, sepanjang proses kutipan dana wakaf tunai yang belum mencapai sasaran untuk membolehkan proses *batal* dilakukan, pengurusan simpanan dan pelaburan wang wakaf tunai tersebut perlulah ditadbir dengan cekap serta mematuhi hukum syarak. Seksyen 74, Enakmen Wakaf (Pahang) 1991 meletakkan pendapatan daripada sesuatu wakaf khas, jika diterima oleh Majlis (atau wakil yang dilantik) hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas tersebut.

Oleh yang demikian, adalah amat penting kepada mana-mana pegawai pengurusan wakaf institusi pendidikan dalam sebarang aktiviti perbelanjaan pembelian aset (proses *batal*) yang menggunakan hasil kutipan wakaf tunai untuk mematuhi setiap prosedur perolehan harta berdasarkan kepada undang-undang dan fatwa yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Terdapat tiga (3) contoh carta alir yang melibatkan proses kerja, proses bekalan/perkhidmatan sehingga RM50,000.00 dan melibatkan proses bekalan/perkhidmatan sehingga RM50,000.00, yang boleh dijadikan panduan asas, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rajah 7, Rajah 8 dan Rajah 9 dalam subtopik 8.6 Prosedur Perolehan Harta dan Perbelanjaan.

8.2.2 Pengurusan Wakaf Harta Alih Bukan Wang Tunai

Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam Bab 6 menerusi perbincangan mengenai wakaf harta alih, jelas kepada kita bahawa terdapat pelbagai jenis harta alih yang amat berpotensi untuk diwakafkan selain daripada wang tunai seperti bahan bacaan, kenderaan, ternakan, peralatan dan perkakasan, harta intelek, perlesenan dan permit, barang antik dan artifak, buku, saham, sukuk dan sebagainya. Namun demikian, adalah agak sukar bagi Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan untuk menguruskan sesetengah harta alih bukan wang tunai yang bernilai rendah atau bersifat tidak kekal seperti al-Quran, buku-buku, selipar, sejadarah, telekung dan sebagainya.

Dalam konteks ini, pengurus sumbangan perlu mengambil perhatian agar penyumbang harta tersebut disarankan untuk menggunakan kaedah

sumbangan derma atau hadiah dan bukannya menggunakan kaedah wakaf. Dalam masa yang sama, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan hendaklah membangunkan tatacara pengurusan yang khusus dalam memberi panduan kepada pengurus wakaf serta para penyumbang terhadap sebarang penerimaan dan sumbangan harta alih yang bukan wang tunai.

Selain daripada laporan harta wakaf yang disediakan secara berkala untuk dibentangkan kepada Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan, setiap sumbangan harta alih yang bukan wang tunai juga perlu dimaklumkan kepada Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan menerusi laporan khas secara berkala. Ini penting bagi memastikan semua maklumat berkenaan harta wakaf diambil maklum oleh pihak Badan Pentadbir dan diberikan perhatian yang sewajarnya termasuk isu-isu harta alih bukan wang tunai. Pengurus wakaf perlu mematuhi apa-apa ketetapan khas yang diputuskan oleh pihak Badan Pentadbir wakaf mengenai pengurusan harta alih bukan wang tunai tersebut.

Dalam hal ini, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan boleh memberikan kelonggaran kepada penyumbang dan kepada pengurus wakaf untuk membuat pilihan yang bersesuaian, tertakluk kepada jenis dan nilai harta alih bukan wang tunai tersebut, sebagaimana berikut:

- a. Mencairkan harta alih tersebut serta merta dengan menjualkannya bagi mendapatkan wang tunai bagi tujuan perolehan harta wakaf baharu yang lain yang bersifat kekal dan tak alih;
- b. Mengkekalkan harta tersebut dengan memanfaatkannya serta berusaha mengekalkan manfaatnya selama mana yang mungkin dan seterusnya menyahiktirafkannya sekiranya tidak lagi dapat dimanfaatkan; atau
- c. Mengkekalkan fungsi dan tujuan manfaat harta asal tersebut selama mana yang mungkin dan seterusnya menggantikannya dengan harta baharu yang sama fungsi dan tujuannya menerusi sumber daripada hasil dana peruntukan manfaat lain bagi mengekalkan fungsi dan tujuan manfaat harta asal, apabila harta asal tersebut telah tamat jangka hayat dan tidak lagi dapat dimanfaatkan.

8.2.3 Pengurusan Wakaf Harta Tanah

Prinsip asas bagi mana-mana harta wakaf adalah amat jelas iaitu pihak pewakaf tidak boleh menuntut kembali, menjual, menghadiahkan, menghibahkan atau mewariskan harta yang telah diwakafkan. Manakala pihak pemegang amanah wakaf pula hendaklah mengekalkan harta wakaf tersebut untuk dimanfaatkan serta mengembangkannya bagi mendapatkan hasil pulangan yang dapat diagihkan sebagaimana yang ditetapkan dalam *sighah* wakaf. Ringkasnya, terdapat pelbagai skop pengurusan dan pentadbiran harta tanah wakaf yang perlu dilaksanakan, tertakluk kepada undang-undang serta fatwa yang dikuatkuasakan, di antaranya adalah seperti berikut:

- a. Pengurusan Penetapan Sempadan Tanah Wakaf;
- b. Pengurusan Cukai Tanah Wakaf/Cukai Taksiran Harta Wakaf;
- c. Pengurusan Takaful bagi Harta Wakaf;
- d. Pengurusan Dokumen Perjanjian Penggunaan Premis/Tanah Wakaf;
- e. Pengurusan Penyewaan Premis/Tanah Wakaf;
- f. Pengurusan Pajakan Premis/Tanah Wakaf;
- g. Pengurusan Penamatan Penyewaan Premis/Tanah Wakaf;
- h. Pengurusan Penamatan Pajakan Premis/Tanah Wakaf;
- i. Pengurusan Hasil Sewaan Premis/Tanah Wakaf;
- j. Pengurusan Hasil Pajakan Premis/Tanah Wakaf;
- k. Pengurusan Tuntutan Tunggakan Sewa Premis/Tanah Wakaf;
- l. Pemantauan/Penguatkuasaan Undang-undang ke atas Tanah Wakaf;
- m. Tindakan ke atas Penceroboh Tanah Wakaf;
- n. Penyelenggaraan Premis/Tanah Wakaf;
- o. Permohonan Tanah Milik bagi Maslahat Ummah untuk Tujuan *Irsod*;
- p. Penyerahan Hak Tanah MAIN atas Faktor Pengambilan Balik oleh Kerajaan;
- q. Pengurusan *Istibdal* (Proses Penggantian Tanah Wakaf);
- r. Urusan Tuntutan Takaful Harta Wakaf;
- s. Pengurusan Penyahiktirafan Harta Wakaf;
- t. Pengurusan Pertukaran Hak Milik Bertempoh kepada Hak Milik Kekal; dan
- u. Pengurusan Tindakan Mahkamah.

8.3 Pembangunan *Mawquf*

Setiap harta wakaf sama ada wakaf alih mahupun wakaf tak alih hendaklah diuruskan dan dibangunkan secara profesional bagi memastikan kewujudan manfaat yang berkekalan. Setiap *mawquf* perlu dikembangkan nilainya dari semasa ke semasa menerusi projek-projek aktiviti atau projek yang bersesuaian dengan tujuan wakaf tersebut bagi mendapatkan nilai tambah serta pulangan manfaat yang berterusan demi merealisasikan hasrat pewakaf. Justeru yang demikian, pengurus wakaf perlu mempunyai kemahiran dan profesionalisme yang tinggi dalam bidang pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Prinsip-prinsip pembangunan harta wakaf juga perlu difahami dan sentiasa dihayati.

8.3.1 Prinsip Pembangunan *Mawquf*

Amalan berwakaf merupakan ibadah kehartaan dalam bentuk sedekah jariah. Antara kelebihan dan hikmah amalan berwakaf adalah untuk menzahirkan pengabdian, meningkatkan ketakwaan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, di samping berupaya mengukuhkan perpaduan dan ekonomi umat Islam. Selain daripada itu, dalam konteks kepentingan pewakaf, mereka semestinya amat mengharapkan harta wakaf mereka diurus dan dibangunkan sebaik mungkin demi mendapatkan jaminan pahala amal kebajikan yang berpanjangan, meskipun setelah mereka meninggal dunia.

Secara prinsipnya, harta wakaf tidak boleh dimiliki, dijual beli atau dipusakai dan kekal sebagai hak mutlak Allah SWT. Selama mana harta atau manfaat harta yang diwakafkan itu dapat dimanfaatkan oleh orang ramai, maka selagi itulah pahalanya akan berkekalan kepada pewakaf buat selama-lamanya. Oleh yang demikian, pembangunan harta wakaf mestilah berobjektifkan kebaikan dan manfaat yang berkekalan kepada ummah dalam meningkatkan syiar Islam, khususnya kepentingan pembangunan golongan yang memerlukan, selain menjamin harta itu kekal dalam kebajikan dan perkongsian aset umat Islam.

Dalam konteks pembangunan harta wakaf, adalah amat penting bagi mana-mana pengurus harta wakaf untuk sentiasa memiliki mentaliti yang positif, sikap yang progresif dan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dengan konteks pembangunan yang diperlukan. Pemegang amanah harta wakaf juga perlu sentiasa mencari kaedah-kaedah terbaru dalam membangunkan harta wakaf sedia ada dan memajukannya. Di antara kriteria asas seseorang pengurus wakaf adalah ilmu dan kemahiran, anjakan paradigma, kreativiti dan inovasi, kontemporari dan inklusif, sebagaimanauraian berikut:

a) Ilmu dan Kemahiran

Badan Pentadbir perlu mempunyai kumpulan pengurusan yang berkepakaran dalam aspek pembangunan dan pelaburan *mawquf*.

b) Perubahan Paradigma

Pembangunan *mawquf* perlu menjurus kepada aktiviti-aktiviti yang dapat menyokong kepada penjanaan hasil pendapatan.

c) Inovasi

Pembangunan *mawquf* perlu dibuat secara komersil bagi menjana pendapatan yang menguntungkan kepada semua pihak. Inovasi pula dipergiatkan supaya pembangunan wakaf dapat dilakukan secara berterusan.

d) Kontemporari

Pembangunan harta wakaf hendaklah menggunakan pakai pendekatan kontemporari semasa yang patuh syarak seperti sukuk, *Build-Operate-Transfer (BOT)*, dan sebagainya, berbanding pendekatan tradisional.

e) Inklusif

Pembangunan harta wakaf juga perlu melibatkan pelbagai institusi dan agensi dalam dan luar untuk memaksimumkan pendapatan tertakluk kepada persetujuan dan kebenaran daripada pihak MAIN.

8.3.2 Kategori Pembangunan *Mawquf*

Pembangunan *mawquf* secara ringkasnya dikelaskan kepada tiga (3) bidang utama iaitu sosial, ekonomi, dan sosioekonomi yang boleh dilaksanakan dalam kategori keagamaan, pendidikan, kesihatan, makanan, perumahan, infrastruktur dan kemudahan serta perniagaan dan perkhidmatan. Kesemua kategori ini boleh dikelaskan kepada tiga (3) skala pembangunan, iaitu kecil, sederhana dan besar, berdasarkan kepada kriteria berikut:

- a. Skala Kecil : Kos Pembangunan : Kurang RM5 Juta
- b. Skala Sederhana : Kos Pembangunan : RM5 Juta - RM50 Juta
- c. Skala Besar : Kos Pembangunan : Melebihi RM50 Juta

Perlu diberi perhatian bahawa pengelasan ini berdasarkan kriteria umum. Walau bagaimanapun terdapat juga tanah yang bersaiz kecil tetapi berpotensi untuk dimajukan dengan projek berskala besar, seperti tanah yang terletak di lokasi strategik dan sesuai untuk projek berimpak besar.

8.3.3 Kaedah Pembangunan *Mawquf*

Terdapat pelbagai kaedah pembiayaan yang boleh diguna pakai dalam mengembangkan harta wakaf tunai dan harta tanah, khususnya menerusi pelaburan dan pasaran modal seperti ekuiti, *tawarruq*, *sukuk*, *derivatif* dan sebagainya. Dana wakaf tunai boleh berkembang dan menghasilkan keuntungan dengan cara menyimpannya di akaun deposit patuh syarak yang akan menghasilkan dividen atau hibah tahunan. Selain itu, dana wakaf tunai juga boleh dibadalkan dengan membeli harta tak alih seperti tanah dan bangunan atau dibadalkan dengan membeli aset alih yang bersifat komersil

untuk disewakan. Hal ini amat penting dalam memastikan peningkatan nilai *mawquf* serta kelestarian hasil wakaf yang berpanjangan.

Keuntungan yang diperoleh daripada *mawquf* seperti hasil hibah tahunan dan hasil sewaan aset tersebut merupakan sebahagian contoh bagaimana harta wakaf tunai (*mawquf*) itu dibangunkan. Untuk memastikan pembangunan *mawquf* dapat dijalankan dengan baik, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan disarankan supaya menubuhkan jawatankuasa khas yang dianggotai oleh mereka yang berkelayakan dan pakar dalam aspek pelaburan serta pembangunan harta tanah. Selain daripada itu, sumber pembangunan *mawquf* juga boleh diperoleh melalui pembiayaan daripada sumber dalaman dan sumber luaran.

a) Sumber Dalaman

Sumber dalaman merujuk kepada dana yang disalurkan oleh MAIN atau dana daripada pihak tertentu secara terus kepada mana-mana pelaksanaan projek pembangunan yang kemudiannya diserahkan kepada MAIN selaku pemegang amanah tunggal untuk diurus oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan. Dana dalaman boleh digunakan bagi semua bentuk projek sosial, ekonomi, atau sosioekonomi.

b) Sumber Luaran

Sumber luaran merujuk kepada dana yang disalurkan oleh pihak luar bagi tujuan perkongsian modal, pinjaman atau sebagainya. Terdapat dua bentuk sumber luaran bagi menjana dana pembangunan harta tanah wakaf, iaitu pembiayaan bagi pembinaan aset dan pembiayaan bagi pembelian aset.

8.4 Pengurusan Manfaat

Setiap *mawquf* pastinya memiliki manfaat wakaf yang tersendiri dan setiap manfaat yang terhasil daripada *mawquf* hendaklah diuruskan dengan sebaik-baiknya selaras dengan tujuan ianya diwakafkan. Ini penting bagi memastikan manfaat wakaf berkembang dan berpanjangan. *Mawquf* dalam bentuk wakaf tunai boleh mendatangkan manfaat dengan melaburkannya ke dalam institusi kewangan yang patuh syarak untuk menghasilkan keuntungan daripada hibah tahunan, manakala *mawquf* dalam bentuk harta tak alih atau harta alih yang bukan wang tunai juga boleh mendatangkan manfaat menerusi penggunaannya secara langsung oleh *mawquf alaih* (benefisiari) dan boleh juga mendatangkan manfaat menerusi hasil sewaan/pajakan. Walau apa pun bentuk manfaat yang diperoleh hasil daripada *mawquf* sama ada manfaat ketara atau manfaat tidak ketara, ianya wajiblah diuruskan dengan sebaik-baiknya sebagai amanah daripada pewakaf yang akan dituntut di hari akhirat kelak.

8.4.1 Klasifikasi Manfaat Wakaf

Secara umumnya, manfaat wakaf bermaksud apa-apa hasil yang boleh dinikmati daripada harta wakaf. Ringkasnya, terdapat dua (2) kategori manfaat iaitu manfaat wakaf ketara dan manfaat wakaf tidak ketara. Kedua-dua manfaat wakaf yang berbentuk ketara dan tidak ketara boleh didapati daripada aset alih dan aset tak alih di mana kaedah pengurusannya adalah tertakluk kepada *sighah* wakaf sepenuhnya, sama ada daripada sudut penggunaannya mahu pun pengagihannya.

a) Manfaat Wakaf Ketara

Manfaat wakaf ketara merujuk kepada hasil pendapatan, laba atau keuntungan dalam bentuk kewangan sahaja. Kedua-dua aset alih dan aset tak alih boleh menghasilkan manfaat wakaf ketara. Manfaat wakaf ketara bagi aset alih dalam bentuk wang tunai adalah merujuk kepada hasil simpanan atau pelaburan atau sebagainya yang menjana pulangan dalam bentuk kewangan seperti *hibah*

wadiyah, hasil keuntungan dividen, hasil *mudharabah* atau *murabahah* dan sebagainya, manakala manfaat wakaf ketara bagi aset alih bukan dalam bentuk wang tunai pula adalah merujuk kepada hasil sewaan dan pajakan daripada kenderaan, peralatan atau sebagainya yang menjana pulangan dalam bentuk kewangan. Begitu juga dengan manfaat wakaf ketara bagi aset tak alih seperti tanah dan bangunan apabila penggunaan aset-aset tersebut menghasilkan pulangan dalam bentuk sewaan, pajakan dan sebagainya.

b) Manfaat Wakaf Tidak Ketara

Manfaat wakaf tidak ketara merujuk kepada penggunaan aset wakaf yang tidak menjana hasil pendapatan, laba atau keuntungan dalam bentuk kewangan seperti manfaat dalam bentuk kemudahan atau keselesaan orang ramai. Manfaat wakaf tidak ketara boleh diperolehi daripada kedua-dua kategori aset alih seperti kenderaan, peralatan atau sebagainya dan juga aset tak alih seperti tanah dan bangunan. Manfaat wakaf tidak ketara bagi aset alih seperti kenderaan dan peralatan atau aset tak alih seperti tanah dan bangunan adalah merujuk kepada penggunaannya bagi memenuhi keperluan dan kemudahan awam tanpa menjana pulangan pendapatan.

8.4.2 Peruntukan Manfaat Wakaf Ketara

Setiap manfaat wakaf ketara hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang tertakluk kepada *sighah* wakaf, sama ada manfaat wakaf ketara tersebut daripada hasil simpanan, sewaan, pelaburan atau keuntungan daripada mana-mana aktiviti wakaf. Secara prinsipnya, manfaat wakaf ketara hendaklah dibahagikan kepada tiga (3) jenis peruntukan utama iaitu bagi tujuan kebajikan atau kepentingan *mawquf ‘alaih* (benefisiari); pentadbiran atau pengurusan harta wakaf; dan pembangunan atau pengembangan harta wakaf.

a) Kebajikan dan Kepentingan *Mawquf 'Alaih* (Benefisiari)

Kebajikan dan kepentingan penerima manfaat wakaf mestilah menjadi asas rujukan serta keutamaan dalam setiap proses pengagihan manfaat wakaf, sesuai dengan *sighah* wakaf. Tertakluk kepada undang-undang dan fatwa yang berkuat kuasa, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan hendaklah mengenal pasti serta memutuskan jenis dan kategori agihan manfaat wakaf seperti bantuan biasiswa, penubuhan kerusi akademik, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, tujuan penyelidikan dan pembangunan dan lain-lain. Selain daripada itu, manfaat wakaf juga boleh diagihkan kepada:

- i. Golongan asnaf;
- ii. Anak-anak yatim dan Orang Kelainan Upaya;
- iii. Keperluan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan awam;
- iv. Membayai pembinaan institusi pendidikan; dan
- v. Membayai kos operasi institusi pendidikan.

b) Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf

Peratus tertentu perlulah ditetapkan bagi tujuan peruntukan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Dalam hal ini, pihak MAIN berhak menentukan peratus yang perlu diserahkan sebagai kos pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Berdasarkan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali ke-207 bertarikh 26 hingga 27 Januari 2016 bersamaan 16 hingga 17 Rabiul Akhir 1437H telah memperakukan keputusan bahawa mesyuarat menyarankan supaya pihak MAIPk mengambil keuntungan pelaburan dana wakaf tunai bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan wakaf sebanyak kadar lima puluh peratus (50%) sahaja. Ketetapan ini adalah sebagai kadar permulaan dan akan disemak dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian dan keperluan.

c) Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf

Perolehan manfaat ketara juga perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan pembangunan dan pengembangan harta wakaf, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Melabur dalam instrumen kewangan yang patuh syarak;
- ii. Membangunkan harta wakaf yang sedia ada;
- iii. Membeli aset-aset baharu dalam sektor pembinaan, pembuatan dan sebagainya; dan
- iv. Membangunkan harta wakaf dalam sektor pertanian, perladangan, perkilangan dan sebagainya.

8.4.3 Amalan Agihan Manfaat Wakaf Ketara

Terdapat pelbagai amalan agihan manfaat wakaf ketara yang dilaksanakan di Malaysia antaranya UPM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), sebagaimana berikut;

Model 1 (UPM)

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf 'Alaih</i>	50%
2.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf <ul style="list-style-type: none"> i. MAIS; dan ii. UPM. 	15%
		20%
3.	Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf	15%

Model 2 (YWM)

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf 'Alaih</i>	40%
2.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf	20%
3.	Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf	40%

Model 3 (UTM)

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Kebajikan dan Kepentingan <i>Mawquf 'Alaih</i>	30%
2.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf <ul style="list-style-type: none"> i. Majlis Agama Islam Johor; dan ii. UTM. 	10% 10%
3.	Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf	50%

8.5 Prosedur Pengagihan Manfaat Wakaf

Manfaat wakaf perlu diurus dengan cara yang profesional, efisyen dan kos efektif. Secara prinsipnya, skop agihan manfaat wakaf adalah berdasarkan kepada *sighah* wakaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh pewakaf selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak. Terdapat juga keadaan di mana pewakaf hanya mengikut cadangan agihan manfaat wakaf dalam *sighah* wakaf yang telah disediakan oleh pihak pengurusan wakaf institusi pendidikan.

8.5.1 Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf

Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan perlu melantik Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf (JKAMW) yang dianggotai dalam kalangan pakar yang mahir dan berkelayakan untuk memastikan pengagihan manfaat wakaf dapat dijalankan dengan efektif dan efisyen. Komposisi Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh wakil daripada MAIN yang berkaitan dan wakil daripada pengurusan wakaf institusi pendidikan. Pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan juga boleh melantik pakar-pakar syariah atau pakar-pakar lain untuk menganggotai JKAMW tersebut berdasarkan kepada kesesuaian dan keperluan agihan dari semasa ke semasa, termasuk seorang pegawai wakaf yang bertanggungjawab di institusi pendidikan tersebut sebagai Setiausaha atau Urus Setia Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini bertanggungjawab

meluluskan sebarang bentuk agihan manfaat wakaf selain menyediakan laporan agihan kepada Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan. Dalam melicinkan JKAMW menjalankan fungsi dan tanggungjawab masing-masing, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan perlu memberi perhatian terdapat beberapa perkara utama, sebagaimana berikut:

- a. Pelantikan rasmi Jawatankuasa Agihan Manfaat Wakaf;
- b. Penyediaan rujukan terma, tanggungjawab dan tatacara agihan manfaat;
- c. Penentuan kadar pembahagian manfaat wakaf;
- d. Mendefinisikan skop agihan; dan
- e. Menggariskan perkara-perkara yang perlu dielakkan.

8.5.2 Bentuk Agihan

Agihan manfaat wakaf kepada *mawquf ‘alaih* boleh disalurkan menerusi pelbagai proses dan kaedah yang bersesuaian seperti berikut:

a) Agihan Secara Elektronik

Ianya boleh dilaksanakan secara terus ke dalam akaun *mawquf ‘alaih* atau penerima manfaat.

b) Agihan Secara Massa

Agihan juga boleh dilaksanakan secara berkelompok dengan mengumpulkan semua *mawquf ‘alaih* atau penerima manfaat tersebut melalui penganjuran program khas dan membuat hebahan mengenainya untuk meningkatkan kesedaran berwakaf dan memaparkan syiar wakaf kepada khalayak umum.

c) Agihan Secara Kolaborasi

Agihan secara sinergi dan kolaborasi dengan agensi-agensi yang bersesuaian dengan program-program wakaf.

d) Agihan-Agihan Lain

Boleh dilaksanakan seperti tolakan yuran pengajian secara automatik dan lain-lain kaedah yang difikirkan sesuai dan tidak bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

8.5.3 Tatacara Agihan

Kaedah dan proses agihan perlu melalui tatacara yang diputuskan oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan tertakluk kepada undang-undang dan fatwa yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Had pengagihan dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah ditentukan oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan dinyatakan dalam surat perwakilan kuasa dengan cadangan syarat-syarat utama pengagihan sebagaimana berikut:

- a. Tidak melanggar syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa;
- b. Pengagihan hendaklah berbentuk kebajikan;
- c. Pembiayaan juga boleh dalam bentuk pembiayaan program latihan atau seminar mengenai wakaf; dan
- d. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan pembudayaan wakaf.


8.5.4 Perkara Yang Perlu Dielakkan

Beberapa perkara asas perlu dielakkan oleh mana-mana pemegang amanah wakaf semasa mengurus harta wakaf ialah ***al-Tabzir*** iaitu membelanjakan harta dalam perkara yang haram; ***al-Israf*** iaitu berlebihan dan boros ketika berbelanja dalam perkara harus; ***al-Bukhl*** iaitu terlalu kedekut untuk berbelanja; dan ***Kanzul Mal*** iaitu mengumpul harta tanpa dibelanjakan.

8.6 Prosedur Perolehan Harta dan Perbelanjaan Manfaat Wakaf


Pegawai pengurusan wakaf institusi pendidikan perlu mematuhi prosedur perolehan harta dan perbelanjaan manfaat wakaf berdasarkan kepada undang-undang dan fatwa yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Berikut disertakan tiga (3) contoh carta alir yang melibatkan proses kerja, proses bekalan/perkhidmatan melebihi RM50,000.00 dan melibatkan proses bekalan/perkhidmatan sehingga RM50,000.00, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 7, Rajah 8 dan Rajah 9.

Rajah 7: Contoh carta alir melibatkan proses kerja




Sumber: Yayasan Wakaf Malaysia (2017)

Rajah 8: Contoh carta alir melibatkan prosesbekalan/perkhidmatan sehingga RM50,000.00



Sumber: Yayasan Wakaf Malaysia (2017)

Rajah 9: Contoh carta alir melibatkan proses bekalan/perkhidmatan melebihi RM50,000.00



Sumber: Yayasan Wakaf Malaysia (2017)

8.7 Kesimpulan

Setiap *mawquf* pastinya memiliki manfaat wakaf yang tersendiri dan setiap manfaat yang terhasil daripada *mawquf* hendaklah diuruskan dengan sebaik-baiknya selaras dengan tujuan ianya diwakafkan. Pemegang amanah wakaf hendaklah mengekalkan harta wakaf tersebut untuk dimanfaatkan serta mengembangkannya bagi mendapatkan hasil pulangan yang dapat diagihkan sebagaimana yang ditetapkan dalam *sighah* wakaf. Sama ada harta alih muhun harta tak alih hendaklah diuruskan dan dibangunkan secara profesional bagi memastikan kewujudan manfaat yang berkekalan. Untuk memastikan pembangunan *mawquf* dapat dijalankan dengan baik, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan disarankan supaya menujuhan jawatankuasa khas yang dianggotai oleh mereka yang berkelayakan dan pakar dalam aspek pelaburan serta pembangunan harta tanah.

Terdapat pelbagai kaedah pembiayaan yang boleh diguna pakai dalam mengembangkan harta wakaf tunai dan harta tanah. *Mawquf* dalam bentuk wakaf tunai boleh mendatangkan manfaat dengan melaburkannya ke dalam institusi kewangan yang patuh syarak untuk menghasilkan keuntungan daripada hibah tahunan, manakala *mawquf* dalam bentuk harta tak alih atau harta alih yang bukan wang tunai juga boleh mendatangkan manfaat menerusi penggunaannya secara langsung oleh *mawquf alaih* (benefisiari) dan boleh juga mendatangkan manfaat menerusi hasil sewaan/pajakan. Selama mana harta atau manfaat harta yang diwakafkan itu dapat dimanfaatkan oleh orang ramai, maka selagi itulah pahalanya akan berkekalan kepada pewakaf buat selama-lamanya.

Sebagai kesimpulan, pembangunan *mawquf* dan pengurusan manfaat wakaf mestilah berobjektifkan kebaikan yang berkekalan kepada ummah dalam meningkatkan syiar Islam, khususnya kepentingan pembangunan golongan yang memerlukan, selain menjamin harta itu kekal dalam kebajikan dan perkongsian aset umat Islam. Ini penting bagi memastikan manfaat wakaf berkembang dan berpanjangan selain berupaya meningkatkan keyakinan

masyarakat terhadap Badan Pentadbir dan pemegang amanah wakaf, di samping menyuburkan minat masyarakat untuk terus menyumbang kepada wakaf institusi pendidikan.

Huraian mengenai pembangunan *mawquf* dan pengurusan manfaat wakaf dalam bab ini adalah sebagai panduan asas secara umum dan ringkas. Dalam hal ini, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan jawatankuasa kerja yang ditubuhkan perlu memainkan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin bagi membuat penyelarasan tatacara dan prosedur yang berkaitan mengikut kesesuaian masing-masing berpandukan kepada dasar dan polisi yang dikuatkuasakan.

BAB 9 : PERAKAUNAN DAN PELAPORAN WAKAF

9.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang takrif, amalan dan prinsip umum perakaunan Islam, selain membincangkan peruntukan perundangan yang sedia ada di Malaysia berkaitan pentadbiran harta wakaf iaitu peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN. Secara umumnya, pada masa ini belum ada prosedur kewangan yang piaui atau peruntukan perundangan yang menjelaskan secara terperinci tentang perakaunan wakaf, di samping kekurangan pegawai perakaunan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang wakaf. Kekurangan kakitangan ini disertai dengan kekurangan latihan, pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan akaun wakaf yang lengkap serta teratur boleh mengakibatkan kelewatan dalam penyediaan laporan kewangan wakaf.

Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam bab ini juga akan turut menyentuh berkenaan dasar perakaunan wakaf, prinsip-prinsip dan kaedah perakaunan wakaf yang bertujuan untuk membantu Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan menyediakan prosedur asas perakaunan wakaf yang menepati hukum syarak dan peraturan-peraturan kewangan yang dikuat kuasakan dalam pengurusan pelaporan kewangan dan perakaunan harta wakaf. Selain daripada itu, kaedah perakaunan *istibdal* wakaf, penilaian semula harta wakaf dan format penyediaan penyata kewangan wakaf juga turut diuraikan dalam bab ini.

9.2 Perakaunan Dalam Islam

Umumnya, perakaunan dari perspektif Islam boleh ditakrifkan sebagai suatu pengiraan hasil-hasil pekerjaan halal menurut kaedah syarak yang dijalankan berdasarkan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan. Dalamuraikan yang

lebih terperinci, perakaunan dalam Islam adalah suatu tatacara bagaimana pemegang amanah menzahirkan akauntabiliti (*discharge accountability*) kepada pemegang taruh sebagai pertanggungjawaban terhadap Allah SWT berdasarkan kepada hukum syarak, perundangan, peraturan dan piawaian perakaunan yang tidak bertentangan dengan syariat.

9.2.1 Sejarah Perakaunan Dalam Islam

Surah al-Baqarah 2: 282 menjelaskan keperluan untuk menyediakan rekod transaksi kewangan dan membuat pengesahan mengenainya. Selari dengan tafsiran ayat ini, Rasulullah SAW juga telah mengarahkan supaya catatan dibuat terhadap setiap penerimaan dan perbelanjaan harta zakat dan sedekah yang menjadi asas kepada prinsip catatan beregu (*double entry principle*) bagi menyatakan kedudukan wang masuk dan wang keluar.

Keperluan sebuah Jabatan khusus yang menguruskan catatan perakaunan telah wujud sejak zaman Khalifah ‘Umar al-Khattab RA menerusi cadangan Hurmuzan tatkala beliau melihat Khalifah ‘Umar RA menerima rombongan yang membawa wang tanpa sebarang catatan. Beliau memberitahu Khalifah ‘Umar RA bahawa tanpa membuat catatan, tiada siapa yang tahu mengenai sesuatu barang atau wang yang hilang daripada simpanan. Khalifah ‘Umar RA percaya bahawa dengan menulis dan membuat catatan jumlah keseluruhan harta, barulah ia dapat dijaga dengan betul. Lalu Khalifah ‘Umar RA memerintahkan supaya ditubuhkan *diwan* yang khusus untuk menjalankan tugas tersebut. Seterusnya, lebih banyak *diwan* telah ditubuhkan yang berkaitan dengan wang kutipan *kharaj* dan cukai-cukai lain.

9.2.2 Prinsip Umum Perakaunan Dalam Islam

Asas perakaunan dalam Islam umumnya adalah bersumberkan Surah al-Baqarah 2: 282 yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang

tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu, merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhanmu dan janganlah dia mengurangkan sesuatu pun daripada hutang itu...."

Memetik rumusan yang dinyatakan dalam Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf, (2009), beberapa prinsip umum perakaunan dalam Islam boleh diketengahkan dari maksud ayat 282 Surah al-Baqarah seperti berikut:

- a. Mencatat transaksi kewangan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan urusan muamalat;
- b. Catatan kewangan mestilah dibuat dengan cara yang adil, tepat dan amanah. Sifat adil merupakan kemestian bagi setiap pencatat sebagai menyatakan kebertanggungjawabannya kepada Allah SWT;
- c. Pencatat juga mestilah memiliki kemahiran dan mengetahui ilmu *fiqh*. Namun ilmu sahaja tidak mencukupi kerana banyak kemudaratian telah ditimbulkan oleh mereka yang berilmu tetapi tidak memiliki sifat adil dan amanah. Untuk itu, Allah SWT telah menambah bahawa pencatat mestilah juga memiliki sifat takwa. Apa yang menarik di sini adalah Allah SWT menyebut sifat adil terlebih dahulu berbanding sifat berilmu, yang menunjukkan bahawa kepentingan berlaku adil dan bersifat takwa dalam membuat catatan kewangan adalah melebihi dari hanya memiliki ilmu dan kemahiran;
- d. Mencatat dengan tepat, teratur dan dengan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit;
- e. Mendapatkan saksi dan mencatatkan keterangan yang menjelaskan transaksi. Ahmad Mustapha al-Maraghi dalam bukunya "*Tafsir al-Maraghi*" telah memetik pandangan Ibn Qayyim bahawa perkataan *al-Bayyinah* (pembuktian) adalah lebih umum dan mencakupi setiap sesuatu yang boleh menjelaskan dengan benar kesahihan sesuatu transaksi; dan
- f. Catatan mestilah dibuat tanpa mengira kecil ataupun besar sesuatu transaksi tersebut.

Dari segi penilaian, ulama *fiqh* menurut Muhammad Kamal 'Atiyah dalam bukunya "*Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*", telah menegaskan bahawa ulama *fiqh* menetapkan supaya setiap harta (dalam konteks perbincangan ini adalah harta wakaf) dinilai mengikut asas nilai semasa. Dalam membuat penilaian ini, keadaannya pada masa lalu tidak diambil kira. Apa yang penting adalah keadaannya pada masa sekarang dan kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan. Maka dengan demikian, penilaian semasa perlu dijadikan sebagai asas dan dasar yang penting. Ini kerana penilaian semasa dibuat bagi menghadapi perubahan kuasa beli wang. Ia juga diguna pakai dalam menyediakan laporan penyata kewangan dan membuat sebarang keputusan kewangan serta pelaburan.

9.3 Perakaunan Wakaf

Perakaunan wakaf merupakan sebahagian daripada perbahasan perakaunan dalam Islam. Perakaunan wakaf boleh ditakrifkan sebagai prosedur asas piawaian perakaunan yang menepati prinsip wakaf menurut kehendak syarak. Dasar perakaunan wakaf ini adalah berpaksikan kepada prinsip-prinsip perakaunan dalam Islam yang telah diuraikan di atas. Kaedah-kaedah perakaunan wakaf merupakan elemen penting yang perlu diamalkan di dalam merekod, mengakaun dan melapor transaksi di dalam Penyata Kewangan Wakaf.

Pemakaian kaedah-kaedah perakaunan wakaf ini akan memastikan penyata kewangan wakaf yang dimajukan kepada pihak MAIN oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan adalah seragam di antara satu sama lain. Kaedah-kaedah perakaunan yang seragam akan membolehkan perbandingan atau analisis penyata kewangan wakaf dilaksanakan dengan lebih tepat dan berkesan. Pada masa ini MAIN dan institusi pendidikan mengguna pakai dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada sebagai panduan dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf. Secara umumnya, dasar-dasar perakaunan yang diguna pakai oleh semua MAIN dan institusi pendidikan adalah sama.

9.3.1 Punca Kuasa Perakaunan Wakaf

Wakaf merupakan satu daripada harta keagamaan yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia. Ini adalah selaras dengan hal ehwal berkaitan Agama Islam yang disenaraikan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Di bawah peruntukan perundungan yang sedia ada, harta wakaf dan hasil daripada wakaf adalah kepunyaan orang Islam dan tidak dikira sebagai hasil Kerajaan. Undang-undang telah memperuntukkan bahawa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi wakaf di Malaysia.

a) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa semua hasil kerajaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan kecuali hasil agama Islam seperti zakat dan fitrah, baitulmal dan lain-lain hasil termasuk wakaf, sebagaimana berikut;

- “(1) Segala hasil dan wang yang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang Persekutuan, hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan;*
- (2) Segala hasil dan wang walau bagaimanapun didapatkan atau diterima oleh sesuatu Negeri, tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang, hendaklah dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu; dan*
- (3) Jika mengikut undang-undang Negeri atau mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya mengikut undang-undang Persekutuan, apa-apa zakat fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam, yang seumpamanya adalah didapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar masuk ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang Persekutuan, mengikut mana yang berkenaan”.*

Ini menjadi asas kepada peruntukan perundangan yang memberi kuasa kepada MAIN untuk membuat undang-undang bagi mengurus hasil-hasil agama Islam termasuklah harta wakaf.

b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri

Menurut peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Baitulmal boleh diwujudkan di negeri-negeri bagi menguruskan semua hasil agama Islam. Bagi negeri yang mempunyai Enakmen Wakaf seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Terengganu satu Kumpulan Wang Wakaf telah diwujudkan untuk menguruskan harta dan hasil wakaf.

Menurut peruntukan Enakmen Wakaf Negeri, Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan. Komponen penyata kewangan yang lengkap, menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia 1 (MPSAS) mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Penyata Kedudukan Kewangan;
- ii. Penyata Pendapatan Komprehensif;
- iii. Penyata Aliran Tunai;
- iv. Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan Wang Wakaf;
- v. Penyata Belanjawan Secara Berasingan (atau kolumn berasingan dalam penyata kewangan bagi maklumat belanjawan), apabila entiti mendedahkan bajet yang diluluskan kepada awam; dan
- vi. Nota-nota Kepada Akaun.

c) Keputusan Fatwa

Hasil daripada temu bual dengan pihak pengurusan dan pegawai kewangan/akauntan MAIN, terdapat fatwa yang dikuatkuasakan di setiap negeri juga boleh mempengaruhi tatacara perekodan perakaunan. Justeru itu, fatwa yang diwartakan perlulah dimasukkan ke dalam polisi perakaunan wakaf institusi pendidikan.

9.3.2 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN

Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN (2003) telah dirangka oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan hukum syarak dan Arahan Perbendaharaan dengan mengambil kira di mana sesuai piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan kerjasama semua MAIN, Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Walau bagaimanapun, pemakaian amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN adalah tertakluk kepada pindaan di peringkat MAIN, JANM dan Pekeliling Perbendaharaan mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing yang merangkumi Tatacara 325, Tatacara 373, Tatacara 374 dan Tatacara 381.

a) **Tatacara 325** menyebut:

“Apa-apa hasil atau keuntungan diperolehi daripada mana-mana harta wakaf atau penjualan harta wakaf maka ia hendaklah diakaunkan dalam akaun wakaf”.

b) **Tatacara 373** pula menyatakan bahawa:

“Penyata Kewangan Majlis perlu dibentangkan setahun sekali. Tahun kewangan yang digunakan adalah berdasarkan tahun Masihi”.

c) **Tatacara 374** menyebutkan bahawa:

“Majlis hendaklah menyediakan penyata kewangan sebaik sahaja tamat tempoh tahun kewangan mengikut Enakmen penubuhan Majlis. Sebaik-baiknya penyata kewangan hendaklah disediakan dengan lengkap dan diaudit tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh tamat tempoh perakaunan sesuatu tahun kewangan”.

Walau bagaimanapun, tatacara ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

d) Tatacara 381 pula menyatakan bahawa;

“Penyata Kewangan Tahunan yang lengkap bagi Majlis hendaklah mengandungi semua kumpulan wang berikut:

- i. Kumpulan Wang Baitulmal;
- ii. Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah; dan
- iii. Kumpulan Wang Wakaf.

Kumpulan Wang Wakaf ini merujuk kepada pengurusan harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada wakaf am atau wakaf khas serta perbelanjaan yang berkaitan dengannya. Tidak ada apa-apa dalam peruntukan kumpulan wang ini boleh digunakan bagi pemilikan atau pemerolehan aset kecuali diperolehi daripada;

- i. Harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada wakaf am atau wakaf khas; dan
- ii. Keuntungan dari hasil pelaburan harta wakaf dari sumber wakaf am dengan kebenaran mufti atau pihak-pihak yang berkaitan.

9.4 Dasar Perakaunan Wakaf

Bahagian ini menerangkan mengenai dasar-dasar perakaunan yang perlu diamalkan dalam penyediaan penyata kewangan wakaf. Pada masa ini MAIN menggunakan dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada sebagai panduan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf. Secara prinsipnya, dasar-dasar perakaunan yang digunakan oleh semua MAIN adalah sama. Namun demikian, terdapat keadaan di mana sesuatu dasar perakaunan yang digunakan oleh sebuah MAIN tidak digunakan oleh MAIN yang lain.

Dasar perakaunan wakaf ini adalah diadaptasikan daripada piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB dan JANM dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Dasar-dasar perakaunan wakaf ini adalah merangkumi tahun kewangan, kumpulan wang wakaf, prinsip akruan, tindakan berhemat, keutamaan nilai berbanding bentuk, materialiti, dan nilai mata wang. Pemakaian dasar-dasar perakaunan wakaf yang diterangkan berikut ini adalah tertakluk kepada ketetapan hukum syarak.

9.4.1 Tahun Kewangan

Tempoh tahun kewangan MAIN dan institusi pendidikan adalah bagi 12 bulan berakhir 31 Disember setiap tahun atau mana-mana tarikh berakhir tahun kewangan.

9.4.2 Kumpulan Wang Wakaf

Kumpulan Wang Wakaf adalah terdiri daripada Akaun Wakaf Am dan Akaun Wakaf Khas yang merekodkan senarai harta wakaf yang diterima, dibeli, pendapatan dan perbelanjaan di dalam akaun secara berasingan.

9.4.3 Prinsip Akruan

Semua urus niaga terimaan dan bayaran MAIN dan institusi pendidikan diakaunkan mengikut asas akruan. Dengan menggunakan perakaunan asas akruan, urus niaga dan peristiwa diiktiraf apabila ia berlaku dan bukan semasa tunai atau kesetaraannya diterima atau dibayar. Ianya hendaklah direkodkan dalam rekod perakaunan dan dilaporkan dalam penyata kewangan bagi tempoh yang berkaitan.

9.4.4 Tindakan Berhemat

Tindakan berhemat (*prudence*) adalah asas pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan dalam urusan merekod urus niaga dan penyediaan penyata kewangan.

9.4.5 Keutamaan Nilai Berbanding Bentuk

Urus niaga dan semua peristiwa perlu diperakaunkan dan dipersembahkan mengikut keutamaan nilai dan kebenaran transaksi kewangan dan bukan hanya kepada bentuk perundangan (*substance over form*).

9.4.6 Materialiti

Penyata kewangan yang disediakan perlu mengambil kira dan melaporkan perkara-perkara yang penting dan signifikan yang boleh mempengaruhi penilaian dan pembuatan keputusan.

9.4.7 Nilai Mata Wang

Semua urus niaga dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

9.5 Prinsip Perakaunan Wakaf

Secara dasarnya, prinsip-prinsip perakaunan wakaf menggunakan pakai prinsip-prinsip perakaunan konvensional sedia ada yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip wakaf yang perlu diamalkan kerana keunikan sifat wakaf itu sendiri. Keunikan sifat wakaf ini memerlukan prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang jelas bagi memenuhi keperluan syarak berkaitan wakaf. Prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang disarankan dalam bahagian ini adalah berdasarkan kehendak hukum syarak bagi wakaf.

Prinsip-prinsip ini perlu diseragamkan supaya penyata kewangan wakaf yang disediakan boleh difahami dan diterjemahkan secara konsisten oleh pemegang taruh. Prinsip perakaunan wakaf yang perlu diamalkan adalah prinsip perakaunan hasil dan belanja wakaf, prinsip perakaunan harta wakaf, prinsip perakaunan liabiliti, prinsip catatan beregu, prinsip perakaunan *istibdal* dan prinsip penyahiktirafan aset wakaf.

9.5.1 Prinsip Perakaunan Hasil dan Belanja Wakaf

Kutipan hasil wakaf diakaunkan mengikut asas akruan dan dikreditkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Wakaf Am atau Akaun Wakaf Khas, mana yang berkenaan dan kemudiannya akan disatukan di dalam Kumpulan Wang Wakaf. Contoh hasil wakaf adalah sewaan, pajakan, keuntungan pelaburan dan

sebagainya. Belanja berkaitan wakaf pula adalah kos-kos yang terlibat untuk pembaikan atau pemeliharaan harta wakaf iaitu harta wakaf bukan semasa atau bukan tunai. Selain itu, termasuk juga sebagai belanja wakaf adalah amaun susut nilai yang diperuntukan ke atas harta wakaf tersebut disepanjang tempoh usia gunanya. Belanja-belanja berkaitan wakaf ini akan didebitkan dalam Akaun Wakaf Am atau Akaun Wakaf Khas, mana yang berkenaan, dan kemudian akan disatukan dalam Kumpulan Wang Wakaf.

9.5.2 Prinsip Perakaunan Harta Wakaf

Prinsip perakaunan harta wakaf dibuat berdasarkan kepada empat (4) aspek utama iaitu aset bukan semasa, kaedah susut nilai, kadar susut nilai dan aset semasa.

a) Aset Bukan Semasa

Aset atau harta wakaf yang bukan semasa boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori utama, sebagaimana berikut:

i. Aset Yang Menjanakan Tunai

Aset yang menjanakan tunai adalah harta wakaf yang boleh dibangunkan untuk menjana pendapatan tunai secara langsung seperti tanah dan bangunan yang disewakan; dan

ii. Aset Yang Tidak Menjanakan Tunai

Aset yang tidak menjanakan tunai adalah harta wakaf yang digunakan untuk kebajikan dan sosial umat Islam yang tidak menjana pendapatan tunai secara langsung seperti masjid, surau dan lain-lain bagi tujuan kebajikan ummah.

Menurut MPSAS 17, asas pengukuran untuk mengakaunkan aset bukan semasa sama ada kategori aset yang menjanakan tunai atau kategori aset yang tidak menjanakan tunai adalah bergantung kepada bagaimana cara aset-aset tersebut diperolehi iaitu adakah ianya diperolehi dari urus niaga pertukaran atau dari urus niaga bukan pertukaran sebagaimana berikut:

i. Aset Yang Diperolehi Dari Urus Niaga Pertukaran

Aset yang diperolehi dari urus niaga pertukaran (seperti pembelian atau pembinaan) hendaklah diakaunkan pada kos perolehan semasa aset ini diperolehi; atau

ii. Aset Yang Diperolehi Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran

Aset yang diperolehi dari urus niaga bukan pertukaran (seperti hadiah atau sumbangan) hendaklah diakaunkan pada nilai saksama semasa aset ini diperolehi.

Bagi aset bukan semasa atau bukan tunai yang diperoleh melalui pewakafan (iaitu diterima untuk diwakafkan), ia boleh dikategorikan sebagai aset yang diperolehi dari urus niaga bukan pertukaran menurut MPSAS 17. Ini bermakna aset wakaf tersebut hendaklah diakaunkan pada nilai saksama semasa aset ini diperoleh untuk diwakafkan.

Aset bukan semasa yang dibeli dengan menggunakan hasil daripada manfaat wakaf dikategorikan sebagai aset yang diperolehi dari urus niaga pertukaran. Justeru, aset ini hendaklah diakaunkan pada nilai semasa perolehan berlaku. Aset bukan semasa yang dimiliki secara perkongsian seperti wakaf *musya'* atau sebagainya hendaklah dinilai secara keseluruhan pada nilai saksama dan dibahagikan berdasarkan peratusan pegangan oleh pihak-pihak yang terlibat. Pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan perlulah menentukan titik pengiktirafan aset secara jelas dan memasukkan penentuan titik ini di dalam polisi perakaunan wakaf institusi pendidikan masing-masing. Di akhir tahun perakaunan, nilai aset ini perlulah mengambil kira elemen-elemen susut nilai,

rosot nilai, hayat aset dan nilai skrap, di samping kaedah penilaian aset itu sendiri sama ada mengguna pakai konsep model kos atau konsep model penilaian semula.

b) Kaedah Susut Nilai

Kaedah yang disarankan untuk diguna pakai oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan adalah kaedah garis lurus (*straight line method*) selari dengan polisi perakaunan yang dikeluarkan oleh JANM. Kaedah ini melibatkan aset bukan semasa yang disusut nilaikan pada kadar yang sama pada setiap tempoh perakaunan.

c) Kadar Susut Nilai

Kadar susut nilai yang boleh dijadikan contoh oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan adalah seperti Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Senarai Jangka Hayat Aset Bukan Semasa

Bil	Jenis/Nama Aset	Jangka Hayat (Tahun)	Peratus Susut Nilai (%)
ALAT KELENGKAPAN PERHUBUNGAN			
1	Mesin Faks	8	12.5
2	Telefon <i>Headset</i>	8	12.5
3	Sistem Telefon	8	12.5
ALAT KELENGKAPAN ELEKTRIK			
1	Alat Pendingin Udara	10	10.0
2	<i>Decolator</i>	8	12.5
3	Mesin Penyalin	10	10.0
4	Mesin Tebuk Baucer	10	10.0
5	Mesin Tanda Tangan Cek	10	10.0
6	Mesin Pendua	10	10.0
7	<i>Overhead Projector</i>	8	12.5

8	Perakam Waktu	8	12.5
9	<i>Laminator</i>	8	12.5
10	<i>Paper Shredder</i>	8	12.5
11	<i>Speaker</i>	8	12.5
12	<i>Mini Hifi</i>	8	12.5
13	<i>Amplier</i>	5	20.0
14	<i>Direct Projector</i>	5	20.0
15	<i>Asynchronous Adapter</i>	5	20.0
16	<i>Oven Mikro</i>	5	20.0
17	<i>Stabilizer</i>	5	20.0
18	Alat 'UPS'	5	20.0
KENDERAAN			
1	Kereta Saloon	8	12.5
2	Motosikal sehingga 250cc	4	25.0
3	Motosikal melebihi 250cc	5	20.0
4	Van Tugas Ringan	6	16.7
5	Kenderaan Ringan Pacuan 4 Roda	8	12.5
6	Pengangkutan Berat kurang dari 8 tan	8	12.5
7	Lori Tipper Kurang 6 cu.Yd	8	12.5
8	Bas	8	12.5
9	Pengangkutan Berat lebih 5 tan	10	10.0
10	Lori Tipper 6 cu.Yd dan ke atas	10	10.0
11	Trak Membuang Sampah	10	10.0
12	Kenderaan Kembalik (<i>Recovery Vehicle</i>)	15	6.7
13	Kenderaan Bermesin (seperti Kren Bergerak, Lori Pembancuh Konkrit, Lori Pemampat Sampah dll.)	15	6.7
14	Pemungkah Rendah (<i>Low Loader</i>)	15	6.7
ALAT KELENGKAPAN ELEKTRONIK			
1	Komputer (PC)	5	20.0
2	Komputer (<i>Mainframe</i>)	5	20.0
3	LCD Panel	5	20.0

4	Mesin Pengira	8	12.5
5	<i>Cable/Connector Kit</i>	5	20.0
6	<i>Modem</i>	5	20.0
7	<i>Barco-System</i>	8	12.5
8	Pencuci Pita Magnetik	5	20.0
9	<i>Image Processor</i>	5	20.0
10	Pemacu Pita Magnetik	5	20.0
11	Perisian	5	20.0
BANGUNAN			
1	Bangunan	50	2.0
ALAT KELENGKAPAN PEJABAT DAN KELENGKAPAN LAIN			
1	Peti Besi	10	10.0
2	<i>Lettering Machine</i>	10	10.0
3	Mesin Taip	10	10.0
4	<i>Water Dispenser</i>	8	12.5
5	<i>Brailer</i>	5	20.0
6	<i>Unibind</i>	5	20.0
7	Pemadam Api	5	20.0
8	Mesin Comb (<i>Binding Machine</i>)	8	12.5

Sumber: *Garis Panduan dan Peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan, JANM: 2014*

d) Aset Semasa

Contoh-contoh aset wakaf semasa adalah seperti berikut:

i. Saham Wakaf Tunai

Saham wakaf tunai yang ditawarkan kepada umum bagi sesuatu maksud tertentu hendaklah diakaunkan mengikut nilai kutipan saham yang diterima.

ii. Penghutang Perniagaan dan Pelbagai Penghutang

Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang diakaunkan pada nilai kos, selepas ditolak elaun kerugian.

Elaun kerugian mewakili peruntukan untuk hutang ragu bagi hutang yang dijangka tidak dapat diperolehi kembali. Walau bagaimanapun persoalan berkaitan dengan peruntukan hutang ragu tertakluk kepada amalan MAIN di negeri masing-masing berdasarkan kepada sama ada wujudnya fatwa yang berkaitan dengan perkara ini.

iii. Inventori

Inventori perlu diakaunkan pada kos perolehan semasa ia diperolehi. Di akhir tahun perakaunan, inventori diakaunkan pada nilai terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih. Nilai realisasi bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan tolak semua anggaran kos yang terlibat untuk membuat jualan.

iv. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Pelaburan berkecairan tinggi adalah pelaburan jangka pendek yang sedia ditukar kepada nilai tunai dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

9.5.3 Prinsip Perakaunan Liabiliti

Liabiliti hendaklah diakaunkan pada nilai kos, sama ada liabiliti jangka pendek yang kurang daripada setahun atau liabiliti jangka panjang yang lebih daripada setahun.

9.5.4 Prinsip Catatan Beregu

Setiap urus niaga mendatangkan dua kesan, iaitu memberi (aliran keluar) dan menerima (aliran masuk). Urus niaga ini dicatat secara serentak (*double entry transaction*) ke dalam akaun untuk menghasilkan jumlah debit dan kredit yang sama.

9.5.5 Prinsip Penyahiktirafan Aset Wakaf

Secara prinsipnya, harta wakaf adalah bersifat kekal dan tidak boleh dijual, dihibah atau diwarisi. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana harta wakaf hendaklah dinyahiktiraf terlebih dahulu dan seterusnya hendaklah diakaunkan pada nilai saksama harta wakaf tersebut.

Di antara contoh kes yang menggunakan prinsip penyahiktirafan aset wakaf selain *istibdal* adalah seperti kemusnahan harta wakaf akibat faktor musibah bencana besar atau faktor masa dan jangka usia yang mengakibatkan kehilangan manfaatnya yang tidak dapat digunakan lagi atau faktor kehilangan akibat kecurian atau faktor kemusnahan akibat kecuaian dan sebagainya.

9.5.6 Prinsip Perakaunan *Istibdal*

Proses penggantian (*istibdal*) harta wakaf asal dengan harta yang lain mestilah berdasarkan kepada nilai yang lebih baik atau sekurang-kurangnya kepada nilai yang sama dengan harta wakaf asal. Harta wakaf asal hendaklah dinyahiktiraf terlebih dahulu dan seterusnya harta wakaf baru yang digantikan (*istibdal*) diakaunkan pada nilai saksama harta wakaf tersebut.

9.6 Kaedah Perakaunan Wakaf

Sebagaimana dasar dan prinsip perakaunan wakaf, kaedah perakaunan wakaf juga diadaptasi dari kaedah-kaedah perakaunan konvensional sedia ada dengan beberapa penambahbaikan yang diperlukan bagi memenuhi kehendak

hukum syarak. Kaedah perakaunan wakaf turut menerima pakai kaedah-kaedah perakaunan sedia ada yang mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Selain daripada itu, terdapat beberapa kaedah tambahan yang disesuaikan dengan perundangan wakaf iaitu terimaan harta wakaf dalam bentuk aset bukan semasa daripada pewakaf, perolehan harta daripada manfaat wakaf, terimaan daripada hasil jualan saham wakaf tunai, terimaan tunai bagi saham wakaf dan terimaan daripada proses *istibdal*. Secara umumnya, olahan perakaunan bagi mengakaunkan harta wakaf perlu merujuk kepada jenis atau tujuan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Harta wakaf yang dipegang bagi tujuan am, diiktiraf sebagai aset bagi Kumpulan Wang Wakaf. Manakala bagi aset wakaf khas (kecuali aset wakaf khas untuk tujuan kebajikan), diiktiraf sebagai liabiliti. Bagi aset wakaf khas untuk tujuan kebajikan yang tidak diiktiraf, pendedahan yang bersesuaian dalam nota kepada akaun adalah perlu dilakukan.

9.6.1 Terimaan Aset Bukan Semasa

Terimaan harta wakaf am yang terdiri daripada aset bukan semasa daripada pewakaf hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Nilai Semasa)	xx	
Kumpulan Wang Wakaf (Nilai Semasa)		xx

Terimaan harta wakaf khas yang terdiri daripada aset bukan semasa daripada pewakaf hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Nilai Semasa)	xx	
Liabiliti (Nilai Semasa)		xx

Kumpulan Wang Wakaf adalah terdiri daripada wang dan harta yang diwakafkan termasuk:

- a. Rizab;
- b. Apa-apa manfaat dan faedah yang diperolehi daripada *mawquf* yang boleh diukur dan diterjemahkan ke dalam bentuk mata wang; atau
- c. Melalui *istibdal*, tertakluk kepada prosedur dan ketetapan pihak MAIN.

Bagi tujuan perakaunan, hanya harta yang boleh diukur dan boleh ditukar ke dalam bentuk nilai mata wang sahaja yang akan diakaunkan sama ada harta tersebut berbentuk ketara (*tangible*) atau tidak ketara (*intangible*). Item-item yang tidak boleh diukur atau tidak boleh ditukar ke dalam bentuk nilai mata wang hendaklah didedahkan di dalam nota kepada akaun atau mana-mana medium yang sesuai untuk menunjukkan kewujudan item tersebut.

9.6.2 Penerimaan Hasil Daripada Harta Wakaf

Terimaan hasil daripada wakaf hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank/Tunai (Nilai Semasa)	xx	
Hasil (Nilai Semasa)		xx

9.6.3 Perbelanjaan Operasi Harta Wakaf

Perbelanjaan yang melibatkan harta wakaf hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belanja (Nilai Semasa)	xx	
Bank/Tunai (Nilai Semasa)		xx

9.6.4 Perolehan Harta daripada Manfaat Wakaf

Perolehan harta yang menggunakan hasil daripada manfaat wakaf hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Kos)	xx	
Bank/Tunai (Kos)		xx

9.6.5 Terimaan Kutipan Saham Wakaf Tunai

Terimaan kutipan saham wakaf tunai terdiri daripada tiga (3) jenis iaitu terimaan wang kutipan saham wakaf tunai, kerja dalam pelaksanaan (*work in progress*) sesuatu projek bagi maksud kutipan saham wakaf tunai dan projek yang telah siap dilaksanakan daripada kutipan saham wakaf tunai. Olahan perakaunan bagi mengakaunkan saham wakaf tunai perlu merujuk kepada jenis atau tujuan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Saham wakaf tunai yang dikutip bagi tujuan am, diiktiraf sebagai hasil bagi Kumpulan Wang Wakaf. Manakala bagi kutipan saham wakaf tunai bagi tujuan khas, diiktiraf sebagai liabiliti.

a) Terimaan Wang Kutipan Saham Wakaf Tunai

Terimaan wang kutipan saham wakaf tunai bagi tujuan am hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank/Tunai (Nilai Saham)	xx	
Kumpulan Wang Wakaf (Nilai Saham)		xx

Terimaan wang kutipan saham wakaf tunai bagi tujuan khas hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank/Tunai (Nilai Saham)	xx	
Liabiliti (Nilai Saham)		xx

b) Kerja Dalam Pelaksanaan Menerusi Hasil Kutipan Saham Wakaf Tunai

Kerja dalam pelaksanaan (*work in progress*) bagi sesuatu projek yang dibiayai menerusi kutipan saham wakaf tunai hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kerja dalam Pelaksanaan (Amaun yang Dipermodalkan)	xx	
Bank (Amaun Dipermodalkan)		xx

c) Projek Yang Telah Siap Dilaksanakan Menerusi Kutipan Saham Wakaf Tunai

Projek yang telah siap dilaksanakan menerusi pembiayaan daripada hasil kutipan saham wakaf tunai hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Amaun Dipermodalkan Keseluruhannya)	xx	
Kerja dalam Perlaksanaan (Amaun Dipermodalkan Keseluruhannya)		xx

d) Mengiktiraf sebagai Modal Wakaf

Projek yang telah siap akan dipermodalkan sebagai modal wakaf dan hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa (Amaun Dipermodalkan Keseluruhannya)	xx	
Kerja dalam Perlaksanaan (Amaun Dipermodalkan Keseluruhannya)		xx

e) Menyahiktiraf Aset Wakaf

Projek yang telah siap akan dinyahiktirafkan sebagai aset wakaf dan hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Wakaf (Nilai Saham)	xx	
Aset Bukan Semasa (Nilai Saham)		xx

9.6.6 Pendahuluan Tunai Bagi Membayai Projek Wakaf

Kaedah pengumpulan dana wakaf untuk membayai mana-mana projek wakaf menerusi kutipan saham wakaf tunai biasanya akan mengambil masa yang lama untuk mencapai sasaran jumlah yang ditetapkan bagi membolehkan projek wakaf tersebut dimulakan.

Kebiasaannya, Badan Pentadbir wakaf akan menggunakan kaedah mendapatkan pendahuluan tunai bagi mengatasi masalah tersebut. Kaedah pendahuluan tunai boleh diperolehi menerusi pelbagai instrumen kewangan Islam termasuk kaedah BOT, kontrak *qardhul hasan*, kaedah sukuk dan sebagainya. Tempoh pembayaran balik hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak berkepentingan dan perlu dimasukkan ke dalam dokumen perjanjian.

a) Pendahuluan Tunai Oleh Pembiaya

Pendahuluan tunai daripada pihak pembiaya, contohnya melalui kontrak *Qardhul Hassan* bagi menyokong pembiayaan projek wakaf hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	xx	
Pendahuluan		xx

b) Pembayaran Balik Pendahuluan Tunai Kepada Pembiaya

Pembayaran balik pendahuluan tunai kepada pembiaya melalui kontrak *Qardhul Hasan* hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pendahuluan	xx	
Bank		xx

9.7 Kaedah Perakaunan *Istibdal* Wakaf

Institusi Pendidikan perlu mendapatkan kelulusan MAIN untuk tujuan pelupusan Harta Wakaf. Terdapat empat (4) kaedah perakaunan *istibdal* wakaf yang merangkumi penyahiktirafan harta wakaf menerusi *istibdal*, penggantian aset *istibdal*, pembelian aset bukan semasa baru untuk menggantikan aset asal yang telah dinyahiktiraf melalui proses *istibdal* dan pengiktirafan aset baru sebagai aset gantian.

9.7.1 Penyahiktirafan Harta Wakaf Menerusi *Istibdal*

Penyahiktirafan harta wakaf menerusi penggantian aset melalui proses *istibdal* hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kumpulan Wang Wakaf (Nilai Buku)	xx	
Aset Bukan Semasa (Nilai Buku)		xx

9.7.2 Penggantian Aset *Istibdal*

- a) Penggantian aset *istibdal* melalui penjualan aset bukan semasa asal dan hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank (Nilai Saksama)	xx	
Liabiliti <i>Istibdal</i> (Nilai Saksama)		xx

(Nota: catatan selepas catatan penyahiktirafan aset asal dibuat)

- b) Pembelian aset bukan semasa baru untuk menggantikan aset asal hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Liabiliti <i>Istibdal</i> (Nilai Saksama)	xx	
Bank (Nilai Saksama)		xx

(Nota: catatan selepas catatan penyahiktirafan aset asal dibuat)

- c) Pengiktirafan penggantian (*istibdal*) aset bukan semasa baru, hendaklah diakaunkan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset Bukan Semasa baru (Nilai Saksama)	xx	
Kumpulan Wang Wakaf (Nilai Saksama)		xx

(Nota: catatan selepas catatan penyahiktirafan aset asal dibuat)

9.8 Kaedah Penilaian Semula Harta Wakaf

Penilaian semula harta wakaf hendaklah diakaunkan sekiranya ada keperluan mengikut piawaian perakaunan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Aset (Nilai Tambahan)	xx	
Rizab Penilaian Harta Wakaf (Nilai Tambahan)		xx

9.9 Penyata Kewangan Wakaf

Pemakaian dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di atas adalah bagi mengharmonikan perakaunan wakaf yang diguna pakai dalam penyediaan Penyata Kewangan Wakaf.

Pemakaian dasar-dasar perakaunan yang diharmonikan ini akan memudahkan kebolehbandingan dibuat dalam Penyata Kewangan Wakaf.

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan. Penyata Kewangan tersebut hendaklah terdiri daripada penyata-penyata berikut:

- Penyata Kedudukan Kewangan;
- Penyata Pendapatan Komprehensif;
- Penyata Aliran Tunai;
- Penyata Perubahan Ekuiti; dan
- Nota-nota Kepada Akaun.

Berikut adalah contoh-contoh penyata kewangan yang boleh dijadikan panduan.

a) CONTOH Penyata Kedudukan Kewangan

INTITUSI PENDIDIKAN _____
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA _____

	Nota	20xx		20yy	
		RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa		XXX	XXX	XXX	XXX
Aset Semasa		XXX		XXX	
(Liabiliti Semasa)		XX		XX	
Aset Semasa Bersih/		XXX	XXX	XXX	XXX
Liabiliti Semasa Bersih				XXX	XXX
Dibiayai oleh:					
Akaun Wakaf Am		XX		XX	
Akaun Wakaf Khas		XX		XX	
Jumlah Kumpulan Wang Wakaf			XXX		XXX
Liabiliti Jangka Panjang			XXX		XXX
			XXX		XXX

b) CONTOH Penyata Pendapatan Komprehensif

INTITUSI PENDIDIKAN _____
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR

	Nota	20xx	20yy
	RM	RM	
Pendapatan		xxx	xxx
Tolak:			
Perbelanjaan		(xxx)	(xxx)
Lebihan/(kurangan) Kasar		xxx	xxx
Tolak:			
Agihan		xx	xx
Lebihan/(Kurangan) Selepas Agihan		xxx	xxx
Sebelum Cukai			
Tolak:			
Cukai		xx	xx
Lebihan/(Kurangan) Bersih Selepas		xxx	xxx
Cukai			

c) CONTOH Penyata Aliran Tunai

INTITUSI PENDIDIKAN _____
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR _____

	Nota	RM
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) daripada Aktiviti Operasi		
Lebihan/(Kurangan) selepas Agihan sebelum Cukai		xxx
Pelarasan bagi Butiran yang tidak Melibatkan Tunai dan Kesetaraan Tunai		Xxx
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	Xxx	xxx
Aliran Tunai Masuk/Keluar daripada Aktiviti Pelaburan	xxx	xxx
Aliran Tunai Masuk/Keluar daripada Aktiviti Pembiayaan	xxx	xxx
Tunai dan Kesetaraan Tunai Bersih Tahun Semasa		xxx
Tunai dan Kesetaraan Tunai Awal Tahun		xxx
Jumlah Tunai dan Kesetaraan Tunai Akhir Tahun		xxx

d) CONTOH Penyata Perubahan Ekuiti

INTITUSI PENDIDIKAN _____	20xx	20yy
	RM	RM
Baki pada 1 Januari:		
Kumpulan Wang Wakaf:		
Akaun Wakaf Am	xxx	xxx
Akaun Wakaf Khas	xxx	xxx
Campur: Lebihan/(kurangan) Kasar	<u>xxx</u>	<u>xxx</u>
Kumpulan Wang Wakaf pada 31 Disember	<u>xxx</u>	<u>xxx</u>
Disember		
Liabiliti Jangka Panjang (Baki pada 1 Januari)	xxx	xxx
Tambahan/(Kurangan) Liabiliti Jangka Panjang	<u>xxx</u>	<u>xxx</u>
Liabiliti Jangka Panjang pada 31 Disember	<u>xxx</u>	<u>xxx</u>

9.10 Kesimpulan

MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf bertanggungjawab terhadap perakaunan wakaf. Oleh yang demikian, bab ini disediakan bagi membantu Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan menyediakan laporan kewangan yang lebih telus dan menangani isu-isu semasa berkaitan dengan perakaunan wakaf. Penyediaan Penyata Kewangan ini adalah bertujuan untuk menzahirkan akauntabiliti pihak pemegang amanah terhadap pentadbiran dan pengurusan harta mutlak Allah SWT. Adalah menjadi satu keperluan penyata kewangan kumpulan wang wakaf diwujudkan secara berasingan dari kumpulan wang yang lain. Fatwa yang dikeluarkan oleh pihak MAIN boleh mempengaruhi bagaimana aset wakaf ini diakaunkan dan dilaporkan. Justeru itu, fatwa berkaitan yang dikeluarkan oleh negeri-negeri, yang boleh mempengaruhi perakaunan, perlulah dimasukkan di dalam polisi perakaunan dan didedahkan dalam penyata kewangan.

Secara umumnya, perakaunan untuk aset-aset wakaf perlulah mengambil kira pengiktirafan aset itu semasa aset itu diperolehi, peristiwa selepas aset itu diperolehi dan penyahiktirafan aset tersebut sekiranya berlaku. Isu-isu berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset-aset wakaf ini adalah sangat penting untuk memastikan pematuhan hukum syarak dan mencapai *maqasid* wakaf. Diharapkan panduan dalam bab ini dapat membantu meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaporan harta wakaf kepada MAIN secara lebih sistematik yang mencerminkan ketelusan dan integriti pengurusan kewangan serta perakaunan dan pelaporan harta atau aset wakaf di institusi pendidikan.

BAB 10 : PENGAUDITAN WAKAF

10.1 Pengenalan

Bab ini disediakan dengan tujuan memberi panduan dan rujukan asas mengenai prosedur siasatan audit yang dijalankan oleh pihak yang lantik oleh Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam bab ini akan menyentuh berkenaan rujukan kuasa serta objektif dan skop pengauditan wakaf.

Prosedur pengauditan wakaf yang merangkumi fungsi Jawatankuasa Audit Wakaf, etika dan proses kerja pengauditan wakaf serta senarai semak siasatan juga turut dibincangkan dalam bab ini. Selain daripada itu, bab ini juga menyentuh berkenaan kaedah laporan pengauditan wakaf yang mencakupi perincian butiran, bentuk dan kriteria laporan pengauditan wakaf. Menariknya, di dalam bab ini juga turut diuraikan berkenaan proses pengurusan penyahiktirafan harta wakaf, sama ada ianya berpunca daripada faktor kerosakan atau faktor kemosnahan, di sampinguraian berkenaan tatacara membaik pulih harta wakaf, tatacara penyahiktirafan harta wakaf dan kaedah laporan penyahiktirafan harta wakaf.

10.2 Pengauditan Wakaf

Audit didefinisikan sebagai pemeriksaan dan pengesahan kira-kira manakala pengauditan pula adalah proses di mana individu yang kompeten, bebas mengumpul dan menilai segala bukti mengenai maklumat yang berhubung rapat dengan entiti ekonomi yang spesifik. Ia bertujuan mengenal pasti dan seterusnya melaporkan tahap pertalian antara maklumat yang dikenal pasti dan kriteria yang ditetapkan.

Secara prinsipnya, pengauditan wakaf adalah termasuk dalam kategori audit syariah. *Al-Rajhi al-Masrafiyyah lil Istismar* mendefinisikan audit syariah sebagai "*Pihak yang memastikan sejauh mana sesebuah institusi kewangan*

Islam mematuhi syariah Islam berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Badan Penasihat Syariah institusi terbabit." Justeru, pengauditan wakaf adalah suatu proses untuk menganalisis, menyemak dan memeriksa operasi dan urus tadbir sesebuah institusi wakaf itu bertepatan dengan prinsip dan garis panduan syariah. Menurut peruntukan Enakmen Wakaf Negeri-negeri dan selaras dengan keperluan piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB dan JANM, Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Penyata Kedudukan Kewangan;
- b. Penyata Pendapatan Komprehensif;
- c. Penyata Aliran Tunai;
- d. Penyata Perubahan Ekuiti; dan
- e. Nota-nota Kepada Akaun.

10.2.1 Rujukan Kuasa Pengauditan Wakaf

Operasi pengauditan wakaf hendaklah dijalankan berdasarkan arahan dan surat lantikan daripada pihak atasan yang diberikan kuasa. Arahan dan surat lantikan boleh dibuat berdasarkan peraturan yang dikuatkuasakan, antaranya adalah seperti berikut:

- a. Pekeling Am Bil.2 Tahun 1982 (Perenggan 8 – Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Pengawal);
- b. Pekeling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2009 – Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan;
- c. Akta Prosedur Kewangan – Mengenai Tanggungjawab Pengawai Pengawal;
- d. Pekeling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 2009 – Pengurusan Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 59;
- e. Arahan Perbendaharaan 321 berkenaan Penyiasatan dan Laporan bersama atas kehilangan Wang Awam atau Aset Awam;
- f. Pekeling Perbendaharaan Bil.5/2007 – Pengurusan Aset Alih Kerajaan;
- g. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tatatertib 1993) Pekeling; dan

- h. Peraturan Negeri/Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta 605.

10.2.2 Objektif Pengauditan Wakaf

Objektif utama pengauditan wakaf adalah untuk mendapatkan hasil siasatan audit wakaf yang berkualiti mengikut peraturan dan perundangan wakaf yang dikuatkuasakan bagi memastikan kebenaran fakta dan maklumat kepada semua pihak. Secara umumnya, pengauditan wakaf ini diperlukan untuk mendapatkan kesahihan laporan wakaf yang diterima berdasarkan penemuan sama ada wujud pelanggaran peraturan dan undang-undang, penyelewengan, pembaziran, pemborosan, kehilangan atau kerugian, salah laku atau salah guna kuasa serta kecuaian oleh seseorang atau sekumpulan pegawai untuk dilaporkan kepada Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan MAIN.

Selain daripada itu, pengauditan wakaf juga bertujuan untuk memastikan semua aktiviti pentadbiran dan pengurusan wakaf institusi pendidikan adalah sah dan menepati kehendak syariah, di samping memastikan objektif dan tanggungjawabnya berjaya dipenuhi. Ia untuk memastikan semua perjalanan wakaf institusi pendidikan tidak mempunyai sebarang unsur yang bercanggah dengan syariah di samping tidak menjaskankan kepentingan semua pihak termasuk para pewakaf dan penerima manfaat wakaf. Tanpa pelaksanaan pengauditan wakaf yang mantap, Badan Pentadbir wakaf sesebuah institusi pendidikan itu akan terdedah kepada berlakunya ketidakpatuhan syariah. Hal ini perlu dipandang serius kerana impaknya yang sangat besar.

Ketidakpatuhan kepada syariah pastinya akan merosakkan reputasi Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan MAIN, selain membawa kepada penjanaan pendapatan yang tidak halal, malah lebih daripada itu ianya akan mengundang kemurkaan Allah SWT.

10.2.3 Skop Pengauditan Wakaf

Pengauditan wakaf hendaklah ditentukan berdasarkan kerja yang diaudit dengan skop kerja yang jelas. Perkara yang diauditkan adalah mengambil kira polisi perakaunan yang telah ditetapkan atau garis panduan yang diterbitkan serta fatwa yang dikuatkuasakan dapat diikuti dan laksanakan dengan sebaik mungkin. Tempoh liputan pengauditan hendaklah bergantung kepada kerja yang akan diaudit. Di antara tujuan pengauditan wakaf institusi pendidikan adalah untuk mengenal pasti kesilapan dan kesalahan yang berlaku dalam urus tadbir wakaf institusi pendidikan tersebut.

Justeru yang demikian, pengauditan wakaf tidak boleh bersifat terlalu spesifik atau sempit kepada skop perkhidmatannya semata-mata atau hanya dalam ruang lingkup tertentu sahaja. Pengauditan wakaf perlu selari dengan konsep Islam yang menyeluruh dan merangkumi segenap aspek dan operasi sesebuah insitusi wakaf. Ini termasuklah hal ehwal pengurusan dan penerapan nilai-nilai Islam dalam semua sektor meliputi proses pentadbiran, pemasaran, kutipan, pembangunan, perolehan, pengagihan dan lain-lain.

10.3 Prosedur Pengauditan Wakaf

Aktiviti pengauditan terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu;

a) Pengauditan Tahunan

Pengauditan tahunan memberi tumpuan kepada pengesahan perlakuan yang melibatkan kepada tatacara kewangan dan bukan kewangan dalam pengurusan wakaf.


b) Pengauditan Khas

Pengauditan khas dilaksanakan selepas menerima arahan khusus pihak pengurusan institusi pendidikan atau pihak MAIN. Pengauditan berdasarkan

arahan lebih menjurus kepada proses untuk membuat penambahbaikan tatacara kewangan wakaf.

10.3.1 Proses Kerja Pengauditan Wakaf

Prosedur pengauditan wakaf sama ada **Pengauditan Tahunan** atau **Pengauditan Khas** hendaklah berpandukan kepada proses kerja yang jelas, tersusun, realistik dan boleh diukur. Berikut adalah cadangan carta alir proses kerja pengauditan wakaf yang boleh dijadikan panduan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 10.

Rajah 10 : Carta Alir Proses Kerja Pengauditan Wakaf Institusi Pendidikan.

Sumber: Bengkel Pemurnian PPWIP (2017)

Bagi memulakan aktiviti pengauditan wakaf, sama ada pengauditan tahunan atau pengauditan khas atas arahan tertentu, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan hendaklah terlebih dahulu menujuhan satu Jawatankuasa Audit Wakaf yang bertanggungjawab menerima arahan, melaksanakan pengauditan dan melaporkan hasil pengauditan.

Bagi kes yang melibatkan aduan sama ada secara lisan atau secara bertulis, pengurus wakaf hendaklah mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pengadu dan butiran aduannya, menyediakan dokumentasi dan mendapatkan kelulusan

Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan untuk memulakan siasatan audit. Secara umumnya, proses kerja pengauditan akan dimulakan dengan merekodkan kes, membuka fail pengauditan, melantik pasukan audit, melaksanakan pengauditan, menyediakan laporan dan mengemukakannya kepada Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan, sebagaimana berikut:

- a. Rekod kes;
- b. Buka fail pengauditan;
- c. Melantik dan membentuk pasukan pengauditan atau juruaudit, menetapkan terma rujukan pengauditan dengan menentukan objektif, skop, kaedah dan tempoh liputan pengauditan;
- d. Melaksanakan pengauditan (*Rujuk contoh Senarai Semak Siasatan dalam Jadual 7, subtopik 10.3.2*).
 - i. Kumpul fakta;
 - ii. Mengenal pasti bukti dan keterangan yang boleh menyokong fakta;
 - iii. Mendapatkan keterangan dan perakuan secara lisan dan bertulis;
 - iv. Salinan dokumen perlu disahkan dari salinan asal;
 - v. Keterangan lisan hendaklah didokumenkan dan disahkan; dan
 - vi. Bukti bergambar.
- e. Sediakan deraf laporan;
- f. Membincangkan isu tertentu bersama pihak penasihat undang-undang, jika perlu;
- g. Meduakan deraf laporan akhir; dan
- h. Mengemukakan laporan akhir kepada pihak Badan Pentadbir wakaf pengurusan institusi pendidikan dan pihak MAIN.

10.3.2 Senarai Semak Siasatan

Senarai semak siasatan adalah merangkumi perkara-perkara sebelum pelaksanaan pengauditan, semasa siasatan dijalankan dan penyediaan laporan selepas siasatan disempurnakan, sebagaimana dalam Jadual 7 di sebelah:

Jadual 7: Senarai Semak Siasatan Audit Wakaf Institusi Pendidikan

Perkara	Ada	Tiada
A. SEBELUM SIASATAN		
1. Daftar Kes		
2. Arahan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan		
3. Buka Fail Siasatan		
4. Taklimat Kes		
5. Penyediaan Peralatan		
- Diari Penyiasatan		
- Kamera		
- Komputer Riba		
- Perakam Suara		
- Peralatan-peralatan lain mengikut kesesuaian		
B. SEMASA SIASATAN		
1. Pengesahan Dokumen Bukti		
2. Temu Duga/Temu Bual Pihak Terlibat		
3. Bukti Bergambar/CCTV		
4. Keterangan Secara Rakaman Beraraman		
5. Perakuan Secara Bertulis		
C. PENYEDIAAN LAPORAN		
1. Perbincangan dan Analisa Hasil Pengauditan		
2. Sediakan Laporan Awal		
3. Perbincangan dengan PUU (Jika perlu)		
4. Sediakan Laporan Akhir		

Sumber: Bengkel Pemurnian PPWIP (2017)

10.3.3 Jawatankuasa Audit Wakaf

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam **Bab 4 : Tadbir Urus Wakaf**, Badan Pentadbir wakaf insitusi pendidikan hendaklah menubuhkan beberapa jawatankuasa kerja di bawahnya yang di antaranya adalah Jawatankuasa Audit.

Secara umumnya, Jawatankuasa Audit bertanggungjawab menyemak dan mengkaji piawaian kawalan dan pelaporan kewangan; memantau pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam prosedur pengauditan; memeriksa penyata-penyata kewangan; menilai prestasi pengurusan dalaman dan menyediakan laporan pengauditan yang terperinci.

Di antara fungsi dan tanggungjawab khusus Jawatankuasa Audit ini pula adalah seperti berikut:

- a. Memerhatikan semua hal ehwal berhubung proses pengauditan sama ada dalaman dan luaran;
- b. Menyemak dan mengkaji pengurusan kewangan serta pentadbiran wakaf institusi pendidikan, yang mencakupi format pelaporan kewangan, kesempurnaan sistem kawalan dalaman serta keutuhan piawaian pengauditan;
- c. Mengkaji dan meluluskan perancangan audit tahunan dengan cadangan skop dan tumpuan pengauditan yang diperlukan;
- d. Menilai Laporan Unit Audit Dalam, Unit Audit MAIN dan Jabatan Audit Negara bagi memastikan semua dapatan diambil tindakan sewajarnya dan memperakukan tindakan susulan serta mengesyorkan tindakan penambahbaikan;
- e. Memastikan tiada sekatan atau batasan tidak wajar yang boleh menjelaskan keberkesanan proses pengauditan;
- f. Memastikan proses pengauditan dilaksanakan oleh staf yang kompeten dengan sumber yang mencukupi dan diberikan akses yang sesuai dalam melaksanakan tugasnya agar membolehkan ia berfungsi dengan berkesan; dan
- g. Menimbangkan syor dan cadangan sebarang kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi pengauditan sebagai usaha meningkatkan lagi prestasi dan jaminan kualiti.

10.3.4 Etika Pengauditan Wakaf

Bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme juruaudit, etika berikut hendaklah diamalkan.

a) Berkecuali

Juruaudit hendaklah bertindak sebagai satu pihak yang berkecuali dan bebas. Tugas pengauditan perlu dibuat tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak sama ada dengan unsur-unsur negatif seperti ugutan, ancaman, tekanan, pakatan, subahat atau sebagainya. Juruaudit perlu mengisyiharkan penarikan diri sekiranya beliau mempunyai kepentingan dalam kes pengauditan tersebut.

b) Kompetensi

Juruaudit hendaklah memiliki pengetahuan yang menyeluruh dan sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan sesuatu bidang. Di samping itu, juruaudit yang berkemahiran tinggi dalam komunikasi serta berkeupayaan mentafsir tingkah laku dan bahasa badan pihak yang disiasat adalah merupakan satu kelebihan tambahan.

c) Integriti

Juruaudit hendaklah memiliki dan mengamalkan nilai-nilai integriti tinggi, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan tugasnya dengan ikhlas, rajin dan bertanggungjawab;
- ii. Mematuhi undang-undang dan mendedahkan apa yang dikehendaki dari segi undang-udang dan profesi; dan
- iii. Mengecualikan diri daripada mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang tidak sah atau melibatkan diri dalam perbuatan yang melanggar profesi siasatan.

Juruaudit juga perlu menghormati dan menyumbang kepada objektif organisasi secara sah dan beretika.

d) Objektiviti

Ciri-ciri objektiviti yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah seperti berikut:

- i. Tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau perhubungan yang akan menjelaskan atau dianggap akan menjelaskan penilaianya secara saksama. Penglibatan ini termasuk aktiviti-aktiviti atau perhubungan yang mungkin bertentangan dengan kepentingan organisasi;
- ii. Tidak menerima apa-apa yang akan menjelaskan atau dianggap akan menjelaskan pandangan profesional seseorang juruaudit;
- iii. Tidak menyembunyikan sebarang fakta material yang ditemui dan diketahui, di mana ianya boleh menjelaskan laporan siasatan; dan
- iv. Tidak membuat rumusan siasatan tanpa disokong dengan bukti-bukti yang jelas dan nyata. Segala bukti penemuan siasatan berbentuk dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam laporan dengan lengkap, jelas dan sempurna.

e) Kerahsiaan

Kerahsiaan merupakan etika utama bagi mana-mana juruaudit yang di antara ciri-cirinya adalah seperti berikut:

- i. Berhati-hati dalam penggunaan dan perlindungan maklumat yang diperoleh dalam pelaksanaan tugas; dan
- ii. Mengelakkan kepentingan peribadi di atas penyalahgunaan maklumat atau dalam apa-apa cara yang melanggar undang-undang atau menjelaskan objektif-objektif organisasi yang sah dan beretika.

10.4 Laporan Pengauditan Wakaf

Laporan pengauditan adalah suatu mekanisme bagi juruaudit untuk memaklumkan kepada pihak pengurusan atasan berkenaan dengan proses siasatan audit yang dijalankan dan dapatkan pengauditan yang dihasilkan. Laporan pengauditan bertujuan untuk mengesahkan kesahihan atas apa yang telah diakaunkan dan dilaporkan adalah bersesuaian dengan polisi-polisi

perakaunan yang ditetapkan oleh institusi pendidikan, MAIN, JANM, MPSAS dan juga garis panduan yang diterbitkan oleh agensi yang berkaitan, sama ada bersifat kewangan atau bukan kewangan. Laporan pengauditan juga bertujuan untuk digunakan oleh pihak Badan Pentadbir institusi pendidikan atau pihak MAIN supaya arahan segera bagi tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan khususnya dalam konteks yang melibatkan dapatan dan isu yang signifikan.

10.4.1 Butiran Pengauditan Wakaf

Butiran pengauditan wakaf bermaksud catatan bertulis bagi sesuatu aktiviti siasatan audit wakaf yang merangkumi setiap langkah pengauditan dan tindakan yang diambil sepanjang pengauditan. Antara butiran yang direkodkan adalah seperti berikut:

- a. Waktu dan tarikh arahan diterima;
- b. Waktu dan tarikh mula dan selesai pengauditan;
- c. Lokasi yang dilawati;
- d. Saksi yang ditemui; dan
- e. Apa jua perkara yang difikirkan perlu dan berkaitan dengan pengauditan.

10.4.2 Bentuk Laporan Pengauditan Wakaf

Bagi memastikan laporan-laporan yang dikemukakan adalah bersifat harmoni, setiap laporan yang dikemukakan hendaklah mengandungi butir-butir dan disusun seperti berikut:

a) Kandungan Laporan

Hendaklah mengandungi tajuk-tajuk utama di dalam laporan dan muka surat berkaitan.

b) Kandungan Lampiran

Untuk memudahkan rujukan dibuat terhadap lampiran kepada laporan.

c) Ringkasan Eksekutif

Ringkasan eksekutif merupakan keterangan ringkas daripada hasil pengauditan yang dijalankan. Tujuannya adalah untuk memudahkan pihak pengurusan institusi pendidikan atau pihak MAIN memahami isu-isu penting yang dibangkitkan dalam laporan. Walau bagaimanapun, ringkasan eksekutif bukanlah suatu kemestian dan penyediaannya adalah bergantung kepada kesesuaian dan keperluan.

d) Latar Belakang

Keterangan ringkas mengenai entiti-entiti pihak yang diaudit dengan kerja-kerja audit yang dijalankan.

e) Objektif

Menerangkan mengenai tujuan-tujuan pengauditan dijalankan.

f) Skop

Skop pengauditan meliputi perkara berkaitan tatacara kewangan dan bukan kewangan pengurusan wakaf berdasarkan kepada perlakuan dan implementasi yang bersesuaian dengan apa yang telah digariskan oleh polisi, garis panduan, piawaian, enakmen wakaf dan akta yang berkaitan. Tempoh siasatan adalah bergantung pada kerja yang akan diaudit.

g) Kaedah

Menerangkan kaedah pengauditan yang telah dijalankan secara ringkas bagaimana pengauditan tersebut dijalankan.

i. Semakan Rekod

- Kumpul fakta mengenai dan yang berkaitan dengan aduan;
- Mengenal pasti bukti dan keterangan serta keadaan yang boleh menyokong fakta mengenai aduan;
- Mendapatkan keterangan perakuan secara bertulis sekiranya diperlukan daripada pihak luar;
- Salinan dokumen perlu disahkan dari salinan asal;
- Keterangan secara rakaman beramaran; dan
- Bukti bergambar/CCTV.

ii. Pemeriksaan Fizikal

- Pemeriksaan fizikal adalah dijalankan ke atas fizikal objek bagi menilai keadaannya seperti bangunan, peralatan, barang, stor penyimpanan, kenderaan dan sebagainya.

h) Penemuan dan Hasil Pengauditan

Isu-isu hendaklah dilaporkan secara khusus dan disokong dengan maklumat/bukti seperti berikut:

- i. Kronologi pengauditan;
- ii. Nyatakan pekeliling, peraturan kewangan dan sebagainya yang tidak dipatuhi dalam membuat perolehan ini;
- iii. Punca dan bagaimana tatacara perolehan tidak dipatuhi; dan
- iv. Sama ada pegawai yang bertanggungjawab didapati cuai atau salah.

i) Rumusan

Merumuskan hasil pengauditan dan syor untuk pertimbangan dan tindakan pihak pengurusan institusi pendidikan dan pihak MAIN.

10.4.3 Kriteria Laporan Pengauditan Wakaf

Juruaudit perlu menyediakan laporan pengauditan wakaf yang memenuhi kriteria-kriteria asas agar dapat memenuhi objektif pengauditan yang disasarkan. Di antara kriteria asas laporan pengauditan wakaf ialah format pelaporan yang jelas, penggunaan istilah yang tepat dan fakta yang lengkap.

Selain daripada itu, laporan pengauditan juga hendaklah menepati objektif pengauditan dengan berpandukan kepada rujukan perundangan dan peraturan, serta penggunaan lampiran sokongan dan jadual, sebagaimana berikut:

a) Laporan Hendaklah Jelas

Bagi memastikan setiap Laporan Audit ditulis dengan jelas, dua perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh Pegawai Audit adalah dari segi bahasa dan fakta yang digunakan untuk menyokong sesuatu isu yang dibangkitkan.

b) Penggunaan Bahasa Yang Betul dan Tepat

Ayat yang digunakan hendaklah ringkas, jelas dan padat dengan pemilihan terma dan istilah yang tepat dan tidak mengelirukan.

c) Fakta Lengkap dan Jelas

Fakta-fakta yang lengkap hendaklah digunakan bagi menyokong sesuatu isu yang dibangkitkan dalam sesuatu laporan. Rujukan kepada undang-undang/peraturan yang khusus hendaklah dinyatakan bagi menyokong penemuan pengauditan. Semua keterangan dan data-data yang perlu bagi isu-isu tersebut dinyatakan dalam laporan.

d) Undang-Undang dan Peraturan

Dalam setiap isu yang ditulis hendaklah diperjelaskan dengan merujuk peraturan dan undang-undang yang berkaitan serta maksud peraturan dan undang-undang tersebut.

e) Penggunaan Lampiran Sokongan

Bagi keterangan terhadap sesuatu isu yang perlu menggunakan lampiran, setiap maklumat, fakta dan butir-butir yang terdapat dalam lampiran hendaklah dinyatakan secara ringkas dalam perenggan yang berkenaan.

f) Penggunaan Jadual

Penggunaan Jadual adalah digalakkan bagi meringkaskan maklumat yang disampaikan terutama bagi maklumat kuantitatif.

g) Laporan Menepati Objektif Pengauditan

Laporan yang ditulis hendaklah menepati objektif, peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada Pegawai Audit. Pelanggaran peraturan yang dikenal pasti hendaklah dikemukakan dengan cadangan dan tindakan.

10.5 Pengurusan Penyahiktirafan Harta Wakaf

Dalam konteks pengurusan harta, istilah pelupusan lebih mudah difahami dan digunakan secara meluas. Namun demikian, dalam konteks harta wakaf, ianya tidak boleh dilupuskan begitu sahaja sebagaimana yang biasa diamalkan dalam pengurusan harta bukan wakaf. Hal ini demikian kerana prinsip keberkekalan dalam wakaf dengan matlamatnya untuk memastikan manfaat harta wakaf tersebut berpanjangan selama-lamanya dalam menjamin pahala *jariah* kepada

pewakaf selain memastikan ianya dapat digunakan dan dinikmati secara berterusan oleh *mawquf 'alaih*.

Harta wakaf khususnya mudah alih seperti barang keperluan sekolah, kelengkapan asrama, peralatan hospital dan sebagainya adalah terdedah kepada kerosakan dan kerosakan. Sekiranya harta wakaf itu musnah dan rosak, manfaat harta wakaf tersebut akan terhenti dan matlamat wakaf tidak tercapai. Faktor kerosakan ini tidak terhad kepada wakaf harta alih sahaja, sebaliknya ia juga boleh berlaku kepada wakaf harta tak alih dalam bentuk aset kekal seperti bangunan dan tanah yang juga terdedah kepada risiko kerosakan.

10.5.1 Faktor Keperluan Penyahiktirafan

Sebagaimana sifat asal harta yang terdedah kepada kebarangkalian kerosakan, kehilangan, kerosakan atau sebagainya, harta-harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih juga boleh hilang manfaatnya akibat faktor yang sama seperti kecurian, kegagalan fungsi, kebakaran atau banjir besar, perang, tanah runtuh, gempa bumi yang mengakibatkan perubahan struktur muka bumi atau sebagainya.

Secara umumnya, faktor kehilangan manfaat harta wakaf yang memerlukan kepada proses penyahiktirafan adalah sama ada disebabkan oleh faktor kecuaian manusia atau oleh faktor-faktor yang di luar kawalan manusia. Di antara contoh faktor-faktor yang mengakibatkan kepada keperluan proses penyahiktirafan harta wakaf, adalah seperti berikut;

a) Susut Nilai

Susut nilai (*depreciation*) di mana pengurangan nilai akibat penggunaan atau akibat faktor masa telah mengakibatkan loput manfaat wakaf.

b) Kerosakan atau Kehilangan

Terdapat beberapa jenis kerosakan yang boleh mengakibatkan penyahiktirafan harta wakaf, seperti berikut:

- i. Harta wakaf yang rosak atau hilang akibat tindakan yang tidak disengajakan atau akibat kejadian yang di luar kawalan;
- ii. Harta wakaf yang rosak atau hilang akibat kecuaian manusia.
Contoh: Tidak amanah dengan menggunakannya untuk tujuan peribadi yang tidak dibenarkan; dan
- iii. Harta wakaf yang rosak atau hilang akibat penggunaan atau cara penggunaan pihak ketiga yang dibenarkan menggunakan harta wakaf tersebut. *Contoh: Pelajar sekolah atau pemandu kendaraan wakaf.*

c) Rosot Nilai

Rosot nilai (*impairment*) di mana mengakibatkan l吕ut manfaat wakaf secara mutlak seperti musibah kebakaran atau banjir besar, tanah runtuh, gempa bumi dan sebagainya.

10.5.2 Tatacara Membaik Pulih Harta Wakaf

Harta wakaf yang didapati rosak hendaklah dibaik pulih dengan kaedah yang terbaik pada kadar yang segera agar ianya kekal dimanfaatkan secara berterusan. Sekiranya proses membaik pulih berjaya dilaksanakan maka ianya tidak memerlukan kepada proses penyahiktirafan.

Bagi tujuan itu, pengurus wakaf hendaklah mengikuti tatacara membaik pulih harta wakaf, sebagaimana berikut:

- a. Berusaha untuk memperbaiki atau mendapatkan alat ganti bagi membaik pulih harta wakaf yang rosak mengikut kemampuan yang wajar;
- b. Mendapatkan sumber dana yang sah bagi membayai kos baik pulih harta wakaf berkenaan, antaranya adalah seperti berikut:
 - i. Sumber daripada dana manfaat wakaf bagi peruntukan caj pengurusan pihak institusi pendidikan atau pihak MAIN;

- ii. Sumber daripada dana wakaf baharu yang diwujudkan bagi tujuan tersebut;
 - iii. Sumber daripada dana wang derma, sedekah atau infak;
 - iv. Sumber daripada dana zakat asnaf *fi sabilillah*;
 - v. Sumber daripada dana wang tidak patuh syarak; dan sebagainya.
- c. Melaporkan status harta wakaf berkenaan kepada pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan kepada pihak MAIN.

Sekiranya harta wakaf berkenaan sudah tidak lagi boleh diperbaiki dan manfaatnya telah terlupakan maka proses penyahiktirafan harta wakaf boleh dilaksanakan mengikut prosedur yang berkaitan seperti tatacara yang dicadangkan dalam subtopik berikut.

10.5.3 Tatacara Penyahiktirafan Harta Wakaf

Secara prinsipnya, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan hendaklah berusaha untuk mengekalkan manfaat setiap harta wakaf dengan sedaya upaya yang mampu, sama ada dengan membaik pulih harta wakaf tersebut atau dengan mendapatkan harta wakaf baharu sebagai gantian sebelum proses penyahiktirafan boleh dilaksanakan mengikut tatacara penyahiktirafan harta wakaf tersebut.

Terdapat dua (2) kaedah penyahiktirafan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih yang bergantung kepada faktor keperluannya iaitu sama ada iaanya disebabkan oleh faktor bencana atau faktor kecuaian, sebagaimana berikut:

a) Faktor Bencana

Pengurus wakaf hendaklah melaporkan dan melaksanakan apa sahaja ketetapan yang diputuskan oleh pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan pihak MAIN. Bagi tujuan ini, pengurus wakaf hendaklah mengikuti tatacara penyahiktirafan harta wakaf, sebagaimana berikut:

- i. Melaporkan status harta wakaf berkenaan kepada pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan dan pihak MAIN yang akan menggariskan prosedur memanfaatkan atau menyahiktirafkan harta wakaf berkenaan untuk tindakan pengurus wakaf;
- ii. Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan atau pihak MAIN akan mengeluarkan keputusannya selaras dengan kehendak fatwa yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, iaitu sama ada:
 - Membaik pulih harta wakaf tersebut;
 - Menggantikan harta wakaf tersebut; atau
- iii. Tertakluk kepada keputusan fatwa yang berkaitan, pihak Badan Pentadbir boleh mendapatkan sumber dana yang sah bagi membiayai kos baik pulih harta wakaf berkenaan, antaranya adalah seperti berikut:
 - Sumber daripada dana manfaat wakaf bagi peruntukan caj pengurusan pihak institusi pendidikan atau pihak MAIN atau sumber daripada dana wakaf baharu yang diwujudkan bagi tujuan tersebut;
 - Sumber daripada dana wang derma, sedekah, infak atau dana zakat asnaf *fi sabillah*; atau
 - Sumber daripada dana wang tidak patuh syarak; dan sebagainya.
- iv. Pihak Badan Pentadbir juga boleh berusaha menjual bahagian-bahagian yang boleh dijual bagi mendapatkan tunai, tertakluk kepada keputusan fatwa yang berkaitan. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan bagi mana-mana tujuan berikut:
 - Membeli harta wakaf baharu yang bersesuaian sebagai gantian untuk meneruskan manfaat harta wakaf yang asal; atau
 - Memasukkan hasil jualan ke dalam dana projek wakaf lain yang difikirkan lebih sesuai dan tidak menyalahi hukum syarak.
- v. Sekiranya harta wakaf tersebut tidak dapat dijual atau tiada pembeli, maka Badan Pentadbir boleh berusaha untuk memanfaatkan harta wakaf dengan cara lain yang difikirkan wajar, selagi mana tidak menyalahi undang-undang yang berkaitan. Contoh: *Menyumbangkan bahagian harta wakaf seperti kayu yang reput untuk dijadikan bahan api bagi kegunaan majlis-majlis kenduri*; dan

- vi. Harta wakaf atau mana-mana bahagian harta wakaf yang manfaatnya telah luput atau tidak boleh lagi dimanfaatkan hendaklah dibuang ke lokasi yang dibenarkan atau ditanam atau dibakar selagi mana tidak menyalahi undang-undang yang berkaitan.

b) Faktor Kecuaian

Bagi tujuan ini, pengurus wakaf hendaklah mengikuti tatacara penyahiktirafan harta wakaf, sebagaimana berikut:

- i. Mengenal pasti status harta wakaf yang musnah atau rosak disebabkan kecuaian atau sikap tidak amanah menerusi laporan pasukan siasatan yang ditubuhkan khas atau menerusi laporan audit;
- ii. Pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan atau pihak MAIN perlu mengeluarkan arahan bertulis kepada pengurus wakaf untuk melaksanakan proses penggantian harta wakaf tersebut;
- iii. Proses penggantian harta wakaf tersebut boleh dalam bentuk harta yang sama fizikal dan fungsi atau dalam bentuk nilai tunai yang dapat digunakan untuk menggantikan harta wakaf tersebut;
- iv. Pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan atau pihak MAIN perlu mengeluarkan arahan ulangan sekiranya tidak mendapat sebarang maklum balas dan tindakan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh arahan pertama dikeluarkan;
- v. Sekiranya tiada sebarang maklum balas dan tindakan oleh pengurus wakaf setelah satu (1) bulan daripada tarikh arahan kedua dikeluarkan, pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan atau pihak MAIN perlu memberikan notis memohon tunjuk sebab atau melucutkannya daripada jawatannya sekiranya didapati gagal dan menyenarai hitamkan pengurus wakaf berkenaan; dan
- vi. Pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan perlu melaporkan kes berkenaan kepada pihak MAIN untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

10.5.4 Proses Akhir Penyahiktirafan Harta Wakaf

Harta wakaf yang telah dinyahiktiraf akibat kemusnahan atau kerosakan besar yang menyebabkan manfaatnya luput atau tidak lagi dapat dimanfaatkan, maka harta wakaf tersebut boleh dihapuskan dengan kaedah-kaedah yang sesuai seperti berikut:

- a. Dibakar sekiranya tidak menyalahi undang-undang dan tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar;
- b. Ditanam di kawasan yang dibenarkan serta tidak menyalahi mana-mana undang-undang berkaitan; atau
- c. Dibuang di tempat pembuangan sampah sekiranya tidak ada pilihan dengan syarat ianya tidak menyalahi mana-mana undang-undang dan hukum syarak.

10.5.5 Butiran Laporan Penyahiktirafan Harta Wakaf

Laporan Penyahiktirafan Harta Wakaf oleh pihak pengurus wakaf kepada pihak Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan atau kepada pihak MAIN perlu menyatakan butiran berikut:

- a. Jenis harta dan nombor siri aset harta wakaf yang ditagkan;
- b. Faktor kerosakan harta; dan
- c. Kaedah dan tarikh penyahiktirafan dilaksanakan.

10.6 Kesimpulan

Pengauditan wakaf merupakan sebahagian daripada proses pengawasan (*muraqabah*) dan semakan (*muhasabah*) yang amat penting dan wajib dilaksanakan bagi memastikan amalan tadbir urus terbaik dalam pelaksanaan wakaf institusi pendidikan. Ianya amat penting bagi menzahirkan integriti untuk dinilai oleh masyarakat di samping dapat menyuburkan keyakinan mereka terhadap kecekapan pentadbiran dan pengurusan sesebuah institusi wakaf. MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf hendaklah memastikan Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan mengambil tanggungjawab untuk merancang pelaksanaan proses pengauditan wakaf secara berkala dan teratur

serta mengambil perhatian terhadap setiap butiran laporan pengauditan yang dikemukakan adalah menepati kehendak hukum syarak, penguatkuasaan undang-undang dan memenuhi *maqashid* syariah wakaf.

Justeru, Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan perlu menujuhan pasukan audit yang berfungsi untuk memastikan semua tatacara dan garis panduan yang dikuatkuasakan dalam tadbir urus wakaf telah dilaksanakan dengan sebaiknya. Seseorang juruaudit wakaf perlu membuat persediaan terlebih dahulu sebelum melakukan proses audit untuk memahami perjalanan dan operasi tadbir urus wakaf di institusi tersebut secara keseluruhannya, selain menguasai beberapa disiplin asas ilmu berkaitan syariah seperti *fiqh* dan *usul fiqh*. Di samping mengenal pasti sebarang kesilapan dan kepincangan dalam tadbir urus wakaf, juruaudit wakaf juga perlu berperanan menyediakan cadangan penambahbaikan kepada Badan Pentadbir wakaf institusi pendidikan.

Selain daripada itu, pihak pengurus wakaf juga perlu memberikan kerjasama sepenuhnya kepada juruaudit dalam melaksanakan proses pengauditan dengan menyediakan kemudahan yang diperlukan, tempat yang kondusif untuk menyimpan bahan, sampel atau data yang ditemui, memberikan ruang masa yang mencukupi dan lain-lain lagi. Pengurus wakaf dan juraudit juga perlu membuat persefahaman tentang masa, tempoh dan metodologi yang dilaksanakan untuk mengelakkan sebarang masalah sewaktu pengauditan berlangsung. Juruaudit wakaf hendaklah bebas dan telus dalam melakukan proses audit bagi memastikan laporan audit berkualiti. Semua prosedur pengauditan wakaf sama ada sebelum, semasa atau selepas pelaksanaannya hendaklah dijalankan dengan kaedah terbaik dan sempurna, termasuk dalam butiran pelaporan dan hal-hal keperluan penyahiktirafan harta wakaf.

BAB 11 : PENUTUP

Sistem pendidikan yang baik akan membentuk sifat dan cara pemikiran generasi sesebuah negara. Malah, kehebatan sesuatu tamadun itu dibentuk hasil daripada masyarakatnya yang berpendidikan serta berpengetahuan. Sebaliknya, kegagalan menyediakan peluang pendidikan yang mencukupi dan berkualiti akan melahirkan masyarakat yang bermasalah. Implikasinya pula akan menjadikan pembangunan sesebuah kerajaan dan negara. Dalam hal ini, wakaf yang berkembang subur dalam dunia Islam sepanjang lebih 1,400 tahun yang lalu telah memainkan peranan yang penting sebagai sumber pembiayaan dalam pelbagai institusi, termasuk institusi pendidikan. Wakaf dan pendidikan tidak boleh dipisahkan, umpama irama dan lagu. Jika dipisahkan antara keduanya, rosaklah lagu, pincanglah irama. Hassan Langgulung (1987) menegaskan bahawa kemajuan institusi wakaf menyebabkan berkembangnya institusi pendidikan dan menghasilkan manusia yang rajin memberi wakaf, sehingga yang satu menumpang yang lain. Persoalannya, apakah wakaf? Bagaimana wakaf mampu menjadi sumber pembiayaan penting dalam institusi pendidikan? Apakah perlu tadbir urus yang baik dalam menguruskan wakaf? Bagaimana pula memasarkan wakaf yang dilihat sebagai tanah-tanah perkuburan, masjid atau sekadar retorik agama?

Alhamdulillah, buku yang bertajuk, "Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan" ini menjawab semua persoalan di atas. Buku yang ditulis oleh pakar-pakar wakaf daripada pelbagai universiti awam dan IPTS tempatan ini telah membincangkan serta membahaskan dengan terperinci wakaf dan hubungannya dengan institusi pendidikan. Dengan kata lain, bagaimana wakaf memainkan peranan sebagai sumber pembiayaan utama dalam institusi pendidikan. Apa lagi, dalam situasi ledakan globalisasi, ekonomi yang tidak menentu dan kemunculan teknologi maklumat tanpa sempadan yang tentunya menuntut pemerintah lebih prihatin dalam memastikan rakyatnya diberikan pendidikan yang sempurna. Tanpa persediaan yang rapi terutamanya dalam bidang kewangan akan mengundang pelbagai musibah kepada pemerintah dan

negara. Krisis kewangan 1997 dan 1998 yang berlaku di seluruh Asia, misalnya telah menyebabkan hampir seluruh rangkaian pendidikan termasuk di Malaysia dilanda pelbagai masalah.

Buku dalam sebelas bab ini ditulis secara holistik, bukan sekadar membahaskan definisi dan konsep wakaf sahaja, tetapi juga turut membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan wakaf berbentuk alih dan tak alih, pembangunan harta wakaf dan pengagihan manfaat kepada penerimanya. Keunikan dan keistimewaan buku ini pula dapat dilihat dalam perbahasan terhadap isu tadbir urus, pemasaran, perakaunan, pelaporan dan pengauditan wakaf pendidikan yang belum pernah dibincangkan sebelum ini. Empat elemen di atas iaitu tadbir urus, pemasaran, perakaunan dan pelaporan serta pengauditan merupakan faktor penting yang perlu ada dalam memastikan kejayaan menguruskan wakaf pendidikan. Penulisan buku ini dibuat dalam gaya bahasa yang mudah dan senang difahami oleh pelbagai golongan pembaca dan disediakan dalam bentuk deskriptif. Cadangan dan saranan turut diberikan kepada pembaca agar wakaf dapat dilihat dalam konteks yang lebih positif, khususnya dalam membangunkan institusi pendidikan. Justeru, buku ini sangat sesuai untuk dijadikan rujukan oleh masyarakat Islam dan bukan Islam yang berminat untuk memahami dan mengenali konsep sebenar wakaf pendidikan daripada kaca mata Islam.

Bahan bacaan ini juga sangat sesuai dan bermanfaat kepada para pentadbir yang menguruskan institusi pendidikan baik di peringkat rendah, menengah, mahupun di peringkat tinggi. Pentadbir sekolah-sekolah pondok dan agama juga boleh memanfaat buku ini dalam usaha mereka untuk membangunkan institusi pendidikan masing-masing. Para pentadbir dan pengamal yang terlibat secara langsung menguruskan wakaf seperti pegawai-pegawai di MAIN, JAWHAR, institusi-institusi yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi Islam seperti YWM, Yayasan Dakwah Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan seterusnya pensyarah serta pelajar di universiti awam dan IPTS yang menjalankan kajian tentang pembangunan institusi berteraskan Islam boleh memanfaatkan buku ini.

Semoga hasil penerbitan buku ini akan menjadi rujukan serta membantu seluruh warga pentadbir, pengamal wakaf dan pendidik menguruskan institusi wakaf pendidikan dengan berkesan. Buku ini juga diharapkan dapat memudahkan pelbagai golongan masyarakat yang berminat untuk memahami dan mendalami pengurusan wakaf. Dengan cara ini, wakaf akan kembali mendapat tempat di hati masyarakat, seterusnya akan muncul semula sebagai institusi yang hebat seperti mana yang pernah berlaku di zaman keagungan pemerintahan kerajaan Islam.

PENGHARGAAN

JAWHAR merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan idea ke atas penghasilan PPWIP ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khas kepada semua pegawai MAIN yang terlibat.

KETUA FASILITATOR

Dr. Haji Razali bin Othman

KETUA PENYELARAS

Encik Nuruliman bin Ibrahim

SEKRETARIAT

Encik Hairolanuar bin Mohamad

Encik Ruzman bin Ramli

Cik Zarina binti Ibrahim

Encik Masykuri bin Khamid

Cik Suhailah binti Ishak

Encik Azhan bin Abrar

Puan Maya Fahida binti Mohd Esa

Puan Zuriah binti Muhammad

Haji Salleh bin Hassan

Encik Ahmad Hafiz bin Abd. Kadir

Encik Mohd Fazarul bin Mohd Safain

Puan Siti Zaida binti Mahmod

KUMPULAN PENULIS

- Haji Razali bin Othman, PhD
- Siti Mashitoh binti Mahamood, PhD
- Haji Ridzwan bin Bakar, PhD
- Md Yusoff bin Taib, PhD
- Mohd Fairuz bin Md Salleh, PhD
- Ismail bin Omar, PhD
- Fuadah binti Johari, PhD
- Ahmad Azrin bin Adnan, PhD
- Wan Zahari bin Wan Yusoff, PhD
- Nuruliman bin Ibrahim
- Haji Azzerol Effendi bin Abdul Kadir
- Abdul Razak bin Ibrahim, PhD
- Abdul Karim bin Mohamed @ Ismail, Ir
- Haji Yosree bin Ikhsan
- Haji Mohd Abdul Nasir bin Abd Latif, PhD
- Asharaf bin Mohd Ramli
- Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy bin Wan Mohar
- Muhammad Adib bin Hassan

AHLI BENGKEL

UNIVERSITI AWAM

Universiti Putra Malaysia

Dr. Haji Razali bin Othman
Encik Nuruliman bin Ibrahim

Universiti Malaya

Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood
Dr. Ahmad Sufian bin Che Abdullah

Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Dr. Mohd Fairuz bin Md Salleh
Prof. Dr. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
Prof. Madya Dr. Rohayu binti Abdul Ghani

Universiti Sains Islam Malaysia

Prof. Madya Dr. Fuadah binti Johari
Encik Asharaf bin Mohd Ramli
Encik Muhammad Arif bin Ihtifazuddin

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Dr. Haji Mohd Abdul Nasir bin Abd Latif

Universiti Malaysia Perlis

Encik Muhammad Adib bin Hassan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Prof. Dr. Ismail bin Omar
Prof. Sr. Dr. Wan Zahari bin Wan Yusoff

Universiti Sultan Zainal Abidin

Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin bin Adnan

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA

Universiti Multimedia

Dr. Haji Ridzwan bin Bakar

Universiti Islam Malaysia

Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar
Haji Mohd Zul Fadlain bin Abdullah

Kolej Universiti Poly-Tech MARA

Prof. Dr. Abdul Razak bin Ibrahim
Prof. Dato' Dr. Mohd Nasir bin Saludin
Prof. Ts. Dr. Md Yusoff bin Taib
Dr. Mohd Faizal bin Mohd Arif

Kolej Universiti Islam Perlis

Encik Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy bin Wan Mohar

AHLI BENGKEL

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
Haji Azzerol Effendi bin Abdul Kadir

Majlis Agama Islam Johor
Haji Yosree bin Haji Ikhsan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Ir. Abdul Karim bin Mohamed @ Ismail
Encik Mohd Ridzuan bin Hamid
Encik Muhammad Lutfi Hilmi bin Takiuddin
Encik Mohd Azrul bin Ismail

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu
Encik Mohd Ridzuan bin Mohamad

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Cik Yulia binti Yaacob

AGENSI KERAJAAN

Kementerian Pendidikan Malaysia
Dr. Nur Hanani binti Hussin
Puan Rozita binti Rosli

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Encik Shahrul Ridhwan bin S. Ali

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Haji Mohiddin bin Md Omar
Encik Saifuldin bin Aziz @ Abdul Aziz

SUMBANGAN/PENULISAN

BAB : TAJUK	PENULIS
BAB 1 : Pendahuluan	Nuruliman bin Ibrahim
BAB 2 : Wakaf dan Huraianya BAB 3 : Wakaf Institusi Pendidikan	Siti Mashitoh binti Mahamood, PhD Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy bin Wan Mohar Abdul Razak bin Ibrahim, PhD Muhammad Adib bin Hassan
BAB 4 : Tadbir Urus Wakaf	Nuruliman bin Ibrahim Haji Yosree bin Ikhsan
BAB 5 : Pemasaran Wakaf	Haji Razali bin Othman, PhD Wan Zahari bin Wan Yusoff, PhD
BAB 6 : Wakaf Harta Alih	Haji Mohd Abdul Nasir bin Abd Latif, PhD Asharaf bin Mohd Ramli
BAB 7 : Wakaf Harta Tak Alih	Ismail bin Omar, PhD Abdul Karim bin Mohamed @ Ismail, Ir
BAB 8 : Pembangunan <i>Mawquf</i> dan Pengurusan Manfaat	Fuadah binti Johari, PhD Ahmad Azrin bin Adnan, PhD
BAB 9 : Perakaunan dan Pelaporan Wakaf BAB 10 : Pengauditan Wakaf	Haji Ridzwan bin Bakar, PhD Mohd Fairuz bin Md Salleh, PhD Md Yusoff bin Taib, PhD Haji Azzerol Effendi bin Abdul Kadir
BAB 11 : Penutup	Haji Razali bin Othman, PhD

RUJUKAN KEPAKARAN

PERUNDANGAN WAKAF

Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood
UM Awqaf
Universiti Malaya
No. Tel: 03 7967 6075 | Emel: mas68@um.edu.my

PEMASARAN WAKAF

Dr. Haji Razali bin Othman
Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN)
Universiti Putra Malaysia
No. Tel: 03 8947 1332 | Emel: razaliupm@upm.edu.my

TADBIR URUS WAKAF

Haji Yosree bin Ikhsan
Majlis Agama Islam Johor
No. Tel: 07 228 2929 | Emel: yosreeikhsan@yahoo.com

Nuruliman bin Ibrahim
Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN)
Universiti Putra Malaysia
No. Tel: 03 8947 1954 | Emel: nuruliman@upm.edu.my

PENGURUSAN HARTA TANAH

Prof. Dr. Ismail bin Omar
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
No. Tel: 07 453 3841 | Emel: ismailo@uthm.edu.my

PEMBANGUNAN MAWQUF

Ir. Abdul Karim bin Mohamed @ Ismail
Bahagian Pembangunan dan Pelaburan
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
No. Tel: 03 4047 9444 | Emel: karim@maiwp.gov.my

PENGURUSAN MANFAAT WAKAF

Prof. Madya Dr. Fuadah binti Johari

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Universiti Sains Islam Malaysia

No. Tel: 06 798 6412 | Emel: fuadah@usim.edu.my

PERAKAUNAN, PELAPORAN DAN PENGAUDITAN WAKAF

Dr. Haji Ridzwan bin Bakar

Fakulti Pengurusan

Universiti Multimedia

No. Tel: 03 8312 5651 | Emel: ridzwan.bakar@mmu.edu.my

Prof. Madya Dr. Mohd Fairuz bin Md Salleh

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

No. Tel: 03 8921 4819 | Emel: fairuz@ukm.edu.my

Prof. Ts. Dr. Md Yusoff bin Taib

School of Computing and Technological Science

Kolej Universiti Poly-Tech MARA

No. Tel: 03 9206 9700 | Emel: dryusoff@kuptm.edu.my

Haji Azzerol Effendi bin Abdul Kadir

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

No. Tel: 06 763 1444 | Emel: azzerol@mains.gov.my

BIBLIOGRAFI

- al-Quranul Karim*, 2000. LTQ.KDN.Q.913(44) 96. Pulau Pinang: Percetakan Almuarif Sdn. Bhd.
- Abdul Halim bin Sunny, (2007). "Dana Wakaf untuk Pendidikan: Satu Tinjauan Awal, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Malaysia", Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 1, No. 2.
- al-Bukhari, A. (2012). Sahih al-Bukhari: al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasul Allah wa-Sunanihi wa-Ayyamih. Bukhari, Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Isma 'il. Sahih al-Bukhari: al-Jami' al-Musnad al-Sa 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyah.
- al-Zakra, M. (1998). Ahkam-ul-Awqaf (2nd Edition ed.): Published by Darul Ammar at Oman.
- Çizakça, M. (1998). Awqaf in History and its Implications for Modern Islamic Economics. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70.
- Farhana Mohamad Suhaimi dan Asmak Ab Rahman. (2017). Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam. ETM Prima Sdn. Bhd. Batu Caves, Selangor.
- Hansmann, H. (1990). Why Do Universities Have Endowments? *The Journal of Legal Studies*, 19(1), 3-42. Doi: 10.2307/724411.
- Kahf, M. (1998). Financing the Development of Awqaf Property Paper Presented at the Paper Prepared for Seminar on Development of Awqaf Organized by IRTI, Kuala Lumpur, Malaysia, March 2-4, 1998.
- Manual Pengurusan *Istibdal* Wakaf (JAWHAR), 2010. Najjah One Trading and Services. Kajang, Selangor.
- Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf (JAWHAR), 2009. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.
- Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf (JAWHAR), 2010. Reka Cetak Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor.
- Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (JAWHAR), 2009. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.

- Manual Pengurusan Tanah Wakaf (JAWHAR), 2006. Matang Cipta Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Manual Pengurusan Wakaf Tunai (JAWHAR), 2017. Produksi Nur-Johan Sdn. Bhd. Ipoh, Perak.
- Mohd Afandi Mat Rani (2017). Wakaf Perspektif *Fiqh* Islam dan Undang-undang Malaysia. Darul Syakir Enterprise. Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Muhamad Ridhwan Ab. Aziz, Fuadah Johari and Mohd Asyraf Yusof. (2013). “Cash Waqf Models for Financing” (Proceeding, the 5th Islamic Economic System Conference at Berjaya Time Square, Kuala Lumpur, 2013).
- Muhammad Abu Zahrah (1971). *Muhadarat fi al-Waqf*. Dar al-Fikr al-Arabi: Mesir.
- Philip Kotler (2009). Marketing Management. Pearson Prentice Hall. New Jersey, United States of America.
- Razali Othman (2012). Pembangunan Semula Institusi Wakaf melalui Strategi Pemasaran Dalaman (PD) Berteraskan Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.13 Mac.
- Razali Othman (2015). Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Razali Othman (2015). Wakaf Tunai Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Razali Othman (2017). Meniti Fasa Pertama WAZAN. (Bicarawara WAZAN). 16 Ogos.
- Ridzwan Bakar. (2015). “Corporate Waqf University: Practical Model and Challenge Experienced by Yayasan Universiti Multimedia”, Kertas kerja dibentangkan di dalam Waqf Conference, Ranepa, Moscow; 29 Sept. 2015.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). “Pembentukan Dana Wakaf menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia”, Jurnal Syariah, Vol. 15, No. 2.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2016). “Undang-undang Wakaf di Malaysia”, Majalah Wakaf Malaysia, Edisi 1/2016, Yayasan Wakaf Malaysia. Putrajaya.

- Siti Mashitoh, M., and Asmak Ab Rahman. (2014). Waqf Financing for Higher Education: Contemporary Funding Applications in Some Selected Countries. Pelestarian Institusi Wakaf: Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara (pp. 263-278). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa. (2010). Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010 pada 6-7 Januari 2010 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- University Transformation Programme, Purple Book. (2016). Enhancing University Income Generation Endowment and Waqf. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Putrajaya.

